

Journal



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Vol. 46 Nov 2019

**KEBAJIKAN
MASYARAKAT**
SOCIAL WELFARE JOURNAL



jurnal **KEBAJIKAN**
MASYARAKAT

SOCIAL WELFARE JOURNAL

Diterbitkan oleh
Jabatan Kebajikan Masyarakat,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan November 2019

Hak cipta © Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta
terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula,
dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan
sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya,
tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua
Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

BAHAGIAN KAWALAN STANDARD
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6, 9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
FAKS: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada
semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam
penghasilan Jurnal Kebajikan ini.

Dicetak oleh:
OMR Press Sdn. Bhd
No. 18, Jalan Industri USJ 1/12, Taman Perindustrian USJ 1,
47600 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8024 6396 Faks: 03-8024 6396

Jurnal Kebajikan Masyarakat Vol. 46 Nov 2019

ISSN 0127-0370

ANUGERAH JURNAL

Persidangan Pegawai Kebajikan Masyarakat
Daerah (PKMD) dan Ketua Institusi (KI)
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Tahun 2019

ANUGERAH EMAS

1. KUMPULAN 5 - NEGERI PERAK
2. KUMPULAN 10 - NEGERI SEMBILAN
3. KUMPULAN 17 - NEGERI KELANTAN

ANUGERAH PERAK

1. KUMPULAN 2 - NEGERI KEDAH
2. KUMPULAN 3 - NEGERI KEDAH
3. KUMPULAN 6 - NEGERI PERAK
4. KUMPULAN 8 - NEGERI SELANGOR
5. KUMPULAN 9 - NEGERI SELANGOR
6. KUMPULAN 12 - NEGERI JOHOR
7. KUMPULAN 13 - NEGERI JOHOR
8. KUMPULAN 14 - NEGERI PAHANG
9. KUMPULAN 15 - NEGERI PAHANG
10. KUMPULAN 16 - NEGERI TERENGGANU
11. KUMPULAN 19 - NEGERI SARAWAK
12. KUMPULAN 20 - NEGERI SARAWAK

ANUGERAH GANGSA

1. KUMPULAN 1 - NEGERI PERLIS
2. KUMPULAN 4 - NEGERI PULAU PINANG
3. KUMPULAN 7 - WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR
4. KUMPULAN 11 - NEGERI MELAKA
5. KUMPULAN 18 - NEGERI SABAH DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN

POSTER TERBAIK

- KUMPULAN 13 - NEGERI JOHOR

MOMENTO

Persidangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan Ketua Institusi (KI) Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2019

Tarikh : 4 hingga 6 Ogos 2019

Tempat : Institut Sosial Malaysia, Sungai Besi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur









KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| SIDANG EDITORIAL | 11 |
| 1. IMPLIKASI PRAKTIS KERJA SOSIAL TERHADAP BEBAN TUGAS PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT | 13 |
| Anuar Che Mahmud, Azmaliza Ismail, Fadzil Latif, Nor Azlinda Ahmad Shaari, Mohd Firdaus Othman, Hamizan Abd Hamid, Nurul Nabilah Ramli, Nor Amelia Ali | |
| 2. ISU DAN PERMASALAHAN SOSIAL KANAK-KANAK SERTA INISIATIF JABATAN BAGI MEMASTIKAN KANAK-KANAK DAPAT BERKEMBANG SECARA HOLISTIK | 43 |
| Mustafal Bakri Mohammad Yusof, Mat Zamree Abdul Aziz, Nor 'Ashikin Abdull Razak, Noor Azimah Ahmad Baharom, Zubaidah Rasol, Bahiyah Muhammad, Mohamad Affendy Mat Sani, Aein Maftura Basirun, Norasmawati Selamat, Tajol 'Arus Ramli | |
| 3. ISU DAN PERMASALAHAN SERTA INISIATIF KELUARGA DAN KOMUNITI DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN HIDUP WARGA EMAS | 81 |
| Ruzaidi Che Soh, Nazri Hussin, Tuan Noor Rosniza Tuan Puteh, Suzieyaty Siyude, Saiful Nizam Mohd Nor, Wan Nor Hayati Wan Husain, Rosni Yaacob, Zulbahri Ibrahim, Hizani Ibrahim, Wira Mahmood, Nuzulziman Awang, Nor Asidah Hussin | |
| 4. PENCAPAIAN DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM BERASASKAN KOMUNITI | 113 |
| Mohd. Zuhairie Sahfiee, Anuar Ismail, Marzuana Ismazira Miar Ismail, Zaimi Abdul Kadir, Nor Ngafifah Mahamad Basar, Lily Hanom Anuar, Abdul Razak Yahya, Idris Sharizat | |
| 5. KEFAHAMAN PEKERJA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) DAN PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PRAKTIS KERJA SOSIAL SERTA LANGKAH-LANGKAH PENGUKUHAN | 133 |
| Ismail Kasan, Umihani Awang, Noradzilah Noroden, Faridah Sahar, Fariza Aida Mansor, Kamsiah Hussain, Norshimahwati Mustafar, Siti Hajar Jelani, Rusnihan Othman | |

- 6. CABARAN DAN SOLUSI DALAM PELAKSANAAN PERKHIDMATAN DI BAWAH AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994** **159**
 Shahrulnizam Abdul Aziz, Nor Azlina Irdawaty Md Tahir, Badrul Hisam Md. Yassin, Norsuriani Khamarludin, Zulkarnain Zainal Abidin, Hasrol Rezuwan Ramli
- 7. INISIATIF BAGI MENINGKATKAN KEFUNGSIAN SOSIAL DALAM KELUARGA PENERIMA BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT** **181**
 Mohd Zolkefli Mahmud, Mohd Fadzli Ismail, Liana Mohamed, Rohaida Ismail, Erliyani Abdul Hak, Rohana Sulaiman, Hafizzul Amri Hassan
- 8. IMPLIKASI DAN CABARAN ADVOKASI TERHADAP TINDAKAN PENGUATKUASAAN** **205**
 Ghazali Awang, Mohd Naufal Yusoff, Fazwan Diza Azimuddin, Mohd Noorhadi Mohd Yusof, Norazmy Adenan, Mardhiah Mohamed, Amizan Che Aziz, Zainuddin Aliyas, Isiara Tahir @Tahale, Rafeah Sulaiman, Mohamed Abdan Ishak @ Mohamed
- 9. PERLAKSANAAN DAN PEMERKASAAN KERJA KOMUNITI DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN KEFUNGSIAN SOSIAL KLIEN JKM** **235**
(KAJIAN KE ATAS SUKARELAWAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BAHAGIAN KUCHING)
 Hjh. Norhayati Hj. Abdul Rahman, Sharifah Ranimah Wan Hashim, Dariel Thiong Yiew Seng, Vivian Anak Engkiong, Najib Endong, Peter, Zurena, Sharifah Mardhiah, Tiong, Iskandar
- 10. PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM MENINGKATKAN TAHAP PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN POTENSI KANAK-KANAK MELALUI PENGLIBATAN KOMUNITI** **273**
 Evelyn Cliff Emang, Haslinda Supu, Pengiran Mohamad Najib Pengiran Mohamad, Taddy anak Ajin, Aziah Saruji, Emilda Piar anak Kunchui Uli, Tang Kee Lee, Nyambar anak Ginda, Uwieng anak Gimos, Evelyne anak Buda

SIDANG EDITORIAL

| | |
|---------------------|---|
| Penaung | Tuan Zulkifli bin Ismail Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat |
| Penasihat | Puan Rosmahwati binti Ishak Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| Ketua Editor | Dr. Zaitol binti Salleh Pengarah Bahagian Kawalan Standard |
| Editor | Roziyah binti Osman Mohd Mahir bin Mohd Tahir Mohd Hafizul bin Abd. Ghani Noor Aniza binti Mohd Ayub |

Jurnal Kebajikan menggalakkan penulisan mengenai masalah dan keperluan masyarakat dalam bentuk rencana, ulasan buku, profil pengasas kebajikan masyarakat, penyelidikan dan seumpamanya dengan hasrat dapat menambah, meningkat dan meluaskan pengetahuan dalam hal ehwal kebajikan masyarakat. Segala bentuk penulisan adalah merupakan pandangan penulis dan tiada kaitan dengan polisi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Hasil penulisan pada Jurnal Kebajikan ini adalah semata-mata pandangan para penyumbang dan tidak semestinya mencerminkan pandangan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.



IMPLIKASI PRAKTIS KERJA SOSIAL TERHADAP BEBAN TUGAS PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT



Anuar Che Mahmud
Azmaliza Ismail
Fadzil Latif
Nor Azlinda Ahmad Shaari
Mohd Firdaus Othman
Hamizan Abd Hamid
Nurul Nabilah Ramli
Nor Amelia Ali

*RSK Seri Iskandar, TSP Batu Gajah, RSK Ulu Kinta,
PKMD Perak Tengah, PKMD Hilir Perak,
PKMD Batang Padang, PKMD Manjung,
PKMD Kampar*

ABSTRAK

Sehingga kini praktis kerja sosial telah banyak dikaji oleh penyelidik di Malaysia. Namun begitu, penyelidikan ke atas implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat masih kurang dikaji di Malaysia. Implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas pada asasnya ialah menggambarkan tentang kesan mengamalkan nilai dan amalan kerja sosial dalam melaksanakan tugas di lapangan seiring dengan beban tugas yang telah ditetapkan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat. Bagi mencapai tujuan ini, pengetahuan, pemahaman dan pengaplikasian praktis kerja sosial oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat perlu diberi perhatian terlebih dahulu dalam kajian ini. Pengetahuan, pemahaman dan pengaplikasian ini merangkumi Manual Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) dan Piawai Praktis Kerja Sosial sebagai pengukur keberjayaan dan kegagalan profesion pekerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Perak. JKMN Perak dipilih sebagai lokasi kajian yang merangkumi Pegawai Kebajikan Masyarakat dari JKMN Perak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Institusi JKMN Perak sebagai responden kajian menggunakan kerangka saiz persampelan Krejcie & Morgan (1970) sebanyak 166 responden daripada jumlah populasi keseluruhan yang berjumlah 296 orang kakitangan JKMN Perak. Data dikumpulkan dan dianalisis melalui borang kaji selidik menerusi perisian *google form* yang mengandungi tiga (3) pembolehubah bebas merangkumi tiga (3) bahagian utama.

Kata Kunci : *praktis kerja sosial; beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat Jabatan JKMN Perak.*

PENGENALAN

Kerja sosial merupakan satu disiplin dan juga profesion yang mempunyai nilai dan etika yang perlu dipegang atau dipunyai oleh semua Pekerja Sosial. Nilai profesional dalam kerja sosial merupakan salah satu elemen utama dalam praktis kerja sosial (Abbot, 2003, Compton & Galaway, 1999, Kirst Ashman & Hull 199, Hepworth, Roney & Larsen 1997, Levy 1976, Dolgoff, Loewenberg & Harrington 2005, Reamer 1998, DuBois & Miley 1996, Adams, Dominell & Payne 2002, Black, Congress & Strom Gottfried 2002.

Profesion Pekerja Sosial mempunyai asas nilai yang tersendiri yang mengatasi sempadan budaya dan geografi. Kerja sosial merupakan satu bidang dalam profesion menolong yang semakin berkembang di Malaysia. Sekitar tahun 2000 hingga sekarang pengamal dan pendidik dalam bidang ini mula mempersoalkan mengenai kompetensi Pekerja Sosial yang berkhidmat dalam bidang ini. Kerjaya dalam kerja sosial amat menitikberatkan pekerja yang terlatih dan profesional, keadaan ini tidak terkecuali dalam konteks di Malaysia. Seorang Pekerja Sosial yang kompeten mesti memahami dan berupaya mengaplikasikan semua elemen praktis kerja sosial yang penting dalam proses “mengkaji, mendiagnosa, merawat dan menilai”. Elemen ini merujuk kepada nilai, pengetahuan, kemahiran dan kaedah intervensi kerja sosial.

Di Malaysia dua sektor yang mendominasi praktis kerja sosial ialah sektor kerajaan dan sektor badan bukan kerajaan. Sektor kerajaan terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dilihat sebagai peneraju dalam praktis kerja sosial ini, walau bagaimanapun terdapat agensi dan jabatan lain yang menjalankan praktis kerja sosial iaitu seperti Jabatan Kesihatan, Hospital, Lembaga Perancangan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), INFRA, Sekolah (Kementerian Pendidikan), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pertubuhan Belia, Agensi Pembangunan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Penjara, KEMAS, Jabatan Kehakiman, Polis Diraja Malaysia (PDRM), PUSPEN, Jabatan Agama Islam dan Sabah Foundation (UNIMAS, 2000).

Kerja sosial wujud kerana menyedari bahawa dunia ini tidak sempurna dan Pekerja Sosial berusaha untuk berkhidmat kepada individu dan institusi masyarakat dalam menghadapi ketidaksempurnaan. Ketidaksempurnaan yang dimaksudkan adalah seperti kemiskinan, pengangguran, penderaan dan kecacatan. Sebagai Pekerja Sosial yang berbakti kepada masyarakat, mereka tidak sanggup melihat kanak-kanak kecil yang kelaparan, wanita dan kanak-kanak menderita akibat didera secara fizikal dan seksual, orang-orang tua terbiar tanpa penjagaan rapi, orang miskin terus melarat di tepi jalan dan golongan “istimewa” yang disisih jauh dari masyarakat. Kerja sosial menitikberatkan terhadap menjaga kebajikan rakyat. Kebajikan dalam konteks ini boleh diertikan kepada sesuatu keadaan yang ‘samarata, sama rasa’ antara manusia. Mereka yang terlihat dalam kerja sosial ini hendaklah juga menjalankan tanggungjawab dengan memahami segala kehendak-kehendak tertentu klien atau menerima bantuan yang terjebak dalam keadaan sosial yang merosakkan.

Pengurusan kes merupakan komponen besar dalam praktis kerja sosial di mana Pekerja Sosial menghabiskan lebih separuh masa mereka dengan tanggungjawab pengurusan kes. Sehubungan itu Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial dibangunkan untuk memastikan keseragaman dalam melaksanakan pengurusan kes. Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial ini menerangkan mengenai pengurusan kes sebagai elemen khusus dalam praktis kerja sosial. Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial boleh didefinisikan sebagai prosedur untuk merancang, mencari dan memantau perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja atau pelbagai agensi sosial bagi pihak klien. Kebiasaannya sesebuah agensi akan mengambil tanggungjawab utama dengan menugaskan pengurus kes bagi menyelaras perkhidmatan, membimbing dan kadang-kadang mengawal sumber untuk klien (Barker, 2003).

Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan JKMN Perak. Praktis kerja sosial dapat dikaitkan dengan amalan yang dilakukan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat semasa mengendalikan sesuatu kes mengikut *CMS* yang ditetapkan bagi meningkatkan

kefungsian klien. Manakala beban tugas pula adalah berkaitan dengan lebih tugas yang tidak seimbang yang dipikul oleh seseorang Pekerja Sosial semasa menjalankan praktis kerja sosial. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada dua (2) indikator utama pengukur Praktis Kerja Sosial iaitu CMS dan Piawai Kompetensi Praktis Kerja Sosial.

Dalam keadaan semasa, profesion Pekerja Sosial berkembang ke aras globalisasi adalah amat kritikal bagi pengamal kerja sosial yang mendakwa bahawa diri mereka adalah “Pekerja Sosial” supaya mempunyai pemahaman yang lengkap terhadap nilai kerjaya ini dan juga memikirkan apakah implikasinya kepada praktis kerja Sosial jika nilai dan etika tidak dapat dilaksanakan dengan betul (Abbot, 1999). Berdasarkan maklumat ini maka timbul tanda tanya apakah praktis kerja sosial ini dapat dilakukan sebaiknya oleh Pekerja Sosial? Adakah ia membebankan atau tidak terhadap bidang tugas sedia ada yang dijalankan.

Amalan Dan Cabaran Mengamalkan Nilai Dan Etika Kerja Sosial Dalam Kalangan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Amna, 2013), dan Kajian yang dijalankan S.Brahim, M.S. Mohamad, E.Zakaria d dan N.Sarnon@Kusenin (2016) bertajuk Dilema Praktis Kerja Sosial: Pendekatan Managerialis Vs Berfokus Klien (*Client Centred*). Berdasarkan kajian-kajian ini, sehingga kini penyelidikan ke atas implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat masih kurang dikaji di Malaysia. Disebabkan tumpuan ke atas aspek ini masih kurang maka banyak persoalan berkaitan dengan implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas yang masih belum dapat dijawab sepenuhnya. Persoalan-persoalan seperti apakah implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat, sejauh mana kefahaman praktis kerja sosial profesional dalam kalangan kakitangan, adakah terdapat perbezaan dalam orientasi nilai profesional berdasarkan latar belakang sosial demografi dan latar belakang kerjaya, sejauh mana praktis kerja sosial membantu dalam kerja harian, adakah Pekerja Sosial menghadapi masalah dalam menjalankan praktis kerja sosial di lapangan dan sejauh mana Pekerja Sosial dapat mengaplikasikan praktis kerja sosial (Kerangka Kompetensi dan CMS) masih belum dapat dijawab secara ilmiah.

PERSOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Antara persoalan yang akan dijawab oleh kajian ini ialah:

1. Sejauh mana pengetahuan, kefahaman dan pengaplikasian praktis kerja sosial profesional dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak?
2. Sejauh mana praktis Kerja Sosial membantu dalam kerja harian?
3. Adakah Pekerja Sosial menghadapi masalah dalam menjalankan praktis kerja sosial di lapangan?
4. Bagaimanakah Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak dapat menghubungkan praktis kerja sosial Profesional berdasarkan *CMS* dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial?

Objektif Kajian

1. Untuk mengetahui tahap pengetahuan dan pemahaman praktis kerja sosial profesional yang merangkumi indikator *CMS* dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial;
2. Untuk mengenalpasti masalah dalam menjalankan praktis kerja sosial dengan beban tugas sebagai Pekerja Sosial;
3. Untuk menentukan adakah Pegawai Kebajikan Masyarakat mengamalkan nilai kerja sosial dalam praktis harian.
4. Untuk melahirkan Pegawai Kebajikan Masyarakat yang mempunyai nilai dan etika profesional kerja sosial.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini mempunyai kepentingan dari aspek sumbangan kepada literasi kajian tentang bebanan tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat dengan menggunakan indikator pengukur praktis kerja sosial profesional iaitu *CMS* dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang maklumat kepada para penyelidik pada masa akan datang untuk melihat implikasi secara tersusun sekiranya bebanan tugas

Pegawai Kebajikan Masyarakat tidak ditangani. Penyelidik masa akan datang dapat menjadikan hasil kajian sebagai rujukan pada masa hadapan bagi tujuan kajian mereka.

Kedua, melalui kajian ini diharapkan maklumat tentang implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat di lokasi kajian dapat dipaparkan dan ditangani sebaik mungkin. Kajian yang dilakukan ini dapat memberi gambaran jelas mengenai praktis kerja sosial profesional dengan menggunakan indikator pengukur *CMS* dan *Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial*.

Ketiga ialah sumbangan kepada pengukuhan perkhidmatan di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hasil kajian mengenai implikasi praktis kerja sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat adalah penting bagi meningkatkan tahap profesionalisme praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat melihat dan memantau semula bagi menyeimbangkan Praktis Kerja Sosial dan beban tugas sedia ada untuk memastikan bahawa kualiti kerja dan amalan kerja sosial dapat dilaksanakan dengan baik seiring dengan negara-negara maju yang lain.

DEFINISI

Praktis Kerja Sosial

Praktis kerja sosial berpaksikan kepada elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengurusan kes. Menurut Morales & Sheafor (1998). Kerja sosial adalah satu aktiviti profesional yang membantu individu, kelompok atau masyarakat untuk meningkatkan atau memperbaiki kapasiti mereka bagi memenuhi keperluan sosial dan mewujudkan satu keadaan yang kondusif bagi mencapai tujuan tersebut.

Praktis kerja sosial menekankan elemen bekerjasama dan saling menghormati antara Pekerja Sosial dengan sistem persekitaran klien. Ini akan membentuk hubungan profesional antara Pekerja Sosial dengan klien. Penilaian dalam praktis pula haruslah meliputi analisis terhadap kelemahan dan kekuatan klien dalam menangani masalah yang wujud akibat daripada interaksi mereka secara keseluruhan dengan persekitaran sosial mereka.

Kemahiran asas yang perlu ada untuk memastikan praktis dapat dijalankan secara berkesan seharusnya bermulanya dengan mewujudkan kemahiran dalam mengenal pasti isu-isu, mengumpul dan menganalisis maklumat, merancang dan membentuk kontrak, iaitu perjanjian profesional dengan klien, mengenal pasti alternatif untuk memilih intervensi yang berkesan, mengimplimentasikan tindakan yang bersesuaian, menjalankan prosedur penyelidikan yang sesuai untuk mengawal dan menilai hasil intervensi dan sehinggalah mewujudkan kemahiran untuk menyelia proses terminasi, iaitu menamatkan kontrak dan intervensi dengan klien.

Praktis dengan individu ini melibatkan praktis kerja sosial di peringkat mikro. Intervensi dalam kerja sosial klinikal memberikan penekanan kepada peningkatan dan penyeimbangan fungsi psikologi individu, keluarga dan kumpulan yang melibatkan kedua-dua kaedah iaitu pengubatan dan pencegahan. Intervensi ini bertujuan untuk melihat interaksi antara perseorangan, dinamik, intrafizik, sumber sokongan dan corak pengurusan kehidupan klien. Pekerja Sosial itu harus bersama-sama berfikir, memahami perasaan dan tingkahlaku yang kongruen. Setiap klien adalah unik dan berbeza dengan individu lain. Melalui proses ini kita dapat menilai keperluan dan merancang program atau aktiviti yang diberikan kepada klien.

Praktis dengan kumpulan semestinya melibatkan lebih daripada seorang individu. Saiz sesuatu kumpulan juga mampu mempengaruhi tahap kepuasan, interaksi ahli dan daya pencapaian setiap ahlinya. Menurut Hare (1962) kumpulan saiz yang agak kecil adalah lebih tinggi kepuasannya berbanding kumpulan besar kerana sering mengalami lebih banyak tekanan, sukar berinteraksi dan lain-lain. Ini mungkin juga kerana faktor ahli yang mempunyai pelbagai karenah. Praktis berkumpulan juga adalah aktiviti bermatlamat yang merujuk kepada aktiviti yang dirancang, tersusun dan dijalankan oleh Pekerja Sosial dalam konteks profesional. Kerja sosial kumpulan ialah kaedah mengemukakan perkhidmatan kepada individu dengan menyediakan pengalaman dalam kumpulan.

Praktis kerja sosial dengan kumpulan merupakan satu kaedah bekerja dengan individu-individu di dalam kumpulan yang terdiri daripada dua atau lebih orang untuk meningkatkan kefungisian

sosial dan mencapai matlamat sosial. Kerja kumpulan ini adalah berdasarkan pengetahuan Pekerja Sosial terhadap keperluan kumpulan dan saling bergantung di antara satu dengan lain. Kaedah ini bertujuan untuk mengurangkan dan menghapuskan halangan antara kerja sosial dan bertujuan matlamat sosial. Toseland dan Rivas (1998), mendefinisikan kerja kumpulan sebagai *"...aktiviti bermatlamat yang dilaksanakan terhadap sekumpulan yang dilaksanakan terhadap sekumpulan orang untuk memenuhi keperluan sosioemosi dan menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Aktiviti ini adalah dibentuk khusus untuk individu di dalam kumpulan dan kumpulan secara keseluruhan di dalam sistem yang memberi perkhidmatan."* Sebagai contoh Pekerja Sosial kumpulan mungkin menyasarkan untuk memulihkan ahli, mendidik mereka, membantu ahli untuk bersosialisasi atau menolong ahli dalam pembangunan diri. Pekerja Sosial profesional bertanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan bagi memenuhi kebajikan dan keperluan diri manusia, untuk membangun dan menggunakan pengetahuan saintifik berkaitan dengan tingkah laku manusia dan masyarakat secara berdisiplin, untuk membangun sumber bagi memenuhi keperluan dan aspirasi individu, kumpulan, negara dan antarabangsa; untuk meningkat dan menambah baik kualiti hidup manusia dan mencapai keadilan sosial.

KERJA SOSIAL

Umumnya, kerja sosial adalah satu profesion yang ingin membawa perubahan sosial kepada masyarakat secara umumnya pada peringkat pembentukan perkembangan individu. Dengan menggunakan pelbagai teori perlakuan manusia dan sistem sosial, kerja sosial terlibat pada pelbagai tahap interaksi manusia dan persekitaran kehidupan. Peranan praktis kerja sosial berfokus untuk mencapai keperluan manusia dan mengembangkan potensi dan sumber-sumbernya. Kerja sosial menjalankan praktis dalam 5 konteks, iaitu politik, geografi, sosioekonomi, budaya dan spiritual. Kelima-lima konteks ini mampu memberikan matlamat yang terarah dalam praktis kerja sosial. Prinsip kerja sosial adalah prinsip kemanusiaan yang sejagat (definisi yang diterima pakai IFSW General Meeting in Montreal Canada, July 2000).

Profesion kerja sosial mempunyai falsafah yang tersendiri yang merangkumi pelbagai pengertian ilmu. Ia juga berlandaskan etika kerja sosial yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan profesion ini. Di samping itu, bidang ini menitikberatkan hak asasi yang dimiliki oleh setiap individu yang patut dijaga dan dipertahankan tanpa mengira status, usia, darjat, pangkat dan warna kulit yang boleh dikaitkan dengan 1 Malaysia pada hari ini. Prinsip etika kerja sosial juga adalah sesuatu yang begitu penting yang perlu diamalkan oleh pekerja sosial dalam menjamin kejayaan terhadap praktis serta profesion kerja sosial itu sendiri.

Kerja sosial adalah satu bidang yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi tugas dan tanggungjawab mereka terhadap pelbagai pihak yang memerlukan. Ianya bukan sesuatu yang baru dan tidak mungkin akan terpujus, oleh kerana profesion ini berteraskan prinsip dan falsafah kemanusiaan yang diperkukuhkan dengan ikatan ilmu hasil daripada penyelidikan dan pemerhatian yang saintifik seterusnya wujud dalam kerangka amalan kerja yang mantap.

Kerja sosial ialah satu kerjaya yang mempunyai pengetahuan, nilai, dan kemahiran yang khusus dalam meningkatkan kesejahteraan sosial individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat. Matlamat utamanya ialah memelihara, mencegah, meningkatkan pembangunan sosial dan memperkasakan keadilan sosial yang ada menerusi pendekatan intervensi yang berbentuk saintifik semata-mata untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum (MASW, 2012).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat kerja membawa erti usaha (kegiatan, urusan) yang bertujuan untuk menghasilkan (menyelesaikan, menyediakan) sesuatu. Manakala sosial pula bermaksud segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat atau kemasyarakatan.

Aktiviti profesional berlandaskan prinsip, nilai dan etika, pengetahuan, kemahiran dan kaedah kerja sosial bagi membantu individu, keluarga, kumpulan dan komuniti untuk meningkat atau mengembalikan kapasiti kefungsi sosial mereka (JKM, 2017).

Kerja sosial merupakan profesion menolong yang telah lama wujud untuk menangani halangan, ketidaksamaan dan ketidakadilan yang wujud dalam masyarakat. Kerja sosial bertindak balas terhadap krisis dan kecemasan serta masalah sosial dan peribadi. Kerja sosial didefinisikan profesion berasaskan praktis dan disiplin akademik yang menggalakkan perubahan dan pembangunan sosial, perpaduan sosial, pemeraksanaan dan kebebasan rakyat. Prinsip keadilan, hak asasi manusia, tanggungjawab kolektif dan menghormati kepelbagaian adalah berkait dengan kerja sosial. Disokong oleh teori-teori kerja sosial, sains sosial, kemanusiaan dan pengetahuan sebenar, Kerja sosial melibatkan manusia dan struktur untuk menangani cabaran kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan (IFSW General Meeting & The IASSW Assembly, 2014)

Kerja sosial bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan sosial dalam konteks pembangunan, pencegahan, pemulihan dan rawatan yang mana kesemuanya ini boleh dilaksanakan dalam bentuk makro dan mikro. Kerja sosial boleh dipraktikkan dalam pelbagai setting dan organisasi termasuklah hospital, penjara, kilang, sekolah, dan lain-lain organisasi yang menawarkan perkhidmatan manusia (Baba, 1990).

Mesyuarat Agung Persekutuan Antarabangsa Pekerja Sosial (International Federation of Social Workers) pada Julai 2000 mendefinisikan kerja sosial sebagai satu profesion yang menggalakkan perubahan sosial, menyelesaikan masalah dalam konteks perhubungan serta memperkasa individu dalam mengecapi kesejahteraan hidup. Penggunaan teori-teori tingkah laku manusia dan sistem sosial membolehkan kerja sosial melaksanakan intervensi apabila manusia dan keadilan sosial adalah kepada kerja sosial (IFSW, Ethics Statement, 2004).

Beban Tugas

Beban tugas dapat diklasifikasikan sebagai kes terlalu banyak, kes tertunggak banyak, jumlah kakitangan tidak cukup selesaikan tugas, bebanan tugas pelbagai, tidak mengkhusus, pengurusan masa sukar, dan tidak dapat laksana tugas hakiki, tugas dan masa tidak seimbang, pembahagian masa untuk lawatan dan siasatan sukar dan tidak dapat diberi tumpuan

dalam menjalankan tugas. Beban tugas yang berlebihan atau rendah dapat menimbulkan tekanan di tempat kerja. Beban tugas yang berlebihan akan membawa kesan positif dan negatif. Kesan positif menyebabkan pekerja merasa dirinya penting dalam organisasi. Sementara kesan negatif pula akan menimbulkan tekanan kepada pekerja. Tekanan juga boleh terjadi akibat daripada kerenah klien. Terdapat di kalangan Pekerja Sosial yang terpaksa berhadapan dengan tugas yang tidak jelas serta sumber yang terhad bagi memenuhi permintaan kerja yang tinggi.

Lebih kerja (*overload*) berbentuk kuantitatif merujuk kepada terlalu banyak kerja yang ingin dilakukan sedangkan masa yang diperuntukan untuk menyiapkan kerja adalah singkat. Sementara lebih kerja kualitatif bermaksud pekerja kurang mahir atau kurang ilmu pengetahuan untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Sementara kekurangan kerja (*underload*) terjadi apabila pekerja merasa bosan kerana tugas yang dilakukan adalah sedikit berbanding dengan jangka masa yang terlalu panjang.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

DuBrin (1988) mendapati terdapat sembilan faktor yang menyebabkan tekanan kepada individu yang bekerja di organisasi perkhidmatan awam. Antaranya, beban kerja berlebihan, beban kerja berkurangan, konflik peranan, peranan yang tidak jelas dan kabur, kuasa yang tidak mencukupi dalam melaksanakan tugas serta kesilapan dalam reka bentuk kerja. Beban kerja yang berlebihan akan membawa kesan positif dan negatif. Kesan positif menyebabkan pekerja merasa dirinya penting di dalam organisasi. Sementara kesan negatif pula akan menimbulkan tekanan kepada pekerja (Yoe,1988).

Kajian yang dijalankan oleh Amna (2013) berkaitan Amalan Dan Cabaran Mengamalkan Nilai Dan Etika Kerja Sosial Dalam Kalangan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mendapati kajian telah dijalankan ke atas 298 pekerja sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertugas di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia yang mewakili setiap zon iaitu Kedah, Kelantan, Selangor dan Negeri Sembilan. Pegawai JKM yang terlibat dalam kajian ini ialah mereka yang bekerja secara

langsung dengan klien iaitu terdiri daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat (S41), Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat (S27 – S32) dan Pembantu Kebajikan Masyarakat (S17). Kesimpulan kajian mendapati bahawa amalan nilai dan etika kerja sosial dalam kalangan pekerja kebajikan adalah kecil dan masih belum mendapat penghayatan yang sepatutnya. Berdasarkan dapatan kajian ini, adalah dicadangkan pelaksanaan profesionalisme dalam praktis kerja sosial perlu disegerakan.

Kajian yang dijalankan oleh Samir Muhazzab Amin dan Sara Shakilla Mohd Salim (2012) berkaitan Pembasmian Kemiskinan di Malaysia: Keperluan Kemahiran Pekerja Komuniti mendapati Dalam kerja komuniti, pekerja komuniti membantu komuniti merancang, menentukan keperluan dan melaksanakan tindakan secara kolektif. Untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada komuniti, pekerja komuniti memerlukan pelbagai kemahiran. Kajian ini cuba menjawab tiga persoalan iaitu: mengenal pasti kemahiran kerja komuniti; mengenal pasti hubungan kemahiran kerja komuniti dengan pembasmian kemiskinan dan mengenai pasti hubungan antara kemahiran kerja komuniti dengan keberkesanan pembasmian kemiskinan dengan menggunakan strategi penyelidikan induktif. Kajian ini menggunakan soal selidik mengandungi 78 item yang dibina sendiri oleh pengkaji untuk mengukur 8 pembolehubah iaitu: kemahiran mewujudkan sistem jaringan, kemahiran mendengar dan berbincang, kemahiran mengendali peserta, kemahiran mengurus kerja, kemahiran menyediakan sumber, kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran memimpin. Hasil kajian menunjukkan bahawa pekerja komuniti mempunyai kemahiran di dalam aspek mendengar dan berbincang, mengendali peserta dan mengurus kerja tetapi kurang mahir dalam aspek mewujudkan sistem jaringan, penyedia sumber, komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, dan kemahiran memimpin.

Kajian yang dijalankan S.Brahim, M.S. Mohamad, E.Zakaria d dan N.Sarnon@Kusenin (2016) bertajuk Dilema Praktis Kerja Sosial: Pendekatan Managerialis vs Berfokus Klien (*Client Centred*). Kajian ini bertujuan meneroka dilema pendekatan praktis pekerja kes kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan kualitatif digunakan dan data dikumpul melalui kaedah Kumpulan Perbincangan Berfokus (*Focus Group Discussion-FGD*) melibatkan seramai 27

orang pekerja kes kanak-kanak di sekitar Lembah Klang. Kajian mendapati tiga komponen kompetensi iaitu pengetahuan, nilai dan kemahiran yang penting dalam pengurusan kes kanak-kanak. Komponen kompetensi ini membolehkan pekerja kes kanak-kanak menangani cabaran sebagai pekerja kes kanak-kanak dengan berkesan. Sebanyak empat elemen pengetahuan yang dikenal pasti iaitu: pengetahuan tentang konteks dan pengalaman klien, pengetahuan pekerja kes merancang intervensi bersesuaian dan kefahaman perundangan, dasar, prosedur dan konteks organisasi dalam praktis dan praktis pelbagai budaya. Kajian ini mendapati nilai-nilai profesionalisme menjadi pemandu kepada pekerja kes untuk mengikut lunas-lunas etika dan perundangan semasa mengendalikan kes kanak-kanak. Pada masa yang sama jalinan pengetahuan dan nilai profesional tadi menjadi katalis kepada pekerja kes kanak-kanak untuk mengasah ketajaman dan kebijaksanaan praktis melalui peningkatan kemahiran tertentu pengurusan kes. Aplikasi elemen pengetahuan, nilai dan kemahiran ini penting dalam mencapai tahap kompeten pengurusan kes melalui pengalaman lapangan dan latihan pengurusan kes kanak-kanak di Malaysia. Keseimbangan pengurusan kes dengan pendekatan atau ideologi managerialis dan berpusat kepada klien juga akan meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak. Dilema pertembungan perspektif managerialis dengan hubungan terapeutik berpusatkan klien hanya dapat diselesaikan melalui keseimbangan pengurusan kes, di mana kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak menjadi fokus utama. Kedua-dua perspektif ini adalah penting dalam praktis kerja sosial kerana menjadi pegangan pekerja kes untuk melaksanakan praktis kerja sosial yang profesional, kompeten dan beretika.

METODOLOGI

Kajian ini adalah dijalankan di kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak. Populasi yang dipilih dalam kajian ini adalah berdasarkan prosedur pensampelan dan mengambil kira jumlah saiz, kesan saiz dan kuasa statistik.

Pemilihan responden adalah menerusi pensampelan pelbagai tahap dengan menekankan ciri-ciri rawak. Pensampelan pelbagai terhadap tahap biasa digunakan dalam kajian *survey* menggunakan kaedah size sample berdasarkan jadual persempelan Krejcie & Morgan (1970).

Responden kajian melibatkan struktur organisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak yang terdiri daripada 3 kategori Pekerja Sosial iaitu kategori Pegawai Kebajikan Masyarakat (PKMD-S41 dan keatas, kategori Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat-S27-S32, kategori Pembantu Kebajikan Masyarakat-S19). Berdasarkan struktur ini setiap kategori telah dipilih sebagai responden kajian. Pekerja Kebajikan Masyarakat didefinisikan sebagai pekerja yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja di lapangan dan intervensi Jabatan. Responden terdiri daripada kakitangan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Institusi JKM yang melibatkan 166 sampel responden daripada 296 populasi kakitangan JKM Negeri Perak bagi skim Pembangunan Masyarakat Gred S19 hingga Gred S54.

HASIL KAJIAN

Soal selidik mempunyai tiga (3) pembolehubah bebas yang terdiri daripada tiga (3) bahagian utama iaitu **Bahagian 1:** Latar Belakang, **Bahagian 2:** Pemahaman Berkenaan Kerja Sosial, Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan **Bahagian 3:** Kandungan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial.

Bahagian 1: Latar Belakang

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat seramai 166 responden yang terdiri daripada 77 orang lelaki (46.39%) dan 89 orang perempuan (53.61%) yang berumur dalam kalangan 20 tahun sehingga 60 tahun. Pecahan umur dari 20-30 tahun adalah seramai 15 (8.98%), umur 31-40 tahun seramai 100 orang (59.88%), umur 41-50 tahun seramai 37 orang (22.16%) dan umur dari 51-60 tahun pula adalah seramai 15 orang (8.98%). Responden yang terlibat dalam soal selidik adalah terdiri dari bangsa Melayu yang mewakili 152 orang (91.57%),

bangsa Cina seramai 2 orang (1.20%), India seramai 4 orang (2.41%) dan lain-lain mewakili 8 orang responden (4.82%). Soal selidik juga memberi tumpuan kepada tiga (3) kategori jawatan Skim Pembangunan Masyarakat iaitu 12 orang responden (7.23%) Pegawai Pembangunan Masyarakat, 61 orang responden (36.75%) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan 93 orang responden (56.02%) lagi adalah Pembantu Pembangunan Masyarakat. Tempoh perkhidmatan responden yang terlibat pula adalah dari tempoh satu (1) tahun sehingga lima (5) tahun seramai 27 orang (16.27%), enam (6) tahun sehingga sepuluh (10) tahun adalah seramai 35 orang (21.08%) dan bagi tempoh perkhidmatan 11 tahun ke atas pula adalah seramai 104 orang (62.65%). Kelayakan akademik bagi semua responden yang terlibat terdiri dari Sijil Pelajaran Malaysia seramai 52 orang (31.33%), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/Diploma 64 orang (38.55%), Sarjana Muda seramai 46 orang (27.71%), Sarjana seramai 3 orang responden (1.81%) dan Kedoktoran 0 responden.

Bahagian 1: Latar Belakang

| | | | | |
|-----------------------|---|---|---|-----------------------------------|
| Jantina | L 77 (46.39%) | P 89 (53.67%) | | |
| Umur | 20 - 30 tahun 15 (8.98%) | 31 - 40 tahun 100 (59.99%) | 41 - 50 tahun 37 (22.16%) | 51 - 60 tahun 15 (8.98%) |
| Bangsa | Melayu 152 (91.57%) | Cina 2 (1.20%) | India 4 (2.47%) | Lain- lain 8 (4.82%) |
| Jawatan | Peg Pemb Masyarakat 12 (7.23%) | Pen Peg Pemb Masyarakat 61 (36.75%) | Pembantu Pemb Masyarakat 93 (556.02%) | |
| Tahun Perkhidmatan | 1 - 5 tahun 27 (16.27%) | 6 -10 tahun 35 (21.08%) | 11 tahun ke atas 104 (62.65%) | |

Bahagian 1: Latar Belakang

| | | | | | |
|--------------------|-----------------------|------------------------------------|--------------------------------|-------------------------|----------------------------|
| Kelayakan Akademik | SPM 52 (31.33%) | STPM/ Diploma 64 (38.55%) | Sarjana Muda 46 (27.71%) | Sarjana 3 (1.81%) | Kedoktoran 0 (0.00%) |
|--------------------|-----------------------|------------------------------------|--------------------------------|-------------------------|----------------------------|

Bahagian 2: Pemahaman Berkenaan Kerja Sosial, Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

Bahagian 2 terdiri dari 3 sub utama iaitu (A) Kerja Sosial, (B) Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM dan (C) Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

(A) Kerja Sosial

Dapatan yang diperolehi daripada Bahagian 2 Sub Pemahaman Berkenaan Kerja Sosial menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengetahui dan memahami praktis kerja sosial yang telah dan sedang dilaksanakan dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak yang terdiri daripada kakitangan Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Institusi JKM. Pengetahuan dan pemahaman Pegawai Kebajikan Masyarakat di JKMN Perak secara keseluruhannya dapat dilihat daripada dapatan soalan-soalan yang diajukan seperti soalan 7, 8, 9, 12, 13, 14 dan 15.

Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan bahawa soalan 11 iaitu "*Praktis Kerja Sosial tidak membebaskan Pegawai Kebajikan*" membawa kepada ketidaksetujuan pelaksanaan praktis kerja sosial kerana hasil daripada responden menunjukkan 47 orang responden (28.31%) 'Tidak Pasti' di samping 28 orang (16.87%) 'Tidak Setuju' dan 4 orang (2.41%) 'Sangat Tidak Setuju' yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 79 orang responden Manakala, 75 orang responden lain (45.18%) 'Setuju' Praktis Kerja Sosial tidak membebaskan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Sehubungan itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa responden yang menjawab 'TIDAK PASTI' mengambil pendirian 50-50 dan cenderung kepada 'Tidak Setuju'.

Bagi soalan 10 pula, dapatan menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan Pegawai Kebajikan Masyarakat mengetahui dan memahami Praktis Kerja Sosial tersebut namun, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) perlu melaksanakan siri kursus lanjutan secara berterusan agar pemahaman dan pengetahuan dapat ditingkatkan.

| (A) Kerja Sosial : Pemahaman Berkenaan Kerja Sosial | | | | | | |
|--|----------------------------|---------------------|--------------------|-----------------|----------------------|--------------------|
| Soalan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Tidak Jawab |
| 7 | 1 (0.60%) | 20 (12.05%) | 10 (6.02%) | 115 (69.28%) | 20 (12.05%) | - |
| 8 | 3 (1.81%) | 1 (0.60%) | 3 (1.81%) | 126 (75.90%) | 33 (19.88%) | - |
| 9 | 2 (1.20%) | 1 (0.60%) | 4 (2.41%) | 116 (69.88%) | 43 (25.90%) | - |
| 10 | 0 (0.00%) | 5 (3.01%) | 14 (8.43%) | 112 (67.47%) | 35 (21.08%) | - |
| 11 | 4 (2.41%) | 28 (16.87%) | 47 (28.31%) | 75 (45.18%) | 12 (7.23%) | - |
| 12 | 1 (0.60%) | 5 (3.01%) | 13 (7.83%) | 121 (72.89%) | 25 (15.06%) | 1 (0.60%) |
| 13 | 0 (0.00%) | 6 (3.61%) | 15 (9.04%) | 118 (71.08%) | 27 (16.27%) | - |
| 14 | 0 (0.00%) | 10 (6.02%) | 25 (15.06%) | 110 (66.27%) | 21 (12.65%) | - |
| 15 | 0 (0.00%) | 3 (1.81) | 17 (10.24%) | 132 (79.52%) | 14 (8.43%) | - |

(B) Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM

Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari soalan kaji selidik 16 sehingga 26 menunjukkan pola ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ berkenaan pemahaman CMS di dalam praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak seramai 166 size sample. Soalan-soalan dirangka adalah berkenaan pengetahuan dan pemahaman CMS secara teliti dan dihubungkan dengan Prinsip Kerja Sosial. Keputusan yang

diperolehi adalah 'Setuju' dan 'Sangat Setuju' dan fakta bahawa pengetahuan dan pemahaman CMS adalah kukuh berdasarkan majoriti mudah soal selidik tersebut.

Walau bagaimanapun, keputusan daripada dapatan 27 iaitu soalan kaji selidik terakhir yang diajukan di dalam Sub (B) Pemahaman Berkenaan Manual Sistem Pengurusan Kes (CMS) Kerja Sosial JKMN Perak iaitu "Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM langsung tidak membebankan Pegawai Kebajikan JKM" mendapati majoriti mudah diperolehi daripada dapatan 'Sangat Tidak Setuju', 'Tidak Setuju', dan 'Tidak Pasti' yang membawa peratusan keseluruhan sebanyak 53.61%. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap pemahaman CMS tidak dapat memberi jaminan bahawa setiap Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak akan melaksanakan CMS di dalam praktis kerja sosial kerana dapatan menunjukkan pelaksanaan CMS membebankan mereka. Sehubungan itu, satu kajian lanjutan harus dirangka bagi mengetahui tahap bebanan yang ditanggung oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak kerana soalan kaji selidik ini lebih tertumpu kepada pengetahuan, pemahaman dan pengaplikasian CMS dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial sebagai pengukur profesionalisme praktis kerja sosial.

(B) CMS : Pemahaman Berkenaan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM

| Soalan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Tidak Jawab |
|---------------|----------------------------|---------------------|--------------------|-----------------|----------------------|--------------------|
| 16 | 1 (0.60%) | 7 (4.22%) | 23 (13.86%) | 119 (71.69%) | 16 (9.64%) | - |
| 17 | 2 (1.20%) | 3 (1.81%) | 32 (19.28%) | 119 (71.69%) | 10 (6.02%) | - |
| 18 | 0 (0.00%) | 8 (4.82%) | 35 (21.08%) | 108 (65.06%) | 14 (8.43%) | - |
| 19 | 2 (1.20%) | 7 (4.22%) | 26 (15.66%) | 113 (68.07%) | 18 (10.84%) | - |
| 20 | 0 (0.00%) | 6 (3.61%) | 21 (12.65%) | 122 (73.49%) | 17 (10.24%) | - |
| 21 | 0 (0.00%) | 1 (0.61%) | 49 (29.52%) | 105 (63.25%) | 11 (6.63%) | - |

| (B) CMS : Pemahaman Berkenaan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM | | | | | | |
|--|--------------|----------------|----------------|-----------------|----------------|--------------|
| 22 | 0 (0.00%) | 1 (0.60%) | 20 (12.05%) | 125 (75.30%) | 20 (12.05%) | - |
| 23 | 3 (1.81%) | 3 (1.81%) | 3 (1.81%) | 109 (65.66%) | 48 (28.92%) | - |
| 24 | 0 (0.00%) | 1 (0.60%) | 8 (4.82%) | 129 (77.71%) | 28 (16.87%) | - |
| 25 | 2 (1.20%) | 3 (1.81%) | 5 (3.01%) | 124 (74.70%) | 31 (18.76%) | 1 (0.60%) |
| 26 | 2 (1.20%) | 1 (0.60%) | 15 (9.04%) | 123 (74.70%) | 25 (15.06%) | - |
| 27 | 6 (3.61%) | 23 (13.86%) | 59 (35.54%) | 69 (41.57%) | 8 (4.82%) | 1 (0.60%) |

(C) Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari soalan 28 sehingga 40 berkenaan Pemahaman Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial menunjukkan majoriti responden mengetahui, dan memahami dengan jelas berkaitan Piawaian Kompetensi sebagai penanda aras untuk mengukur Profesionalisme Praktis Kerja Sosial. Apabila soalan berkenaan beban tugas dikemukakan berdasarkan soalan 39, '*Saya mendapati bahawa tugas seorang Pekerja Kebajikan JKM adalah selari dengan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan seharusnya tidak menjadi satu beban*' menunjukkan majoriti 'Setuju' dengan peratusan 62.65%. Oleh itu, Pegawai Kebajikan JKMN Perak sedar akan Piawaian Kompetensi yang telah dirangka oleh Pihak Pengurusan Tertinggi tidak membebankan mereka dan sebaliknya memberi semangat untuk lebih bermotivasi membantu klien sehingga berdikari. Keadaan ini berbeza dengan dapatan yang diperolehi berkenaan pelaksanaan CMS yang membebankan Pegawai Kebajikan JKMN Perak.

| (C) : Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial | | | | | | |
|---|----------------------------|---------------------|--------------------|-----------------|----------------------|--------------------|
| Soalan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Tidak Jawab |
| 28 | 1 (1.60%) | 6 (3.61%) | 40 (24.10%) | 109 (65.66%) | 10 (6.02%) | - |

| (C) : Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial | | | | | | |
|---|--------------|--------------|----------------|-----------------|----------------|--------------|
| 29 | 1 (0.60%) | 4 (2.41%) | 46 (27.71%) | 106 (63.86%) | 9 (5.42%) | - |
| 30 | 1 (0.60%) | 2 (1.20%) | 60 (36.41%) | 92 (55.42%) | 11 (6.63%) | - |
| 31 | 1 (0.60%) | 1 (0.60%) | 42 (25.30%) | 106 (63.86%) | 16 (9.64%) | - |
| 32 | 2 (1.20%) | 5 (3.01%) | 43 (25.90%) | 103 (62.05%) | 13 (7.83%) | - |
| 33 | 2 (1.20%) | 1 (0.60%) | 14 (8.43%) | 132 (79.52%) | 17 (10.24%) | - |
| 34 | 1 (0.60%) | 3 (1.81%) | 29 (17.47%) | 120 (72.29%) | 12 (7.23%) | 1 (0.60%) |
| 35 | 1 (0.60%) | 5 (3.01%) | 44 (26.51%) | 104 (62.65%) | 12 (7.23%) | - |
| 36 | 1 (0.60%) | 4 (2.41%) | 32 (19.28%) | 120 (72.29%) | 9 (5.42%) | - |
| 37 | 1 (0.60%) | 1 (0.60%) | 12 (7.23%) | 136 (81.93%) | 16 (9.64%) | - |
| 38 | 2 (1.20%) | 5 (3.01%) | 32 (19.28%) | 117 (70.48%) | 10 (6.02%) | - |
| 39 | 3 (1.81%) | 8 (4.82%) | 39 (23.49%) | 104 (62.65%) | 11 (6.63%) | 1 (0.60%) |
| 40 | 1 (0.60%) | 3 (1.81%) | 32 (19.28%) | 117 (70.48%) | 13 (7.83%) | - |

Bahagian 3: Kandungan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

Secara keseluruhan, informasi yang diberikan di dalam Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM adalah berguna untuk meningkatkan profesionalisme praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan JKMN Perak berdasarkan dapatan soalan 41 sehingga 46. Soalan yang dirangka adalah berkenaan pengetahuan informasi yang terkandung di dalam Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (CMS) iaitu Pengenalan Kerja Sosial membawa peratusan sebanyak 74.70% iaitu sebanyak 124 responden 'Setuju' dan 7.23% iaitu 12 responden 'Sangat Setuju'. Informasi berkenaan Proses Penerimaan/Saringan di dalam CMS

juga menunjukkan seramai 126 orang responden (75.90%) 'Setuju' di samping 12 responden 'Sangat Setuju' (7.23%). Manakala Proses Penentuan Situasi membawa jumlah 119 responden (71.69%) 'Setuju' dan 14 responden (8.43%) 'Sangat Setuju'. Bagi Proses Perancangan dan Intervensi pula, bilangan responden yang menyatakan 'Setuju' bahawa informasi sangat berguna mewakili 123 responden (74.10%) dan 12 responden (7.23%). Informasi yang diberikannya berkenaan Proses Pemantauan dan Penilaian di dalam CMS sangat berguna dipersetujui dengan pernyataan 'Setuju' sebanyak 124 responden (74.70%) dan 10 responden (6.02%) 'Sangat Setuju'. Proses terakhir di dalam CMS adalah Penamatan yang membawa peratusan 'Setuju' adalah sebanyak 72.29% iaitu mewakili 120 responden.

Secara keseluruhan Informasi yang terkandung di dalam Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial adalah jelas untuk mewujudkan profesionalisme praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak berdasarkan dapatan soalan 47, 48 dan 49 yang masing-masing membawa peratusan 'Setuju' sebanyak 115 responden (69.28%), 114 responden (68.67%) dan 114 responden (68.67%).

**Bahagian 3: Kandungan Manual Sistem Pengurusan
Kes Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi
Praktis Kerja Sosial**

| Soalan | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju | Tidak Jawab |
|--------|---------------------|--------------|----------------|-----------------|---------------|-------------|
| 41 | 2 (1.20%) | 0 (0.00%) | 28 (16.87%) | 124 (74.70%) | 12 (7.23%) | - |
| 42 | 1 (0.60%) | 3 (1.81%) | 24 (14.46%) | 126 (75.90%) | 12 (7.23%) | - |
| 43 | 1 (0.60%) | 3 (1.81%) | 29 (17.47%) | 119 (71.69%) | 14 (8.42%) | - |
| 44 | 1 (0.60%) | 1 (0.60%) | 29 (17.47%) | 123 (74.10%) | 12 (7.23%) | - |
| 45 | 1 (0.60%) | 2 (1.20%) | 29 (17.47%) | 124 (74.70%) | 10 (6.02%) | - |

**Bahagian 3: Kandungan Manual Sistem Pengurusan
Kes Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi
Praktis Kerja Sosial**

| | | | | | | |
|-----------|--------------|--------------|----------------|-----------------|---------------|--------------|
| 46 | 1 (0.60%) | 2 (1.20%) | 29 (17.47%) | 120 (72.29%) | 13 (7.83%) | 1 (0.60%) |
| 47 | 1 (0.60%) | 2 (1.20%) | 35 (21.08%) | 115 (69.28%) | 13 (7.83%) | - |
| 48 | 1 (0.60%) | 0 (0.00%) | 38 (22.89%) | 114 (68.67%) | 13 (7.83%) | - |
| 49 | 1 (0.60%) | 0 (0.00%) | 38 (22.89%) | 114 (68.67%) | 13 (7.83%) | - |

DAPATAN KESELURUHAN KAJIAN: IMPLIKASI PRAKTIS KERJA SOSIAL TERHADAP BEBAN TUGAS PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT JKMN PERAK

Soalan kaji selidik yang telah dibentuk memberi perhatian kepada pengetahuan, pemahaman dan pengaplikasian praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak dengan mengguna pakai dua petunjuk utama untuk mengukur praktis kerja sosial iaitu Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial (*CMS*) dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. Kedua-dua komponen ini digunakan sebagai pengukur untuk melihat keberhasilan dan kejayaan praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak iaitu seramai 166 orang responden daripada populasi keseluruhan 296 orang. Hasil daripada dua (2) komponen tersebut akan digunakan sebagai faktor penolak dan pencetus kepada Implikasi Praktis Kerja Sosial Terhadap Beban Tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak sama ada positif atau negatif.

Bahagian I soalan kaji selidik adalah berkenaan Latar Belakang yang terdiri daripada kakitangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak yang terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Institusi.

Bahagian II soalan kaji selidik adalah berkaitan Pemahaman Berkenaan Kerja Sosial, Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial.

Hasil dapatan berkaitan Pemahaman Berkenaan Kerja Sosial menunjukkan majoriti responden mengetahui dan memahami dengan jelas maksud kerja sosial. Dapatan dari soalan kajian selidik 7, 8, 9, 12, 13, 14, dan 15 menunjukkan keputusan 'Setuju' akan pengetahuan dan pemahaman kerja sosial. Walau bagaimanapun, apabila soalan kaji selidik memberi tumpuan kepada beban tugas pada soalan 11 iaitu "*Praktis Kerja Sosial tidak membebankan Pegawai Kebajikan*" membawa kepada ketidaksetujuan pelaksanaan praktis kerja sosial kerana hasil daripada responden menunjukkan 47 orang responden (28.31%) tidak pasti di samping 28 orang (16.87%) tidak setuju dan 4 orang (2.41%) sangat tidak setuju yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak 79 orang responden manakala, 75 orang responden lain (45.18%) 'setuju' praktis kerja sosial tidak membebankan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Sehubungan itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa responden yang menjawab 'TIDAK PASTI' mengambil pendirian 50-50 dan cenderung kepada tidak bersetuju bahawa praktis kerja sosial tidak membebankan tugas harian selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak.

Bagi soalan 10 pula, dapatan menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan Pegawai Kebajikan Masyarakat mengetahui dan memahami praktis kerja sosial tersebut namun, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu melaksanakan siri kursus lanjutan secara terus agar pemahaman dan pengetahuan dapat ditingkatkan. Dapatan menunjukkan bahawa seramai 112 orang responden (67.47%) 'Setuju' dan 35 orang responden (21.08%) 'Sangat Setuju' berkenaan penerangan dan siri kursus oleh JKMN dapat menjelaskan pelaksanaan Kerja Sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Sehubungan itu, siri kursus wajar dilaksanakan sekerap mungkin agar semua kakitangan Skim Pembangunan Masyarakat dapat memahami dengan jelas berkenaan praktis kerja sosial.

Bagi hasil dapatan Pemahaman Berkenaan Manual Sistem Pengurusan Kes (CMS) Kerja Sosial pula, Soalan Kajian 16

sehingga 26 menunjukkan pola keputusan majoriti 'Setuju' bahawa responden mengetahui, memahami dengan baik berkenaan CMS. Responden juga mampu memahami dengan jelas peringkat-peringkat CMS dengan merujuk kepada Soalan kaji selidik 21, 24 dan 25 yang menerangkan proses-proses CMS iaitu Penerimaan/Saringan, Penentuan Situasi, Perancangan dan Intervensi, Pemantauan dan Penilaian sehingga Penamatan. Namun begitu, bagi Soalan Kaji Selidik 27 dapatan menunjukkan *trend* bercanggah dengan tahap pemahaman CMS dalam praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak. Buktinya adalah apabila soalan berkenaan beban tugas dimasukkan ke dalam Soal Selidik menunjukkan keputusan 'Sangat Tidak Setuju' mewakili 6 responden (3.61%), 'Tidak Setuju' sebanyak 23 responden (13.86%) dan 'Tidak Pasti' 59 responden (35.54%) bahawa CMS langsung tidak membebankan Pegawai Kebajikan JKMN. Keputusan ini menunjukkan dapatan minoriti 'Setuju' dan 'Sangat Setuju' yang masing-masing mewakili peratusan keseluruhan sebanyak 46.39% berbanding dapatan 'Sangat Tidak Setuju', 'Tidak Setuju', dan 'Tidak Pasti' iaitu mewakili majoriti mudah keseluruhan sebanyak 53.61%. Maka, majoriti Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak mengetahui dan memahami dengan jelas tetapi tahap pengetahuan dan pemahaman CMS tidak dapat memberi jaminan bahawa setiap Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak akan melaksanakan CMS di dalam praktis kerja sosial kerana dapatan menunjukkan pelaksanaan CMS membebankan dan secara langsung memberi gambaran bahawa profesionalisme kerja sosial tidak boleh dilaksanakan lagi dengan merujuk kepada cadangan menambahbaik dasar sedia ada bagi memantapkan profesionalisme praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak seperti dapatan yang diperolehi.

Hasil dapatan terakhir Bahagian II iaitu Pemahaman Berkenaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial menunjukkan pola 'Setuju' mengetahui dan memahami dengan baik pernyataan soalan kaji selidik. Namun, bagi soalan kaji selidik 30 menunjukkan komponen Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial gagal diamati dengan baik iaitu dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan responden berkenaan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial menggariskan enam (6) Kompetensi Generik

dan empat (4) Kompetensi Spesifik yang wajib difahami oleh semua Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak memberi keputusan 'Tidak Pasti' seramai 60 responden (36.14%). Walau bagaimanapun, majoriti mengetahui dan memahami komponen Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial adalah baik dengan majoriti 'Setuju' dan 'Sangat Setuju' yang mewakili 92 responden (55.42%) dan 11 responden (6.63%). Keputusan 'Tidak Pasti' mengganggu dapatan dan rumusan awal boleh dibuat bahawa Pegawai Kebajikan Masyarakat tidak mengetahui dan memahami secara teliti atas faktor-faktor tertentu seperti kurang pendedahan.

Secara relatifnya, dapatan pada soalan kaji selidik 39 bahawa tugas seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat JKM adalah selari dengan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan seharusnya tidak menjadi satu beban menunjukkan majoriti 'Setuju' dengan peratusan 62.65%. Jelas menggambarkan bahawa Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak sedar akan Piawaian Kompetensi yang telah dirangka oleh Pihak Pengurusan Tertinggi tidak membebankan mereka dan sebaliknya memberi semangat untuk lebih bermotivasi membantu klien sehingga berdikari. Penyataan soalan kajian selidik ini berbeza dengan dapatan 27 dalam Pemahaman Berkenaan Manual Sistem Pengurusan Kes (CMS) Kerja Sosial iaitu majoriti responden 'Sangat Tidak Setuju' mewakili 6 responden (3.61%), 'Tidak Setuju' sebanyak 23 responden (13.86%) dan 'Tidak Pasti' 59 responden (35.54%) bahawa CMS langsung tidak membebankan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN mewakili majoriti mudah keseluruhan sebanyak 53.61%. Penyelidik mendapati keadaan ini berlaku berdasarkan dua (2) faktor iaitu:

- i) Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak perlu mengaplikasikan atau melaksanakan CMS di dalam tugas harian mereka dan perkara tersebut menjadi satu bebanan kepada aktiviti kerja atau proses kerja seharian yang telah dilakukan; dan
- ii) Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial pula tidak menuntut Pegawai Kebajikan JKMN Perak untuk mengubah proses kerja di dalam melaksanakan tugas harian mereka tetapi lebih kepada garis panduan untuk meningkatkan kompetensi

Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak agar lebih proaktif, produktif dan berdaya saing.

Bahagian III Soalan Kaji Selidik pula adalah berkenaan Kandungan Manual Praktis Kerja Sosial JKM dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial yang menunjukkan pola keputusan 'Setuju' bahawa responden mengetahui dan memahami dengan baik.

Kesimpulan akhir hasil dapatan boleh disimpulkan seperti berikut:

- i) Soalan Implikasi Praktis Kerja Sosial terhadap beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak tidak boleh dikaji sehingga setiap Pegawai Kebajikan Masyarakat mengetahui dan memahami indikator untuk menentukan keberjayaan atau kegagalan seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam pengaplikasian praktis kerja sosial di dalam tugas harian;
- ii) Responden yang terlibat dengan kaji selidik ini mengetahui, memahami dengan baik bahawa praktis kerja sosial dapat diukur dengan menggunakan dua (2) indikator utama iaitu CMS dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial. Kedua-dua indikator ini memungkinkan profesionalisme kerja sosial diukur sama ada JKM berjaya membawa profesion Kerja Sosial sejajar dengan hasrat jabatan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Kerja Sosial di Parlimen kelak;
- iii) Walaupun responden mengetahui dan memahami bahawa dua (2) indikator tersebut adalah pengukur keberhasilan dan kejayaan profesionalisme kerja sosial namun, dapatan kajian menunjukkan responden tidak bersedia untuk melaksanakan praktis kerja sosial secara menyeluruh kerana pelaksanaan tersebut membebankan tugas harian mereka. Berdasarkan "Cadangan Penambahbaikan Dasar Sedia Ada bagi Memantapkan Profesionalisme Praktis Kerja Sosial Dalam Kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak" bahawa kekangan tenaga kerja di samping bebanan tugas lain tidak memungkinkan praktis kerja sosial dilaksanakan sebaik mungkin (Rujuk Cadangan Penambahbaikan Dasar Sedia Ada Seperti Di Lampiran); dan

- iv) Responden juga menyatakan berdasarkan keputusan majoriti bahawa siri kursus berkaitan *CMS* dan Piawaian Praktis Kerja Sosial dalam pelaksanaan kerja sosial perlu dianjurkan secara berkala oleh pihak pengurusan agar pengetahuan dan pemahaman di samping pengaplikasian di dalam kerja harian dapat ditingkatkan sebaik mungkin.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil dapatan telah mengenalpasti dengan jelas bahawa praktis kerja sosial profesional tidak dapat ditentukan setelah tahap pengetahuan, pemahaman dan pengaplikasian *CMS* dan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dikenalpasti sebagai petunjuk utama. Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui dan memahami dengan jelas berkenaan *CMS* dan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial. Namun begitu, dapatan juga mengenalpasti bahawa pengetahuan dan pemahaman berkaitan dua (2) indikator ini tidak cukup untuk memungkinan responden mengaplikasikan praktis kerja sosial profesional di dalam tugas harian mereka kerana pelaksanaannya membebankan tugas sedia ada di atas banyak faktor penolak.

Faktor-faktor penolak tersebut telah dikenalpasti sebagai kekangan utama pelaksanaan Praktis Kerja Sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKMN Perak. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, majoriti responden tidak bersedia melaksanakan praktis kerja sosial kerana bebanan tugas sedia ada, kekurangan kakitangan, pegawai tidak kompeten menangani situasi kritikal, masalah sistem SPBK, pihak pengurusan tertinggi tidak mementingkan kebajikan kakitangan, tiada komunikasi berkesan pengurusan tertinggi dengan kakitangan bawahan, tiada siri kursus lanjutan dan tiada pengiktirafan (Seperti Lampiran Cadangan penambahbaikan dasar sedia ada bagi memantapkan Profesionalisme Praktis Kerja Sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKM)

Hasil kajian ini merupakan inisiatif rintis untuk mengenalpasti implikasi berkaitan beban tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat sekiranya praktis kerja sosial profesional diteruskan kerana pelaksana yang terlibat adalah dalam kalangan skim Pembantu

Pembangunan Masyarakat S19 dengan peratusan menjawab Soalan Kaji Selidik sebanyak 56.02% (93 responden) dan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S29-S32 dengan peratusan 36.75% (61 responden) di samping 7.23% sahaja responden merupakan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Jelas menunjukkan bahawa pelaksana yang terdiri daripada skim rendah tidak bersedia dengan alasan pelaksanaan praktis kerja sosial membebankan mereka.

Sehubungan itu, adalah diharapkan bahawa kajian rintis ini boleh dijadikan sebagai kajian literasi lepas untuk pihak-pihak menjalankan kajian khusus bagi mengenalpasti Implikasi Praktis kerja sosial sekiranya pihak pengurusan tertinggi berhasrat untuk meneruskan agenda profesionalisme praktis kerja sosial dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat JKM.

RUJUKAN

- Abdul Razak Abd Manaf, Noor Azizah Ahmad dan Ahmad Shukri Abdul Hamid (2011). *Pengurusan & Amalan Kerja Sosial*. Universiti Utara Malaysia.
- Amna, 2013 *Amalan Dan Cabaran Mengamalkan Nilai Dan Etika Kerja Sosial Dalam Kalangan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*
- Bahagian Perancangan dan Pembangunan Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010). *Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia*. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Cooper, L.L & Payne, R. (1978). *Stress at Work*. New York: John Wiley.
- DuBrin, A.J (1998). *Human Relations: A Job Oriented Approach*. (4th Edn) Englewood Cliffs : Prentice Hall
- Greenberg, J. (1999). *Stress Management*. New York: McGraw Hill.
- Morales, A. And Sheafor, W., (2009). The inevitable conflict between religious and social work values. *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought*, 28(1-2), 35-47.
- Manual sistem pengurusan kes kerja sosial (2007), Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Norruzeyati Che Mohd Nasir, (2009). *Prinsip Asas dan Perkembangan Kerja Sosial di Malaysia*: Universiti Utara Malaysia.
- Samir Muhazzab Amin, and Sara Shakilla Mohd Salim (2012). *Pembasmian kemiskinan di Malaysia: Keperluan kemahiran pekerja komuniti*. *AKADEMIKA*, 82 (1). pp. 81-89. ISSN 0126-5008
- S.Brahim¹, M.S. Mohamad², E.Zakaria³ d dan N.Sarnon@Kusenin. *Dilema Praktis Kerja Sosial: Pendekatan Managerialis vs Berfokus Klien (Client Centred)*. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Selye, H. (1975). *Stress Without Distress*. New York: Signet Books.
- Yoe, J.T (1998). The effect of workload and understanding on staff in an education sevices getting. *Journal of Environment Psychology*, 8, 107-120.

**ISU DAN PERMASALAHAN SOSIAL
KANAK-KANAK SERTA INISIATIF JABATAN
BAGI MEMASTIKAN KANAK-KANAK DAPAT
BERKEMBANG SECARA HOLISTIK**



Mustafal Bakri Mohammad Yusof
Mat Zamree Abdul Aziz
Nor 'Ashikin Abdull Razak
Noor Azimah Ahmad Baharom
Zubaidah Rasol
Bahiyah Muhammad
Mohamad Affendy Mat Sani
Aein Maftura Basirun
Norasmawati Selamat
Tajol 'Arus Ramli

*PKMD Seremban, PKMD Jelevu, RKK Rembau, PKMD Port Dickson,
TSH Tunku Ampuan Najihah, Seremban, RP Rembau PKMD Kuala Pilah,
PKMD Tampin, PKMD Jempol, PKMD Rembau*

ABSTRAK

Kanak-kanak merupakan golongan yang mudah terdedah dengan pelbagai ancaman seperti penderaan, pengabaian, penganiayaan, eksploitasi, mangsa pedofilia, mangsa permerdagangan manusia dan delinkuen. Kajian ini adalah mengenai persepsi masyarakat di Negeri Sembilan terhadap masalah penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Pengkaji telah memilih semua daerah di Negeri Sembilan sebagai lokasi kajian termasuk tiga buah institusi perlindungan kanak-kanak yang terdapat di Negeri Sembilan. Seramai 98 orang responden terdiri daripada kakitangan awam dan orang awam terlibat dengan kajian ini termasuk juga kanak-kanak mangsa penderaan dan pengabaian yang telah ditempatkan di Rumah Kanak-kanak Rembau seramai 50 orang. Kajian yang berbentuk kuantitatif. Mengkaji secara menyeluruh berkaitan pengalaman responden mengenai keibubapaan, faktor emosi, kewangan, tekanan dan pekerjaan mempengaruhi tindakan ibu bapa memukul anak, kemahiran mengawal anak oleh ibu bapa, pengetahuan ibu bapa mengenai advokasi serta kesan terhadap tingkahlaku kanak-kanak yang terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati kebanyakan responden mempunyai kesedaran terhadap isu-isu berkaitan kanak-kanak namun masih terdapat segelintir responden yang mempunyai tahap kesedaran yang rendah. Kajian turut mendapati inisiatif sedia ada yang telah dilakukan oleh pihak JKM seperti bantuan kewangan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak, Pusat Aktiviti Kanak-kanak, program khidmat sokongan saksi, semakan pesalah jenayah kanak-kanak, pemeliharaan berasaskan keluarga serta Program Sahabat Bijak perlu diteruskan dan diperkasakan. Selain itu beberapa cadangan baru yang boleh dilaksanakan juga perlu diambilkira oleh pihak jabatan dalam memastikan perkembangan kanak-kanak secara holistik tercapai.

Kata Kunci : penderaan, pengabaian, , tingkah laku kanak-kanak, kemahiran keibubapaan

PENGENALAN

Kamus Dewan Bahasa telah mendefinisikan isu sebagai perkara pokok dan sesuatu yang menjadi persoalan utama. Manakala Kamus Pelajar (Edisi Kedua) mentakrifkan permasalahan sebagai sesuatu perkara yang menjadi masalah kepada sesuatu perkara. Kertas kerja bertujuan mengkaji isu dan permasalahan sosial kanak-kanak yang sedang berlaku sekarang seperti kes remaja membunuh, gangsterisme, remaja membakar sekolah tahfiz, penderaan, pengabaian, buli siber, pedofilia dan pelbagai lagi isu yang mengejutkan masyarakat masa kini.

Akta Kanak-Kanak 2001 mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang berusia di bawah 18 tahun. Anak-anak adalah amanah Allah kepada ibu bapa dan mereka diibaratkan sebagai kain putih. Ibu bapa yang bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak-anak ke arah kebaikan ataupun keburukan, membesarkan anak-anak sehingga dewasa dan membentuknya menjadi khalifah di bumi Allah ini. Anak-anak wajib dipelihara dengan penuh kasih sayang dan bertanggungjawab bukannya memperlakukan mereka sesuka hati. Anak-anak diibaratkan sebagai ujian dan dugaan kepada ibu bapanya. Firman Allah di dalam Al-Quran ‘Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah cubaan (bagimu) dan di sisi Allah pahala yang besar (Ayat 15: At-Taghabun)’. Menyediakan kebajikan, perlindungan, keselamatan dan pendidikan serta model ikutan yang baik kepada anak-anak merupakan tanggungjawab utama ibu bapa. Ghafani (2007) pula menyatakan bahawa akhlak anak bermula di rumah kerana sejak kecil dan sebahagian besar masanya berada dalam lingkungan keluarga.

Oleh demikian, model ikutan yang baik perlu ditonjolkan oleh ibu bapa kepada anak-anak melalui pengamalan budi bahasa yang tinggi, kepatuhan kepada perintah dan larangan agama, sikap bekerjasama dan bertoleransi, rajin bekerja, amanah, ikhlas dalam memberi dan menerima sesuatu, saling bantu membantu sesama anggota keluarga dan masyarakat dan lain-lain. Jika kanak-kanak tidak menerima didikan yang baik ketika kecil, ianya akan mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku kanak-kanaksehingga dewasa. Setiap kanak-kanak merupakan asset penting kepada negara dan masyarakat dalam menentukan corak

pembangunan negara pada masa hadapan. Kanak-kanak wajar diberikan perlindungan dan penjagaan yang baik, kasih sayang dan perhatian utama dalam institusi kekeluargaan. Peningkatan perbuatan mendera dan mengabaikan kanak-kanak oleh ibu bapa dan ahli keluarga serta orang-orang yang diberikan amanah untuk menjaga mereka tidak sepatutnya berlaku. Sejak kebelakangan ini, isu dan permasalahan sosial kanak-kanak melibatkan kes-kes pengabaian dan penderaan hangat diperkatakan dan sering menjadi tular di media sosial. Penderaan dan pengabaian kanak-kanak didefinisikan sebagai tingkah laku sosial yang tidak mematuhi norma-norma masyarakat atau tingkah laku devian.

Menyedari peningkatan kes-kes pengabaian dan penderaan di Malaysia amnya dan Negeri Sembilan khususnya, peruntukan undang-undang telah dilaksanakan bagi melindungi kanak-kanak di Malaysia. Akta Kanak-Kanak 2001 (pindaan 2016) dan Kanun Keseksaan telah memperuntukkan secara khusus tentang peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan jika seseorang itu didapati menyebabkan pengabaian dan penderaan terhadap kanak-kanak. Selain itu, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak menjadi bukti bahawa Malaysia amat komited dalam memperjuangkan hak dan perlindungan untuk kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui beberapa program inisiatif jabatan telah memperkenalkan pelbagai program pencegahan dan kesedaran seperti Program Sahabat BIJAK, Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (eDKK), Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK), Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan lain-lain bagi memberi kesedaran dan kefahaman mengenai hak dan perlindungan kanak-kanak kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Takrifan, Jenis dan Sebab Penderaan

Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara mendefinisikan penderaan kanak-kanak sebagai satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka.

JENIS-JENIS PENDERAAN

Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara menggariskan empat jenis penderaan kanak-kanak iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual dan pengabaian.

Penderaan Fizikal

Penderaan fizikal bermaksud apabila seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi fizikal menyebabkan kecederaan yang boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh akibat kekerasan dan penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak berkenaan (Akta Kanak-Kanak 2001). Ini boleh dijelaskan sebagai keganasan secara fizikal, kecacatan anggota badan, retak, patah tulang, lecur atau terbakar, lebam yang teruk, kecederaan otak, dicucuh dengan puntung rokok dan sebagainya (Alavi et. al 2012). Penderaan jenis ini boleh terjadi disebabkan oleh tumbukan, tamparan, sepakan, gigitan, goncangan, pukulan, cengkaman atau sebarang bentuk kecederaan sama ada dengan niat atau tanpa niat.

Penderaan Emosi

Penderaan emosi pula apabila seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi seperti kecelaruan mental dan tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat (Akta Kanak – Kanak, 2001). Walaupun penderaan jenis ini agak sukar untuk dibuktikan namun ia boleh terjadi apabila seseorang kanak-kanak itu mengalami kritikan berterusan, ugutan, penolakan serta ketiadaan kasih sayang, sokongan atau bimbingan. Penderaan emosi juga berhubungkait dengan kesan penderaan lain.

Penderaan Seksual

Penderaan seksual menurut Akta Kanak-Kanak (2001) ialah apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsurkan seks bagi apa-apa maksud atau eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain. Jenayah ini

melibatkan sebarang aktiviti yang bermaksud untuk mendapat kepuasan dan memenuhi kehendak orang dewasa atau kanak-kanak remaja di mana mengikut umur atau perkembangan boleh mengambil tanggungjawab dan dipercayai. Hal ini termasuk mempengaruhi atau memaksa kanak-kanak dalam aktiviti seksual yang bertentangan dengan undang-undang seperti menyentuh, bahagian alat sulit kanak-kanak, bersetubuh, sumbang mahram, rogol, liwat, cabul, mendedahkan kemaluan serta eksploitasi komersial melalui pelacuran atau penghasilan gambar lucah.

Pengabaian

Menurut Akta Kanak-kanak 2001, pengabaian pula merujuk kepada kegagalan secara berterusan untuk menyediakan keperluan asas fizikal, emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, pemakanan, tempat perlindungan dan kehidupan yang selamat untuk kanak-kanak. Pengabaian boleh mendedahkan kanak-kanak kepada segala bentuk bahaya serta ancaman dari persekitaran seperti mati lemas, terjatuh dari escalator, terjatuh dari bangunan, ditinggalkan sendirian di rumah tanpa pengawasan, ditinggalkan atau terkurung dalam kereta atau sesuatu kesalahan yang melanggar undang-undang seperti bermain mercun, perbuatan rogol, cabul, liwat, kehamilan remaja, ketagihan internet, pengambilan alkohol, dadah, gejala buli termasuk buli siber, gangsterisme, merempit, lari dari rumah dan lain-lain.

Contoh-Contoh Kes Penderaan dan Pengabaian yang Dilaporkan di Negeri Sembilan

Kes Pertama

Pada 1 Februari 2018, Utusan Malaysia telah melaporkan satu kejadian penderaan yang membawa kepada kematian kanak-kanak perempuan berusia 9 tahun akibat didera oleh bapa kandung sendiri di Taman Vista Jaya, Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kanak-kanak tersebut ditemui tidak sedarkan diri sekitar 11.30 malam pada hari kejadian oleh bapanya sebelum dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Seremban. Kanak-kanak disahkan meninggal dunia setibanya di hospital oleh Pegawai Perubatan. Laporan bedah siasat menunjukkan kematian kanak-kanak disebabkan kecederaan pada organ

dalam akibat penderaan berdasarkan terdapat kesan lebam pada badan kanak-kanak. Kecederaan lain yang dikenalpasti adalah kerosakan pada buah pinggang, kedua-dua rusuk kiri dan kanannya patah, kecederaan pada usus besar serta kesan koyakan dalam pada bahagian paha, dipercayai dipukul dengan objek tumpul. Bapa kandung telah ditahan pihak polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu kes bunuh.

Kes Kedua

Astro Awani pada 23 Jun 2014 melaporkan penemuan seorang kanak-kanak lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) bernama Muhamad Firdaus Dullah berusia 15 tahun yang ditemui di dalam keadaan terabai di Flat Taman Semarak, Nilai Negeri Sembilan oleh pasukan penguatkuasaan Imigresen yang sedang menjalankan operasi membanteras PATI. Kanak-kanak ditemui dalam keadaan fizikal yang kurus kering, tidak boleh berjalan, tidak boleh bercakap, berkeadaan kotor dan kebuluran. Kanak-kanak ditinggalkan oleh ibu kandung yang keluar bekerja ketika itu. Kanak-kanak telah diselamatkan dan dirawat di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban sehingga sihat dan kemudian ditempatkan di Taman Sinar Harapan Seremban sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir pada 14 Oktober 2015 akibat diserang sawan.

Statistik Kes Penderaan dan Pengabaian Di Negeri Sembilan

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan dari tahun 2014 hingga 2018, bilangan kes pengabaian dan penderaan kanak-kanak di negeri ini adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1 : Kes Penderaan dan Pengabaian di Negeri Sembilan bagi tempoh 2014 hingga 2018

| Tahun / Jenis Penderaan | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | JUMLAH |
|-------------------------|------|------|------|------|------|--------|
| Penderaan Fizikal | 88 | 68 | 59 | 95 | 100 | 410 |
| Penderaan Seksual | 14 | 18 | 24 | 45 | 89 | 190 |

| Tahun / Jenis Penderaan | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | JUMLAH |
|-------------------------|------|------|------|------|------|--------|
| Penderaan Emosi | 2 | 4 | 2 | 12 | 28 | 48 |
| Pengabaian | 79 | 111 | 168 | 199 | 167 | 724 |

Jadual di atas menunjukkan kadar peningkatan yang tinggi bagi kes pengabaian iaitu sebanyak 724 kes sepanjang tempoh lima tahun (2014 hingga 2018). Begitu juga berlaku peningkatan bagi kes penderaan fizikal sebanyak 410 kes serta penderaan seksual sebanyak 190 kes bagi tempoh yang sama. Kes pengabaian mencatatkan peningkatan setiap tahun dari tahun 2014 hingga 2017 tetapi menurun sebanyak 32 kes pada thun 2018.

Begitu juga, statistik pengabaian kanak-kanak di Malaysia amnya semakin meningkat. Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menunjukkan berlaku peningkatan kes dari tahun 2013 hingga 2018. Pada tahun 2013 terdapat sebanyak 1,836 kes. Tahun 2014 sebanyak 2,035 kes, tahun 2015 sebanyak 2,236 kes dan tahun 2016 sebanyak 2,547 kes. Penurunan kes direkodkan pada tahun 2017 sebanyak 2,389 kes. Manakala sehingga Jun 2018, jumlah yang direkodkan sebanyak 1,318 kes. Berdasarkan trend dijangkakan peningkatan akan berlaku pada keseluruhan tahun 2018. Peningkatan kes sebegini wajar diberi penekanan serius oleh pihak kerajaan bagi membendung kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang semakin meningkat saban tahun.

Sebab-Sebab Penderaan dan Pengabaian Berlaku

Menurut Clinard & Meier (1985) penderaan boleh dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga yang mencederakan tubuh kanak-kanak, memperkosa, memaksa kanak-kanak bawah umur bekerja, membenarkan mengemis dan mendedahkan mereka kepada bahaya moral sehingga menjejaskan pertumbuhan atau kesihatan emosi dan fizikal mereka. Di samping itu, penderaan kanak-kanak tidak terbatas pada situasi kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga, tetapi juga termasuk sesiapa sahaja yang diamanahkan dalam penjagaan dan pengawalan kanak-kanak seperti pembantu rumah, saudara-mara, jiran atau guru-guru.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima menunjukkan 16.7 peratus kes kanak-kanak ditinggalkan tanpa pengawasan menjadi trend dalam kalangan wanita berkerjaya (Farhana Joni, 2015). Selain itu, kajian Ishak et.al (2014) menjelaskan ibu bapa juga kurang kefahaman ilmu keibubapaan kepada anak-anak. Dalam hal ini, ilmu merupakan asas dalam membuat persediaan keibubapaan. Namun, kebanyakan ibu bapa pada hari ini kurang mementingkan ilmu agama sehingga mereka gagal menguruskan anak-anak dengan cara yang betul (Noremy et.al 2012). Tambahan pula sejarah ibu bapa yang pernah mengalami trauma, masalah kesihatan mental, penyalahgunaan dadah, perjudian dan ketagihan alkohol turut menyumbang kepada kes pengabaian dan penderaan kanak-kanak di Malaysia.

Penderaan dan pengabaian kanak-kanak juga berpunca dari kekurangan fungsi kekeluargaan. Konflik rumahtangga seperti penceraian, pertelingkahan dalam keluarga menjadikan punca kes sebegini meningkat. Ibu bapa tidak lagi memperdulikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak akibat bergelut dengan masalah rumahtangga yang dihadapi menjadikan kanak-kanak menjadi sasaran mudah untuk diabaikan dan didera secara mental, emosi, seksual dan fizikal. Masalah kewangan juga menjadi faktor pengabaian dan penderaan kanak-kanak. Taraf kehidupan yang tinggi di bandar mewujudkan golongan miskin bandar yang setiap hari terpaksa bergelut mencari rezeki untuk menampung kehidupan di bandar dengan upah kerja yang kecil. Disebabkan itu, wanita tidak lagi menjadi suri rumah malah mereka menceburi bidang pekerjaan bagi menampung kehidupan. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan anak-anak di rumah tanpa pengawasan kerana kos menghantar anak ke pusat jagaan adalah terlalu tinggi.

LIMITASI KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat beberapa limitasi yang telah menghadkan keberkesanan kajian. Oleh yang demikian, keputusan kajian ini bukanlah yang bersifat sesuatu yang tetap dan mutlak. Hal ini kerana, kajian ini hanya dilakukan di sebuah institusi perlindungan iaitu Rumah Kanak-kanak Rembau, Negeri Sembilan di mana responden yang terlibat adalah 50 orang kanak-kanak perempuan sahaja dan pandangan

mereka sahaja yang dapat di ketahui sedangkan penderaan dan pengabaian bukan sahaja melibatkan kanak-kanak perempuan sahaja tetapi boleh juga melibatkan kanak-kanak lelaki. Begitu juga pemilihan responden melibatkan kakitangan awam dan orang awam, responden yang dipilih hanyalah terdiri daripada 98 orang kakitangan kerajaan yang bertugas di PKMD, Taman Sinar Harapan dan Rumah Perlindungan Rembau serta orang awam yang berurusan di kaunter PKMD.

Objektif Kajian

1. Mengkaji tahap kesedaran ibu bapa mengenai isu dan permasalahan sosial kanak-kanak di Negeri Sembilan.
2. Mengkaji kesan dari kes pengabaian dan penderaan bagi kanak-kanak yang ditempatkan di Rumah Kanak-kanak Rembau.
3. Mengenalpasti inisiatif baru yang boleh dilaksanakan untuk membantu perkembangan kanak-kanak secara holistik.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Lepas

Alavi, Amin, Subhi, Mohamad & Sarnon (2012) telah membuat kajian mengenai masalah penderaan kanak-kanak di peringkat sekolah dan peranan Pekerja Sosial Sekolah dalam menangani gejala sosial terutamanya penderaan. Kajian tersebut menyatakan bahawa terdapat pelbagai bentuk penderaan iaitu fizikal, seksual, emosional dan penganiayaan. Kajian kes berasaskan pendekatan fenomenologi telah dipilih sebagai pendekatan kajian. Responden kajian adalah kanak-kanak sekolah berbangsa Melayu, Cina dan India yang berumur antara 7 hingga 15 tahun dan tinggal di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur. Kajian ini dijalankan pada tahun 1994 dan sampel kajian diperolehi melalui kerjasama Bahagian Rekod, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Penemuan hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk penderaan iaitu fizikal, seksual, emosi dan penganiayaan. Kajian ini mendapati penderaan kanak-kanak merupakan suatu kemelut yang rumit dan kompleks untuk didiagnosis, samaada kejadian ini merupakan kemalangan, penyakit atau kecederaan

yang disengajakan. Penderaan kanak-kanak tidak terbatas pada situasi kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga, tetapi juga termasuk sesiapa sahaja yang diamanahkan dalam penjagaan dan pengawalan kanak-kanak seperti pembantu rumah, saudaramara, jiran atau guru-guru. Hasil kajian ini juga merumuskan bahawa perkhidmatan kerja sosial di sekolah dapat bertindak sebagai intervensi awal yang membantu mencegah peningkatan dalam kes penderaan kanak-kanak dan pelbagai masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah.

Perubahan fizikal dan emosi dalam diri manusia banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan boleh membawa kepada tingkahlaku berisiko. Tingkahlaku ini boleh mendatangkan kesan negatif dalam psikososial kepada manusia apabila meningkat dewasa kelak. Oleh itu, amat penting bagi tingkahlaku berisiko ini dirawat di peringkat awal sebelum ianya berakar umbi dalam kehidupan harian. Kajian telah menunjukkan bahawa tingkahlaku berisiko dan jenayah di kalangan kanak-kanak semakin meningkat (Morris et al., 1995).

TEORI/MODEL

Dalam konteks ini, tiga teori untuk digunakan dalam kajian ini. Teori-teori ini memperkatakan mengenai pendera, mangsa yang didera serta perkembangan psikologi dan emosi bagi kanak-kanak yang pernah didera dan diabaikan ibu bapa serta penjaga mereka. Antara teori yang digunakan adalah Teori Perapatan (*Attachment Theory*), Teori Psikososial Erikson dan Teori Keperluan Maslow.

Teori Perapatan (*Attachment Theory*)

Teori Perapatan adalah hasil usaha sama antara John Bowlby dan Ainsworths (Bretherton, 1992). Teori ini membincangkan tentang dinamik hubungan jangka masa panjang antara manusia. Pada awalnya teori perapatan ini menekankan bahawa bayi memerlukan sekurang-kurangnya seorang penjaga utama semasa proses pembesaran mereka bagi membolehkan perkembangan sosial dan emosi mereka berlaku secara normal. Seterusnya teori ini diperkembangkan kepada perapatan dalam kalangan individu dewasa yang merangkumi hubungan perapatan dengan rakan

sebaya, teman istimewa atau pasangan. Dalam teori ini, perapatan merujuk kepada hubungan atau ikatan emosi seseorang individu dengan individu yang lain yang wujud dalam kehidupan mereka seperti ibu bapa dan rakan sebaya. Hubungan emosi berfungsi untuk memberikan perasaan diperlukan, selamat dan selesa kepada individu. Hubungan ini adalah saling lengkap melengkapi antara seorang individu dengan individu yang lain melalui kemesraan fizikal seperti penglihatan, sentuhan, pendengaran atau perbualan.

Menurut Bowlby (1969) pembentukan hubungan perapatan antara ibu bapa dan anak-anak terbahagi kepada empat fasa: fasa pertama, dimana bayi yang baru dilahirkan sehingga berusia lapan minggu, fasa kedua melibatkan bayi berusia lapan minggu hingga enam bulan, fasa ketiga adalah usia bayi dari enam bulan hingga dua tahun dan fasa terakhir membabitkan kanak-kanak berusia dua tahun hingga ke atas. Perapatan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu perapatan selamat (*secure*), perapatan mengelak (*avoidant*) dan perapatan bimbang ketidaktentuan (*ambivalent*) (Ainsworths, Blehar, Waters & Wall (1978). Selain itu, Main dan Solomon pula memperkenalkan jenis perapatan yang keempat iaitu perapatan tidak teratur (*disorganized*). Menurut Hudson (2013), jenis perapatan seseorang individu ketika bayi biasanya akan mempengaruhi jenis perapatan individu ketika dewasa.

Teori Psikososial Erikson

Erik Erikson dalam Teori Psikososial menyatakan bahawa tingkah laku seseorang adalah hasil daripada dorongan psikologikal dan faktor sosial di persekitaran individu. Identiti personal terbentuk ketika zaman kanak-kanak dan remaja. Melalui eksperimen dan penilaian pengalaman serta idea, kanak-kanak dan remaja akan membina siapa nilai dirinya yang sebenar. Erikson menjelaskan bahawa manusia akan melalui lapan (8) tahap psikososial yang berkembang dari satu tahap ke satu tahap yang lain iaitu kepercayaan lawan ketidakpercayaan, autonomi lawan malu dan keraguan, inisiatif lawan rasa bersalah, keyakinan diri lawan rendah diri, identiti lawan kecelaruan peranan, keintiman dalam perhubungan lawan pengasingan, kebolehan menjana lawan statik serta keegoan lawan kemurungan.

Teori ini membuktikan bahawa perasaan untuk diterima dalam kumpulan rakan, tahap kepercayaan terhadap rakan sendiri melebihi ibu bapa, krisis identiti dan kecelaruan peranan, rasa rendah diri terhadap kekurangan diri, menjalin hubungan dengan pasangan serta anti sosial merupakan antara tahap perkembangan yang sering mempengaruhi manusia sehingga dewasa.

Kajian ini akan melihat perkaitan perkembangan kanak-kanak yang bertingkh laku delinkuen di Institusi Rumah Kanak-Kanak Rembau dalam membina jati diri, kepercayaan, membina keyakinan diri dan perhubungan selepas terdedah kepada faktor persekitaran sosial yang negatif.

Teori Keperluan Maslow

Teori Keperluan Maslow menyatakan bahawa terdapat lima keperluan utama yang diperlukan oleh manusia iaitu pertama: keperluan fisiologi (makanan, minuman dan tempat tinggal), kedua: keperluan keselamatan (keperluan bebas daripada rasa takut dan bimbang, membebaskan diri daripada ancaman luaran mahupun dalaman dan keperluan untuk menurut arahan dan rutin), ketiga: keperluan kasih sayang (penerimaan sosial, persahabatan, disayangi, keperluan untuk dimiliki dan berhubung dengan orang lain, seksualiti, kemampuan untuk memberi dan menerima cinta dan kasih sayang serta kemampuan reproduktif), keempat: penghargaan sendiri (rasa penting dan dihargai termasuk penghormatan, pengesahan serta penghargaan) dan kelima: kesedaran diri (mendapatkan sepenuhnya potensi diri; menjadi yakin, bersemangat untuk menyatakan kepercayaan, dan sanggup untuk mendekati orang lain untuk membantu mereka).

Kajian ini akan melihat perhubungan faktor pekerjaan ibu bapa bagi memenuhi keperluan ekonomi keluarga terhadap kesan emosi, kawalan dan didikan dalam penjagaan kanak-kanak. Apabila ibu bapa bekerja, faktor penat bekerja akan menyebabkan kanak-kanak mudah dimarahi dan dipukul menyebabkan gangguan emosi turut berlaku dalam perkembangan kanak-kanak. Selain itu, ibu bapa yang bekerja juga turut memberikan kurang kawalan terhadap kanak-kanak seperti kawalan terhadap gajet, bermain di luar dan berkawan.

Teori ini menjelaskan bahawa manusia yang bertingkahtlaku berisiko akan merasai kekurangan kasih sayang keluarga dan kurang rasa penghargaan diri. Manusia yang terlibat dalam pengabaian dan penderaan sama ada sebagai pendera atau mangsa dera ternyata tidak menerima keperluan ini secara menyeluruh dan memberi kesan emosi dan psikologi sehingga boleh membawa kepada tahap kemurungan yang serius.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian merupakan satu perancangan yang dirangka dan menjadi panduan dan juga rujukan bagi aktiviti pengumpulan data. Rekabentuk kajian adalah merupakan salah satu perkara yang menentukan cara dan juga kaedah bagi mengumpul data untuk menyelesaikan atau menjawab persoalan bagi kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif digunakan. Pengumpulan data kuantitatif adalah menggunakan borang soal selidik. Kajian juga dilakukan di tujuh Pejabat Kebajikan Masyarakat di Negeri Sembilan, Taman Sinar Harapan Seremban serta Rumah Perlindungan Rembau.

Sampel Kajian

Seramai 50 orang kanak-kanak berusia 13 hingga 18 tahun dari Rumah Kanak-kanak Rembau, Negeri Sembilan dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Selain itu, terdapat seramai 98 responden daripada kalangan kakitangan kerajaan serta orang awam dipilih dalam kajian ini di seluruh Negeri Sembilan. Pemilihan responden kajian adalah secara rawak.

Kaedah dan Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini menggunakan set soal selidik iaitu Senarai Semak Tingkah laku Kanak-kanak Berumur 6-18 tahun (*Children Behavioral Checklist @ CBL*). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik *Child Behavioral List (CBL)* bagi mengukur kesan tingkah laku kanak-kanak yang pernah didera dan diabaikan oleh keluarga serta penjaga. Borang soalselidik CBL diedarkan oleh pengkaji dan dijawab dalam tempoh tiga hari bekerja.

Pengumpulan data telah dilaksanakan di tujuh Pejabat Kebajikan Masyarakat, Taman Sinar Harapan Seremban dan Rumah Perlindungan Rembau di Negeri Sembilan dengan menggunakan borang soal selidik kepada kakitangan kerajaan serta orang awam. Borang soal selidik diedarkan melalui kaunter serta serahan tangan kepada orang awam yang dipilih secara rawak.

Analisis Data

Maklumat kajian dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Office Excel*. Statistik deskriptif digunakan untuk menjawab soalan objektif kajian pertama iaitu mengenai tahap kesedaran ibu bapa mengenai isu dan permasalahan sosial kanak-kanak di Negeri Sembilan dan objektif kedua iaitu kesan pengabaian penderaan ke atas kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak Rembau.

Latarbelakang Responden

Bagi mengkaji tahap kesedaran ibu bapa mengenai isu dan permasalahan sosial kanak-kanak di Negeri Sembilan, sejumlah borang kaji selidik telah diedarkan kepada 98 responden yang terdiri daripada 58 perempuan dan 40 lelaki. Dari segi umur, sebanyak 17.35 peratus berumur 20-30 tahun, 57.14 peratus responden berumur 31-40 tahun, 17.35 peratus berumur 41-50 tahun, 6.12 peratus berumur 51-60 tahun dan 2.04 peratus berumur 61 tahun ke atas. Selain itu juga, sebanyak 90.53 peratus responden beragama Islam. Daripada jumlah tersebut, 38.30 peratus responden telah berkahwin selama tempoh 6 hingga 10 tahun, 21.28 peratus berkahwin selama tempoh 1 hingga 5 tahun, 17.02 peratus tempoh perkahwinan 11 hingga 15 tahun, 2.13 peratus tempoh perkahwinan 21 hingga 25 tahun dan 10.64 peratus responden berkahwin selama tempoh 28 hingga 30 tahun. Sebanyak 86.96 peratus responden adalah kakitangan awam dan hanya 13.04 peratus adalah kakitangan swasta.


Dari segi tahap pendidikan, 35.05 peratus responden mendapat pendidikan pada tahap Sarjana Muda/Sarjana, Diploma sebanyak 45.36 peratus dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Secara keseluruhannya, latar belakang responden yang mempunyai pendidikan tertinggi bermula STPM sehingga Ijazah dan mereka berpendapatan dalam lingkungan RM2,000.00 sehingga RM4,000.00 sebulan.

Sebanyak 84.69 peratus responden merupakan individu yang berkahwin manakala selebihnya adalah janda atau balu dan bujang (6.12 peratus) serta duda (3.03 peratus). Bagi responden yang berkahwin, 89.77 peratus pasangan mereka juga turut bekerja. Kebanyakan anak yang dimiliki oleh responden adalah seramai dua (2) hingga tiga (3) orang sebanyak 56.32 peratus manakala sifar hingga satu (1) orang 22.99 peratus, diikuti dengan empat (4) hingga lima orang anak sebanyak 20.69 peratus serta tiada responden yang mempunyai anak enam (6) orang ke atas. Justeru, jumlah bilangan anak yang paling ramai dimiliki responden adalah seramai lima (5) orang. Selain itu dari segi penjagaan anak semasa responden bekerja, sebanyak 24 peratus responden menyatakan anak-anak dijaga oleh isteri/suami dan juga Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Sebanyak 20 peratus responden pula menghantar anak kepada jiran atau kenalan manakala 16 peratus responden menghantar anak mereka kepada saudara mara mereka untuk dijaga.


Jadual 2: Latar Belakang Responden

| RINGKASAN LATAR BELAKANG RESPONDEN | |
|------------------------------------|---|
| Jantina | 59.18% perempuan 40.82% lelaki |
| Umur | 57.14% 31-40 tahun 17.35% 20-30 tahun 17.35% 41-50 tahun 6.12% 51-60 tahun 2.04% 61 tahun ke atas |
| Status perkahwinan | 84.69% berkahwin 15.31% tidak berkahwin |
| Tempoh Perkahwinan | 21.28% 1-5 tahun 38.30% 6-10 tahun 40.42% 11-15 tahun |
| Kategori Pekerjaan | 86.96% Kerajaan 13.04% Swasta/Lain-lain |


Carta Pai 1 : Peratus Responden Mengikut Kategori Pekerjaan



Graf 1 : Peratus Pengasuh Kanak-kanak Ketika Ibu bapa Keluar Bekerja



Graf 2 : Peratus Kakitangan Awam dan Swasta yang Menghantar Anak untuk Dijaga Ketika Bekerja



Pengalaman Responden Berkaitan Keibubapaan

Merujuk kepada hasil kajian juga, majoriti responden tidak bersetuju bahawa mereka telah didera dan dipukul semasa kecil. Walau bagaimanapun, mereka percaya bahawa sekiranya mereka dipukul oleh ibu bapa adalah kerana mereka bersikap nakal dan teknik memukul anak dianggap suatu bentuk asuhan untuk mendidik dan mengajar. Selain itu juga, didapati responden ini juga turut mengamalkan teknik asuhan yang sama terhadap anak-anak mereka berdasarkan pengalaman lampau dan budaya asuhan semasa zaman kanak-kanak responden dalam memberi pengajaran kepada anak-anak mereka.


Jadual 4 : Hasil Dapatan Berkaitan Keibubapaan

| PERATUSAN | HASIL DAPATAN |
|-----------|---|
| 80.21 % | Sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju mereka telah didera dan dipukul semasa kanak-kanak |
| 60.82% | Percaya bahawa sekiranya mereka dipukul oleh ibu bapa adalah kerana mereka bersikap nakal |
| 68.05% | Pernah memukul anak sebagai pengajaran |

Dari sudut emosi pula, 70.1 peratus responden tidak bersetuju bahawa menjaga anak boleh memberikan tekanan kepada mereka manakala hanya 15.46 peratus sahaja yang merasakan tidak pasti tentang mendapat tekanan apabila menjaga anak dan hanya 14.44 peratus sahaja yang merasakan menjaga anak seharian memberikan tekanan kepada mereka. Selain itu juga, akibat faktor pekerjaan dan tekanan di tempat kerja pula, 44.33 peratus responden sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju bahawa penat setelah pulang dari bekerja menyebabkan emosimereka terganggu dan mendorong mereka memukul anak. Selebihnya pula berasa tidak pasti dan bersetuju. Tambahan pula, 40.63 peratus sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju bahawa emosi mereka tidak stabil dan menyebabkan mereka memukul anak. Selain daripada itu juga, kebanyakan responden menafikan bahawa mereka memarahi dan memukul anak kerana faktor kewangan dan kesempitan hidup keluarga serta faktor anak mereka sendiri yang bersikap dan bertingkah laku degil.

Kajian juga mendapati kebanyakan responden melayan anak mereka dengan mesra dan penuh kasih sayang. Ibu bapa juga percaya bahawa anak-anak bersikap beragam dan mengamuk kerana hendakkan perhatian ibu bapa mereka. Kebanyakan responden juga bersetuju bahawa mereka meluangkan masa menemani anak-anak belajar dan bermain. Sebagai ibu bapa, majoriti responden merasakan bahawa anak-anak menghormati mereka sebagai ibu bapa dan merasa mereka amat memahami sikap dan tingkah laku anak.

Graf 3: Rumusan Bahagian A menunjukkan Peratus Responden Bersetuju Faktor Emosi, Kewangan, Tekanan Dan Pekerjaan Mempengaruhi Tindakan Ibu bapa Memukul Anak



Secara keseluruhannya, penjagaan anak sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada ibu bapa terutama sekali bagi ibu bapa yang bekerja. Tekanan dan kepenatan di tempat kerja juga mempengaruhi emosi ibu bapa sehingga ada yang sanggup memukul anak sendiri. Setiap ibu bapa pasti akan memberikan kasih sayang dan perhatian kepada anak dan merasakan mereka telah menjadi ibu bapa yang terbaik. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil daripada statistik menunjukkan bahawa emosi ibu bapa akibat faktor pekerjaan, tekanan, kewangan dan tingkahlaku anak yang turut mendorong ke arah penderaan. Meskipun jumlah peratus responden (ibu bapa) yang dilihat berasa tertekan, emosi tidak stabil serta kerap memarahi dan memukul anak berada di bawah jumlah 40 peratus pengkaji melihat isu ini perlu dicegah sebelum menjadi lebih teruk lagi. Ibu bapa perlu bijak dalam menguruskan emosi dan ekonomi keluarga agar kanak-kanak dapat berkembang dengan lebih baik. Justeru, usaha pencegahan perlu dijalankan agar penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak tidak terus berlaku.

Kemahiran Mengawal Anak oleh Ibu bapa

Berdasarkan kajian, 76 peratus responden menunjukkan bahawa

kebanyakan ibu bapa menghantar anak mereka kepada Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), kenalan atau jiran dan saudara mara untuk diasuh. Sebahagian besar responden bersetuju sebanyak 54.17 peratus bahawa mereka sukar mencari pengasuh yang dirasakan bertanggungjawab dan boleh dipercayai untuk menjaga anak-anak mereka. Sebanyak 84.85 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka telah menyelidik latar belakang pengasuh dan keluarga yang bakal mengasuh anak mereka. Selain itu juga, majoriti responden sentiasa membuat pemantauan terhadap anak mereka ketika di bawah jagaan pengasuh dan mereka juga percaya bahawa pengasuh dan keluarganya tidak akan mendera anak-anak mereka. Hal ini menyebabkan sebahagian besar responden merasa yakin bahawa anak-anak mereka berada dalam keadaan yang selamat ketika mereka keluar bekerja.

Selain daripada faktor pengasuh, faktor luaran seperti pendedahan terhadap gajet dan media sosial turut mendedahkan kanak-kanak terhadap bahaya penderaan seperti penjenayah pedofilia. Sebanyak 45.36 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk bergaul dan memilih kawan manakala hanya 37.11 peratus sahaja yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju yang bermaksud responden sebagai ibu bapa membuat kawalan terhadap pergaulan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, 81.44 peratus responden sangat bersetuju dan bersetuju bahawa mereka membuat kawalan dengan menghadkan masa anak-anak bermain di luar seperti taman awam. Selain faktor pergaulan, faktor pendedahan terhadap bahaya di laman media sosial juga turut dilihat. Sebanyak 60.82 peratus responden bersetuju bahawa mereka membenarkan anak-anak menggunakan gajet seperti telefon pintar dan tablet bagi tujuan pembelajaran dan didikan. Sebanyak 77.32 peratus responden juga menunjukkan mereka membuat kawalan dan pemantauan semasa anak-anak bermain gajet, internet atau melayari media sosial.

Sebanyak 91.75 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mendidik anak-anak mereka agar tidak mudah mengikuti orang yang tidak dikenali manakala 91.76 peratus responden mengajar anak mereka untuk berpakaian dan

bertingkahtu dengan sopan. Tambahan pula 88.54 peratus responden turut mengajar anak-anak mereka tentang pegangan agama, nilai-nilai murni dan moral dalam masyarakat. Kawalan ini dilihat amat penting untuk dijalankan oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak mereka terdedah terhadap bahaya penderaan emosi dan seksual.

Secara keseluruhannya, meskipun kajian mendapati majoriti responden mempunyai kemahiran dalam memberikan kawalan dan pemantauan terhadap anak, namun masih terdapat segelintir ibu bapa yang mengambil remeh akan pentingnya aspek kawalan dalam penjagaan kanak-kanak. Seramai 45.36 peratus iaitu 44 responden daripada jumlah 98 responden yang kurang memberikan kawalan terhadap pergaulan anak-anak mereka. Kawalan ini penting terutama bagi kanak-kanak yang sedang meningkat remaja memandangkan mereka mudah terdedah kepada bahaya seksual dalam pergaulan. Kawalan dan pemantauan ibu bapa terhadap persekitaran anak amat penting dijalankan bagi mengelakkan bahaya dan mudarat seperti jenayah pedofilia.

Pengetahuan dan Kefahaman Tentang Advokasi

Sebanyak 92.71 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mengetahui penderaan terdiri daripada penderaan fizikal, emosi dan seksual. Tambahan pula 89.69 peratus responden juga mengetahui bahawa penderaan fizikal boleh mendatangkan kecederaan dan kematian kepada anak. Selain itu, 96.88 peratus responden juga mengetahui bahawa tidak menjaga keperluan makan minum, kesihatan dan pendidikan merupakan suatu bentuk pengabaian terhadap kanak-kanak. Sebanyak 83.33 peratus responden juga percaya sekiranya ibu bapa dipengaruhi dadah, mereka boleh menyebabkan kebajikan anak-anak terabai serta mendorong kepada penderaan fizikal dan emosi anak. Majoriti responden sebanyak 94.85 peratus mengetahui bahawa tindakan undang-undang akan diambil sekiranya penderaan dan pengabaian kanak-kanak berlaku manakala hanya 85.57 peratus sahaja yang mengetahui akan wujudnya Akta Kanak-Kanak 2001 yang bertujuan untuk melindungi kanak-kanak.

Seramai 89.69 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mengajar anak-anak tentang sentuhan yang selamat dan tidak selamat pada tubuh badan. Sebagai ibu bapa, responden juga bersetuju bahawa tingkahlaku sebagai ibu bapa mempengaruhi pembentukan peribadi anak-anak mereka sebanyak 89.69 peratus. Selain itu, sebanyak 65.98 peratus tidak bersetuju bahawa memarahi anak-anak dengan kata-kata kesat tidak akan memberi pengaruh buruk ke atas tingkahlaku anak-anak. Walau bagaimanapun, 45.83 peratus sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perhatian lebih tinggi perlu diberikan kepada kanak-kanak di peringkat bayi berbanding remaja sebanyak 35.42 peratus sahaja manakala selebihnya responden berasa tidak pasti.

Berhubung dengan media sosial pula, sebanyak 61.86 peratus responden bersetuju bahawa mendedahkan gambar anak tidak berpakaian lengkap di media sosial adalah menjadi suatu kesalahan pada pandangan mereka manakala 27.55 peratus menyatakan tidak bersetuju perkara ini menjadi kesalahan. Hal ini kerana sebanyak 61.86 peratus responden tidak bersetuju bahawa mereka suka berkongsi gambar anak di media sosial berbanding 19.59 peratus sahaja yang bersetuju. Selain itu, seramai 82.47 peratus responden bersetuju bahawa mereka memahami maksud pedofilia dan hanya 70.10 peratus responden sahaja yang percaya bahawa tempat awam boleh memberikan risiko yang mendedahkan anak-anak terhadap bahaya penjenayah pedofilia.

Secara keseluruhannya, masih terdapat responden yang tidak memahami tentang perundangan dan isu semasa kanak-kanak di Malaysia. Justeru, program-program bersifat advokasi perlu dijalankan secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa dalam menjaga dan mendidik kanak-kanak seiring dengan perkembangan dunia semasa.

Analisis Data Kesan Pengabaian dan Penderaan ke atas kanak-kanak di Rumah Kanak-kanak Rembau berdasarkan *Children Behavioral Checklist (CBL)*


Terdapat kes di mana kanak-kanak yang ditempatkan di institusi perlindungan akibat penderaan dan pengabaian oleh keluarga serta penjaga mengalami kesan trauma dan

perubahan tingkahlaku. Dalam memperkatakan mengenai konsep remaja bertingkahlaku berisiko, terdapat pendekatan konseptual 'Teori Ekologikal Perkembangan Individu' yang menyatakan bahawa kanak-kanak dan remaja sentiasa mengalami proses perkembangan dengan menerima pengaruh daripada persekitaran melalui sokongan dan hubungan yang pelbagai dari keluarga, rakan sebaya, komuniti dan sistem sosial yang lebih luas. Pengaruh ini meliputi pelbagai proses seperti proses dalam keluarga sama ada secara langsung (hubungan antara ibu bapa dan remaja) atau tidak langsung (hubungan sesama ibu bapa), proses yang berlaku dalam kumpulan rakan sebaya (*peers group*), sokongan sosial yang diperolehi, proses sumber sokongan daripada komuniti, persekitaran yang selamat dan kehidupan yang berkualiti dan kehadiran institusi yang lebih luas seperti sekolah (Urie Bronfenbrenner, 1979).

Tingkah laku berisiko remaja sering dikaitkan dengan faktor persekitaran yang banyak mempengaruhi pola perlakuan. Berdasarkan kepada pendekatan ekologikal, perlakuan bermasalah di peringkat remaja adalah berhubung rapat dengan masalah perkembangan remaja. Justeru itu, faktor-faktor persekitaran luaran negatif seperti proses dalam keluarga, kumpulan rakan sebaya, sokongan sosial, komuniti, kejiwaan dan institusi tertentu mempunyai hubungan rapat dengan dengan proses perkembangan perlakuan remaja. Kanak-kanak atau remaja yang terdedah dengan persekitaran sosial berisiko dianggap sebagai kanak-kanak atau remaja berisiko. Justeru, apabila kanak-kanak seperti ini ditempatkan di institusi perlindungan, pelbagai program intervensi melibatkan kaunseling individu serta kelompok, motivasi serta keagaamaan perlu dijalankan bagi membantu kanak-kanak mengatasi trauma akibat didera dan diabaikan.

Berdasarkan graf di bawah menunjukkan kesan kepada tingkahlaku bagi kanak-kanak yang mengalami penderaan dan pengabaian oleh keluarga serta penjaga.

Graf 3 : Kesan Tingkah Laku Kanak-Kanak Akibat Penderaan dan Pengabaian



Jadual 7 : Skor Bagi Tingkah Laku Kanak-Kanak Akibat Penderaan dan Pengabaian

| Skor | Bilangan responden | Petunjuk |
|----------|--------------------|--|
| 100 - 91 | 7 | Prestasi sangat baik dalam semua bidang |
| 90 - 81 | 5 | Prestasi baik dalam semua bidang |
| 80 - 71 | 4 | Mempunyai sedikit masalah berfungsi di rumah, sekolah atau di kalangan rakan sebaya |
| 70 - 61 | 4 | Sedikit masalah dalam satu fungsi tertentu |
| 60 - 51 | 7 | Mempunyai masalah dalam beberapa fungsi sosial tetapi bukan semua |
| 50 - 41 | 5 | Gangguan tahap sederhana dalam kebanyakan fungsi sosial atau gangguan teruk dalam satu fungsi sosial |
| 40 - 31 | 5 | Gangguan sangat ketara dalam beberapa fungsi sosial dan tidak dapat berfungsi dalam salah satu fungsi sosial |
| 30 - 21 | 8 | Tidak dapat berfungsi dalam kebanyakan fungsi sosial |

| Skor | Bilangan responden | Petunjuk |
|---------------|--------------------|--|
| 20 - 11 | 1 | Perlu pengawasan untuk mengelakkan mencederakan orang lain atau diri sendiri |
| 10 - 1 | 4 | Memerlukan pengawasan setiap masa (24 jam) |
| Jumlah | 50 | |

Skor di atas merupakan penilaian kesan tingkahlaku bagi kanak-kanak yang mengalami penderaan dan pengabaian oleh ibu bapa, ahli keluarga serta penjaga. Skor 30 hingga 1 merupakan skor yang mana perhatian lebih tinggi perlu diberikan oleh kaunselor dan pihak institusi dalam menjaga dan memberikan perlindungan terhadap kanak-kanak. Berdasarkan skor 30 - 21 di atas seramai 8 orang kanak-kanak mengalami masalah dalam tingkahlaku, komunikasi, tekanan perasaan dan kurang keyakinan diri. Kanak-kanak ini masih memerlukan rujukan ke sesi kaunseling serta sokongan sosial daripada kakitangan institusi, guru dan rakan sebaya. Skor 20 - 11 menunjukkan seorang kanak-kanak memerlukan pengawasan untuk mengelakkan dirinya mencederakan orang lain serta diri sendiri dan kes ini memerlukan perhatian serius dari kakitangan institusi, guru dan rakan sebaya serta perlu menjalani sesi kaunseling secara berterusan. Manakala bagi skor 10 - 1 seramai 4 orang kanak-kanak memerlukan pengawasan rapi kerana masalah tingkahlaku dan dirujuk ke sesi kaunseling secara berterusan.

Secara keseluruhannya, 26 peratus daripada 50 responden mengalami gangguan yang ketara dari segi tingkah laku dan perkembangannya. Kesimpulannya, analisis data ini menunjukkan kesan tingkahlaku akibat pengabaian dan penderaan adalah negatif untuk perkembangan kanak-kanak secara holistik (menyeluruh) dari aspek fizikal, kognitif, emosi dan mental. Perkara ini amat membimbangkan memandangkan kanak-kanak akan keluar daripada institusi setelah tamat perintah. Jika kawalan, penjagaan dan perlindungan yang sepatutnya tidak dapat diberikan oleh ibu bapa atau penjaga setelah kanak-kanak dikembalikan kepada keluarga,

permasalahan sosial dalam masyarakat juga akan sentiasa berlarutan kerana jati diri mereka yang rapuh.

Secara keseluruhannya, masih terdapat segelintir ibu bapa yang tidak mengambil berat akan isu semasa berkaitan penderaan dan pengabaian kanak berdasarkan tahap pengetahuan dan kefahaman mereka. Justeru, langkah dalam meningkatkan advokasi dan kemahiran keibubapaan adalah sangat penting bagi mengelakkan bahaya mudarat dan berisiko kepada kanak-kanak.

PROGRAM SEDIA ADA OLEH JABATAN SERTA CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bantuan Kewangan

Perkhidmatan bantuan kewangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat disediakan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Secara prinsipnya, di dalam melaksanakan pemberian bantuan kepada rakyat. Skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai alat dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian, yang merupakan satu kaedah dalam kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.

Objektif Pemberian Bantuan

- Memenuhi keperluan asas (*basic needs*) bagi meringankan beban penerima bantuan
- Alat sokongan sosial (*social support tools*) untuk menilai kemampuan penerima bantuan ke arah berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan
- Alat pemulihan (*rehabilitation tools*) agar penerima bantuan terus kekal tinggal bersama komuniti/masyarakat.
- Sumber kewangan sementara penerima bantuan meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup

Antara bantuan yang disalurkan kepada ibu, bapa atau penjaga kanak-kanak yang layak adalah Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Anak Pelihara. Bantuan ini disalurkan bagi meringankan beban ibu, bapa atau penjaga agar kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak terbela sementara mereka boleh berdikari. Namun terdapat segelintir ibu, bapa atau penjaga menganggap bantuan ini sebagai pendapatan bulanan dan tidak berusaha untuk memajukan diri dan keluarga. Jadi jabatan perlu peka kepada ibu, bapa atau penjaga yang bersikap sebegini dengan memberi tunjuk ajar atau nasihat agar mereka dapat berdikari.

Selain itu, kadar bantuan anak pelihara dinaikkan dari RM250 seorang atau maksimum RM500 kepada kadar baru yang sesuai mengikut kos sara hidup semasa yang semakin meningkat bagi menggalakkan ramai bakal ibu bapa pelihara mengambil anak pelihara.

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)

PPKK ditubuhkan di negeri dan daerah berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Antara tugas ahli PPKK adalah bagi membantu Jabatan dalam memberi advokasi kepada masyarakat mengenai perlindungan kanak-kanak, menyebarkan pengetahuan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak mengenai penjagaan dan pemeliharaan kanak-kanak. Mereka juga boleh menjalankan kempen mengenai kesedaran menangi isu-isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak. Mereka juga boleh membantu Pelindung untuk mencari penjaga atau orang yang layak dan sesuai (OYLS) kepada kes-kes yang dikendalikan.

Antara aktiviti yang dikendalikan oleh PPKK juga ialah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat. Contoh-contoh program dan aktiviti yang dijalankan ialah mengadakan pusat jagaan, kelas tuisyen, khidmat kaunseling, kelas komputer dan kursus pengasuhan dan perkembangan kanak-kanak.

Penubuhan PAKK merupakan satu usaha yang menyeluruh dan lebih sistematik dan berkesan dalam usaha mencegah ke

penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. PAKK merupakan program/perkhidmatan sokongan anjuran Pasukan Pelindungan Kanak-kanak. PAKK diwujudkan mengikut keperluan setempat. Pasukan Pelindungan Kanak-kanak perlu mengenalpasti isu yang ketara dalam sesuatu kawasan dan menentukan peringkat umur kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan. Ini akan membantu dalam penyediaan program dan tempoh masa PAKK patut dijalankan. PAKK boleh dibuka sepanjang hari, atau untuk tempoh masa yang tertentu sahaja. Premis yang digunakan disewa atau didapati dengan percuma dengan kerjasama Majlis Tempatan, Jawatankuasa Penduduk Setempat atau bantuan/sokongan dari perseorangan.

Objektif penubuhan PAKK adalah untuk menganjurkan program dan perkhidmatan sokongan bercorak pencegahan dan perlindungan terutama bagi kanak-kanak yang dianiaya oleh keluarga mereka. Keanggotaan PAKK terdiri daripada jawatankuasa kecil yang dilantik oleh Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak. Realitinya, tidak semua PPKK aktif dan melaksanakan fungsi mereka seperti yang ditetapkan kerana mereka menjalankan tugas-tugas ini secara sukarela. Mereka juga mempunyai komitmen yang lain di luar dan tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas sebagai ahli PPKK. Oleh yang demikian, dicadangkan ahli PPKK dilantik dari mereka yang berminat dan boleh memberi sepenuh perhatian kepada kerja-kerja sukarelawan.

PROGRAM KHIDMAT SOKONGAN SAKSI BAGI KANAK-KANAK

Projek Khidmat Sokongan Saksi (KSS)

Mulai 1 Julai 2003 - Perkhidmatan KSS sebagai projek perintis di Mahkamah Seksyen dan Majistret, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Di Malaysia dimodelkan mengikut *Witness Support Service* di Britain yang dikendalikan oleh sebuah NGO bernama *Victim Support*, sebuah organisasi yang memberi sokongan kepada mangsa jenayah, termasuk kanak-kanak dan orang dewasa. NGO ini menyediakan perkhidmatan bagi mengurangkan kebimbangan dan trauma kanak-kanak yang menjadi saksi. Ia sebagai saluran komunikasi di antara pihak polis, pendakwa dan kanak-kanak yang terlibat.

Kanak-kanak yang menjadi saksi di mahkamah selalunya akan menghadapi suatu pengalaman yang menakutkan dan membingungkan. Perasaan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

1. Kekaburan mengenai peranan mereka sebagai saksi;
2. Kurang pengetahuan mengenai prosedur mahkamah, peranan kakitangan mahkamah dan susunatur mahkamah;
3. Seringkali perlu menunggu lama, kadang-kadang berhampiran dengan tertuduh, keluarga atau penyokongnya yang menyebabkan saksi merasa terancam;
4. Saksi kanak-kanak mungkin tidak memahami atau merasa tidak bersedia untuk proses pemeriksaan balas di mahkamah;
5. Merasa takut apabila berada di kandang saksi dan kehadiran di kawasan mahkamah; dan
6. Memberi keterangan di mahkamah itu sendiri adalah suatu pengalaman yang sukar.

KSS ini adalah suatu program yang praktikal namun ianya tidak digunakan secara meluas. Buat masa ini, hanya Pelindung sedia ada akan menemani kanak-kanak ketika diperlukan. Adalah dicadangkan perkhidmatan KSS ini diperluaskan dan melantik pegawai khas untuk menjalankan tugas tersebut. Latihan dan bimbingan perlu diberikan kepada mereka yang dilantik agar mereka tahu dan faham tugas dan fungsi masing-masing.

Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK)

Ia merupakan program memperkasakan institusi kekeluargaan dalam memberikan penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak. Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) bertujuan memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak untuk mendapat kasih sayang dalam persekitaran kekeluargaan. Sejajar dengan matlamat Dasar Perlindungan Kanak-Kanak, Dasar Kanak-Kanak Negara dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak yang menetapkan bahawa setiap kanak-kanak perlu mendapat hak kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Justeru itu, langkah untuk menempatkan kanak-kanak di institusi kebajikan adalah merupakan langkah yang terakhir.

Pengubalan Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) telah memasukkan Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) sebagai satu terma baru dalam pembangunan keluarga. Mengikut Seksyen 2, Tafsiran Akta Kanak-Kanak 2001 – Penjagaan Berasaskan Keluarga ertinya Pemeliharaan Seseorang Kanak-kanak suasana kekeluargaan termasuk:

- pemeliharaan seseorang kanak-kanak oleh ibu, bapa, penjaga, atau saudara;
- pemeliharaan seseorang kanak-kanak oleh ibu, atau bapa pemeliharaan atau orang yang layak dan sesuai; dan
- pemeliharaan seseorang kanak-kanak di suatu pusat.

Objektif PBK adalah untuk:

1. Memberikan peluang dan ruang kepada kanak-kanak agar terus mendapat kasih sayang dari ibu bapa atau penjaga atau ahli keluarga;
2. Menggerakkan komitmen komuniti dalam memikul tanggungjawab dari segi penjagaan dan pendidikan kepada kanak-kanak; dan
3. Mengurangkan peruntukan dalam kos operasi bagi penjagaan kanak-kanak di institusi.

Sehubungan dengan itu, kanak-kanak tidak dimasukkan ke institusi dan akan terus kekal dalam jagaan keluarga seterusnya mendapat kasih sayang dan perhatian yang lebih mengkhusus mengikut perkembangan kanak-kanak. Bagi projek rintis PBK tahun 2019, Rumah Kanak-Kanak Rembau telah dipilih bagi tujuan ini dengan menyasarkan seramai 15 orang kanak-kanak ditempatkan dengan keluarga atau Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS).

Kekangan yang dihadapi buat masa ini adalah jika ibu atau bapa atau penjaga tidak mampu atau tidak sesuai dari segi keselamatan untuk memberi jagaan kepada kanak-kanak, tiada OYLS yang sanggup untuk menjaga kanak-kanak. Jika di luar negara, mereka mempunyai data bank OYLS yang sanggup untuk membantu

menjaga dan memberi kasih sayang kepada kanak-kanak, namun di Malaysia ia agak asing.

Oleh yang demikian, dicadangkan agar OYLS ini dipilih melalui temuduga dan diterangkan keperluan mereka sebagai penjaga kepada kanak-kanak yang memerlukan. Mereka harus dihantar untuk menjalani latihan keibubapaan dan nama mereka dimasukkan ke dalam Bank Data untuk kegunaan Pelindung yang memerlukan OYLS bagi penempatan kanak-kanak.

Penjagaan berasaskan keluarga adalah salah satu langkah Jabatan untuk mengakhirkan zaman penempatan di institusi bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan sebaliknya menuju ke arah asuhan berasaskan keluarga dan penglibatan komuniti setempat.

Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (eDKK)

Merupakan inisiatif terbaru Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikuatkuasakan pada 1 April 2019 dan sistem semakan ini merupakan sebahagian daripada maklumat dalam Sistem Daftar Kanak-Kanak yang boleh diberikan kepada orang-orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 120 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].

Sistem Daftar Kanak-Kanak adalah bentuk yang ditetapkan untuk disimpan dan digunakan sebagai Daftar Kanak-Kanak di bawah Seksyen 118 Akta 611. Ia merupakan suatu pangkalan data berpusat yang menyimpan maklumat kanak-kanak sama ada mempunyai kes atau disyaki memerlukan perlindungan, maklumat pelaku yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan terhadap kanak-kanak dan apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dari semasa ke semasa.

Tujuan eDDK

1. Untuk mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan terhadap kanak-kanak; dan
2. Mencegah dan mengekang jenayah terhadap kanak-kanak daripada berlaku dan berulang.

Seseorang yang ingin mengambil pekerja dalam bidang berkaitan pengurusan kanak-kanak boleh membuat semakan untuk memastikan individu yang diambil bekerja bebas daripada rekod jenayah terhadap kanak-kanak. Maklumat mengenai pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak diperolehi daripada pihak mahkamah. Individu termasuk ibu bapa dan agensi yang mengambil kakitangan dalam sektor pekerjaan yang melibatkan kanak-kanak seperti:

1. Pengasuhan di TASKA atau di Rumah (cth: pengasuh)
2. Penjagaan kanak-kanak di institusi/asrama/pusat jagaan (cth: warden asrama, atendan)
3. Bidang pendidikan seperti tadika, pusat tuisyen (cth:guru, tukang kebun, pengusaha kantin, pengawal keselamatan)
4. Kesihatan/perubatan di klinik/hospital (cth: atendan, jururawat, doktor)
5. Pengangkutan seperti pemandu bas sekolah.
6. Sukan dan Rekreasi
7. Mana-mana yang ditentukan secara munasabah oleh KPKM.

Buat masa ini, eDKK hanya menyemak pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan maklumat kesalahan akan diperolehi dari mahkamah. Sistem ini masih belum menyeluruh kepada semua kesalahan jenayah yang membuatkan ibu bapa atau majikan tidak mendapat maklumat kesalahan lain seseorang. **Sistem ini boleh ditambah baik dari masa ke semasa dengan mengambilkira kesalahan jenayah lain seperti penderaan fizikal, emosi dan pengabaian kanak-kanak.**

Program Sahabat Bijak

Program SAHABAT BIJAK ini adalah satu program advokasi yang telah dilancarkan pada tahun 2016. Tema asal program ini adalah *Safe and Protect* menfokuskan kepada program Banteras Indeks Jenayah Ke Atas Kanak-Kanak. Matlamat utama program ini adalah untuk menurunkan kadar kes yang melibatkan kanak-kanak dari aspek jenayah mahupun

perlindungan. Program ini menyasarkan semua kanak-kanak di sekolah rendah serta menengah, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan komuniti setempat. Program ini lebih berbentuk kepada penyebaran maklumat, pendidikan dan kesedaran terhadap bahaya jenayah kepada kanak-kanak dan masyarakat khususnya ibu bapa.

Berikut adalah statistik penyertaan pelajar sekolah dalam Program SAHABAT BIJAK di seluruh daerah di Negeri Sembilan bagi tahun 2017 dan 2018:

Jadual 8 : Statistik Penyertaan Program SAHABAT BIJAK

| Bil. | Daerah | Tahun | |
|---------------|--------------|-------------|-------------|
| | | 2017 | 2018 |
| 1 | Seremban | 400 | 77 (PAKK) |
| 2 | Port Dickson | 100 | 200 |
| 3 | Kuala Pilah | 150 | 215 |
| 4 | Rembau | 120 | 320 |
| 5 | Tampin | 200 | 150 |
| 6 | Jempol | 300 | 385 |
| 7 | Jelebu | 140 | 200 |
| JUMLAH | | 1410 | 1547 |

Berdasarkan statistik di atas, berlaku pertambahan seramai 137 orang peserta yang mengikuti program tersebut. **Diharap program sebegini dapat diperluaskan ke sekolah-sekolah di seluruh Malaysia pada setiap tahun.**

CADANGAN INISIATIF LAIN YANG BOLEH DILAKSANAKAN DALAM JANGKA MASA PANJANG

Meningkatkan Kemahiran Keibubapaan Kepada Penjawat Awam

- Mewajibkan kursus sehari mengenai *parenting skill* bagi mencukupkan 7 hari berkursus setahun kepada semua penjawat awam di semua kementerian;

- Mengadakan kolaborasi dengan Jabatan Perkhidmatan Awam agar mewujudkan *Modul Parenting Skill* di setiap jabatan dan diseragamkan;
- Memasukkan elemen kemahiran komunikasi, kemahiran membina penghargaan anak dan kemahiran disiplin ke dalam modul yang dibangunkan; dan
- Dengan adanya Kursus *Parenting Skill* oleh jabatan akan mengurangkan kos mengikuti Kursus *Parenting Skill* yang dijalankan oleh pihak swasta.
- Modul Perlindungan Hak Kanak-kanak dijadikan ini dijadikan sebagai satu tajuk utama dalam Modul *Parenting Skill* kepada kakitangan awam

Laman Web Khas Diwujudkan

- Mewujudkan laman web khas mengenai hak kanak-kanak dengan cara yang mudah difahami, ilustrasi dan grafik yang menarik minat kanak-kanak; dan
- Memasukkan kuiz atau permainan mengenai hak dan keselamatan kanak-kanak untuk menarik minat kanak-kanak dan ibu bapa melayari laman web tersebut.

Sisipan Mengenai Hak Kanak-Kanak Di Media Massa

- Menjadikan media massa sebagai medan utama menyebarkan kesedaran dan kefahaman mengenai hak dan perlindungan kanak-kanak, keselamatan kanak-kanak, tanggungjawab ibu bapa, tanggungjawab masyarakat secara berterusan.

Media Sosial

- Kesedaran dan kefahaman mengenai hak dan perlindungan kanak-kanak secara menyeluruh meliputi semua peringkat masyarakat melalui media sosial.

Khutbah Jumaat

- Mengadakan kolaborasi dengan JAKIM untuk dibacakan khutbah Jumaat mengenai hak & perlindungan kanak-kanak, keselamatan kanak-kanak, tanggungjawab ibu bapa, tanggungjawab masyarakat sekurangnyanya 4 kali setahun.

Memperkasa Komuniti

- Ketua masyarakat/Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) mengambil langkah awal menyelamatkan mangsa dengan menempatkan mangsa di balai raya/masjid/surau sebelum pihak JKM tiba di tempat kejadian. Mewujudkan masyarakat yang prihatin dan bertindak awal menangani isu-isu yang berlaku dalam komuniti masing-masing.

Anugerah Kepada Komuniti

- Mewujudkan Anugerah Khas kepada komuniti yang banyak memberi sumbangan kepada kerja-kerja kebajikan kanak-kanak.
- Mewujudkan Anugerah Ibu bapa mithali.

Re-Engineering Pakar Kanak-Kanak

- Pengkhususan dalam sesuatu bidang dalam kalangan Pegawai-Pegawai JKM;
- Mewujudkan pakar rujuk kanak-kanak di JKM; dan
- Kenaikan pangkat untuk pegawai di bidang yang sama (contoh: bidang kanak-kanak).

KESIMPULAN

Anak-anak tidak seharusnya dijadikan mangsa kecuaiannya ibu bapa dan penjaga dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T. Akibat kesan penderaan dan pengabaian tersebut menyebabkan anak-anak membesar menjadi seorang yang trauma, pendendam, kecewa, kemurungan, lemah semangat serta mengalami kecelaruan mental sehingga berlakunya ketidakfungsian sosial anak itu. Ini amat merugikan kerana kita amat memerlukan warga yang dinamik, berfikiran positif, cecal semangat, berpendidikan tinggi serta berwawasan dalam pembangunan negara.

RUJUKAN

Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016).

Alavi, K., Azian Sofia Amin, Subhi N., Mohamad, M.S., & Sarnon, N.,
*Kerja Sosial di Sekolah: Memahami dan Menangani Penderaan
Kanak-Kanak*. Jurnal e-Bangi, Jilid 7, Bil. 1 17-37, 2012.

Ainsworth, M.D., Blehar, M.C., Waters, E., & Wall, S. (1978).
*Patterns of Attachment: Assessed in the Strange Situation and
At Home*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
Publishers.

Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs,
NJ:Prentice Hall.

Bretherton, I.(1992). The Origin of Attachment Theory. John
Bowlby and Mary Ainsworth. *Development Psychology*, 28(5),
759-775.

Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development:
Experiments by Nature and Design*. Cambridge, Massachusetts:
Harvard University Press.

Bowlby, J. (1969). *Attachment and Loss*. Vo. 1: Attachment. New
York. Basic Books.

Cua Yan Piew. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah
Penyelidikan*. 2nd edition. McGraw-Hill Education.

Clinard, Marshall B., Robert F. Meier., *Sociology of Deviant*. 15th
edition. Cengage Learning.

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara.

Erikson, E. (1950). *Childhood and Society*. W.W.Norton &
Company.

Ghafani bin Awang. 2007. *Kenakalan Remaja dari Perspektif
Islam*. Retrieved on 8 Aug 2008, from [http://halaqah.net/v10/
index.php](http://halaqah.net/v10/index.php).

Hudson, D.L. (2013). Attachment Theory and Leader-Follower
Leadership Relationships. *The Psychologist Manager Journal*.
16(3).147.

ISM Minda : *Perlindungan Kanak-Kanak*. Disember 2014.Vol.5.

ISM Minda : *Perlindungan Kanak-Kanak Mengikut Konteks Perundangan Malaysia*. Disember 2010. Vol.11

Main, M. & Solomon, J. (1986). Discovery of an Secure-Disorganized/Disconnected Attachment Pattern. In Bazetton, TB (ed), Yogman, M. (Ed). (1986). *Affective Development In Infancy*, (pp 95-124). Wesport, CT US: Ablex Publishing.

Maslow, A. (1942). *A Theory of Human Motivation*. *Psychological Review* 50:370-396

Mohammad Ramzi Zakaria. *Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu bapa: Kedudukannya di Bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Prinsip Syariah*. (2015) 19 JUUM 37-49.

Morris, R.E., Harrison, E.A., Knox, G.W., Tromanhauser, E. et al. 1995. Health Risk Behavioral Survey from 39 Juvenile Correctional Facilities in the United States. *Journal of Adolescent Health*. 17(6): 334-344.

Mustafa Hj Daud. *Pendidikan Keibubapaan: Satu Pengenalan Ringkas*. Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.

Modul Pra Perkahwinan Islam : Majlis Agama Islam Negeri.

Modul Kursus Pendidikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

Nor Saleha Mohd Salleh., Nabila Huda Zaim., Zetty Nurzuliana Rashad., Noor hafizah Mohd Harid., Kamal Azri Abd Rahman & Norbahian Misran. Statistik Penderaan Kanak-kanakdi Malaysia: Satu Analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. Vol. 5 (Oct) 2018.

Noor Laily Abu Bakar. *Artikel Kemahiran Keibubapaan*. 2007. Petaling Jaya

Nurul Izzah Izati Hashim., Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kassim., Tinjauan Literatur Faktor Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilization Study and Human Sciences*, Vol. 2, Issue 1, 2019.

Zanariah Noor. Penderaan Kanak-Kanak oleh Ibu bapa dan Implikasinya Mengikut Undang-Undang Sivill dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Perspektif* Ji.7 Bil.2 (66-80)

ISU DAN PERMASALAHAN SERTA INISIATIF KELUARGA DAN KOMUNITI DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN HIDUP WARGA EMAS



Ruzaidi Che Soh
Nazri Hussin
Tuan Noor Rosniza Tuan Puteh
Suzieyaty Siyude
Saiful Nizam Mohd Nor
Wan Nor Hayati Wan Husain
Rosni Yaacob
Zulbahri Ibrahim
Hizani Ibrahim
Wira Mahmood
Nuzulziman Awang
Nor Asidah Binti Hussin

*PKMJ Kuala Krai, PKMJ Tumpat, PKMJ Machang, PKMJ Jeli, PKMJ Pasir Puteh,
Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin Pengkalan Chepa,
PKMJ Tanah Merah, PKMJ Gua Musang, PKMJ Pasir Mas,
PKMJ Bachok, Rumah Kanak-Kanak Mini Kelantan*

ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus terhadap tiga objektif utama iaitu: pertama, mengenalpasti isu dan masalah warga emas sehingga menyebabkan mereka ditempatkan di Rumah Seri Kenangan; kedua, mengenalpasti keperluan warga emas yang tinggal di Rumah Seri Kenangan; dan ketiga, mengenalpasti peranan dan tanggungjawab keluarga dan komuniti dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual terhadap sepuluh orang penghuni warga emas yang tinggal di Rumah Seri Kenangan (RSK) Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa punca warga emas di tempatkan di RSK dan punca tersebut berbeza mengikut latar belakang warga emas. Antara punca warga emas ditempatkan di RSK adalah akibat pengabaian fizikal, pengabaian emosi, pengabaian kewangan dan material. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar institusi keluarga dan komuniti perlu diperkasakan sama ada secara tradisional, secara bersistem mahupun melalui penguatkuasaan undang-undang dalam memainkan peranan dan tanggungjawab untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas.

Kata Kunci: *isu dan masalah, warga emas, Rumah Seri Kenangan, keperluan, pengabaian, peranan dan tanggungjawab*

PENGENALAN

Mengikuti Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi kedua mendapati isu bermaksud perkara pokok, persoalan, perbincangan, masalah dan topik. Maksud inisiatif ialah daya usaha yang mula-mula, mengambil dan memulakan sesuatu usaha atau kebolehan untuk melihat apa-apa yang perlu dilakukan dan berusaha pula untuk menjayakannya. Menurut Wikipedia, keluarga ialah satu kumpulan manusia yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat. Di Barat, keluarga didefinisikan sebagai satu kumpulan manusia yang mempunyai hubungan darah atau pertalian sah seperti perkahwinan dan pengambilan anak angkat. Banyak ahli antropologi berpendapat istilah “darah” perlu difahami secara metaforik kerana terdapat masyarakat bukan Barat mempunyai konsep berkeluarga yang tidak bersandarkan “darah”. Seterusnya, komuniti membawa maksud orang yang tinggal di sesuatu tempat, daerah, negara di bawah satu pemerintahan atau tempat yang didiami oleh sesuatu masyarakat. Kesejahteraan pula bermaksud keadaan sejahtera, keamanan dan keselamatan, ketenteraman di dunia dan di akhirat. Maksud warga emas pula ialah orang yang sudah tua yang sudah berumur 60 tahun ke atas (JKM,2019).

Pepatah Melayu yang berbunyi “bagai kacang lupakan kulit”, “ulat melupakan daun”, dan “air susu dibalas dengan air tuba” mungkin sesuai untuk dikiaskan bagi isu golongan warga emas yang kian terabai, kurang bernasib baik dan kebajikan golongan ini juga diabaikan oleh semua pihak.

Penderaan dan pengabaian terhadap warga emas kini menjadi antara isu yang perlu diberi tumpuan dan ditangani dengan cara berkesan. Ini berikutan, kes penderaan dan pengabaian terhadap golongan tua dilihat sebagai isu yang serius serta cabaran yang membimbangkan sejak kebelakangan ini. Lebih merisaukan, kes pengabaian dan penderaan terhadap warga emas di negara ini dijangka meningkat, berikutan dengan tekanan kehidupan yang dihadapi oleh anak-anak, dan nilai murni yang semakin menipis dalam kalangan masyarakat.

Dulu, kes penderaan dan pengabaian warga tua boleh dilihat sebagai kes terselindung dan tidak ramai mahu atau malu bercakap mengenainya. Tetapi kini, seiring perubahan berlaku, akta khusus dan undang-undang berkaitan warga tua perlu digubal bagi melindungi mereka. Dengan adanya undang-undang, banyak boleh dilakukan. - **Prof Madya Dr Tengku Aizan Hamid Pengarah Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM).**

Hakikatnya, walaupun Malaysia antara negara yang masih berpegang kepada konsep ketaatan kepada orang tua dan anak dituntut oleh agama untuk menjaga ibu bapa, kes penderaan serta pengabaian terhadap warga emas banyak berlaku malah semakin hari semakin meningkat. Umumnya, kejadian penderaan dan pengabaian warga emas juga adalah masalah yang wujud hampir seluruh negara di dunia, sebagaimana juga kes penderaan kanak-kanak dan juga wanita.

Malaysia dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2030 dengan jumlah penduduk berumur 60 tahun dan ke atas dijangka mencecah 15 peratus (Selvaratnam et al. 2010)¹. Proses peningkatan jangka hayat warga emas di Malaysia disebabkan oleh perubahan positif yang berlaku pada masyarakat kini seperti kemajuan sains dan teknologi perubatan, peningkatan taraf hidup, penurunan kadar mortality, peningkatan tahap pendidikan serta peningkatan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan (Osman Ali, 1999)².

Peningkatan jangka hayat penduduk dunia pada masa kini menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah populasi warga emas. Peningkatan jangka hayat warga emas turut menyebabkan mereka perlu dijaga untuk satu jangka masa yang panjang. Peningkatan jumlah warga emas yang uzur dan sakit juga menyebabkan keperluan terhadap aspek penjagaan yang rapi turut meningkat sama ada dilakukan secara formal atau tidak formal. Namun demikian, kebanyakan masyarakat di Malaysia masih memilih untuk melakukan tugas penjagaan secara tidak

-
- 1 Selvaratnam, D. P., Nor Aini Hj Idris & Norlaila Abu Bakar., 2010. Warga tua di Malaysia: ke arah kesejahteraan
 - 2 Osman Ali., 1999. Peralihan kesihatan: perkembangan & iktibar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

formal kerana masih mempunyai nilai murni dan kesedaran untuk bertanggungjawab menjaga golongan warga emas. Malahan, warga emas juga bergantung kepada ahli keluarganya apabila jatuh sakit kerana siapa lagi boleh diharapkan melainkan anak-anak serta keluarganya sendiri.

Penjagaan warga emas yang sakit untuk tempoh masa yang lama boleh memberi kesan kepada penjaga khususnya anak-anak dan ahli keluarga dari segi fizikal dan mental. Tanggungjawab penjagaan bagi tempoh masa yang lama boleh menjadi beban kepada anak-anak dan ahli keluarga untuk menyeimbangkan antara tugas, tanggungjawab harian dan juga terhadap warga emas. Oleh itu, penjagaan warga emas untuk tempoh masa yang lama boleh memberi tekanan dan dilema kepada mereka.

Kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk merungkai **“Isu dan Permasalahan serta Inisiatif Keluarga dan Komuniti dalam Meningkatkan Kesejahteraan Hidup Warga Emas”**

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti isu dan masalah warga emas sehingga menyebabkan mereka tinggal di Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan.
2. Mengenalpasti keperluan warga emas yang tinggal di Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan.
3. Mengenalpasti peranan dan tanggungjawab keluarga dan komuniti dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas.

KAJIAN LITERATUR

Pada peringkat nasional, dokumen dan dasar yang dirujuk dalam penilaian semula Dasar Warga Emas Negara adalah:

- i. Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, 1990;
- iii. Dasar Pembangunan Nasional, 1991;
- iv. Dasar Sosial Negara, 2003;

- v. Dasar Kesihatan Warga Emas, 2008; dan
- vi. Wawasan 2020 serta Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia.

Banyak kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik dalam dan luar negara berkaitan dengan warga emas dan penjagaan. Beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian dibincangkan dalam bahagian ini. Fox (2015)³, telah mengkaji pengalaman penjaga tidak formal yang menjaga ahli keluarga yang tua. Beliau menyatakan menjaga warga emas yang sakit, uzur dan tidak berupaya adalah menuntut penjaga terlibat secara fizikal dan mental. Hal ini kerana ianya adalah tidak berbayar dan sering berlaku menyebabkan penjaga perlu menyeimbangkan antara tanggungjawab terhadap kerjaya dan keluarga sendiri. Kajian ini melihat hubungan di antara tuntutan penjagaan, beban penjagaan, kesejahteraan mental dan fizikal penjaga. Kajian mendapati beban adalah signifikan berhubung dengan hidup penjaga warga emas.

Kajian oleh Sullivan dan Miller (2015)⁴, menyatakan penyakit kronik seperti selerosis, alzheirmer, strok, dan parkinson biasanya dihadapi dalam tempoh masa yang panjang. Oleh itu, tanggungjawab menjaga dilakukan oleh pasangan atau anak-anak. Kajian ini mendapati menjaga ahli keluarga yang sakit memberi cabaran dari segi fizikal dan mental.

Selain daripada kajian penyelidik-penyelidik luar negara, terdapat juga kajian berkaitan dengan penjagaan warga emas yang dilakukan oleh penyelidik dalam negara. Kajian oleh Nur Saadah Mohamad Aun dan Rusyda Helma Mohd (2016) mengenai jenis sokongan sosial yang dipraktiskan dalam kalangan lima orang penjaga tidak formal yang menjaga pesakit kronik di Kuala Lumpur. Kajian mendapati empat daripadanya tidak bekerja menyebabkan mereka bergantung sepenuhnya dengan ahli keluarga, saudara mara dan agensi. Bantuan khususnya dari segi kewangan dan emosi amat diperlukan bagi memenuhi keperluan

3 Fox.2015. (dalam Suridah Binti Ali & Rahimah Abdul Aziz). Penjagaan Tidak Formal Warga Tua:Antara Tanggungjawab Dan Beban.Vol. 13, No.3 (2018) 183-195, ISSN: 1823-884x

4 Sullivan, A. B. & Miller, D., 2015. Who is taking care of the caregiver?. *Journal of Patient Experience* 1 (2): 7-12.

harian mereka dan juga kos rawatan. Secara fizikalnya mereka mempunyai kemampuan untuk bekerja, akan tetapi memilih untuk menumpukan perhatian mereka terhadap ahli keluarga yang sakit kronik.

Berbeza pula dengan kajian oleh Aishah Haji Mohamed dan Katiman Rostam (2012)⁵ yang mengkaji dari sudut warga emas sebagai penerima jagaan. Kajian mendapati kualiti hidup warga emas semakin menurun selepas usia tua kerana tahap kesihatan semakin merosot. Kajian mendapati khususnya warga emas yang terlantar memerlukan bantuan daripada penjaga mereka. Bantuan yang diperlukan termasuk menyediakan makanan dan minuman, menyuapkan makanan dan minuman, memberi ubat, membeli dan mengambil ubat, memakai dan menukarkan lampin, memandikan, memakaikan baju dan pelbagai lagi. Ada warga emas ditinggalkan sendirian di rumah ketika anak keluar bekerja, lambat diberi ubat dan makanan atau lambat dibawa ke tandas. Situasi ini menyebabkan kualiti hidup warga emas semakin menurun.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan fenomenologi untuk menghayati penjagaan dan kehidupan warga emas sebelum berada di Rumah Seri Kenangan, Taman Kemumin Pengkalan Chepa, Kelantan. Pendekatan ini mencadangkan kajian dibuat berdasarkan temubual dan jawapan responden tersebut. Soalan-soalan kajian dibentuk secara berstruktur untuk meninjau sejauhmana penjagaan warga emas diutamakan dikalangan keluarga dan komuniti.

Sampel Kajian

Kajian ini telah menemu bual 10 orang penghuni yang terdiri daripada warga emas lelaki dan perempuan. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan bagi memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan.

5 Aishah@Eshah Haji Mohamed, Katiman Rostam (2012) Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Malaysia Journal of Society and Space* 8, 1-14.

Skop Kajian

Bidang Kajian

Skop bidang kajian ini tentang isu dan permasalahan yang menyumbang kepada faktor pengabaian warga emas.

Lokasi

Kajian dilaksanakan di Rumah Seri Kenangan, Pengkalan Chepa. Pemilihan institusi ini adalah kerana ia merupakan pusat jagaan untuk menempatkan warga emas yang terabai dari segi kebajikan dan penjagaan.

Responden

Sepuluh (10) orang warga emas yang terlibat dalam isu pengabaian, pada usia 60-85 tahun ketika ditemu ramah.

Prosedur Temu Bual

Proses temu bual dimulakan dengan pengisian latar belakang demografi terlebih dahulu. Set soalan berdasarkan protokol telah dibentuk. Protokol ini dibentuk setelah meneliti dan merumuskan kajian literatur. Responden turut dirangsang untuk menjawab secara lebih terperinci dengan soalan-soalan terbuka dan tertutup.

Tempoh masa bagi setiap jawapan soal selidik selama 30 minit bergantung kepada minat, toleransi dan kesihatan responden. Semua jawapan direkodkan untuk tujuan analisis. Temu bual berstruktur dilakukan dalam kajian ini kerana ia adalah temu bual bersemuka dengan 10 responden yang diadakan bagi mendapat maklumat yang lebih tepat dan telus.

Tujuan utama temu bual mendalam adalah untuk memahami pandangan responden tentang kehidupan, pengalaman, atau situasi responden, sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri. Berdasarkan isi dan bahan, temu bual mendalam dibezakan menjadi dua jenis temu bual, iaitu:

1. Temu bual untuk meneroka riwayat hidup secara sosiologi. Riwayat hidup menyajikan pandangan orang mengenai

kehidupannya dalam persepsinya sendiri. Pengkaji berupaya menghimpunkan pengalaman penting dalam kehidupan seseorang menurut definisi orang tersebut.

2. Temu bual untuk menghasilkan gambaran luas mengenai punca permasalahan.

HASIL KAJIAN

Melalui temu bual yang dijalankan bersama 10 orang responden, hasil kajian yang diperolehi adalah bagi memenuhi objektif utama untuk kajian ini dijalankan. Hasil kajian yang diperolehi termasuklah ciri-ciri demografi responden iaitu merujuk kepada latar belakang responden yang telah dikumpul oleh pengkaji semasa sesi temu bual dijalankan. Ciri-ciri demografi yang telah dikaji ialah meliputi umur responden, status perkahwinan, bilangan anak, pekerjaan masa lalu dan tahap pendidikan.

Jadual 1 : Profil Demografi Responden

| Responden | Bangsa/ Jantina | Status Perkahwinan | Bil. Anak | Pekerjaan Dahulu | Taraf Pendidikan | Umur |
|-----------|----------------------|-----------------------|------------------------------|-------------------------|---------------------|------|
| A | Melayu/ Lelaki | Duda | 4 Orang Anak | Buruh Kasar | Sekolah Menengah | 72 |
| B | Melayu/ Lelaki | Bujang | Tiada Anak | Pengawal Keselamatan | Sekolah Rendah | 78 |
| C | Melayu/ Lelaki | Duda | Tiada Anak | Pelukis Jalanan | Sekolah Rendah | 68 |
| D | Cina/ Lelaki | Bujang | Tiada Anak | Buruh Kasar | Tidak Bersekolah | 82 |
| E | Melayu/ Lelaki | Duda | Tiada Anak | Kerja Kampung | Tidak Bersekolah | 84 |
| F | Melayu/ Lelaki | Duda | 1 Orang Anak | Tukang Urut | Sekolah Rendah | 75 |
| G | Melayu/ Perempuan | Bujang | Tiada Anak | Tidak Bekerja | Tidak Bersekolah | 74 |
| H | Cina/ Perempuan | Bujang | 1 Orang Anak Angkat | Pembantu Rumah | Sekolah Rendah | 84 |

| Responden | Bangsa/ Jantina | Status Perkahwinan | Bil. Anak | Pekerjaan Dahulu | Taraf Pendidikan | Umur |
|-----------|----------------------|-----------------------|--------------------|---------------------|---------------------|------|
| I | Melayu/ Perempuan | Janda | 3 Orang Anak | Berniaga | Sekolah Rendah | 61 |
| J | Melayu/ Perempuan | Balu | 1 Orang Anak | Suri Rumah | Sekolah Menengah | 66 |

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, kesemua responden adalah berumur dalam lingkungan 61 tahun sehingga 84 tahun. Kesemua responden berada di peringkat dewasa akhir jika dilihat dalam teori psikososial Erikson (Erikson, 1950, 1963), individu pada tahap ini cenderung untuk mengenang kembali setiap perkara yang pernah dilalui sepanjang hayat mereka (Butler, 1963, 1964; Haight, 1992) sama ada berpotensi untuk melalui tahap tersebut dan mengatasi konflik yang berlaku dalam tahap tersebut. Di antara 10 responden tersebut, responden yang paling muda iaitu berumur 61 tahun (Responden I) dan yang paling tua iaitu berumur 84 tahun (Responden E, H). Responden yang ditemui bual oleh pengkaji ialah 6 orang lelaki dan 4 orang perempuan dan 8 berbangsa Melayu serta 2 berbangsa Cina. Dari segi status perkahwinan terdapat 5 orang responden (A, C, F, I, J) yang berstatus duda, janda atau balu. Selebihnya iaitu responden (B, D, E, G, H) tidak pernah berkahwin. Bilangan anak responden yang paling ramai iaitu seramai 4 orang (Responden A) dan yang paling sedikit iaitu 1 orang (Responden F, H, J).

Responden A

"...Pakcik ada 4 orang anak, 2 lelaki dan 2 perempuan... anak-anak semua duduk di Terengganu dan datang melawat setahun sekali je... Kalau ada isu-isu penting baru anak-anak mari ambil pakcik... Duit adalah bagi sikit-sikit masa datang melawat, kalau masa lain memang tak de la bagi... pakcik biasa balik ke rumah kawan di Kota Bharu kerana melawat anak saudara perempuan tapi tak boleh duduk dengan dia sebab dia perempuan dan tinggal sendiri."... (Responden A)

Melalui perbualan ini jelas menunjukkan bahawa anak responden A mengabaikan tanggungjawabnya dari segi fizikal. Melalui temu bual yang dibuat, responden turut menyatakan bahawa anak kandungnya mengabaikan tanggungjawab dalam menjaga hal fizikal yang berkaitan dengan responden. Responden hanya berkongsi masalah yang dialami dengan anak saudara perempuan sahaja. Tambahnya lagi anak saudaranya ini sering kali datang melawat dan bertanya khabar. Mengikut kenyataan yang diberikan responden A, anak-anak beliau hanya datang melawat setahun sekali sahaja (pada raya puasa), mereka juga jarang menelefon responden A.

Melalui maklumat yang diperolehi, dilihat responden A ini terlibat dengan *pengabaian fizikal*.

Responden B

...Mana ada saudara mara nak bagi duit nak.. adik beradik ada 10 orang tapi semua tak peduli pasal pakcik... semua pakcik beli sendiri.. adik beradik tak pernah nak datang melawat... sebelum masuk sini pakcik menyewa rumah jiran... jiran pakcik tu baik... dulu pakcik bergantung pada duit yang JKM bagi RM300.00 sebulan... tapi bila dah berusia ni pakcik pun dah tak larat... jadi tu yang masuk sini... (Responden B)

Dapatan kajian yang diperolehi semasa temu bual dijalankan oleh pengkaji, Responden B mengalami pengabaian dari segi kewangan dan material. Pengabaian kewangan dan material yang dialami oleh responden iaitu beliau tinggal bersendirian dan adik beradik serta saudara mara tidak pernah mengambil tahu makan minumannya. Responden menyatakan bahawa perbelanjaan bulanannya hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300.00 sebulan sebelum masuk ke institusi. Pendapatan yang diperolehi ini akan digunakan untuk membayar sewa rumah, bil air, bil elektrik, membeli makanan, dan barang-barang keperluan lain. Pengabaian kewangan dan material yang dialami oleh responden dikenal pasti semasa temu bual dijalankan oleh pengkaji.

Melalui maklumat yang diperolehi daripada temu bual dengan responden B, dilihat responden ini terlibat dengan *pengabaian kewangan*.

Responden C

...Hidup sorang-sorang ni sunyi. Dulu pakcik tak pernah kahwin... sebelum masuk sini pakcik duduk menyewa merata tempat... dekat mana pakcik melukis dekat situ la pakcik menyewa... bila dah berumur ni dah tak larat nak melukis... pakcik pun tak nak menyusahkan siapa-siapa... tu yang pakcik mintak masuk sini... (Responden C)

Mengikut dapatan kajian daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, responden C tak pernah berkahwin, jadi tiada siapa yang sanggup jaga mereka. Di samping itu juga responden sendiri tidak mahu menyusahkan ahli keluarga yang lain. Responden juga mengakui berasa sunyi bila hidup sendiri di usia emas.

Melalui maklumat yang diberikan, mendapati responden ini terlibat dengan *pengabaian emosi*.

Responden D

...Pakcik tak pernah kawin jadi tak ada anak-anak yang dapat jaga pakcik. Sebelum masuk sini pakcik duduk menyewa. Kadang-kadang ada la anak saudara yang datang melawat dan tanya khabar tapi jarang-jarang la. Duduk sorang-sorang ni susah kalau dah berumur ni... tu yang pakcik mintak masuk sini... (Responden D)

Mengikut dapatan kajian daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, responden D menghadapi situasi yang sama dengan responden C iaitu, tidak pernah berkahwin, jadi tiada siapa yang sanggup jaga mereka. Di samping itu juga responden sendiri tidak mahu menyusahkan ahli keluarga yang lain. Responden juga mengakui berasa sunyi bila hidup sendiri di usia emas. Oleh itu, Responden D boleh dikategorikan terlibat dengan *pengabaian emosi*.

Responden E

...Dulu sebelum masuk sini, pakcik tinggal dengan adik... tapi bila dia dah meninggal tak de sapa yang nak, tak nak menyusahkan ahli keluarga yang lain sebab mereka pun bukan orang senang... pakcik tak de duit, cuma berharap

kepada duit JKM bagi je... sejak masuk sini anak saudara pernah datang...ada la dia orang bagi duit sikit- sikit untuk pakcik belanja... (Responden E)

Nasib yang sama dialami oleh responden E di mana setelah kematian adiknya, tiada siapa yang hendak menjaga beliau. Beliau juga tidak ingin menyusahkan ahli keluarganya tapi pada masa yang sama menghadapi masalah dari segi kewangan dan hanya bergantung kepada bantuan daripada JKM. Setelah memasuki Rumah Seri Kenangan, di dapati anak-anak saudaranya datang bertanya khabar dan memberi sedikit sumbangan kewangan untuk perbelanjaannya. Dapatan kajian ini menunjukkan walaupun warga emas menghadapi masalah terutamanya kewangan, mereka tidak ingin menyusahkan ahli keluarga.

Melalui maklumat temubual dengan responden E, boleh diklasifikasikan terlibat dengan *pengabaian kewangan*.

Responden F

“...Pakcik masuk sini sebab tak ada sape nak jaga... dulu menumpang rumah orang tapi duduk sorang... anak pakcik tak tahu duduk dekat mana, dan tak tanya khabar... makan minum pun harap belas ihsan orang... pakcik dah tua dan tak larat nak kerja... bosan duduk rumah pakcik jalan tanpa arah tuju dan tido dekat mana pakcik rasa penat... ada orang JKM jumpa pakcik dan cadangkan masuk sini... tu yang pakcik ada kat sini...” (Responden F)

Melalui kajian lain juga, pengkaji mendapati responden F mengalami masalah pengabaian dari segi fizikal iaitu anak tidak menjaga responden secara personal serta kurang prihatin terhadap mereka. Responden tidak mempunyai rumah dan hidup bergelandangan sebelum beliau masuk ke Rumah Seri Kenangan secara sukarela. Punca kepada permasalahan pengabaian responden F ini didapati hampir sama dengan Responden A iaitu mempunyai konflik rumah tangga dengan pasangan dan gagal memberi penjagaan sepenuhnya kepada anak-anak. Anak-anak dibiarkan membesar bersama isteri dan apabila responden telah berusia, anak-anak pula keberatan atau tidak mahu menjaga mereka.

Berdasarkan maklumat tersebut, Responden F ini boleh dikategorikan terlibat dengan *pengabaian fizikal*.

Responden G

..Makcik tak pernah kahwin dan tak ada adik beradik... Cuma yang ada adik beradik angkat je... sebelum masuk sini, makcik duduk dengan ayah angkat, tapi lepas beliau meninggal tak de siapa-siapa lagi jaga makcik... adik beradik angkat ada tapi dia orang pun ada keluarga masing-masing... makcik tak nak susah mereka... makcik rasa sunyi tinggal sorang-sorang jadi itu yang mohon masuk sini. (Responden G)

Mengikut dapatan kajian daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, responden G seperti responden C & D, iaitu tidak pernah berkahwin, jadi tiada siapa yang sanggup jaga mereka. Di samping itu juga responden sendiri tidak mahu menyusahkan ahli keluarga yang lain.

Melalui maklumat yang tersebut, Responden G dilihat terlibat dengan *pengabaian emosi*.

Responden H

...Makcik ada seorang anak angkat... dulu masa tinggal dengan dia, dia jaga makcik dengan elok... makcik masuk sini sebab anak angkat kata nak berubat... lepas masuk sini dia tak pernah ambil tahu pasal makcik... makcik rindu sangat dekat dia... nasib baik ada ramai kawan dekat sini... tapi makcik harap anak angkat makcik tu datang ambil makcik balik... (Responden H)

Responden juga mengakui berasa sunyi bila hidup sendiri di usia emas. Responden H menyatakan hubungan beliau dengan anak angkat adalah baik tapi bila dihantar masuk ke institusi, anak angkatnya tidak pernah ambil tahu perihal beliau. Beliau sangat merindui anak angkatnya dan berharap agar anak angkatnya dapat mengambil beliau tinggal bersama semula.

Melalui maklumat yang diperolehi daripada temu bual dengan Responden H, dilihat responden ini terlibat dengan *pengabaian emosi*.

Responden I

...anak dan keluarga makcik jarang-jarang datang melawat makcik... sebelum ni makcik ada la bertekak sikit dengan anak sebab kecil hati... makcik tak kisah diorang nak datang tengok, datang la... makcik tak nak kacau anak... makcik rasa macam menyusahkan anak... makcik takut anak bencikan makcik pulak nanti... (Responden I)

Walaupun responden I mempunyai 3 orang anak hasil dari pernikahan beliau, tetapi hubungan beliau dengan anak-anak mengalami konflik dan sering menyebabkan beliau terasa hati dan merasakan seperti tidak diberi perhatian yang secukupnya. Bagi mengelakkan konflik berterusan dengan anak-anak, responden memohon secara sukarela untuk dimasukkan ke institusi.

Melalui maklumat yang diperolehi daripada temu bual, dilihat Responden I ini terlibat dengan *pengabaian emosi*.

Responden J

“...Makcik ada 3 orang anak tapi seorang dah meninggal... anak-anak tak tinggal dengan makcik... makcik dulu harap ehsan jiran-jiran yang banyak bantu. Masuk sini pun jiran yang cadangkan sebab makcik dah tak nampak dan badan-badan pun selalu sakit.” (Responden J)

Bagi responden J pula, didapati beliau mempunyai masalah untuk menguruskan dirinya kerana selain mengalami masalah penglihatan, beliau juga sering sakit. Anak-anak tinggal jauh dan jarang datang melawat. Hanya jiran dan rakan sahaja yang banyak mengambil tahu perihal responden. Melalui sesi temubual yang dijalankan, jelas bahawa golongan warga emas ini sangat memerlukan perhatian daripada anak-anak mereka, kerana semakin meningkat usia seseorang itu, maka mereka sangat memerlukan kasih sayang dan belaian mesra daripada orang yang tinggal sekelilingnya terutama anak-anak bagi mencapai kesejahteraan di hari tua mereka. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Rossi (1990), menunjukkan bahawa di negara maju warga emas tidaklah diketepikan, malah terbina hubungan yang erat dengan anak-anak, contohnya warga emas mempunyai keluarga yang dekat tinggal berdekatan dengannya, anak-anak

selalu menghubungi keluarga walaupun tinggal berjauhan seperti menziarahi, telefon ataupun menghantar surat kepada ibu bapanya. Namun begitu keadaan berbeza di Malaysia, walaupun negara semakin meningkat maju tetapi sikap rohani dalam diri anak-anak zaman kini semakin luntur dalam peranan dan tanggungjawab menjaga kebajikan warga emas, situasi ini jelas dapat ditunjukkan melalui peningkatan bilangan warga emas yang dimasukkan ke dalam Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) dari semasa ke semasa.

Melalui maklumat yang diperolehi daripada temu bual dengan Responden J, dilihat responden ini terlibat dengan *pengabaian fizikal*.

Pengabaian Fizikal Warga Emas

Pengabaian fizikal warga emas ialah pengabaian yang dilakukan secara fizikal melalui satu tindakan yang sengaja dilakukan terhadap seorang warga emas contohnya menampar (Woolf 1998⁶; Ponnusamy, 2004)⁷. Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Khalijah Alavi et al. (2011)⁸, menjelaskan bahawa konsep pengabaian fizikal iaitu keganasan yang dilakukan terhadap warga emas secara fizikal oleh anak-anak, penjaga atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam menjaga atau melindungi warga emas. Pengabaian fizikal terhadap warga emas adalah seperti kurang penjagaan personal atau secara peribadi, kurang perhatian, terdapat tanda kecederaan dan dapat dilihat pada mana-mana bahagian tubuh dipukul secara berulang kali dan tidak diberi makanan. Responden yang terlibat dibawah tema ini adalah Responden A, F dan J.

Pengabaian Emosi

Pengabaian emosi terhadap warga emas ialah bermaksud pengabaian yang sengaja dilakukan terhadap warga emas sama ada dari segi mental dan psikologi. Pengabaian emosi adalah

6 Linda M. Woolf. 1998. Elder Abuse And Neglect.<http://www2.webster.edu/woolfm/abuse.html> [15 April 2013]

7 Ponnusamy Subramaniam & Shazli Ezzat Ghazali.2004.Penganiayaan Warga Tua: Satu Penelitian. Jurnal Kebajikan Masyarakat, Vol 26 (2);20-29

8 Khatijah Alavi. Rahim M.Sail.Khairuddin Idris. Asnarulkhadi Abu Samah, Christine Chan. 2011. Emotional Support Needs In Caring For The Elderly Parents By The Adult Children. Jurnal Of E-Bangi

seperti penghinaan terhadap warga emas, ancaman kecederaan fizikal, dan melakukan pengasingan terhadap warga emas (Woolf, 1998)⁹. Namun begitu, konsep pengabaian emosi terhadap warga emas yang dinyatakan oleh Khadijah et al. (2011), iaitu bentuk gangguan psikologi terutamanya dari segi mental dan fizikal yang didera atau dianiayai oleh anggota keluarga, penderaan emosi iaitu seperti tidak memberi kasih sayang yang cukup atau membenci, tidak menghiraukan, tidak dilayan kerennahnya, mereka sering dimarah, ditengking, ditakut-takutkan dan ahli keluarga bermusuhan dengan warga emas. Responden yang terlibat dibawah tema ini adalah Responden C, D, G, H dan I.

Pengabaian Kewangan dan Material

Pengabaian kewangan dan material ialah penganiayaan ataupun penipuan terhadap harta yang dilakukan terhadap warga emas. Penjaga gagal dalam memberikan penjagaan atau keperluan asas seperti keselamatan, rawatan emosi dan fizikal, juga termasuk dalam pengabaian kewangan dan material (Khadijah, 2011)¹⁰. Manakala Woolf (1998)¹¹ pula berpendapat bahawa pengabaian kewangan ialah penyalahgunaan terhadap kewangan yang dimiliki warga emas atau mengeksploitasi terhadap harta atau wang simpanan warga emas misalnya menipu dalam pemilikan harta atau aset kewangan. Responden yang terlibat dibawah tema ini adalah Responden B dan E.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Keluarga

a. Sistem Giliran

Sistem giliran ini boleh dijalankan dengan kaedah ahli keluarga membawa balik warga emas tinggal bersama atau ahli keluarga ke rumah warga emas untuk tinggal bersama untuk sesuatu

9 Linda M. Woolf. 1998. Elder Abuse And Neglect.<http://www2.webster.edu/woolfm/abuse.html> [15 April 2013]

10 Khatijah Alavi. Rahim M.Sail.Khairuddin Idris. Asnarulkhadi Abu Samah, Christine Chan. 2011. Emotional Support Needs In Caring For The Elderly Parents By The Adult Children. Jurnal Of E-Bangi

11 Linda M. Woolf. 1998. Elder Abuse And Neglect.<http://www2.webster.edu/woolfm/abuse.html> [15 April 2013]

tempoh masa tertentu. Sistem giliran ini akan dibahagikan kepada ahli keluarga mengikut masa yang ditetapkan secara harian, mingguan atau bulanan. Satu jadual masa perlu diwujudkan sebagai panduan dalam melaksanakan sistem giliran ini.

b. Pembantu Penjaga

Penjaga adalah seseorang yang diupah untuk menjaga warga emas di rumah. Terdapat tugas-tugas tertentu yang perlu dilaksanakan secara rutin dalam mengurus dan menyelia keperluan harian warga emas. Kaedah ini bersesuaian kepada ahli keluarga yang bekerja dan menghadapi kekangan masa serta berkemampuan dari segi aspek kewangan.

c. Menempatkan di Pusat Jagaan

Pusat Jagaan yang menyediakan tempat tinggal, penjagaan dan kemudahan . Di pusat ini, ibu bapa dan warga emas dapat mengikut aktiviti yang disediakan. Di samping itu, mereka juga dapat berkenalan, bergaul dan berinteraksi antara satu sama lain.

d. Mencari Pasangan/Teman Hidup

Ahli keluarga boleh mencari pasangan/teman hidup untuk warga emas berikut bagi menjaga, melindungi dan memenuhi keperluan asas, keperluan emosi dan demi meneruskan kehidupan. Di samping itu juga, mereka tidak berasa kesunyian apabila memiliki teman berinteraksi dan melayani kerendah masing-masing.

e. Penguatkuasaan Undang-Undang

Mewujudkan penguatkuasaan terhadap anak-anak yang mengabaikan dan mendera ibu bapa.

Komuniti

a. Menyediakan Pusat Jagaan

Komuniti boleh mengembeleng idea, tenaga dan sumber-sumber yang ada dalam komuniti untuk mewujudkan pusat jagaan warga

emas. Lokasi pusat jagaan perlu diwujudkan dalam lingkungan kawasan komuniti itu sendiri untuk kemudahan warga emas.

b. Ziarah Komuniti

Melantik ahli dalam kalangan komuniti tersebut bagi menjalankan Program Ziarah ke rumah warga emas.

c. Perkasa Institusi Pondok

Institusi pondok juga perlulah di perkasa biarpun hanya menjadi pilihan alternatif untuk kajian ini. Institusi pondok yang mendedahkan penghuni kepada pendekatan Islam mungkin mampu membentuk warga emas yang berilmu agama dengan adanya jadual pembelajaran yang tersusun. Penyusunan sistem pondok perlu ditambah baik agar selari dengan kemampuan tahap pengajian warga emas. Kerajaan boleh menggunakan model pengurusan pondok untuk warga emas secara sistematik sebagai panduan untuk pembinaan sistem pondok.

d. Wujudkan Kementerian/Jabatan Pembangunan Warga Emas

Mengambil contoh Negara Singapura.

FAEDAH

Keluarga

Dapatan dari kajian ini, kita telah mengenal pasti isu dan permasalahan serta mengemukakan pelbagai inisiatif dan cadangan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas. Sudah semestinya inisiatif dan cadangan yang dikemukakan, sememangnya terdapat faedah atau kesan positif langsung atau tidak langsung, samada di sedari atau tanpa disedari kepada warga emas, keluarga dan komuniti berkenaan.

a. Sistem Giliran Menjaga

Faedah atau kesan positif mengadakan sistem giliran menjaga ini, ianya akan memberikan penjagaan yang lebih baik kepada warga emas. Kesihatan mental dan fizikal yang baik di kalangan penjaga akan memberikan hasil penjagaan yang optimum kepada warga emas di bawah jagaan. Ahli keluarga dapat menumpukan

sepenuh perhatian kepada penjagaan warga emas. Penjagaan yang optimum yang diberikan oleh penjaga kerana mempunyai masa rehat yang cukup sebelum tiba giliran mereka untuk menjaga warga emas.

Faedah seterusnya semua ahli keluarga dapat merasa dan memikul tanggungjawab dalam penjagaan warga emas ini. Semua ahli keluarga akan sama-sama dapat berkongsi susah senang bersama dan ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan diantara penjaga sesama penjaga dan juga hubungan di antara penjaga dengan warga emas berkenaan.

Masalah dalam penjagaan ini juga dapat dikenalpasti dan dikurangkan dimana penjaga sudah semestinya akan berbincang dan mengambil keputusan bersama. Demi menjamin warga emas atau pesakit mendapat kesejahteraan hidup yang paling optimum di samping dapat mengurangkan bebanan mental dan fizikal kepada semua penjaga yang terlibat. Sesetengah tugas penjagaan sudah semestinya melibatkan kos penjagaan yang tinggi dimana berkemungkinan warga emas berkenaan perlu memakai lampin pakai buang atau hanya bergantung kepada makanan atau susu khas. Apabila adanya sistem giliran ini, ianya juga dapat mengurangkan kos penjagaan dan ianya akan dikongsi bersama oleh penjaga.

b. Pembantu Penjaga

Dengan adanya pembantu penjaga, ianya dapat meningkatkan penjagaan warga emas kepada tahap yang lebih baik lagi pada setiap masa. Keselamatan dan kesihatan warga emas juga lebih terjamin semasa anak-anak atau penjaga tiada di rumah. Sekiranya penjaga mengupah pembantu penjaga yang mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan atau pembantu penjaga yang berpengalaman, warga emas sudah semestinya akan mendapat penjagaan yang lebih baik dimana segala keperluan dan aspek-aspek penjagaan yang betul akan dipraktikkan oleh pembantu penjaga yang bertauliah.

c. Menempatkan di Rumah Jagaan

Faedah atau kesan positif dengan menempatkan warga emas di pusat jagaan, ianya akan memberi peluang kepada warga emas

untuk bergaul dan berkomunikasi sesama mereka. Di samping itu, dapat berjumpa dengan masyarakat sekitar yang kebiasaanya rumah jagaan menyediakan pelbagai aktiviti kepada warga emas yang hadir selain dari mendapat kunjungan dari pihak luar.

Sekiranya warga emas ditinggalkan sendirian di rumah, mungkin akan menyebabkan kemurungan kepada warga emas berkenaan dan mungkin akan menyebabkan wujudnya rasa kesunyian atau diabaikan. Dengan berada di pusat jagaan ini, warga emas juga akan lebih aktif di samping dapat menguatkan lagi kecergasan mental dan fizikal dengan aktiviti atau program yang telah diaturkan oleh pihak Pusat Jagaan. Dari segi keselamatan dan kesihatan warga emas juga lebih terjamin, kerana di sini warga emas akan dibantu dan dipantau oleh petugas Pusat Jagaan. Sekiranya warga emas jatuh sakit atau ditimpa kemalangan, anak-anak atau penjaga akan dimaklumkan. Oleh itu, apabila warga emas berada di Pusat Jagaan ini, anak-anak atau penjaga tidak perlu merasa bimbang dari segi keselamatan warga emas atau ibu bapa mereka.

d. Mencari Pasangan/Teman Hidup

Bagi warga emas yang masih sihat dan tinggal berseorangan manakala anak-anak pula tinggal berasingan atau jauh dari kedua ibubapa mereka, anak-anak boleh mencadangkan kepada ibu dan bapa mereka teman hidup atau mencari pasangan untuk mereka. Faedah dari cadangan ini ianya dapat menghindari ibubapa yang hidup keseorangan mengalami perasaan kesunyian, tidak dihargai dan terasa diabaikan. Dengan adanya pasangan hidup ini, warga emas ini mempunyai teman hidup dan mampu bergantung semasa mereka sakit. Dari segi penjagaan dan keselamatan mereka juga akan lebih terjamin.

e. Penguatkuasaan Undang-Undang

Dalam kehidupan sekarang, banyak yang kita dengar dan lihat di mana institusi kekeluargaan hancur disebabkan oleh anak-anak sekarang lebih mengejar keduniaan dan kurangnya pengetahuan agama dalam diri anak-anak menyebabkan berlakunya pengabaian ke atas ibubapa dimana ibubapa ditinggalkan tanpa penjagaan yang sempurna. Dengan penguatkuasaan undang-undang dan mengambil tindakan

ke atas anak-anak yang tidak bertanggungjawab ini, boleh mengurangkan pengabaian oleh penjaga atau anak-anak terhadap ibubapa mereka. Dengan adanya undang-undang sebegini, kehidupan ibubapa yang terabai akan lebih terbela di samping memupuk perasaan kasih dan sayang anak-anak kepada ibubapa mereka dan mewujudkan rasa tanggungjawab untuk menjaga kedua ibubapa mereka.

Di samping itu juga, ianya akan memberi kesan yang positif di mana anak-anak akan memberi lebih perhatian, kasih sayang kepada kedua ibubapa mereka. Ianya akan memberi kesedaran kepada anak-anak bahawa ibubapa adalah harta yang tidak ternilai harganya dan tiada ganti. Islam juga telah mengajar kita agar menghormati kedua ibubapa kita dan jangan sesekali menderhaka kepada ibubapa. Kita telah dididik bahawa ibubapa adalah insan yang paling mulia dan tidak patut menderhakainya. Barang siapa yang mengabaikan atau menderhakai kedua orang tua mereka, nescaya kehidupan mereka tidak akan di redhai oleh Allah SWT dan mereka ini tiada tempat di sisi Allah SWT.

Komuniti

a. Menyediakan Pusat Jagaan

Pihak komuniti atau masyarakat yang dapat menyediakan pusat jagaan kepada warga emas ini dilihat sebagai satu komuniti yang bertanggungjawab dan tahu peranan mereka dalam meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas. Dengan adanya Pusat Jagaan dalam komuniti setempat, impak positif kepada warga emas, ianya akan menjadi tempat warga emas berkumpul, berjumpa kawan-kawan lama atau kawan sebaya dan bertukar fikiran sesama mereka. Ianya juga akan dapat mengurangkan rasa kemurungan atau kesunyian kepada warga emas berbanding mereka berada di rumah.

Selain itu, dengan adanya Pusat Jagaan ini, warga emas juga berpeluang untuk menyertai program atau aktiviti bersama dengan masyarakat setempat atau dalam komuniti berkenaan. Dengan menyertai program atau aktiviti sebegini, ianya memberi peluang kepada warga emas untuk mengenali dengan lebih dekat lagi di antara satu sama lain di samping mengeratkan hubungan silaturahim warga emas dengan masyarakat dalam komuniti berkenaan.

Melalui aktiviti atau program yang dijalankan, ianya akan dapat melahirkan warga emas yang cerdas mental dan cergas fizikal. Apabila warga emas sihat mental dan fizikal secara tak langsung ianya akan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam komuniti berkenaan.

b. Ziarah Komuniti

Dengan adanya ziarah komuniti ke rumah warga emas yang tinggal berseorangan atau yang terlantar, ianya akan dapat melahirkan hubungan yang lebih baik lagi di kalangan komuniti dengan warga emas. Dengan program ziarah ini juga akan melahirkan rasa keinsafan dan memupuk semangat bantu membantu dalam komuniti berkenaan.

Selain itu, impak positif yang dapat dilihat dari ziarah komuniti ini adalah kepada warga emas itu sendiri, dimana mereka akan merasa dihargai dan merasa masih lagi ada yang sayang kepada mereka. Dengan program ziarah komuniti yang dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin, secara tak langsung ianya bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas malah ianya juga akan memberi kesan positif kepada komuniti itu sendiri dimana komuniti itu akan dikenali sebagai satu komuniti yang cakna masyarakat tidak mengira agama, bangsa, ideologi ataupun peringkat umur.

c. Perkasakan Institusi Pondok

Kita semua telah tahu, di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya banyak institusi pondok ditubuhkan dan di wujudkan. Penubuhan institusi ini adalah disasarkan kepada golongan lelaki dan perempuan khususnya warga emas bagi mendalami ilmu agama atau mendalami ajaran Islam. Namun kebanyakan intitusi pondok sedia ada masih lagi di tahap yang amat rendah dan masih di takuk lama.

Sekiranya institusi ini diperkasakan dari segi pentadbiran dan pengurusan, nescaya ianya mungkin akan menjadi pusat pengajian islam atau gedung ilmu agama islam yang setanding sepertimana yang terdapat di luar negara khususnya di Arab Saudi atau di negara Arab yang lain. Malaysia, dari dulu lagi terkenal dengan memiliki para ilmuwan yang tinggi pengetahuannya dalam

pengajian Islam samada dalam ilmu Feqah atau dalam pengajian Al Quran. Cuma yang membezakan pelajar institusi pondok di Malaysia dengan pelajar di institusi pengajian Agama Islam di negara lain adalah pelajar di institusi pondok di Malaysia adalah terdiri di kalangan warga emas.

Sekiranya institusi pondok ini dapat dibuat penyusunan semula pentadbiran serta pengurusan disamping mewujudkan prasarana dan kelengkapan yang baik serta mesra warga emas, nescaya kehidupan dan kesihatan warga emas di sini akan bertambah baik dan sesi pembelajaran ilmu agama juga akan menjadi lebih mudah dan lebih berkesan. Dengan adanya usaha-usaha sebegini, ianya juga akan mendayaupayakan warga emas khususnya yang berada di institusi pondok ini. Kesannya, dapat melahirkan warga emas yang aktif, sihat dan dan berilmu.

d. Wujudkan Kementerian/Jabatan Pembangunan Warga Emas

Dengan adanya kementerian atau jabatan yang khusus berkaitan dengan warga emas ini, ianya akan dapat memberi peluang kepada pegawai atau jabatan untuk memfokuskan tugas dan tanggungjawab kepada golongan ini sahaja. Menjelang tahun 2030, Malaysia akan menjadi negara tua, sudah tiba masanya kerajaan mewujudkan kementerian atau jabatan khusus bagi menangani masalah golongan ini. Selain itu, kesan dengan adanya jabatan khusus ini, apa jua masalah dan isu berkaitan golongan ini dapat dikenalpasti dengan segera dan dapat diambil tindakan dan di selesaikan dengan lebih efektif dan efisien. Pentingnya penubuhan kementerian atau jabatan khusus berkaitan warga emas ini, ianya dapat menyalurkan peruntukan bantuan secara terus kepada kumpulan sasar bagi tujuan pemulihan dan pembangunan. Di samping itu, kerajaan boleh merangka dan membangunkan satu dasar atau pelan yang strategik yang lebih khusus dan komprehensif pada warga emas.

PERBINCANGAN

Membantu warga emas adalah tanggungjawab semua pihak. Walaupun pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan telah sedaya upaya untuk membantu, namun ia masih ada kekangannya. Kerajaan telah menggariskan polisi dan dasar

berkaitan dengan isu golongan warga emas, namun ianya masih belum mencapai tahap optimum terutama dari aspek kesejahteraan sosial golongan tersebut. Bagi golongan warga emas yang mempunyai pendapatan tetap, ianya tidak menimbulkan masalah kewangan. Bagaimana pula dengan golongan warga emas yang tiada sumber pendapatan tetap dan hanya mampu bergantung harap kepada sumber bantuan kewangan? Kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kewangan seperti skim Bantuan Orang Tua (BOT) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kadar yang ditetapkan adalah sebanyak RM350.00 sebulan dengan syarat iaitu berusia 60 tahun ke atas dengan tidak melebihi pendapatan perkapita iaitu sebanyak RM244.00 sebulan. Persoalan yang timbul adakah kadar bantuan tersebut mencukupi untuk memenuhi keperluan asas. Kos sara hidup yang tinggi masa kini adalah sangat membebankan rakyat.

Tidak dinafikan terdapat juga anak-anak yang bertanggungjawab menjaga dan menyayangi kedua ibu bapa yang telah tua dan uzur namun dalam menjalankan sistem giliran menjaga ibu bapa, anak-anak dalam dilema terutama bagi mereka yang bekerjaya kerana tiada siapa yang dapat menjaga ibubapa mereka semasa ketiadaan mereka di rumah. Walaupun terdapat pusat jagaan harian warga emas yang dikendalikan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan, namun ianya masih tidak dapat menyelesaikan isu penjagaan warga emas. Tidak semua kawasan mempunyai pusat jagaan harian. Berbeza dengan taska dan pusat jagaan harian untuk kanak-kanak. Ianya merupakan keperluan ibu bapa masa kini dan menjadi sumber perniagaan yang menguntungkan bagi pengusaha TASKA. Apabila kerajaan terpaksa menyediakan pusat jagaan harian untuk golongan tua, maka kerajaan terpaksa menanggung kos operasi yang sangat tinggi.

Sekiranya pihak badan bukan kerajaan yang ingin membuka pusat jagaan harian, maka mereka terpaksa mencari dana dan sumbangan orang ramai untuk terus beroperasi. Bahkan pihak kerajaan terpaksa memperuntukkan bajet sebagai tanda menyokong usaha mereka. Manakala bagi pihak persendirian, mereka tidak yakin untuk membuka pusat jagaan harian untuk warga emas memandangkan kurang permintaan daripada

masyarakat. Sekiranya anak-anak sanggup membayar kos upah penjagaan tersebut, namun berapakah kadar yuran yang mereka sanggup keluarkan demi kesejahteraan ibubapanya? Sudah pasti yuran untuk pusat jagaan swasta sangat mahal.

Antara alternatif lain ialah mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah untuk menjaga ibu bapa mereka di rumah. Tambahan pula, khidmat pembantu rumah sangat sukar diperoleh kerana rakyat Malaysia kurang berminat bekerja sebagai pembantu rumah.

Tidak ada akta yang diperuntukkan bagi membela nasib golongan warga emas sebagaimana wujudnya Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Sekiranya akta ini diwujudkan, golongan ini akan mendapat pembelaan sewajarnya terutama kesihatan, penjagaan, aksesibiliti dan lain-lain lagi. Apabila telah mencapai umur persaraan, maka golongan ini akan bersara wajib atau dipaksa bersara bagi sektor swasta. Tidak dinafikan, terdapat juga golongan ini masih sihat fizikal dan mental serta produktif. Mereka telah dinafikan hak untuk mencari rezeki mengikut tahap kemampuan masing-masing. Tambahan pula, golongan ini mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Kehidupan warga emas akan berubah selepas bersara. Selama berpuluh tahun hidupnya adalah untuk bekerja, kini mereka akan mudah rasa bosan dan kesunyian.

Pada masa kini, negara kita kekurangan pusat-pusat aktiviti dan pusat jagaan harian untuk warga emas. Sekiranya pusat ini diwujudkan di setiap komuniti, dipercayai golongan ini akan mendapat manfaat. Antara manfaat yang diperolehi ialah kesejahteraan emosi dan sosial. Usaha mewujudkan pusat aktiviti ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama antara warga emas yang aktif dengan kerja kemasyarakatan dan jabatan kerajaan tanpa melibatkan ahli politik.

Pada usia ini, kebanyakan golongan ini memerlukan rawatan di klinik dan hospital. Namun terdapat kekangan pengangkutan dan penjagaan semasa mendapatkan rawatan. Bukan semua warga emas bertuah memiliki anak yang akan mengurus ibubapa mereka. Kebanyakan di kampung dan pedalaman, adalah sukar mendapatkan pengangkutan awam terutama kereta sewa. Kadang kala golongan ini terpaksa membatalkan temujanji

hospital berikutan isu pengangkutan dan tiada penjaga yang akan sanggup menemani mereka. Bagi warga emas yang tiada sumber pendapatan, mereka tidak mampu untuk membayar perkhidmatan sewa kereta dan penjaga.

Peranan dan kerjasama antara pihak kerajaan dan keperluan serta kepentingan warga emas perlu bersama dan seiring agar matlamat negara menjadikan warga emas sihat, aktif dan produktif tercapai menjelang tahun 2030.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini menyentuh tentang pengenalan isu warga emas, kajian literatur, metodologi kajian, hasil kajian serta inisiatif penyelesaian terhadap isu pengabaian warga emas ini. Di dalam kajian ini juga pengkaji menghuraikan metodologi kajian berdasarkan temu bual yang telah dilakukan ke atas 10 orang responden yang mengalami kes pengabaian warga emas. Hasil dapatan kajian mendapati tidak semua responden mempunyai alasan yang sama untuk menetap di rumah jagaan orang tua, kerana setiap orang mempunyai sebab yang tersendiri. Antara dapatan kajian yang diperolehi ialah pengabaian fizikal, pengabaian emosi, pengabaian kewangan dan material. Antara inisiatif yang diutarakan ialah dari sudut keluarga, mereka perlu membuat sistem giliran penjagaan ibu bapa mereka, mencari pembantu penjaga serta mencari pasangan atau peneman hidup buat warga emas.

Seterusnya, di bahagian kajian literatur pula pengkaji dapat membuat perbandingan berdasarkan dapatan kajian sama ada mempunyai persamaan atau perbezaan berkaitan tajuk kajian ini. Hasil kajian literatur pula ialah penjaga perlu menyeimbangkan antara tanggungjawab kerjaya dengan keluarga. Seterusnya, tahap penjagaan warga emas perlu dipertingkatkan lagi kerana kualiti hidup warga emas semakin menurun disebabkan oleh ketidakupayaan dan keuzuran yang dialami oleh mereka. Selain itu, Hasil kajian lain pula menunjukkan bahawa faktor paling dominan yang menyumbang kepada berlaku pengabaian dalam kalangan warga emas iaitu anak-anak yang mementingkan kerjaya atau tinggal berjauhan dengan ibu bapa dan anak-anak yang tidak tahan dengan kerenah warga emas yang bersikap

melampau dalam permintaan sesuatu hajat. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua faktor ini menjadi penyumbang tertinggi kepada berlakunya pengabaian terhadap warga emas dalam komuniti.

Bagi mengatasi masalah pengabaian dalam kalangan warga emas yang semakin meningkat di Malaysia pihak-pihak yang bertanggungjawab seharusnya memainkan peranan yang sewajarnya mengurangkan kes-kes pengabaian warga emas. Pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti seharusnya mengambil tindakan yang wajar seperti mengadakan kempen-kempen secara besar-besaran dan konsisten melalui media massa yang menonjolkan punca-punca serta kesan dan akibat terhadap berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas. Peranan media massa adalah sangat penting dalam menyampaikan sesuatu isu-isu kepada masyarakat setempat, ini telah terbukti secara langsung bahawa masyarakat sangat mempercayai setiap paparan yang disampaikan oleh media massa. Media massa terbahagi kepada dua iaitu media cetak dan media elektronik. Media cetak ialah surat khabar, poster, risalah dan lain-lain lagi. Manakala media elektronik iaitu merupakan iklan yang disiarkan menerusi televisyen, radio, internet dan sebagainya. Oleh itu, media massa ini boleh digunakan sebagai satu alat yang boleh menyampaikan segala maklumat kepada masyarakat. Di samping itu, segala maklumat yang disampaikan menerusi media massa ini dapatlah memberi kesedaran, pengajaran, atau sebagainya terhadap masyarakat yang melakukan pengabaian.

Namun demikian, terdapat segelintir golongan warga emas yang terabai hidupnya. Mereka merupakan golongan minoriti yang tidak dipedulikan hak dan keperluan hidup oleh keluarga atau masyarakat sekelilingnya. Warga emas yang terabai ini didapati hidup sebagai gelandangan di jalanan, tinggal bersendirian dalam kedaifan, terlantar di hospital tanpa waris yang datang melawat dan mengidap penyakit kronik tanpa rawatan dan penjagaan yang sempurna. Pengabaian warga emas boleh berlaku dalam semua lapisan masyarakat samada golongan kaya ataupun miskin, profesional ataupun sebaliknya yang mungkin caranya sahaja yang berbeza. Walaupun terdapat banyak pusat jagaan di negara kita, kemudahan ini bukanlah langkah terbaik dalam menyelesaikan masalah pengabaian warga emas oleh keluarga.

Institusi kekeluargaan perlu dipertahankan dan dibantu melalui kolaborasi agensi bantuan. Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Israa' ayat 23-24 yang bermaksud:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِذَا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا
أُفٍّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَاحْفَظْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي
صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). [23] Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil.” [24]

(al-Quran, al-Israa 17: 23-24)

RUJUKAN

- Abd. Aziz. Abd. Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin. 2002. *Kerja Sosial, Artikel Artikel Pilihan*. Utusan Publication dan Distrubution Sdn.Bhd. (Hlm 17).
- Abd. Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin. 2002. *Kerja Sosial, Artikel-Artikel Pilihan*. Utusan Publication dan Distrubution Sdn.Bhd. (Hlm 172-175).
- Ahmad, M.A. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed, Katiman Rostam (2012). *Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri*. Malaysia Journal of Society and Space 8, 1-14.
- Anetzberger G.J et.al. 1994. *Alcoholism and Elder Abuse*. Journal of Interpersonal Violence, Vol 9 : 184-193.
- Awanis Salleh. 2010. *Faktor Pengabaian Anak Terhadap Ibu Bapa*. <http://awanis29.blogspot.com/2010/05/rumusan-faktor2-pengabaian-anak.html> [3 Jun 2013]
- Fox.2015. (dalam Suridah Binti Ali & Rahimah Abdul Aziz). *Penjagaan Tidak Formal Warga Tua: Antara Tanggungjawab Dan Beban*. Vol. 13, No.3 (2018) 183-195, ISSN: 1823-884x
- Khatijah Alavi. Rahim M. Sail. Khairuddin Idris. Asnarulkhadi Abu Samah, Christine Chan. 2011. *Emotional Support Needs In Caring For The Elderly Parents By The Adult Children*. Jurnal Of E-Bangi
- Linda M. Woolf. 1998. *Elder Abuse And Neglect*. <http://www2.webster.edu/woolfm/abuse.html> [15 April 2013]
- Noraini Che'Sharif,Khatijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. 2015. *Pengalaman Dan Faktor Pengabaian Warga Emas Dalam Komuniti*, Vol.10, No1 (2015) Jurnal Of E-Bangi

- Osman Ali., 1999. *Peralihan kesihatan: perkembangan & iktibar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ponnusamy Subramaniam & Shazli Ezzat Ghazali. 2004. *Penganiayaan Warga Tua: Satu Penelitian*. Jurnal Kebajikan Masyarakat, Vol 26 (2);20-29
- Nur Saadah Mohamad Aun, Rusyda Helma Mohd. 2016. *Penjagaan Tidak Formal: Memperkasakan Program Sokongan Sosial oleh Majikan*. Vol 86, No 1.
- Selvaratnam, D. P., Nor Aini Hj Idris & Norlaila Abu Bakar., 2010. *Warga tua di Malaysia: ke arah kesejahteraan ekonomi & sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sullivan, A. B. & Miller, D., 2015. *Who is taking care of the caregiver?*. Journal of Patient Experience 1 (2): 7-12.
- Usman Yaakob. 2001. *Peranan Keluarga Dalam Penjagaan Warga emas di Malaysia*. Selangor: Penerbit Prentice Hall, Person Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Wan Ibrahim Wan Hamat. 2000. *Penjagaan Warga emas Pada Abad ke-21: Tanggungjawab Keluarga atau Pemerintah?*. Dlm. Abdul Rahman Embong (Pnyt.). Negara, Pemasaran, dan Pemodenan Malaysia. Bangi : Penerbit UKM.



PENCAPAIAN DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM BERASASKAN KOMUNITI



Mohd. Zuhairie Sahfie
Anuwar Ismail
Marzuana Ismazira Miar Ismail
Zaimi Abdul Kadir
Nor Ngafifah Mahamad Basar
Lily Hanom Anuar
Abdul Razak Yahya
Idris Sharizat

*PKMD Hulu Perak, PKMD Kuala Kangsar, PKMD Kinta,
Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz, PKMD Kerian,
Sekolah Tunas Bakti Taiping, Rumah Seri Kenangan Taiping,
PKMD Larut Matang*

ABSTRAK

Komuniti adalah satu bentuk yang dinamik dan sering berubah dan berkembang dengan pesat, dari sebuah komuniti yang primitif sehingga membentuk satu kelompok manusia yang lebih bertamadun. Menurut Kamus Pelajar Dewan Bahasa dan Pustaka, komuniti merujuk kepada orang yang tinggal di sesuatu tempat, daerah, negara dan sebagainya (di bawah satu pemerintahan), dan juga turut diterangkan suatu masyarakat yang hidup di sesuatu tempat serta saling bergantung dan berhubungan antara satu dengan yang lain. Dalam membangunkan suatu komuniti, pelbagai program dibincangkan, dirangka dan dilaksanakan oleh agensi-agens kerajaan bagi melahirkan suatu komuniti yang lebih utuh, lebih berkembang maju, berdikari, saling bergantung (tolong menolong) dalam era dunia kemajuan teknologi. Secara umumnya, komuniti mempunyai dua keadaan yang berbeza iaitu komuniti yang merujuk kepada unit yang kecil seperti kampung dan yang besar seperti sebuah negara. Komuniti ini mungkin berkongsi nilai-nilai yang sama tetapi cara hidup yang mungkin berbeza. Justeru itu, kertas kerja ini cuba untuk mengetengahkan pencapaian dan cabaran serta permasalahan dan keberkesanan pelaksanaan program-program yang berasaskan komuniti oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, komuniti merujuk kepada kumpulan orang atau masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat, atau kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat kecenderungan, kepentingan dan lain-lain yang serupa.

Perkembangan sesebuah komuniti didorong oleh pembangunan komuniti sebagai suatu inisiatif yang dilakukan secara berorganisasi sama ada oleh agensi kerajaan, swasta, NGO atau komuniti itu sendiri untuk membawa perubahan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan hak asasi dan kesejahteraan kehidupan manusia. Pembangunan komuniti memberi kesan kepada aspek sosial termasuk politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Manakala usaha pembangunan komuniti adalah bertujuan meningkatkan tahap kehidupan komuniti kepada yang lebih baik. Pembangunan komuniti adalah suatu usaha memperbaiki taraf hidup dan kualiti kehidupan rakyat (Muhammad Shattar, 2003).

Pembangunan komuniti berkembang melalui usaha dan desakan oleh komuniti setempat dan agen pentadbir (makro). Pengertian yang diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1956, pembangunan komuniti melibatkan proses yang menggabungkan usaha manusia dalam komuniti, usaha badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi, sosial dan kebudayaan komuniti agar membawa pembangunan negara keseluruhannya (Haris dan Hadi, 2012). Terdapat dua elemen dalam konsep pembangunan komuniti iaitu proses pendayaupayaan komuniti dan keupayaan komuniti itu sendiri.

Pendayaupayaan komuniti digerakkan oleh agen pentadbir termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta yang memantau komuniti bagi tujuan sesuatu matlamat perubahan. Komuniti melaksana, membuat keputusan dan seterusnya membina pembangunan mengikut keinginan dan keperluan komuniti mereka sendiri tanpa perlu campur tangan yang maksimum daripada pihak luar (Asnarulkhadi, 2011). Manakala keupayaan komuniti dinilai melalui penyertaan aktif ahli komuniti untuk merancang, melaksana, menilai dan

meletakkan hala tuju pembangunan mereka sendiri. Keupayaan sesebuah komuniti itu terhasil apabila ahli-ahlinya menyertai secara aktif dalam program pembangunan (Muhammad Shakil & Noraini Abu, 2014).

Pelaksanaan program berasaskan komuniti merupakan salah satu cabang daripada program pembangunan komuniti. Sejarah pelaksanaan program berasaskan komuniti di Malaysia telah digerakkan di era kemerdekaan negara ini sejak 1957 bagi tujuan peningkatan sosioekonomi bagi mengurangkan kadar kemiskinan. Gerakan yang dipacu oleh kerajaan melalui agensi kerajaan seperti Kementerian Luar Bandar, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelajaran, RIDA (Rural and Industrial Development Authority) yang kini dikenali sebagai MARA, Gerakan Kerjasama dan sebagainya. Pelbagai bentuk pendekatan pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh agensi-agensi tersebut termasuk Gerak Maju, Gerakan Jaya Diri dan Gerakan Pembaharuan yang disenaraikan dalam setiap penggal Rancangan Pembangunan Malaysia.

Merujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mewujudkan Bahagian Komuniti yang khusus bagi pembangunan komuniti. Antara objektif Bahagian ini adalah untuk menggalakkan dan memberi dorongan kepada komuniti tempatan supaya lebih bertanggungjawab, bersatu padu dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan golongan masyarakat tertentu ke arah kesejahteraan dan pembangunan masyarakat, menggalakkan penglibatan dan sumbangan masyarakat dalam khidmat kebajikan sukarela dan menggalakkan program/aktiviti pembangunan sosial. Melalui Bahagian ini pelbagai program telah dirangka bertujuan bagi memperkasakan komuniti antaranya Program *One Stop Help Center* (KAWAN), merupakan satu cetusan inisiatif baharu susulan daripada Mesyuarat Pasca Kabinet Bil. 5/2018 pada 27 Jun 2018. JKJM diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti mekanisme yang sesuai bagi penyampaian perkhidmatan secara langsung oleh agensi kerajaan kepada masyarakat yang memerlukan khususnya di bandar, luar bandar, FELDA, ladang dan kawasan pedalaman seluruh negara agar tiada golongan yang tercicir.

Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di rumah. Program ini juga bertujuan menyemarakkan perkembangan kesukarelawan (*volunteerism*) yang lebih tersusun dan berkesan dalam masyarakat. Penglibatan sukarelawan dalam kerja-kerja komuniti melalui Program Khidmat Bantu Di Rumah dapat melancarkan proses pemeraksanaan komuniti menerusi penglibatan aktif komuniti secara sukarela untuk pembangunan dan kesejahteraan bersama.

Projek Organisasi Komuniti (POK) merupakan satu kaedah kerja sosial yang didapati sesuai digunakan untuk mempertingkatkan kualiti hidup kumpulan sasar. Program ini memberi tumpuan ke arah mengukuhkan komuniti setempat supaya dapat bergerak dan bertindak secara kolektif untuk mengendalikan masalah sosioekonomi yang dialami.

Melalui program yang telah dilaksanakan ini, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi serta apakah idea-idea baharu yang lebih baik dan berkesan dalam membangunkan komuniti.

Program Berasaskan Komuniti Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) adalah sebuah program berasaskan komuniti dalam bidang penjagaan sosial. PDK menerapkan konsep pembangunan OKU dalam komuniti dengan menyediakan program pencegahan, pemulihan dan pembangunan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat bertujuan peluang sama rata dan pengintegrasian OKU dalam masyarakat. Sejarah PDK bermula pada tahun 1984 apabila JKM telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu melaksanakan Projek Perintis PDK di Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu dengan penglibatan 55 OKU. Untuk rekod sehingga Julai 2019, terdapat sebanyak 560 buah PDK telah ditubuhkan di Malaysia.

Pada tahun 2013, konsep *Economic Empowerment Program* (EEP) telah diperkenalkan di PDK. EEP merupakan sebuah program ransangan ekonomi agar PDK dapat menjalankan projek ekonomi yang memberi manfaat kepada PDK dan golongan OKU. Untuk rekod, pada tahun 2018, terdapat sebanyak 41 buah projek EEP di PDK dengan melibatkan seramai 478 orang pelatih PDK. Projek EEP ini melibatkan penghasilan produk PDK dan perkhidmatan seperti dobi dan urutan kaki.

Seterusnya pada tahun 2018, PDK telah mengorak langkah sebagai suatu entiti NGO dan berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1966. Evolusi dan perluasan konsep PDK ini adalah diharapkan dapat memberi manfaat dalam pembangunan komuniti OKU dan mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan.

Pusat Aktiviti Warga Emas

Konsep penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) adalah berasal daripada penubuhan Rumah Sejahtera yang dikendalikan oleh Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) iaitu sebuah NGO yang menyediakan perkhidmatan kepada OKU dan warga emas. Pada tahun 2002, MPKSM telah membuka Rumah Sejahtera di Pulau Pinang yang memberikan penjagaan kepada warga emas agar terus tinggal dalam komuniti. Sehingga kini MPKSM telah mengembangkan perkhidmatan Rumah Sejahtera ke beberapa buah negeri lain. Malahan MPKSM juga telah menggerakkan pengurusan beberapa buah PAWE termasuk tiga (3) buah PAWE di Perak iaitu PAWE Slim River, PAWE UTC Ipoh dan PAWE Tanjong Malim.

JKM telah mengembangkan program PAWE yang mendokong ke arah penuaan unggul yang selaras dengan Dasar Warga Emas (DWEN) dengan pemberian Geran Pengoperasian melalui Jawatankuasa PAWE. Program PAWE mengekalkan warga emas untuk terus tinggal dalam komuniti dan menyediakan tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian termasuk kerohanian, rekreasi, pemulihan dan kesihatan. Untuk rekod, sehingga Julai 2019, sebanyak 88 buah PAWE telah dibuka di seluruh Malaysia dengan manfaat kepada kira-kira seramai 36,000 orang ahli PAWE yang berdaftar.

Two Years Exit Programme (2YEP)

Pelan Transformasi JKM dalam RMK11 telah menggariskan *Program Two Years Exit (2YEP)* yang merupakan satu program berbentuk kebajikan produktif. JKM telah memberikan ransangan dan penekanan pengupayaan kumpulan sasaran dalam bidang keusahawanan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka khususnya kepada penerima bantuan JKM.

Projek Organisasi Komuniti (POK)

Projek Organisasi Komuniti (POK) merupakan satu kaedah kerja sosial melalui kerja kelompok. POK memberi tumpuan ke arah mengukuhkan komuniti setempat supaya dapat bergerak dan bertindak secara kolektif untuk meningkatkan tahap sosioekonomi. Terdapat lima jenis POK iaitu Projek Ekonomi, Latihan Kemahiran, Pendidikan Sosial, Pendidikan Kerohanian dan Khidmat Masyarakat. Buat masa ini, program ini baru di peringkat pelaksanaan, dan pada tahun 2019 setiap negeri hanya melaksanakan satu program POK. Di Perak, program POK akan dilaksanakan di daerah Hulu Perak.

Khidmat Bantu Di Rumah atau Home Help Services (KBDR)

Program Khidmat Bantu Di Rumah merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di rumah. Program ini telah mula diperkenalkan oleh JKM pada Julai 2012 melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS7) – 1Malaysia Family Care*. Kerjasama strategik ini melibatkan kolaborasi JKM bersama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Program KBDR bersifat pendampingan sosial dengan menyemarakkan aktiviti kesukarelawan dalam kalangan komuniti setempat ke atas kumpulan sasaran JKM terutamanya warga emas dan OKU yang kurang penjagaan serta tinggal bersendirian. Sukarelawan dilatih dari semasa ke semasa untuk melaksanakan tugas mendampingi kumpulan sasaran mengikut konsep dan prinsip kesukarelawan termasuk sebagai rakan bual, menemani ke hospital dan sebagainya.

Pemeriksaan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang Menjalankan Perkhidmatan Kepada Kumpulan Sasar dan Komuniti Rentan

JKM sangat menggalakkan penglibatan NGO dalam menawarkan perkhidmatan kepada kumpulan sasar dan komuniti rentan. Galakan ini adalah bagi melahirkan sebuah komuniti dan negara yang mempunyai tahap sosial yang baik. Penglibatan NGO sebagai penggerak komuniti dalam membangunkan masyarakat juga dapat mengurangkan kos kerajaan.

JKM menyediakan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) kepada NGO yang aktif dalam memperjuangkan hak dan kebajikan kumpulan sasar.

JKM juga telah mewujudkan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) yang digerakkan hasil kerjasama dengan NGO yang menerima Bantuan Kewangan PSK ini. Penubuhan UPWE ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan perkhidmatan pengangkutan kepada warga emas yang tinggal bersendirian atau keluarga yang kurang berkemampuan. Sehingga kini terdapat sembilan (9) lokasi penempatan kenderaan UPWE iaitu di PAWE dan Rumah Sejahtera di beberapa buah negeri.

Penyataan Masalah

Program berasaskan komuniti melibatkan kerjasama dua belah pihak antara agen pentadbir dan komuniti setempat. Program berasaskan komuniti bersifat serampang dua mata iaitu membawa perubahan dalam komuniti seperti dalam bidang sosioekonomi. Selain itu juga adalah bertujuan untuk mewujudkan komuniti sasar yang berdikari dan menggunakan sumber tempatan dalam menjalankan program-program komuniti. Justeru, timbul persoalan sejauh manakah pengetahuan, sikap dan amalan agen pentadbir dan komuniti benar-benar dapat memastikan kejayaan program berasaskan komuniti ini dapat dilaksanakan.

Kita tidak dapat lari daripada membincangkan *output* atau hasil daripada program berasaskan komuniti. Diakui, program berasaskan komuniti yang dirancang dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk mencapai matlamat perubahan sosial dalam komuniti. Namun persoalannya, sejauh manakah komuniti telah

bersedia untuk melaksanakannya, adakah program yang disusun benar-benar menepati keperluan sumber tempatan untuk melaksanakannya.

Terdapat pelbagai jabatan dan agensi kerajaan mengikut teras perkhidmatan masing-masing yang terlibat secara aktif dalam memperkasakan komuniti. Di Malaysia, antara jabatan dan agensi yang terlibat secara aktif dalam mendaya upaya program berasaskan komuniti adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Justeru, timbul persoalan, apakah agensi ini benar-benar layak untuk menyelaras program berasaskan komuniti, atau model pelaksanaan seperti hari ini iaitu agensi mengikut kepakaran masing-masing adalah bertepatan. Selain itu, persoalannya, adakah setiap pekerja kes di agensi telah benar-benar terlatih dan cukup masa untuk menyelaras program di dalam komuniti.

Persoalan yang lebih besar, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan program berasaskan komuniti di Malaysia. Selain itu, apakah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan program berasaskan komuniti ini. Apakah idea-idea baharu dan cadangan penambahbaikan dalam membangunkan komuniti melalui program berasaskan komuniti. Bagi merungkai isu yang diutarakan ini, kertas kerja oleh kumpulan ini akan cuba mengupas melalui kaedah Analisis Diagram SWOT, Pemerhatian dan Kajian Lapangan, melalui borang soal selidik dan temubual.

METODOLOGI


Kupasan bagi persoalan ini akan menggunakan beberapa metodologi kajian antaranya melalui kaedah pemerhatian, kajian lapangan melalui edaran borang soal selidik, temubual kepada individu tertentu dan juga menggunakan analisis diagram SWOT iaitu berasaskan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Skop perbincangan tidak hanya terhad kepada unit komuniti sahaja tetapi merangkumi semua program yang diwujudkan dan dilaksanakan di bawah JKM. Populasi responden adalah kakitangan JKM di daerah dan institusi terpilih di negeri Perak serta individu-individu yang pernah terlibat dalam program yang berkaitan dengan jabatan. Daerah-daerah yang terlibat dalam kajian ini ialah:

- i. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kinta;
- ii. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Kangsar;
- iii. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kerian;
- iv. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Larut, Matang dan Selama;
- v. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Perak;
- vi. Sekolah Tunas Bakti Taiping;
- vii. Rumah Seri Kenangan Taiping; dan
- viii. Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Azizi Kuala Kangsar.


HASIL KAJIAN

Kajian ini yang bertujuan menganalisis kelestarian dalam program berasaskan komuniti yang dianjurkan oleh JKM dengan berdasarkan Analisis Diagram SWOT. Faktor kejayaan dan sebaliknya sesebuah program berasaskan komuniti dapat dinilai melalui analisis ini dengan menyenaraikan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang. Apa yang lebih penting adalah cadangan penambahbaikan bagi mengatasi masalah kegagalan sesebuah program berasaskan komuniti, khususnya program di bawah kelolaan JKM.

Bahagian A: Demografi




Tempoh Berkhidmat




Bahagian B: Pengetahuan Tentang Kerja Komuniti


Pengetahuan Tentang Kerja Komuniti



Merasakan Tidak Mencapai Objektif/Matlamat



Bahagian C: Program: POK, Home Help Service, PPDK, 2YEP dan PAWE



Analisis Diagram SWOT terhadap program berasaskan komuniti di daerah berkenaan berdasarkan kepada pemerhatian, kajian borang soal selidik dan temubual.

| | |
|---|---|
| <p>KEKUATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sokongan dari kerajaan. (diumumkan setiap kali dalam bajet Negara) • Komitmen pengurusan tertinggi jabatan. • Pelaksanaan yang berkesan di peringkat lapangan • Latihan yang berterusan dan berkesan • Komuniti cakna dan memberi sokongan | <p>KELEMAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan kewangan yang lemah • Pegawai kes dan komuniti kurang ilmu pengetahuan • Motivasi kelompok komuniti yang rendah. • Tiada pengkhususan. |
| <p>ANCAMAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos operasi yang tinggi contoh program <i>home help service</i> • Permintaan yang kurang berbanding penawaran (lokasi penawaran) | <p>PELUANG</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pendapatan sara diri komuniti • Kurang kebergantungan kepada kerajaan • Melahirkan komuniti yang mampu berdikari dan bermotivasi • Memberikan peluang kepada komuniti menyumbang kepada komuniti yang lain. |

Faktor Kejayaan (Kekuatan)

- *Sokongan dari kerajaan*

Selaras dengan sokongan kerajaan yang sentiasa memberikan keutamaan kepada pembangunan ekonomi rakyat, kerajaan sentiasa memperuntukkan sejumlah dana bagi menjamin program komuniti di setiap jabatan kerajaan dapat diteruskan secara holistik. Dengan komitmen kerajaan memberikan peruntukan setiap tahun, menunjukkan komitmen kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum di negara ini. Komitmen kerajaan ini memberi jaminan kepada setiap program yang dirangka di setiap kementerian dan jabatan dapat dilaksanakan dengan baik sekaligus meningkatkan pembangunan komuniti.

- *Komitmen Pengurusan Tertinggi Jabatan*

Berasaskan Pelan Strategik JKM 2016-2020, pengurusan tertinggi telah mengaris dan menyusun beberapa program komuniti yang dijangka mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui aktiviti berasaskan kesukarelawan, sebagai contoh program KAWAN, *Home Help Services* dan PAWE. Berdasarkan bancian Pemahaman Pencapaian dan Cabaran Dalam Program Berasaskan Komuniti mendapati lebih 90% responden menyokong program yang dirangka dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Sebagai contoh, memetik kepada kelulusan projek bukan fizikal di bawah *Rolling Plan* pertama (RP1) RMke-11, JKM telah membuat peluasan pelaksanaan program *2 Years Exit Programme (2YEP)* ke seluruh negara, yang menekankan program pembangunan kapasiti dan pendaya upaya klien dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM 2.5 juta.

- *Pelaksanaan yang berkesan di peringkat lapangan*

Banyak program di bawah JKM telah mencapai kejayaan atau mencapai objektif yang diharapkan. Melalui temubual dan pemerhatian yang dilakukan adalah didapati kebanyakan program yang dilaksanakan di bawah komuniti memberi manfaat dan kesan kepada golongan sasaran. Contohnya, melalui *2 Years Exit Programme (2YEP)* ramai penerima bantuan jabatan berjaya dikeluarkan dari terus kekal dalam penerima bantuan.

Memetik ucapan YB. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Berita Harian *Online* pada 31 Mac 2019, mengatakan projek perintis *2 Years Exit Programme (2YEP)* yang bermula di Negeri Sembilan dan Perlis, berjaya mengeluarkan 500 peserta daripada belunggu kemiskinan. Kejayaan ini dapat mengukur bahawa program yang dilaksanakan di peringkat lapangan berjaya dilaksanakan oleh petugas peringkat bawah.

- *Latihan yang berterusan dan berkesan*

Melalui temubual dan pemerhatian, kejayaan program komuniti ini juga berkait rapat dengan pengetahuan dan ilmu berkaitan program komuniti dalam kalangan pegawai dan peserta yang melaksanakan program. Mengambil contoh pelaksanaan 2YEP, pegawai dilengkapi ilmu yang cukup bagi pelaksanaan program tersebut, Program ini sangat menekankan konsep bimbingan yang berterusan daripada pegawai kes kepada peserta 2YEP melalui pendekatan kerja sosial agar kefungisian sosia penerima bantuan dapat ditingkatkan. Mereka diberi latihan dan kemahiran yang bersesuaian dengan kecenderungan dan minat kerjaya mereka, dilibatkan secara aktif dalam pekerjaan samaada bekerja dengan majikan atau bekerja sendiri. Selain itu peserta juga dirujuk kepada agensi yang berkaitan untuk mendapatkan khidmat nasihat pakar dalam bidang yang diceburi. Kepelbagaian ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh pegawai dan juga peserta mencetus kepada kejayaan program di lapangan dengan baik dan berkesan.

- *Komuniti cakna dan memberi sokongan*

Sebagai contoh, Program KAWAN yang merupakan satu pendekatan yang diambil bagi mendekatkan perkhidmatan jabatan kepada masyarakat yang sukar dihubungi atau mendapatkan perkhidmatan dari Jabatan Kerajaan. Contohnya, komuniti orang asli sukar mendapatkan perkhidmatan jabatan kerana jarak perjalanan yang jauh dan sukar.

Pelaksanaan program KAWAN ini yang membawa Jabatan turun kepada masyarakat dan perkhidmatan disampaikan terus kepada mereka, golongan ini mendapat bantuan yang sesuai dan sekali gus melonjakkan sokongan mereka kepada perkhidmatan agensi kerajaan khususnya JKM.

Dapatan hasil kajian Program KAWAN menunjukkan bahawa komuniti mengetahui kehadiran jabatan ke kawasan mereka adalah untuk menyampaikan info terkini dan kemudahan kepada mereka serta mengetahui bahawa keputusan akhir adalah mereka akan mendapat perkhidmatan dari agensi atau jabatan berkenaan.

Faktor Cabaran

- *Pengurusan kewangan yang lemah*

Dapatan hasil pemerhatian dan temubual yang dijalankan, program yang dikendalikan di bawah jabatan juga terdapat kelemahan. Contohnya, terdapat ketidakakuran urusan kewangan PAWE yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pengurusan PAWE yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tiada pengetahuan dalam pengurusan kewangan. Merujuk kepada Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Kira-kira Wang Negara tentang penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) berkaitan program bantuan perkhidmatan kepada warga emas di bawah KPWKM menyatakan perbelanjaan sejumlah wang oleh pusat perkhidmatan warga emas (PAWE) tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan, tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan, terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah peruntukan kepada Penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE.

- *Pegawai Kes dan komuniti kurang berpengetahuan*

Antara cabaran bagi program yang sedang berjalan adalah kesinambungan kelancaran program apabila pegawai lama bertukar atau diarahkan menjalankan tugas lain. Pegawai pelaksana yang baharu kurang berpengetahuan dan pengalaman dalam program yang sedang dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan timbul kesulitan dalam menjamin kelancaran program yang sedang dijalankan seperti situasi pengajar tidak mengetahui apa yang perlu diajarkan. Di samping itu, terdapat juga komuniti yang kurang berminat atau berpindah setelah menghadiri kursus atau dilatih menyebabkan program yang dijalankan tergendala serta perkongsian ilmu antara komuniti dengan komuniti tidak dapat disalurkan dengan baik.

- *Motivasi kelompok komuniti yang rendah*

Hasil temubual dengan beberapa responden, keupayaan motivasi yang rendah dalam kalangan komuniti yang menyertai program jabatan juga merupakan antara cabaran dalam keberkesanan program yang dianjurkan. Sebagai contoh, mengambil kira program 2YEP, peringkat awal kebanyakan peserta yang terpilih menyertai program ini amat komited dalam projek yang diusahakan. Pada awal tahun, para peserta mampu menjana pendapatan yang memberangsang hasil dari projek yang diusahakan tetapi semakin merosot setelah mengetahui bantuan bulanan akan ditamatkan setelah pendapatan yang diperolehi telah melebihi garis kemiskinan. Walaupun pelbagai usaha untuk meningkatkan motivasi penyertaan dibuat, tetapi tahap kebergantungan komuniti terutama penerima bantuan bulan jabatan sukar untuk dihakiskan terutama golongan komuniti di pedalaman.

- *Tiada pengkhususan dalam pentadbiran*

Merujuk kepada cabaran ini, hasil dapatan mengambil contoh pelaksanaan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) tiada pengkhususan tugas yang sistematik dilaksanakan. Pelatih terdiri dari pelbagai kategori OKU yang dimuatkan dalam satu kelas. Kepelbagaian pelatih menyebabkan proses pengajaran dan latihan dilakukan kurang tersusun atau sistematik kerana keadaan pelatih yang pelbagai.

Ancaman

- *Kos operasi yang tinggi contoh Program Home Help Service*

Pelaksanaan program ini merupakan satu inisiatif jabatan yang amat baik sekali. Program ini menggalakkan komuniti secara sukarela turut bersama membantu komuniti yang lain tanpa mengharapkan bantuan daripada jabatan khususnya dan kerajaan amnya. Tetapi dapatan melalui pemerhatian dan temubual, kebanyakan sukarelawan mengharapkan pendapatan daripada aktiviti sukarela yang dilakukan. Sebagai contoh, sukarela *Home Help Service* akan diberikan sugu hati sebanyak RM200.00 bagi empat (4) orang klien yang dilawati atau dijaga. Kebanyakan sukarelawan tidak mahu atau menolak untuk melakukan lebih

dari empat (4) orang klien dibawah pemantauan kerana wang sagu hati hanya diperuntukkan untuk empat (4) orang sahaja. Sekiranya wang sagu hati ditambah lagi lebih dari peruntukan yang disediakan sekarang, ianya dilihat akan meningkatkan kos operasi bagi program tersebut.

- *Permintaan yang kurang berbanding penawaran (lokasi penawaran)*

Pelaksanaan program tertentu di sesuatu kawasan atau lokasi juga mewujudkan ancaman kepada program tersebut. Contoh, program 2YEP, sekiranya dilaksanakan secara meluaskan di daerah pedalaman yang majoriti sumber pendapatan utama penduduk berasaskan pertanian kebanyakan peserta lebih berminat kepada projek berbentuk peniagaan kecil-kecilan atau pertanian secara kecil-kecilan. Sekiranya komuniti di kawasan ini diberikan suntikan dana permulaan perniagaan, mereka mampu untuk membuka sebuah kios bagi memulakan perniagaan. Namun begitu, timbul persoalan tentang permintaan daripada penduduk tempatan apabila banyak perusahaan yang sama diwujudkan dalam komuniti yang sama. Keadaan ini akan menyebabkan situasi penawaran melebihi permintaan yang sekaligus menyebabkan program yang dilaksanakan tidak mampu berkembang lebih jauh.

Peluang

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan program berasaskan komuniti juga dilihat mampu mewujudkan banyak peluang-peluang yang amat baik terutama kepada golongan komuniti yang disasarkan. Antara peluang yang wujud ialah:

- i. memberikan peluang kepada komuniti menyumbang kepada komuniti yang lain;
- ii. meningkatkan pendapatan sara diri komuniti;
- iii. kurang bergantung kepada kerajaan; dan
- iv. melahirkan komuniti yang mampu berdikari dan bermotivasi.

KESIMPULAN

Jabatan kerajaan terutamanya JKM telah berusaha mengembleng pelbagai idea berasaskan komuniti bagi membantu komuniti terutama di Malaysia yang mampu bersaing dan tidak hanya bergantung kepada sumber kewangan daripada kerajaan semata-mata. Sekiranya semua pihak dapat menyerap dengan lebih baik setiap matlamat program yang dilaksanakan tidak mustahil sebuah komuniti yang bersemangat dan berdaya saing mampu dilahirkan.

Di samping itu, pihak jabatan juga perlu sentiasa menilai keberkesanan setiap program yang dilaksanakan dengan melihat setiap kelemahan yang wujud dan berusaha memperbaiki daripada terus-gah memikirkan idea lain untuk dilaksanakan. Namun begitu, kejayaan program yang dilaksanakan bergantung kepada individu atau komuniti itu sendiri. Oleh itu, perlu ada kesedaran dalam kalangan komuniti untuk mengubah budaya yang diamalkan sekarang kepada yang lebih baik. Kejayaan membentuk sebuah komuniti yang berilmu, bermotivasi dan berdaya saing mampu melahirkan sebuah komuniti yang mampan dan maju.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Hasil dari temubual dan kaji selidik ke atas kertas kajian ini, antara cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan ialah:

- i. membentuk pengkhususan dalam bidang kepakaran (tidak mengamalkan sistem pertukaran kakitangan terutama yang mempunyai kepakaran yang bidang-bidang tertentu;
- ii. menggunakan sumber sedia ada dalam komuniti (mentor) yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan untuk membimbing golongan sasaran;
- iii. komuniti sendiri yang membiayai projek komuniti – mengadaptasi amalan komuniti Cina (persatuan memberi

sokongan dalam pelbagai aspek), sumbangan masjid digunakan bagi pembangunan komuniti islam di sesuatu tempat; dan

- iv. mendayaupayakan komuniti melalui perubahan sikap dan amalan berkaitan perancangan dan pelaksanaan program berasaskan komuniti.

RUJUKAN

Haris Abd. Wahab. (2010) *Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator*. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial Universiti Malaya. Diambil pada 6 September 2015

Berita Harian Online. 31 Mac 2017.

Haris Abd. Wahab, Siti Hajar Abu Bakar Ah, *Perkembangan pendekatan pembangunan komuniti luar bandar di Malaysia*.

Mohd Syariefudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof, Faridah Binti Che Husain. *Konsep Komuniti Dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya*.

Pelan strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2016-2020

Garis Panduan Pelaksanaan Pusat Aktivi Warga Emas Pindaan 2018

Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohamad Zaid Mustafa, Syed Shikh Syed A. Kader: *Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning Approach)*

**KEFAHAMAN PEKERJA JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) DAN
PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP
PRAKTIS KERJA SOSIAL SERTA
LANGKAH-LANGKAH PENGUKUHAN**



Ismail Kasan
Umihani Awang
Noradzilah Noroden
Faridah Sahar
Fariza Aida Mansor
Kamsiah Hussain
Norshimahwati Mustafar
Siti Hajar Jelani
Rusnihan Othman

*PLPP Bangi, PKMD Gombak, PKMD Hulu Langat,
RSK Cheras, PKMD Kuala Langat, PKMD Hulu Selangor,
PKMD Sepang, TSH Ziyad Zolkefli, Cheras, TSP Cheras*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemahaman pekerja Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga persepsi masyarakat terhadap praktis kerja sosial. Kajian ini turut mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan kecekapan pekerja JKM dalam mengaplikasikan praktis kerja sosial kepada kumpulan sasaran. Hasil kajian mendapati pemahaman dan pengetahuan pekerja sosial tentang **praktis kerja sosial, piawaian kompetensi kerja sosial** dan **sistem pengurusan kes kerja sosial** berada di tahap sederhana, manakal persepsi masyarakat terhadap praktis kerja sosial adalah **positif**. Adalah penting untuk meningkatkan kecekapan pekerja JKM, supaya mereka lebih trampil semasa melaksanakan tugas. Dengan itu, mereka dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkesan bagi membantu kumpulan sasaran mengatasi masalah yang dihadapi. Pengkaji ingin mengkaji fenomena ini dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan kompetensi praktis kerja sosial pekerja JKM. Sampel kajian melibatkan seramai 214 orang pegawai dan kakitangan di JKM Negeri Selangor serta 148 orang ahli masyarakat yang terdiri daripada ketua masyarakat, ahli pertubuhan kebajikan sukarela dan penerima bantuan JKM yang dipilih secara rawak dalam negeri Selangor. Jumlah responden dalam kalangan pekerja JKM adalah mewakili populasi, manakala ahli masyarakat adalah berdasarkan kepada kesediaan responden memberi maklumbalas. Instrumen yang digunakan untuk kajian ini menggunakan dua set borang soal selidik yang dijawab menggunakan aplikasi *Google Form*. Data diproses menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*.

Kata Kunci : *praktis kerja sosial, kompetensi kerja sosial, sistem pengurusan kerja sosial, nilai dan etika kerja sosial, teori kerja sosial*

PENGENALAN

Kerja sosial adalah satu profesion yang membawa perubahan sosial kepada masyarakat pada peringkat pembentukan perkembangan individu. Dengan menggunakan pelbagai teori tingkah laku manusia dan sistem sosial, praktis kerja sosial diaplikasi pada pelbagai tahap interaksi manusia dan persekitaran kehidupan. Peranan praktis kerja sosial berfokus untuk mencapai keperluan manusia, mengembangkan potensi menggunakan dan sumber di persekitaran.

Kerja sosial mula berkembang di Malaysia sejak tahun 1973 (Fuziah & Abd. Razak, 2001). Bidang ini mula dikenali setelah Kementerian Kebajikan Sosial ditubuhkan pada tahun 1964. Kementerian tersebut kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertanggungjawab mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian keluarga dan masyarakat di Malaysia. Kesedaran pihak kementerian terhadap gejala sosial, tekanan hidup, perubahan sistem sosial dan keruntuhan rumah tangga dalam kalangan masyarakat menyebabkan kementerian mengambil langkah mewujudkan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerja sosial di Malaysia. Penubuhan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) pada 3 Mac 1973 telah mengukuhkan lagi kedudukan profesion kerja sosial di Malaysia (Fuziah & Abd. Razak, 2001).

Namun begitu, kewujudan profesion kerja sosial selama 41 tahun masih tidak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Perkembangan profesion kerja sosial agak lambat menyebabkan profesion ini masih kurang diketahui umum (Amna, 2000). Untuk menjadi pekerja sosial yang kompeten, seseorang itu perlu mengamalkan dan mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari di universiti. Beberapa buah Univerisiti Awam (IPTA) menawarkan pendidikan kerja sosial di Malaysia bagi memajukan bidang dan profesion kerja sosial (Rusimah, Ahmad Syukri & Jusmawati, 2014). Antara IPTA yang telah program dalam bidang kerja sosial adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Selain IPTA, Institut Sosial Malaysia (ISM), di bawah KPWKM juga telah menawarkan kursus-kursus kerja sosial jangka pendek kepada pegawai-pegawai JKM. Kursus-kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran dalam praktis kerja sosial. JKM merupakan pemegang taruh utama kepada perkhidmatan kerja sosial di Malaysia. Antara amalan kerja sosial yang dilaksanakan oleh JKM ialah praktis kerja sosial dengan individu dan keluarga, praktis kerja sosial dengan kumpulan serta praktis kerja sosial dengan komuniti.

Amalan kerja sosial dalam pelbagai bentuk praktis ini memerlukan pekerja sosial yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam semua aspek kerja sosial. Bagi memastikan pekerja sosial di JKM mendapat pengetahuan, kefahaman dan berkemahiran yang sesuai dengan perubahan yang berlaku, mereka sentiasa digalakkan mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian dengan peranan mereka sebagai pekerja sosial. Kemahiran komunikasi merupakan kemahiran asas yang perlu ada pada seseorang pekerja sosial kerana amat membantu dalam proses pengumpulan maklumat. Dalam konteks kajian ini, kompetensi merupakan perkara pokok yang harus dinilai bagi mengukur pemahaman mereka terhadap kerja sosial itu sendiri. Sekiranya dapatan kajian ini mendapati sebahagian besar pekerja JKM memahami kerja sosial, maka kompetensi dalam praktis kerja sosial dapat dipertingkatkan. Tahap kecekapan mereka juga adalah piawaian sebagai pekerja sosial yang mampu menyampaikan perkhidmatan yang efisien kepada kumpulan sasaran. Ini seterusnya mampu meningkatkan kompetensi profesion kerja sosial di Malaysia, serta membantu klien JKM mencapai kesejahteraan hidup.

Pernyataan Masalah

Dalam era globalisasi, pekerja sosial perlu mempunyai pemahaman yang jelas berkaitan nilai dan etika profesion kerja sosial dan juga implikasinya kepada praktis kerja sosial. Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan sebagai peneraju utama perkhidmatan kebajikan dalam memastikan kesejahteraan hidup masyarakat. JKM membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasaran seperti penderaan dan pengabaian kanak-kanak,

penjagaan warga emas serta Orang Kurang Upaya, keganasan rumahtangga, kemiskinan dan lain-lain yang sekiranya tidak diselesaikan ianya berpotensi tinggi mengancam kesejahteraan hidup masyarakat. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa fungsi, peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh JKM adalah signifikan.

Perkhidmatan sosial ini penting kerana ia menawarkan bantuan secara profesional (*profesional help*) berteraskan nilai, prinsip dan teknik kerja sosial yang bermatlamat untuk membantu kumpulan sasaran mendapat perkhidmatan yang diperlukan, contohnya perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi kepada individu, keluarga kumpulan dan komuniti.

Kerja sosial adalah satu bidang ilmu yang melibatkan elemen kemanusiaan. Justeru, semua tenaga manusia yang bekerja di dalam sektor ini perlu mempunyai kemahiran kemanusiaan yang baik. Kemahiran kemanusiaan melibatkan kebolehan untuk sama-sama bekerja, memahami dan mendorong orang lain sama ada sebagai individu atau kumpulan. Kemahiran teknik melibatkan kebolehan menggunakan alat, tatacara atau teknik melaksanakan sesuatu kerja '*Job-Know-How*' mengikut bidang khusus.

Bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkesan dan dapat meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasaran jabatan, JKM memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mampu mengaplikasi praktis kerja sosial secara cekap dalam tugas harian mereka. Ini kerana praktis kerja sosial memerlukan penyampainya (dalam konteks kajian ini adalah Pegawai Kebajikan Masyarakat) mempunyai asas pengetahuan berkaitan pembangunan manusia (*human development*), tingkah laku manusia (*human behaviour*), pengetahuan dalam aspek sosial, ekonomi dan budaya. Mereka perlu memahami bagaimana aspek-aspek tersebut mempengaruhi kualiti hidup individu dan atau kumpulan sosial yang hidup di dalamnya. Menurut Ismail (2011), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengawal dan memantau pengambilan pekerja dalam sektor awam kelihatan seperti tidak mengiktiraf ijazah kerja sosial. Dalam masa yang sama JPA berpendapat bahawa mereka yang ingin berkhidmat sebagai pekerja sosial tidak perlu mempunyai ijazah dalam

bidang ini. Ini menyebabkan kebanyakan jawatan dengan JKM dan juga dalam seting kerja sosial perubatan adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai ijazah dalam sains sosial. Polisi pengambilan yang tidak jelas juga menyebabkan kesukaran kepada jabatan yang berkaitan untuk melatih pekerja sosial profesional, walaupun mereka ingin berbuat demikian. Keadaan tersebut menyebabkan kekurangan pekerja sosial terlatih dan juga pengiktirafan terhadap fungsi dan peranan mereka. Keadaan ini akan menyebabkan JKM tidak dapat mengambil pekerja sosial terlatih dalam seting kerja sosial yang mana ini menyebabkan impak negatif kepada profesion secara keseluruhan. Pengambilan yang sedemikian juga boleh menyebabkan pekerja sosial yang terlatih tidak dapat melaksanakan kemahiran profesional yang dipelajari kerana berhadapan dengan bebanan kes/kerja yang berlebihan.

Berdasarkan kepada statistik penjawatan, sehingga Jun 2018, JKM mempunyai pegawai/kakitangan seramai 3102 orang yang bertanggungjawab menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada Gred 19 hingga 38 yang mempunyai pelbagai kelayakan akademik dan bidang. Tidak semua Pegawai Kebajikan Masyarakat ini mempunyai latar belakang dalam bidang kerja sosial atau yang setara dengannya. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan pengambilan pegawai/kakitangan baharu JKM yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kerja sosial mulai tahun 2020.

Berkaitan dengan perkara di atas, pihak JKM menghadapi kesukaran untuk menilai sejauhmana pegawai dan kakitangannya dapat menyampaikan praktis kerja sosial secara berkesan kepada kumpulan sasar. Malah persoalan yang lebih kritikal adalah, sejauh mana tahap pengetahuan dan pengalaman mereka dalam praktis kerja sosial juga masih tidak dapat dinilai sehingga kini. Sehingga kini JKM hanya menyediakan satu prosedur piawai iaitu Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial bagi memastikan pegawai dan kakitangan JKM dapat melaksanakan tugas dengan berkesan. Prosedur ini dibangunkan pada April 2010.

Pada tahun 2017, JKM telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Kes untuk Praktis Kerja Sosial (*Case Management System in Social Work Practice*) yang menjadi panduan kepada pegawai/

kakitangan JKM semasa melaksanakan praktis kerja sosial kepada klien. Sistem pengurusan kes ini ini adalah salah satu SOP penting kepada pegawai/kakitangan JKM dalam menjalankan tugas harian mereka. Namun tahap pengetahuan, amalan dan pematuhan terhadap SOP ini masih belum dapat diukur. SOP semua Pegawai Kebajikan Masyarakat di JKMM.

Selain Sistem Pengurusan Kes Praktis Kerja Sosial 2017, JKM turut menggunakan 2017, pihak JKM juga mekanisma penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan pegawai dan kakitangan mempunyai pengetahuan dan pengamalan yang baik terhadap praktis kerja sosial, serta patuh kepada SOP serta garis panduan yang telah ditetapkan. Pelan Kerja Sosial 2018-2020 JKM mengandungi program pendidikan, kemahiran dan latihan kerja sosial yang bertujuan untuk memantapkan lagi kemahiran kerja sosial dalam kalangan pegawai JKM semasa menyampaikan perkhidmatan kerja sosial. Antara contoh program yang digariskan Pelan Strategik Kerja Sosial 2018-2020 tersebut adalah latihan dan pembangunan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kerja sosial.

Statistik JKM sehingga tahun 2018 menunjukkan terdapat 22 orang pegawai JKM sedang menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah, 32 orang pegawai/kakitangan telah mengikuti Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial, 256 orang kakitangan JKM telah dihantar menjalani praktis Eksekutif Kerja Sosial dan seramai 185 orang pegawai/kakitangan telah mengikuti kursus kompetensi kerja sosial.

Institut Sosial Malaysia, sehingga kini telah melaksanakan lebih daripada 4,800 siri latihan dan kursus jangka pendek untuk pegawai/kakitangan JKM. Malah ISM dengan kerjasama UKM menawarkan Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPSKS) bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam kalangan pegawai/kakitangan JKM.

Justeru, bagi memastikan pegawai kebajikan masyarakat mempunyai pengetahuan yang bersesuaian dengan bidang tugas dan mematuhi SOP yang ditetapkan, JKM perlu mempunyai sistem atau mekanisma pemantauan dan penyeliaan dan berkesan. Bagi memenuhi syarat ini, pihak JKM ada mengamalkan sistem atau mekanisma yang berkesan agar Pegawai Kebajikan

Masyarakat memiliki pengetahuan tentang praktis kerja sosial yang berkaitan dengan perkhidmatan mereka serta mematuhi SOP kerja sosial yang ditetapkan. Berkaitan hal ini juga, JKM perlu mengamalkan sistem dan mekanisma penyeliaan dan pemantauan yang komprehensif dan berkesan.

JKM bertanggungjawab membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa terhadap perjalanan organisasinya. Dalam hal ini, JKM perlu sentiasa menilai semula mekanisma, strategi dan pelan tindakan sedia ada agar pengetahuan dan amalan pegawai/kakitangan relevan dengan perkembangan semasa.

Dalam hubungan ini, data berkaitan tahap pemahaman dan pengamalan kerja sosial perlulah lebih komprehensif agar tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh JKM lebih efektif dan bersifat *evidence based*.

Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang ingin dikaji iaitu:

1. Apakah tahap pemahaman pekerja JKM terhadap pengetahuan praktis kerja sosial?
2. Apakah tahap pemahaman pekerja JKM terhadap piawaian kompetensi praktis kerja sosial?
3. Apakah tahap pemahaman pekerja JKM terhadap sistem pengurusan kes (CMS) kerja sosial?
4. Apakah tahap kefahaman masyarakat terhadap kerja sosial?
5. Apakah persepsi masyarakat terhadap kerja sosial?
6. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuhkan praktis kerja sosial dalam kalangan pegawai/kakitangan JKM.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap kefahaman Praktis Kerja Sosial dalam kalangan pegawai/kakitangan JKM;

2. Mengenal pasti tahap pengetahuan pegawai/kakitangan JKM Terhadap Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial: dan
3. Mengenalpasti tahap pengetahuan Pekerja JKM Terhadap Sistem Pengurusan Kes (CMS) Kerja Sosial.
4. Mengukur tahap kefahaman masyarakat terhadap praktis yang dilaksanakan oleh JKM;
5. Mengkaji persepsi masyarakat terhadap praktis kerja sosial; dan
6. Mengkaji langkah-langkah pengukuhan terhadap praktis kerja sosial

Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan terhadap praktis kerja sosial oleh pekerja JKM, persepsi terhadap praktis kerja sosial serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuhkan praktis kerja sosial.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada seramai 362 orang pegawai/kakitangan dan klien JKM yang terdiri daripada pelbagai jantina, peringkat umur, jantina, tahap pendidikan dan gred jawatan.

Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini amat berguna bagi menyediakan data empirikal sebagai sokongan kepada pembuat polisi untuk menambah baik kursus sedia ada dengan menyuntik elemen-elemen kerja sosial agar dapat dipraktikkan dan dimanfaatkan oleh Pekerja JKM.

Kajian ini juga memperlihatkan peratusan pekerja JKM yang didedahkan dengan kaedah kerja sosial yang dapat digunapakai semasa menjalankan tugas seharian. Masyarakat meletakkan harapan yg tinggi kepada kakitangan JKM untuk menyelesaikan masalah, konflik dan isu yang dihadapi. Oleh itu, pekerja JKM perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan tahap keyakinan yang tinggi agar dapat membantu klien yang memerlukan intervensi.

Frost et al. (2005) menyatakan, pekerja sosial berperanan sebagai penghubung, menjadi orang tengah dan perunding bagi membantu klien menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, pekerja JKM perlu didedahkan dengan pengetahuan kerja sosial. Ia perlu dipelajari secara akademik bagi membolehkan pengamal membuat keputusan dan tindakan dengan lebih bijak tanpa membelakangkan peraturan dan undang-undang sedia ada. Pekerja JKM perlu komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti bagi menjamin kepuasan dan memenuhi keperluan pelanggan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang sejahtera.

Dengan mengambil kira elemen-elemen serta nilai yang terkandung dalam praktis kerja sosial. Kajian ini dapat membantu masyarakat meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan perkhidmatan yang diamalkan oleh JKM. Secara tidak langsung, sistem pengurusan dan perkhidmatan JKM akan lebih difahami oleh masyarakat serta melancarkan penyampaian perkhidmatan.

KERANGKA KAJIAN

**RAJAH 1:
MODEL KOSEPTUAL KEFAHAMAN PEKERJA JKM DAN
PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PRAKTIS KERJA
SOSIAL SERTA LANGKAH-LANGKAH PENGUKUHAN**



Limitasi Kajian

Skop Kajian ini berbentuk kajian kes dan menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan tidak boleh digeneralisasikan kerana hanya melibatkan kakitangan JKM di Negeri Selangor sahaja dan bukannya di seluruh Negara. Tempoh masa kajian yang diberikan agak singkat iaitu lebih kurang 2 bulan dan ahli kumpulan pula terikat dengan tugas-tugas hakiki di pejabat yang perlu tindakan segera, disamping tugas “*ad-hoc*” di luar kawalan.

Namun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan dalam mengukur tahap kefahaman pekerja JKM dan persepsi masyarakat terhadap praktis kerja sosial. Ia turut mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan tahap pemahaman dan kecekapan mereka. Menurut Frost et al. (2005) pekerja sosial berperanan sebagai penghubung, menjadi orang tengah dan perunding dalam membantu klien menyelesaikan masalah.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik yang diedarkan melalui aplikasi *Google forms*. Terdapat dua (2) bentuk soal selidik yang diberikan kepada responden iaitu kakitangan dan klien Jabatan.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang merangkumi sembilan (9) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan dua (2) Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan (PKMC) serta sembilan (9) institusi.

Sampel Kajian

Bagi persampelan kajian yang berbentuk kajian kes ini menggunakan kaedah persampelan *purposive* (tertumpu) iaitu kakitangan JKM yang terlibat secara terus dengan kerja kebajikan dalam skim perkhidmatan sosial seramai 214 orang. Selain itu, sampel secara rawak yang terdiri daripada 148 orang dalam kalangan klien Jabatan.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Kajian ini menggunakan dua borang soal selidik iaitu kepada pekerja JKM dan klien Jabatan. Kedua-dua soal selidik menggunakan tiga skala likert seperti jadual di bawah:

Skala Soal Selidik

| Skala | Keterangan |
|-------|-------------|
| 0 | Tidak tahu |
| 1 | Tahu |
| 2 | Sangat tahu |

Bagi pekerja JKM soal selidik yang digunakan mempunyai empat bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi pekerja JKM, manakala Bahagian B mengandungi pembolehubah yang berkaitan dengan kefahaman praktis Kerja Sosial seperti berikut:

1. Pekerja JKM

Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian ini mengandungi tujuh pembolehubah iaitu jantina, umur, penempatan, bangsa, gred jawatan, tempoh perkhidmatan dan tahap pendidikan.

Bahagian B: Kefahaman dan Pengetahuan Terhadap Praktis Kerja Sosial

Bahagian ini mengandungi 37 soalan berkaitan dengan kefahaman pekerja JKM mengenai praktis kerja sosial. Antara aspek yang terkandung dalam bahagian ini ialah berkaitan dengan kerja kumpulan, kerja komuniti, nilai, etika dan prinsip kerja sosial. Selain itu, ia juga mengandungi soalan berkaitan pengetahuan terhadap Piawai Kompetensi Praktis Kerja Sosial serta keupayaan, kebolehan dan kemahiran pekerja JKM dalam mengendalikan sesuatu kes. Kefahaman tentang praktis kerja sosial ini juga mengambil kira pembolehubah berkaitan sistem pengurusan kes kerja sosial. Tahap kefahaman diukur menggunakan skala Likert seperti di Jadual 1.

2. Masyarakat

Bagi masyarakat pula, soal selidik berkaitan persepsi yang digunakan mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian ini mengandungi lima bahagian iaitu jantina, umur, bangsa, jenis bantuan yang diterima dan tahap pendidikan. Responden bagi soal soal selidik ini adalah klien Jabatan yang merupakan penerima bantuan kewangan dan bantuan selainnya. Selain itu, pilihan untuk tahap pendidikan bermula daripada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana ke atas .

Bahagian B: Persepsi Masyarakat Terhadap Praktis Kerja Sosial

Bahagian ini mengandungi 15 soalan yang berkaitan dengan persepsi masyarakat tentang praktis kerja sosial.

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer adalah maklumat yang diperolehi melalui soal selidik. Kaedah ini digunakan bagi memperolehi data secara menyeluruh. Bagi mengukuhkan dapatan kajian, data sekunder daripada agensi dan kajian lepas digunakan. Manakala, soal selidik kepada masyarakat pula bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi masyarakat terhadap praktis kerja sosial. Tempoh yang diambil untuk mengumpulkan data primer soal selidik adalah selama dua bulan iaitu pada bulan Mei sehingga Jun 2019. Selepas itu, penganalisan data dibuat menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS).

DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 214 set soal selidik kepada Pekerja JKM dan 148 set kepada masyarakat telah dianalisis. Analisa data daripada *google form* diproses menggunakan aplikasi SPSS 24. Data-data terkumpul yang telah diproses dan dianalisis dilaporkan seperti berikut:

Maklumat Demografi

Pekerja JKM

Jadual 1 : Profil Demografi Responden Mengikut Jantina

| Jantina | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------|-----------|---------------|
| Lelaki | 112 | 52.3 |
| Perempuan | 102 | 47.7 |

Jadual 1 menunjukkan sejumlah 214 orang responden yang terdiri 112 orang lelaki bersamaan 52.3% manakala responden perempuan pula berjumlah responden iaitu 102 orang bersamaan 47.7%. Ini menunjukkan penglibatan responden lelaki lebih ramai daripada perempuan dalam kajian ini.

Jadual 2 : Profil Demografi Responden Mengikut Umur

| Umur | Kekerapan | Peratusan (%) |
|----------------|-----------|---------------|
| 18-30 | 24 | 11.2 |
| 31-40 | 144 | 67.3 |
| 41-50 | 39 | 18.2 |
| 51 dan ke atas | 7 | 3.3 |

Jadual 2 menunjukkan kumpulan umur di mana, responden berumur 18 hingga 30 tahun adalah seramai 24 orang atau bersamaan 11.2%. Responden berumur 31 hingga 40 tahun adalah seramai 144 orang bersamaan 67.3%. Seterusnya, kumpulan umur 41 tahun hingga 50 tahun seramai 39 orang bersamaan 18.2% dan kumpulan umur 51 tahun dan ke atas seramai 7 orang bersamaan 3.3%. Ini menunjukkan kumpulan umur 41 tahun hingga 50 tahun adalah paling ramai yang menjadi responden untuk kajian ini.

Jadual 3 : Profil Demografi Responden Mengikut Penempatan Kerja

| Penempatan | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-------------------------------------|-----------|---------------|
| Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri | 2 | 0.9 |
| Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah | 162 | 75.7 |
| Institusi | 50 | 23.4 |

Responden yang terdiri daripada pegawai JKM berada di tiga penempatan kerja iaitu di JKMN, PKMD dan Institusi. Hanya 2 orang responden daripada JKMN terlibat dengan kajian ini, manakala 162 orang (75.7%) responden daripada PKMD dan selebihnya adalah daripada institusi iaitu seramai 50 orang (23.4%).

Jadual 4 : Profil Demografi Responden Mengikut Bangsa

| Bangsa | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------|-----------|---------------|
| Melayu | 203 | 94.9 |
| Cina | 1 | 0.5 |
| Lain-lain | 10 | 4.7 |

Jadual 4 menunjukkan profil bangsa responden yang terlibat dalam kajian ini, iaitu Melayu sebanyak 203 orang bersamaan 94.9%, bangsa Cina hanya seorang bersamaan 0.5%, manakala lain-lain seramai 10 orang bersamaan 34.7%. Maka dengan itu, responden berbangsa Melayu merupakan kumpulan terbesar yang menjawab soal selidik yang diedarkan melalui *Google forms*.

Jadual 5 : Profil Demografi Responden Mengikut Gred Jawatan

| Gred Jawatan | Kekerapan | Peratusan (%) |
|---------------|-----------|---------------|
| S41 & ke atas | 18 | 8.4 |
| S29-S39 | 64 | 29.9 |
| S19-S26 | 127 | 59.3 |
| Gred Lain | 5 | 2.3 |

Pekerja JKM yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pegawai/kakitangan dalam kategori perkhidmatan S (Sosial). Responden bagi Gred S41 dan ke atas adalah seramai 18 orang (8.4%), gred S29-38 seramai 64 (29.9%), S19-26 seramai 127 orang (59.3%) dan gred lain-lain seramai 5 orang (2.3%).

Jadual 6 : Profil Demografi Resonden Mengikut Tempoh Perkhidmatan

| Tempoh Perkhidmatan | Kekerapan | Peratusan |
|----------------------------|------------------|------------------|
| 1-5 tahun | 48 | 22.4 |
| 6-10 tahun | 38 | 17.8 |
| 11-15 tahun | 93 | 43.5 |
| 15 tahun ke atas | 35 | 16.4 |

Responden yang berkhidmat selama 1-5 tahun adalah seramai 48 orang (22.3%), 6-10 tahun seramai 38 orang (17.8%), 11-15 tahun seramai 43 orang (43.5%) dan 16 tahun ke atas adalah seramai 35 orang (16.4%).

Jadual 7 : Profil Demografi Responden Mengikut Tahap Pendidikan

| Tahap Pendidikan | Kekerapan | Peratusan(%) |
|-------------------------|------------------|---------------------|
| SPM | 78 | 36.4 |
| STPM/Diploma | 75 | 35.0 |
| Ijazah Sarjana Muda | 56 | 26.2 |
| Sarjana dan ke atas | 5 | 2.3 |

Jadual 7 menunjukkan profil demografi responden mengikut tahap pendidikan. Responden yang mempunyai kelulusan SPM adalah seramai 78 orang (36.4%), STPM/Diploma seramai 75 orang (35%), Ijazah Sarjana Muda seramai 56 orang (26.2%) dan Sarjana ke atas seramai 5 orang (2.3%).

Masyarakat

Jadual 8 : Profil Demografi Responden (Masyarakat) Mengikut Jantina

| Jantina | Kekerapan | Peratusan (%) |
|----------------|------------------|----------------------|
| Lelaki | 54 | 36.5 |
| Perempuan | 94 | 63.5 |
| JUMLAH | 148 | 100 |

Jadual 8 menunjukkan sejumlah 148 orang responden (masyarakat) yang terdiri daripada 54 orang lelaki (36.5%) manakala perempuan pula berjumlah 94 orang (63.5%). Ini menunjukkan bilangan responden perempuan (masyarakat) lebih ramai daripada responden lelaki.

Jadual 9 : Profil Demografi Responden (Masyarakat) Mengikut Umur

| Umur | Kekerapan | Peratusan (%) |
|----------------|------------|---------------|
| 18-30 | 31 | 20.9 |
| 31-40 | 42 | 28.4 |
| 41-50 | 50 | 33.8 |
| 51 dan ke atas | 25 | 16.9 |
| JUMLAH | 148 | 100 |

Jadual 9 menunjukkan kumpulan responden (masyarakat) berumur 18 hingga 30 tahun iaitu seramai 31 orang (20.9%). Kumpulan umur kedua iaitu 31 hingga 40 tahun seramai 42 orang (28.4%). Seterusnya, kumpulan responden berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 50 orang (33.8%), manakala kumpulan umur 51 tahun dan ke atas adalah seramai 25 orang (16.9%). Jadual di atas menunjukkan kumpulan responden berumur 41 hingga 50 tahun adalah paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 10 : Profil Demografi Responden (Masyarakat) Mengikut Bangsa

| Bangsa | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------|-----------|---------------|
| Melayu | 122 | 82.4 |
| Cina | 8 | 5.4 |
| India | 13 | 8.8 |
| Lain-lain | 5 | 3.4 |

Jadual 10 menunjukkan bilangan responden (masyarakat) mengikut bangsa yang terdapat dalam kajian ini, iaitu Melayu seramai 122 orang (82.4%), Cina seramai 8 orang (5.4%), India seramai 13 orang (8.8%) dan lain-lain bangsa lain-lain seramai 5 orang (3.4%). Jadual di atas menunjukkan bahawa responden (masyarakat) bangsa Melayu paling ramai menjawab soal selidik ini.

**Jadual 11 : Profil Demografi Responden (Masyarakat)
Berdasarkan Jenis Bantuan Yang Diterima**

| Penerima Bantuan | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-------------------------|------------------|----------------------|
| Ya | 63 | 42.6 |
| Tidak | 85 | 57.4 |
| JUMLAH | 148 | 100 |

Jadual 11 menunjukkan jumlah responden (masyarakat) yang terdiri daripada penerima bantuan dan bukan penerima bantuan. Jumlah responden penerima bantuan adalah seramai 63 orang (42.6%), manakala bagi bukan penerima bantuan seramai 85 orang (57.4%). Ini menunjukkan responden bukan penerima bantuan yang paling ramai.

**Jadual 12 : Profil Demografi Responden (Masyarakat)
Mengikut Tahap Pendidikan**

| Tahap Pendidikan | Kekerapan | Peratusan(%) |
|-------------------------|------------------|---------------------|
| Tidak Bersekolah | 2 | 1.4 |
| Sekolah Rendah | 12 | 8.1 |
| Sekolah Menengah | 76 | 51.4 |
| Kolej/Universiti | 58 | 39.2 |
| JUMLAH | 148 | 100 |

Jadual 12 menunjukkan jumlah dan peratusan responden mengikut tahap pendidikan. Bagi jumlah responden yang tidak bersekolah adalah seramai 2 orang (1.4%), belajar sehingga peringkat sekolah rendah seramai 12 orang (8.1%), sekolah menengah seramai 76 orang (51.4%) dan pada kolej/universiti pula seramai 58 orang (39.2%). Ini menunjukkan bilangan responden masyarakat paling ramai menjawab soal selidik ini terdiri daripada responden yang mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah.

Tahap Kefahaman Pekerja JKM Terhadap Kefahaman Praktis Kerja Sosial Secara Umum

Skor minimum bagi bahagian ini ialah 0, manakala skor maksimum ialah 40. Berdasarkan skor minimum dan maksimum

yang diperolehi, pengkaji melihat tahap pengetahuan pekerja JKM terhadap kefahaman praktis kerja sosial dalam tiga keadaan iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Jadual menunjukkan skor bagi ketiga-tiga tahap kefahaman pekerja JKM terhadap praktis kerja sosial secara umum.

Jadual 13 : Tahap Kefahaman Dan Skor Responden

| Tahap | Skor |
|-----------|-------|
| Tinggi | 27-40 |
| Sederhana | 14-26 |
| Rendah | 0-13 |

Berdasarkan hasil analisis deskriptif yang telah dibuat, bilangan dan juga peratusan bagi tahap pengetahuan pekerja JKM terhadap kefahaman praktis kerja sosial secara umum adalah seperti di Jadual 14. Analisa ini menunjukkan kefahaman pekerja sosial terhadap praktis berada pada tahap sederhana.

Jadual 14 : Kefahaman Terhadap Praktis Kerja Sosial Secara Umum

| Tahap | Bilangan | Peratusan (%) |
|-----------|----------|---------------|
| Tinggi | 66 | 30.84 |
| Sederhana | 121 | 56.54 |
| Rendah | 27 | 12.62 |

Tahap Kefahaman Pekerja JKM Terhadap Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

Skor minimum bagi bahagian ini ialah 0, manakala skor maksimum ialah 22. Berdasarkan skor minimum dan maksimum yang diperolehi, terdapat 3 tahap tahap pengetahuan pekerja JKM terhadap kefahaman praktis kerja sosial, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Jadual 15 menunjukkan skor bagi ketiga-tiga tahap kefahaman pekerja JKM terhadap Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial.

Jadual 15 : Pengetahuan Tentang Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

| Tahap | Skor |
|-----------|-------|
| Tinggi | 15-22 |
| Sederhana | 8-14 |
| Rendah | 0-7 |

Berdasarkan hasil analisis deskriptif yang telah diperolehi, bilangan dan juga peratusan bagi tahap pengetahuan pekerja JKM terhadap Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial adalah seperti di Jadual 16. Hasil mendapati responden berada pada tahap yang sederhana iaitu seramai 123 orang (57.4%) responden (pekerja JKM). Responden yang mempunyai pengetahuan tahap rendah adalah seramai 47 orang (21.96%), manakala responden yang mempunyai pengetahuan pada tahap tinggi adalah seramai 44 orang (20.56%).

Jadual 16 : Bilangan Dan Peratusan Responden Berdasarkan Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial

| Tahap | Bilangan | Peratusan (%) |
|-----------|----------|---------------|
| Tinggi | 44 | 20.56 |
| Sederhana | 123 | 57.48 |
| Rendah | 47 | 21.96 |

Tahap Pengetahuan Pekerja JKM Terhadap Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial.

Jadual 17 menunjukkan tahap pengetahuan pekerja JKM tentang Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial. Skor terendah adalah 0, manakal skor tertinggi adalah 12.

Jadual 17 : Skor Pengetahuan Tentang Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial

| Tahap | Skor |
|-----------|------|
| Tinggi | 9-12 |
| Sederhana | 5-8 |
| Rendah | 0-4 |

Hasil analisis, mendapati majoriti responden berada pada tahap sederhana iaitu seramai 121 orang (56.54%).

Jadual 18 : Kefahaman Mengenai Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial

| Tahap | Bilangan | Peratusan (%) |
|-----------|----------|---------------|
| Tinggi | 81 | 37.85 |
| Sederhana | 121 | 56.54 |
| Rendah | 12 | 5.61 |

Jadual 19 : Tahap Dan Skor Persepsi Masyarakat Terhadap Praktis Kerja Sosial

| Tahap | Skor |
|-----------|-------|
| Tinggi | 24-30 |
| Sederhana | 16-23 |
| Rendah | 0-15 |

Berdasarkan hasil analisis diskriptif, majoriti persepsi masyarakat terhadap praktis kerja sosial, berada pada tahap tinggi iaitu seramai 95 orang (64.18%), manakala tahap sederhana, seramai 51 (34.45%) dan tahap rendah seramai 2 orang (1.35%). Keadaan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pandangan positif terhadap praktis Kerja Sosial.

Jadual 20 : Kekerapan Dan Peratusan Responden Berdasarkan Persepsi Masyarakat Terhadap Praktis Kerja Sosial

| Tahap | Kekerapan | Peratusan % |
|-----------|-----------|-------------|
| Tinggi | 95 | 64.18 |
| Sederhana | 51 | 34.45 |
| Rendah | 2 | 1.35 |

Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman pekerja JKM mengenai Praktis Kerja Sosial secara umum, Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial berada di tahap sederhana iaitu semuanya mendapat 57 peratus. Manakala persepsi masyarakat terhadap Praktis Kerja Sosial pula berada di tahap yang tinggi

iaitu sebanyak 95 orang (64%) daripada 148 orang mengatakan bahawa mereka mempunyai persepsi positif terhadap praktis Kerja Sosial.

PERBINCANGAN

Langkah-Langkah Mengukuhkan Kefahaman Terhadap Praktis Kerja Sosial Dalam Kalangan Pekerja Jabatan Kebajikan Masyarakat

Pengkaji mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pekerja JKM bagi meningkatkan keberkesanan praktis Kerja Sosial iaitu:

1. Memasukkan Elemen Praktis Kerja Sosial Dalam Kurikulum Program Transformasi Minda (PTM)

Program Transformasi Minda (PTM) adalah kursus induksi bagi pegawai/kakitangan lantikan baharu. Ia bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada mereka tentang pelaksanaan tugas sebenar di JKM. Pengkaji mencadangkan supaya elemen Praktis Kerja Sosial turut dimasukkan dalam kurikulum PTM untuk memberi pendedahan awal berkaitan praktis Kerja Sosial di JKM.

2. Latihan/Kursus Asas Kerja Sosial Kepada Semua Pekerja JKM Yang Baharu Dilantik

Menurut Poon (1994), latihan adalah merujuk kepada segala usaha terancang organisasi untuk memudahkan pembelajaran tingkah laku kerja yang tertentu. Usaha ini dapat memperbaiki prestasi pekerja dengan cara meningkatkan kebolehan melaksanakan tugas agar objektif Jabatan dapat dicapai. Latihan yang diberikan dapat meningkatkan kebolehan pekerja, mengubah sikap dan menambah kemahiran serta pengetahuan mereka. (June, M.L. Poon, Pengurusan Sumber Manusia, DBP, 1994)

Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan supaya JKM melaksanakan Kursus Pengenalan Praktis Kerja Sosial secara jangka pendek selama dua minggu kepada pegawai lantikan baharu sebelum mereka memulakan tugas di penempatan masing-masing.

3. Kursus Ulangan/*Advance/Refresher Course* Praktis Kerja Sosial Kepada Pekerja JKM Yang Telah Menghadiri Kursus Asas

Menurut Hilgard dan Atkinson (1979), pada umumnya, semakin lama sesuatu maklumat dikekalkan dalam ingatan jangka pendek melalui latihan, maka semakin tinggi kemungkinan ia akan ditukar kepada ingatan jangka panjang.

Justeru, bagi mengekalkan ingatan Pekerja JKM akan pengetahuan yang telah dipelajari, pengkaji mencadangkan supaya JKM melaksanakan latihan berbentuk kursus ulangan/*advance/refresher course* kepada pekerja JKM.

Kursus dicadangkan selama tiga ke lima hari dengan menekankan aktiviti *role-play*, *teori* dan *case conference*/persidangan kes kerja sosial, dengan memasukkan elemen dalam praktis kerja sosial.

4. Pembentangan Kajian Kes Menggunakan Pendekatan Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial JKM

Manual Sistem Pengurusan Kerja Kes Kerja Sosial JKM, 2017 mempunyai lima (5) tahap iaitu **penerimaan, penentuan situasi, perancangan dan intervensi, pemantauan, penilaian dan penamatan**. Tujuan manual ini adalah bagi membudayakan pekerja JKM dalam pengurusan kes seharian dan seterusnya meningkatkan profesionalisme dalam bidang Kerja Sosial di Malaysia. Justeru, pengkaji mencadangkan supaya JKM mengadakan persidangan kes (menggunakan pendekatan penyelesaian masalah seperti terkandung dalam manual tersebut) secara berkala agar pengalaman melaksanakan praktis Kerja Sosial dalam pengurusan kes dapat dikongsi dan dimanfaatkan bersama.

5. Penyeliaan Kerja Sosial Secara Silang Dua Kali Setahun

Bagi menambah baik praktis kerja sosial, penyeliaan secara silang adalah penting bagi meningkatkan kualiti dan melihat sejauh mana amalan praktis kerja sosial diamalkan dan dilaksanakan. Selain daripada itu, pengalaman/daerah/institusi/latar belakang yang berbeza dapat dikongsi bersama bagi memperkaya praktis kerja sosial masing-masing.

6. Pendekatan *Coaching*

Pendekatan ini diamalkan di tempat kerja masing-masing bertujuan berkongsi pengetahuan dan pengalaman di antara pekerja sosial bagi meningkatkan kualiti praktis kerja sosial dalam kerja kes seharian. Pendekatan ini dijalankan selama empat kali sebulan bagi tempoh tiga bulan. Ia dapat memantapkan lagi amalan dan praktis kerja sosial di tempat kerja masing-masing.

Coaching dapat membantu mencapai misi, visi dan objektif jabatan dengan meningkatkan potensi dan kemahiran pekerja JKM dalam praktis Kerja Sosial. Menurut McGovern, J., 2001 dalam artikel bertajuk *Maximizing the Impact of Executive Coaching: Behavioral Change, Organizational Outcomes, and Return on Investment* yang disiarkan dalam *Jurnal the Manchester Review*, “pendekatan *coaching* dapat memberikan pulangan sebanyak 5.7 kali daripada kos yang dibelanjakan”.

7. Sudut Praktis Kerja Sosial

Setiap PKMD/Negeri/Institusi dicadangkan untuk mewujudkan sudut Praktis Kerja Sosial. Sudut tersebut perlu dilengkapi dengan poster, jurnal, pamflet, nota yang diperoleh daripada kursus, seminar dan apa-apa program yang berkaitan dengan kerja sosial. Sudut ini akan menjadi sumber rujukan kepada setiap pekerja di pejabat berkenaan.

8. *Social Work Hour*

Program perkongsian ilmu berkaitan kerja sosial boleh dilaksanakan setiap minggu selama 45 minit pada setiap sesi. Ia boleh dilaksanakan mengikut jadual pusingan secara tidak formal dan santai di mana topik perbincangan berkisar apa sahaja perkara berkaitan Kerja Sosial. Ia bertujuan menyebarkan luas dan membudayakan ilmu Kerja Sosial dalam pekerjaan seharian.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilaksanakan, kefahaman pekerja JKM tentang praktis Kerja Sosial berada di tahap

sederhana. Sehubungan itu, beberapa usaha perlu dibuat bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran mereka dalam praktis Kerja Sosial, seperti melaksanakan kursus dan latihan asas praktis Kerja Sosial diikuti dengan *refresher course* secara berkala yang dapat mendedahkan dan menjadikan praktis Kerja Sosial sebagai *second nature* kepada pekerja-pekerja JKM. Persidangan Kes Kerja Sosial, Penyeliaan Kerja Sosial secara silang dan sistem *coaching* pula dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seseorang pekerja JKM bagi melaksanakan amalan secara berkesan. Pembudayaan praktis Kerja Sosial di pejabat-pejabat JKM sama ada di daerah, negeri atau institusi dapat dilaksanakan melalui sudut praktis Kerja Sosial dan *social work hour*. Pelan tindakan yang akan dirangka diharapkan mampu memperkukuhkan lagi sistem dan mekanisme yang boleh digunakan oleh JKM bagi meningkatkan kecekapan Pegawai Kebajikan Masyarakat dalam melaksanakan praktis Kerja Sosial demi sosial masyarakat keseluruhannya.

Namun demikian, di sudut yang lebih positif, dapatan kajian mendapati bahawa, masyarakat yang terdiri daripada klien, ketua masyarakat dan individu mempunyai persepsi yang positif dan tinggi terhadap praktis kerja sosial yang dilaksanakan oleh ini membuktikan bahawa JKM sedang bergerak di landasan yang tepat dan ianya perlu diteruskan bagi mempertingkatkan lagi pencapaian misi dan visi JKM.

RUJUKAN

- Adi Fahrudin 2002 *Kod Etika Dalam Profession Kerja Sosial : Satu Keperluan Dalam Konteks Malaysia*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Etika Gunaan dan Profesional, Anjuran Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 9-10 Oktober.
- Amna Md Noor (2013) *Amalan dan Cabaran Mengamalkan Nilai dan Etika Kerja Sosial dalam Kalangan Pegawai Jabatan kebajikan Masyarakat Malaysia*. Tesis Ph.D Universiti Sains Malaysia.
- Arguello, T.M, Baiocchi, A & Price Wolf, J (2018). *Social Work Matters* : .October 2018: 305-316.
- Moriarty, J & Manthorpe, J (2016) *The Effectiveness of Social Work with Adults*. London, King College
- Siti Hajar, Haris, Nora, Mashitah & Zaiton (2019) *Kajian Pemahaman dan Pengamalan Kerja Sosial Dalam Kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat*. Kajian Institut Sosial Malaysia. Belum diterbitkan.
- Sopian Brahim (2017) *Praktis Kerja Sosial Dalam Pengurusan Kes Kanak-Kanak : Kajian di Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Tesis Ph.D Universiti kebangsaan Malaysia.
- Viegel,R (2009) *Community perceptions of Social Workers*. Master Thesis. Faculty of the Graduate School, University of Texas at Arlington
- Zainudin, Mohamad Zahir. 2009. *Persepsi Kumpulan Sasar Terhadap Skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

CABARAN DAN SOLUSI DALAM PELAKSANAAN PERKHIDMATAN DI BAWAH AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994



Shahrulnizam Abdul Aziz
Nor Azlina Irdawaty Md Tahir
Badrul Hisam Md. Yassin
Norsuriani Khamarludin
Zulkarnain Zainal Abidin
Hasrol Rezuwan Ramli

*PKMD Jerantut, RKK Tengku Ampuan Fatimah, STB Jerantut,
PKMD Kuala Lipis, PKMD Temerloh, DBD Jerantut*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan cabaran pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) secara keseluruhan khususnya selepas pindaan AKRT yang telah diluluskan pada tahun 2017 iaitu Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO). Cabaran ini meliputi kuasa yang diwakili, keberkesanan dan keperluan, keselamatan pegawai pelaksana dan keperluan latihan yang perlu disediakan kepada pegawai pelaksana atau yang diberi kuasa bagi menguatkuasa akta ini. Berdasarkan pendekatan temubual penerokaan melalui pengalaman pegawai penyelaras yang pernah melaksanakan peranan dan keperluan yang telah ditetapkan oleh AKRT bagi memastikan mangsa mendapat perlindungan sebaiknya atau sebaliknya. Di akhir perbincangan, beberapa saranan dan penambahbaikan dikemukakan bagi memastikan AKRT ini bersifat menyeluruh bukan sahaja melindungi mangsa keganasan rumah tangga sebaliknya mampu melindungi setiap peranan dan fungsi yang dimainkan oleh pegawai pelaksana dari proses awal hingga kepada pembuatan keputusan penyelesaian bagi kes keganasan rumah tangga yang berlaku tanpa melibatkan kerosakan yang besar.

Kata Kunci: *cabaran, solusi, perintah perlindungan kecemasan (EPO).*

PENGENALAN

Keganasan rumah tangga adalah merupakan isu sosial yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, kaum, agama dan budaya yang semakin meningkat (Roslina Che Soh, 2009)¹. Keganasan rumah tangga adalah tingkah laku yang bertujuan menakutkan, memanipulatif atau memaksa pasangan dengan tujuan meraih atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas pasangannya. Keganasan rumah tangga bersifat lazim, berulang dan rawak dan penderaan boleh dilakukan secara fizikal, psikologi, sosial, seksual atau penyalahgunaan kewangan (Woman Aid Organization, 2017)².

Keganasan rumah tangga juga dikenali sebagai keganasan pasangan intim apabila dilakukan oleh pasangan dalam hubungan intim. Keganasan rumah tangga juga boleh melibatkan keganasan terhadap kanak-kanak, ibubapa atau orang tua yang tinggal bersama atau berasingan. Ianya mengambil beberapa bentuk termasuk fizikal, lisan, emosi, ekonomi, agama dan seksual yang boleh terdiri dari bentuk-bentuk kasar, paksaan kepada perkosaan perkahwinan dan penyalahgunaan fizikal yang ganas seperti mencekik, memukul, mutilasi alat kelamin wanita dan membuang asid yang boleh menyebabkan kecacatan dan kematian. Keganasan rumah tangga mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pindaan 2017 didefinisikan sebagai perlakuan mana-mana perbuatan secara sengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa di dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal atau menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal dengan memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual ataupun selainya yang mana mangsa itu berhak tidak melakukan atau mengurung dan menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu atau melakukan khianat atau kemusnahan dan kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa itu oleh seseorang

1 https://isep.iium.edu.my/9210/1.ppoint_keganasan_rtangga_Dr_Roslina.pdf

2 <https://wao.org.my/wp-content/uploads/2018/08/Perspektif-Mengenai-Keganasan-Rumah-Tangga.pdf>

terhadap isteri atau suami, atau bekas isteri atau suami atau kanak-kanak, orang dewasa tidak berupaya dan mana-mana anggota lain keluarga.

Berdasarkan kepada statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari tahun 2015 hingga 2016, terdapat peningkatan kes dari 667 kes kepada 898 kes. Peningkatan sebanyak 231 kes ini (26 peratus) daripada jumlah keseluruhan. Menurut kajian 2014 yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) di Universiti Sains Malaysia, terdapat peningkatan dalam bilangan kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada pihak polis. Pada tahun 2010, hanya 3,173 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan, namun bilangan ini meningkat kepada 4,123 kes pada tahun 2013, 4,807 kes pada tahun 2014 dan 5,014 kes pada tahun 2015³.

Peningkatan bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada pihak polis menunjukkan trend yang positif kerana lebih ramai mangsa menyedari hak mereka dan tampil untuk mendapatkan bantuan.

Melihat semula dalam dua hingga tiga dekad yang lalu di mana keganasan rumah tangga ini hanya ditafsir sebagai masalah dalaman keluarga, hal keluarga, masalah peribadi yang perlu ditangani dalam rumah sendiri dan bukannya melibatkan pihak luar seperti pihak polis atau mahkamah. Tafsiran atau persepsi ini turut mengikat kaum wanita atau isteri yang dilihat lemah dan hanya patuh kepada apa yang dipercayai oleh budaya dan pemahaman agama yang tidak berkembang sehingga timbul tafsiran dan persepsi sesetengah budaya atau kaum di mana keganasan rumah tangga adalah sebagai satu cara hidup yang harus diterima oleh wanita atau isteri yang patuh kepada suami yang berkuasa penuh dan mempunyai hak autonomi untuk melakukan apa sahaja terhadap isteri dan ahli keluarga (Roslina Che Soh, 2009)⁴. Namun, terdapat beberapa perkara yang menjadi penyumbang ketara dalam dua hingga tiga dekad lalu yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam melindungi mangsa-mangsa keganasan rumah tangga menerusi undang-undang dan dasar-dasar awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

3 https://isep.iium.edu.my/9210/1.ppoint_keganasan_rtangga_Dr_Roslina.pdf

4 https://isep.iium.edu.my/9210/1.ppoint_keganasan_rtangga_Dr_Roslina.pdf

Pada tahun 1994, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) telah diluluskan dan pelaksanaannya pada tahun 1996 merupakan mesej yang jelas kepada lapisan masyarakat bahawa keganasan rumah tangga bukan hanya isu kekeluargaan, tetapi merupakan satu jenayah. Ini merupakan langkah proaktif yang dilakukan pihak kerajaan bagi menangani dan melindungi mangsa-mangsa keganasan rumah tangga dengan sebaiknya. Ini termasuk pasangan (*de facto*), bekas suami atau isteri, anak-anak, golongan orang kurang upaya (OKU) dan anggota keluarga yang lain.

Melalui akta ini, pihak polis dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat akan bertindak sebagai penguatkuasa bagi memastikan perlindungan kepada mangsa diberikan melalui perintah perlindungan. Pada peringkat awal pelaksanaan AKRT, terdapat dua perintah perlindungan iaitu Perintah Perlindungan Sementara (*Interim Protection Order - IPO*) dan Perintah Perlindungan (*Protection Order - PO*). Perintah Perlindungan Sementara (IPO) adalah perintah yang diberi kepada mangsa sementara menunggu siasatan daripada pihak polis. Perintah ini dikeluarkan apabila mangsa membuat aduan mengenai keganasan yang berlaku kepadanya. Perintah sementara ini akan tamat apabila pihak polis selesai menjalankan siasatan. Jika mangsa masih memerlukan perlindungan, mereka boleh memohon untuk mendapatkan Perintah Perlindungan (PO).

Perintah Perlindungan pula diberikan kepada mangsa apabila tindakan guaman diambil di bawah Kanun Keseksaan di mana tertuduh dituduh melakukan kesalahan. Perintah ini berkuatkuasa untuk jangka masa 12 bulan. Perintah ini boleh dilanjutkan untuk tempoh 12 bulan lagi jika mangsa masih memerlukan perlindungan. Di dalam perintah perlindungan (PO), perintah tambahan boleh disertai mengikut kepada keperluan yang diperlukan mangsa seperti kuasa penahanan, kuasa eksklusif untuk terus menghuni rumah yang didiami, larangan dan sekatan daripada memasuki rumah kediaman, tempat kerja, sekolah dan lain-lain institusi, kebenaran untuk memasuki rumah yang didiami bersama untuk mengambil barangan kepunyaan, tiada perhubungan melalui telefon atau surat, kebenaran untuk menggunakan kenderaan dan perintah lain yang difikirkan perlu bagi memberi perlindungan kepada mangsa.

Pada tahun 2017, pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga telah diluluskan dan terdapat penambahan peringkat bagi perintah perlindungan apabila *Emergency Protection Order* (EPO) atau Perintah Perlindungan Kecemasan diperkenalkan. Di bawah pindaan ini, Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya oleh Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan yang melibatkan keganasan rumah tangga secara fizikal. Permohonan bagi perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa yang diperlukan. Perkara ini juga dilihat sebagai penambahbaikan oleh pihak kerajaan bagi memberi perlindungan sebaiknya kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Walau bagaimanapun, pindaan yang dibuat sedikit sebanyak telah memberi impak kepada pegawai-pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang telah diberikan. Terdapat beberapa cabaran yang perlu dilihat dan dinilai semula bagi memastikan pelaksanaan kepada pindaan akta ini mampu memberi kesan yang maksimum kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Perkembangan dan perkongsian berkaitan hak-hak yang dimiliki ahli keluarga berteraskan undang-undang yang ada serta bahan rujukan seperti artikel, media massa dan elektronik serta perkongsian di media sosial turut memberi impak kepada meningkatnya kes keganasan rumahtangga. Berbeza pada sebelum ini, masyarakat tidak terdedah kepada ilmu pengetahuan yang jelas berkaitan keganasan rumah tangga dan cara terbaik bagi menyelesaikan dan menangani masalah ini.

Tugas pekerja sosial bukan sahaja sekadar membantu mangsa yang menghadapi kes mahkamah dan membantu mendapatkan rawatan di hospital serta membuat laporan polis tetapi membantu mangsa dan keluarga untuk memahami peranan dan fungsi sebuah keluarga. Kemahiran yang dimiliki oleh pekerja sosial perlu menghubungkan kembali peranan dan fungsi kekeluargaan antara ahli keluarga supaya semua ahli keluarga mampu dan memahami peranan masing-masing.

OBJEKTIF

Objektif kajian adalah seperti berikut :-

- a. mengenalpasti cabaran dalam pelaksanaan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO);
- b. mengenalpasti penambahbaikan kepada pengendalian kes keganasan rumah tangga; dan
- c. untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai berkaitan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) secara holistik.

METADOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan secara deskriptif memahami sesuatu isu yang berlaku. Kaedah ini menerangkan bahawa sama ada ianya bersesuaian untuk digunakan apabila melibatkan individu, keluarga, komuniti, fenomena atau budaya.

a. Kajian Perpustakaan

Salah satu cara bagi memahami sejarah, latar belakang atau persekitaran tempat kajian adalah melalui kajian dan analisis dokumen atau rekod berkaitan. Justeru itu, maklumat yang diperolehi daripada dokumen atau rekod tersebut boleh digunakan untuk menambah atau memperkukuhkan data dan maklumat yang diperolehi semasa pemerhatian dan temubual dilakukan. Sehubungan dengan itu, kami telah mendapatkan sumber rujukan bercetak seperti buku rujukan, jurnal dan kajian kajian lepas di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan Negeri Pahang.

b. Temu bual

Kaedah temu bual dijalankan terhadap 5 orang pegawai yang diberi kuasa bagi mendapatkan pandangan mereka berkaitan cabaran pelaksanaan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO). Temu bual yang dijalankan adalah tidak formal dan bersifat terbuka berdasarkan garis panduan dan berkembang mengikut tindak balas pegawai berkenaan.

HASIL KAJIAN

Cabaran Dalam Perkhidmatan Di Bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Perintah Perlindungan Kecemasan)

Cabaran pelaksanaan Perintah Perlindungan Kecemasan di bawah AKRT adalah seperti berikut:

1. Ketiadaan peruntukan khas di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 bagi melindungi Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang DiBeri Kuasa.

Menurut Seksyen 3A(1) dalam Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017, bahawa “Pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya oleh Ketua Pengarah boleh, dalam suatu permohonan melibatkan suatu aduan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif “keganasan rumah tangga” di bawah seksyen 2, mengeluarkan suatu perintah perlindungan kecemasan.”⁵ Manakala dalam seksyen 3A(5) menyatakan bahawa; “Apabila permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan diterima, permohonan itu hendaklah didengar oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa dengan serta merta dan pengeluaran perintah perlindungan kecemasan, jika ada, hendaklah dibuat, jika boleh dilaksanakan, dalam masa dua jam selepas permohonan itu dibuat.” Selain itu, Seksyen 3A(6) jelas menyatakan bahawa; “Bagi maksud suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan, laporan polis yang berhubungan dengan keganasan rumahtangga itu tidak dikehendaki.”⁶

Menurut Seksyen 3A(1), (5) dan (6) menerangkan pemberian kuasa sepenuhnya kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan jika mereka berpendapat terdapat unsur merbahaya kepada mangsa berdasarkan kesan kecederaan fizikal tanpa perlu laporan perubatan atau polis bagi menyokong cerita mangsa. Oleh itu, seseorang pegawai perlu mengenalpasti nilai, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk

5 The Singapore Family Physician .vol37.No.1.Jan-Mac2011-8

6 Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, Akta Keganasan (Pindaan 2017),Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 2-3.

menangani masalah klien dengan berkesan (Meemeduma, 2002)⁷. Ini bermakna seseorang pegawai perlu membuat keputusan mengikut keupayaan bekerja berdasarkan etika pekerja sosial. Secara tidak langsung kod etika pekerja sosial ini akan menyokong pegawai dalam membuat pilihan dan keputusan.

Walaupun demikian, tindakan perintah pengeluaran perlindungan kecemasan ini boleh dipertikaikan oleh sesiapa sahaja terutama oleh pemangsa atau orang yang dituduh. Ini kerana terdapat kemungkinan kejadian keganasan rumah tangga tersebut direka oleh mangsa kerana melibatkan perebutan penjagaan anak atau pemangsa mempunyai rekod jenayah.

Pengendalian kes ini akan memberi kesan kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan berkenaan. Wujud kebimbangan kepada mana-mana pegawai kerana terdapat kemungkinan mereka akan dikenakan tindakan saman oleh pihak tertentu.

Kebimbangan ini adalah berasas kerana tiada peruntukan di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan 2017) melindungi pegawai yang diberi kuasa seperti yang diperuntukkan yang kepada Pelindung di dalam Sekyen 8 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu:⁸

1) Seseorang Pelindung:

- a. hendaklah mempunyai kuasa seorang Majistret berkenaan dengan pengambilan keterangan pada mana-mana siasatan yang diadakan olehnya di bawah Akta ini;
- b. tidak boleh dipaksa untuk menjawab apa-apa soalan dalam apa-apa prosiding kehakiman tentang alasan-alasan keputusan atau kepercayaannya;
- c. dalam apa-apa kes yang dikendalikan olehnya di bawah Akta ini; atau
- d. tentang apa-apa jua yang sampai kepada pengetahuannya dalam apa-apa siasatan yang dibuat olehnya sebagai Pelindung.

7 Ibid.hal

8 Meemeduma, Pauline. (2002). The Wow Factor. Australian Social Work. Volume 55, No.2.

- 2) Tiap-tiap perintah atau saman yang berupa sebagai yang dikeluarkan oleh dan di bawah tandatangan dan meterai Pelindung menurut Akta ini hendaklah diterima sebagai keterangan di mana-mana Mahkamah tanpa bukti lanjut dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam perintah atau saman itu.
- 3) Segala perbuatan yang dilakukan menurut apa-apa perintah atau saman yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh undang-undang.

Kuasa yang diberikan kepada Pelindung dalam menjalankan tindakan menyelamatkan kanak-kanak membolehkan mereka mengambil tindakan tanpa keraguan atau kebimbangan akan kesan tindakan tersebut. Ini kerana, Akta Kanak-Kanak 2001 jelas menerangkan kuasa Pelindung yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Selain itu, dinyatakan juga tiada liabiliti yang perlu ditanggung oleh Pelindung di sisi undang-undang dalam memberikan kebenaran seperti sesuatu pemeriksaan atau rawatan terhadap seseorang kanak-kanak seperti di Seksyen 26(1)(a) iaitu:⁹

- 26.(1) Jika seseorang kanak-kanak diperiksa atau dirawat menurut seksyen 21 atau 24 –
 - (a) Pelindung atau pegawai polis yang membenarkan pemeriksaan atau rawatan itu;

Dengan peruntukan undang-undang yang diberikan kepada Pelindung membolehkan mereka menjalankan tugas dengan yakin dan tanpa gangguan atau tekanan daripada pihak luar. Ini berbeza dengan pegawai yang mengendalikan kes keganasan rumah tangga terutama dalam mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan di mana tiada peruntukan undang-undang menyatakan mereka dilindungi seperti mana Pelindung. Hal ini menyebabkan kebimbangan dan ketidakyakinan pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah dan menjadi salah satu punca perintah ini gagal dikuatkuasakan sepenuhnya. Sehubungan itu, penambahbaikan boleh dilakukan dengan

⁹ Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 25 -26

menambah peruntukan undang-undang bagi melindungi Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa seperti mana Pelindung.

2. Pengeluaran Segera Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)

Untuk memastikan pengendalian mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) di bawah Rang Undang Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 di Jabatan Kebajikan Masyarakat dijalankan dengan cekap dan berkesan, seksyen 3A(1) dalam akta ini menyatakan bahawa apabila permohonan bagi Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) diterima, “Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya oleh Ketua Pengarah boleh, dalam suatu permohonan melibatkan suatu aduan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif “keganasan rumah tangga” di bawah seksyen 2, mengeluarkan suatu perintah perlindungan kecemasan¹⁰.

Merujuk kepada Seksyen 3A(2) AKRT Pindaan 2017 dengan jelas menyatakan bahawa “Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa sama ada atau tidak suatu perintah interim atau perintah perlindungan telah dibuat sebelum itu atau permohonan bagi perintah perlindungan masih belum selesai”. Manakala dalam seksyen 3A(5) menyatakan bahawa; **“Apabila permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan diterima, permohonan itu hendaklah didengar oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa dengan serta merta dan pengeluaran perintah perlindungan kecemasan, jika ada, hendaklah dibuat, jika boleh dilaksanakan, dalam masa dua jam selepas permohonan itu dibuat.”** Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa sama ada atau tidak suatu perintah interim atau perintah perlindungan telah dibuat sebelum itu atau permohonan bagi perintah perlindungan masih belum selesai¹¹.

10 Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 40.

11 Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang Malaysia, Akta Keganasan (Pindaan 2017), Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 2-3.

Selepas Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 diperkenalkan, rakyat telah mewara-warkan mengenai kekuatan bilangan pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah menerima latihan intensif untuk mengendalikan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) bagi melindungi mangsa keganasan rumahtangga. Walaubagaimanapun, dalam kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertugas di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah masih memerlukan lebih banyak latihan yang khusus dan menyeluruh mengenai tatacara pengendalian kes yang mana memerlukan latihan yang intensif.

Berdasarkan tempoh pengendalian tersebut, pegawai yang menguruskan kes keganasan rumahtangga perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia dengan ilmu dan kemahiran untuk menguruskan kes yang dirujuk kepada jabatan. Pegawai perlu mahir dalam menilai keaslian kes sama ada dari segi kecederaan mahupun penceritaan yang dilaporkan oleh mangsa. Dalam hal ini dilihat kerjasama antara semua jabatan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kes seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Negeri perlu diperkasakan dan memberi kefahaman sewajarnya mengenai pindaan ini.

Pelaksanaan komprehensif ini boleh dicapai sebaiknya melalui proses latihan dan perkongsian pengetahuan secara berterusan, menggunakan rangka kerja pelbagai pihak berkepentingan yang mengutamakan keperluan mangsa. Pegawai-pegawai juga perlu diberikan latihan yang intensif dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada masyarakat.

Prof. Datuk Noor Aziah Mohd Awal, Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak UKM memberi cadangan agar satu pasukan khas diwujudkan agar tindakan lebih terfokus dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga perlu menambah kakitangan bagi menguruskan kes keganasan rumah tangga dengan lebih berkesan. Bagi menawarkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membantu keluarga dengan berkesan, pekerja sosial perlu sentiasa dikemaskini dengan undang-undang kes keganasan dan penderaan rumah tangga, belajar dari ulasan kes yang serius dan menghadiri latihan.

3. Kemudahan Tempat Selamat Untuk Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)

Merujuk kepada Prosedur Pengendalian Mangsa Keganasan Rumah Tangga yang memerlukan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) yang diwujudkan untuk memastikan pengendalian dijalankan dengan cekap dan berkesan. Di bawah Perkara 24, Tempat Selamat mana-mana rumah atau institusi yang diselenggarakan atau diuruskan oleh kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri. Di bawah Perkara 25, tempoh masa perlindungan di tempat selamat menyatakan bahawa mangsa boleh diberikan perlindungan di tempat selamat mengikut keperluan mangsa dan sekiranya perlu tinggal melebihi 3 bulan, mangsa hendaklah membuat permohonan untuk tinggal di tempat selamat.

Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak UKM menyambut baik pendekatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani kes Keganasan Rumah Tangga dengan menyediakan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) kepada mangsa pada hujung minggu atau di luar waktu pejabat. Namun, beliau berpendapat beberapa elemen tambahan perlu diteliti antaranya, kemudahan rumah perlindungan kepada mangsa dan tanggungan, bentuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) serta tempoh menyelesaikan kes keganasan antara mangsa dan pasangan.

Di bawah Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Menteri telah meluluskan tempat selamat seperti berikut:

Senarai tempat selamat yang diluluskan:

| BIL | NAMA INSTITUSI | NEGERI |
|---------------------------------------|--------------------------------------|---------------|
| Diluluskan pada 5 Januari 2007 | | |
| 1. | Rumah Seri Kenangan Bedong | Kedah |
| 2. | Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan | Perak |
| 3. | Taman Sinar Harapan Cheras, | Selangor |

| BIL | NAMA INSTITUSI | NEGERI |
|---|---|---------------|
| 4. | Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baru, | Selangor |
| 5. | Taman Sinar Harapan Tuanku Ampuan Najihah | N. Sembilan |
| 6. | Rumah Seri Kenangan Seremban | N. Sembilan |
| 7. | Rumah Seri Kenangan Cheng | Melaka |
| 8. | Rumah Seri Kenangan Johor Bharu | Johor |
| 9. | Taman Sinar Harapan Tampoi | Johor |
| 10. | Taman Sinar Harapan Jubli | Johor |
| 11. | Rumah Ehsan Dungun | Terengganu |
| 12. | Pusat Jagaan Harian Warga Tua, Besut | Terengganu |
| 13. | Rumah Seri Kenangan Taman Kemumin Pengkalan Chepa | Kelantan |
| 14. | Desa Bina Diri, Jerantut | Pahang |
| 15. | Rumah Seri Kenangan Kuching | Sarawak |
| 16. | Rumah Seri Kenangan Sibul | Sarawak |
| 17. | Rumah Warga Tua Sri Harapan Sibul | Sabah |
| 18. | Rumah Warga Tua Air Panas Tawau | Sabah |
| Diluluskan pada 1 September 2010 | | |
| 19. | Rumah Seri Kenangan Cheras | Selangor |
| 20. | Desa Bina Diri Kuala Kubu Baru | Selangor |
| 21. | Kompleks Penyayang Bakti Sg Buloh | Selangor |
| 22. | Taman Sinar Harapan Bukit Besar Kuala Terengganu | Terengganu |
| 23. | Rumah Kanak Kanak Tengku Ampuan Fatimah Kuantan | Pahang |
| 24. | Rumah Seri Kenangan Kangar | Perlis |
| 25. | Sekolah Tunas Bakti (P) Miri | Sarawak |
| 26. | Pusat Perlindungan Sementara | Labuan |
| 27. | Pusat Kebajikan Kalvari Johor Bharu | Johor |
| 28. | Seri Murni Crisis Centre Luyang Kota Kinabalu | Sabah |
| Diluluskan pada 20 Februari 2012 | | |
| 29. | Desa Bina Diri Mersing | Johor |
| 30. | Bengkel Daya Kompleks Penyayang Sungai Petani | Kedah |

| BIL | NAMA INSTITUSI | NEGERI |
|-----|---|--------------|
| 31. | Taman Sinar Harapan Jitra | Kedah |
| 32. | Asrama AKhlak Dato' Keramat | Kuala Lumpur |
| 33. | Asrama Bahagia Kg Pandan | Kuala Lumpur |
| 34. | Rumah Seri Kenangan Taiping | Perak |
| 35. | Rumah Kanak Kanak Sultan Abdul Aziz Kuala Kangsar | Perak |
| 36. | Pertubuhan Kebajikan Wanita Darul Hasanah | Pulau Pinang |
| 37. | Pertubuhan Pertolongan Wanita Petaling Jaya | Selangor |
| 38. | Rose Virginie Good Shepherd Centre Ipoh | Perak |
| 39. | Pusat Jagaan Rumah Ehsan Ipoh | Perak |

Apabila berlaku kes keganasan rumahtangga yang memerlukan tempat perlindungan segera, pegawai kes akan mencadangkan tempat selamat yang digazetkan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) yang terdekat. Penempatan tempat selamat ini adalah terhad bagi setiap institusi di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pengisian aktiviti pula adalah bergantung kepada jadual Pegawai Psikologi Daerah/Institusi pada ketika itu. Reka bentuk, perancangan ruang dan fungsi tempat perlindungan itu memberi kesan kepada mangsa secara psikologi, serta memberi kesan kepada mereka secara fizikal dan emosi.

Dari sudut fisiologi, tempat perlindungan harus menyediakan keperluan asas mangsa seperti makan, minum, pakaian dan tempat tidur. Penyelidikan menunjukkan bahawa mangsa keganasan rumah tangga memerlukan keperluan tempat tinggal yang selamat ketika mereka mencari pilihan dan perancangan lain untuk masa depan (Pable, 2010)¹². Dengan menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga, peluang individu untuk terus hidup dan memperbaiki kehidupan mereka akan meningkat. Tempat yang selamat membantu memberi semangat kepada mangsa dan anak-anak mereka untuk mengatasi kesengsaraan penderaan domestik dan memulakan kehidupan baru yang lebih selamat dan sihat.

¹² Pable, J. (2010). The transitional homeless shelter family experience. Unpublished manuscript, Department of Interior Design, Florida State University, Tallahassee, Florida.

- **Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).**

Malaysia meratifikasi CEDAW pada tahun 1995. Perjanjian tersebut mentakrifkan diskriminasi terhadap wanita dan menjelaskan obligasi negara untuk mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan diskriminasi dan memastikan kesamarataan gender. Melalui Cadangan Am No. 19, CEDAW menghuraikan hubungan antara diskriminasi dan keganasan berasaskan gender, dan langkah-langkah proaktif yang mesti diambil untuk menangani keganasan terhadap wanita. AKRT dan undang-undang negara lain masih belum selaras dengan CEDAW sepenuhnya.

Kes keganasan rumah tangga bukan merupakan kes terpencil yang boleh dipandang remeh oleh pihak-pihak yang berkaitan. Keganasan rumah tangga sering berlaku apabila penderaan itu percaya bahawa penyalahgunaan adalah hak, diterima, dibenarkan, atau tidak mungkin dilaporkan. Ia boleh menghasilkan kesusahan penyalahgunaan generasi semasa kanak-kanak dan ahli keluarga lain, yang mungkin merasakan bahawa keganasan tersebut boleh diterima. Ramai orang tidak mengakui diri mereka sebagai penderita atau mangsa kerana mereka mungkin menganggap pengalaman mereka sebagai konflik keluarga yang tidak dapat dikawal. Kesedaran, persepsi, definisi dan dokumentasi keganasan rumah tangga berbeza dari negara ke negara. Keganasan rumah tangga sering berlaku dalam konteks pernikahan paksa atau kanak-kanak. Masalah keganasan rumah tangga tidak dapat diselesaikan seratus peratus, namun pengurangan kes dapat dilaksanakan dengan pelbagai usaha yang giat dilakukan oleh pihak Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kepada komuniti.

- **Amalan Terbaik Pencegahan Keganasan Rumah Tangga di Singapura**

Antara pengamalan terbaik yang di kalangan negara ASEAN bagi memastikan agar kes-kes keganasan rumah tangga dapat diambil perhatian dan ditangani dengan komprehensif dan kolektif seperti di Singapura.

Singapura dalam menangani kes-kes keganasan terhadap wanita adalah seperti berikut:

- Merangka sistem perundangan yang mantap dan Pendekatan yang menyeluruh oleh pelbagai 'stakeholder'
- Latihan profesional dan cekap
- Pendidikan terhadap orang awam
- Program-program advokasi yang berkesan

Pendekatan melalui pendidikan kepada awam merupakan kunci utama terhadap usaha menangani keganasan rumah tangga di Singapura. Kementerian Sosial dan Pembangunan Keluarga (MSF) Singapura bersama rakan strategik telah mengadakan pendidikan awam berkaitan keganasan terhadap keluarga berskala besar termasuk penderaan terhadap pasangan dan berkaitan, penderaan kanak-kanak dan penderaan terhadap warga emas. Program ini memberi penekanan kepada masyarakat bahawa keganasan dalam rumah tangga tidak boleh diterima dan akan menjadi lebih mudarat jika tidak dibendung dan dicegah dari awal. Dalam intipati pendidikan kepada umum mengenai perkara ini, masyarakat juga diberi pendedahan untuk membina hubungan yang sihat, memperkukuh ikatan kekeluargaan sebagai kunci mewujudkan masyarakat penyayang. Selain itu, MSF telah membangunkan manual *'Integrated Management of Family Violence Cases in Singapore'* yang bertujuan untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga pada 1991 yang menggariskan tatacara Jabatan berkaitan dalam pengurusan kes keganasan rumah tangga¹³.

Antara maklumat yang terkandung di dalam manual tersebut adalah:

- Memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan berkaitan;
- Menyediakan strategi keselamatan terhadap mangsa;

13 Ibid.hal.

- Menyediakan maklumat yang diperlukan oleh mangsa seperti peruntukan perundangan, rumah selamat/perindungan dan sumber-sumber yang wujud di dalam komuniti;
- Meningkatkan kesedaran pelaku terhadap sikap keganasan pelaku dan membantu untuk tidak melakukan keganasan; dan
- Memaklumkan kepada pelaku terhadap risiko dan kesan yang beliau hadapi jika melakukan keganasan.

Amalan Terbaik Pencegahan AKRT di Malaysia

Program Pendidikan Kepada Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa merangka program-program pendidikan kepada masyarakat bagi memberi pendedahan dan maklumat yang betul mengenai cara mengatasi masalah keganasan rumah tangga. Selain itu, JKM sentiasa merangka jalan penyelesaian terbaik dan mudah bagi memastikan setiap mangsa yang terlibat dengan keganasan rumah tangga mendapat akses kepada perkhidmatan yang disediakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang diperlukan. Penambahan kepada perkhidmatan bagi golongan yang terlibat dengan keganasan rumah tangga ini sentiasa menjadi keutamaan JKM.

Seminar Literasi Undang-Undang

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganjurkan seminar literasi undang-undang ke seluruh negara yang dikoordinasikan oleh Pejabat JPW seluruh negara. Seminar ini bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan menimbulkan kesedaran kepada komuniti, terutama wanita terhadap kes keganasan yang berkaitan dengan masalah perkahwinan, penceraian, gangguan seksual, rogol, eksploitasi melalui sindiket pemerdagangan dan penipuan pekerjaan oleh agensi pekerjaan.

Program Pengurusan Emosi

Dikendalikan oleh JPW untuk mengenengahkan isu yang berkaitan dengan keganasan di dalam keluarga. Program ini menggunakan pendekatan kaunseling keluarga untuk memberikan aspek humanistik mengenai ilmu kaunseling asas, psikologi pengurusan keluarga dan teknik pengurusan emosi yang berkesan.

Talian Kasih 15999

Talian Kasih 15999 merupakan satu pusat panggilan Kerajaan yang dibangunkan untuk mengendalikan panggilan dari orang ramai berhubung perkara-perkara kebajikan dan kemasyarakatan seperti bantuan kebajikan, keganasan rumah tangga, pembuangan bayi dan kaunseling. Objektif Talian Kasih ini adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyaluran maklumat mengenai perkhidmatan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada orang ramai dan memudahkan orang ramai termasuk kumpulan sasar KPWKM menghubungi dan mendapatkan perkhidmatan KPWKM 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

CADANGAN DAN SOLUSI

Bagi mengukuhkan keyakinan para pegawai JKM yang melaksanakan perkhidmatan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, beberapa cadangan dan solusi yang telah dikenal pasti berdasarkan kepada pengamalan sedia ada dalam kalangan pegawai JKM adalah seperti yang berikut:

- a) pindaan terhadap Akta perlu dilakukan dengan menambahbaik klausa yang memberi perlindungan kepada pegawai JKM supaya tidak boleh dipaksa untuk menjawab apa-apa soalan, dalam apa-apa prosiding kehakiman tentang alasan-alasan keputusan atau kepercayaan semasa mengendalikan kes keganasan rumah tangga sebagaimana terkandung dalam Seksyen 8 (c) Akta Kanak-Kanak 2001;
- b) memberikan latihan berterusan kepada pegawai JKM bagi meningkatkan tahap profesionalisme dan kesedaran pegawai supaya dapat menyampaikan perkhidmatan sokongan yang lebih berkualiti kepada mangsa keganasan rumah tangga;

- c) memperkasakan program-program advokasi secara berterusan bukan mengikut musim atau apa-apa jua sambutan tahunan melalui media cetak, media massa, media elektronik, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi swasta untuk meningkatkan kesedaran kepada komuniti mengenai bahaya keganasan rumah tangga;
- d) mewujudkan satu program pemulihan yang lebih efektif dan memberi impak kepada mangsa dan pelaku keganasan rumah tangga yang dilaksanakan secara kolaborasi strategik melibatkan Jabatan Tenaga Kerja, Pejabat Agama Islam, Badan Agama Bagi Bukan Beragama Islam, Jabatan Perumahan Negara, Pejabat Pendidikan, Badan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi merungkai permasalahan secara terperinci punca, sebab dan jalan penyelesaian tanpa memberi tanggungjawab sepenuhnya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat semata-mata.

KESIMPULAN

Sebagai sebuah Jabatan yang telah dipertanggungjawab terhadap perkhidmatan ini sejak 1994 (melalui Akta Keganasan Rumah Tangga 1994), peranan pegawai JKM perlu dilihat secara holistik dan realistik pengamalan dalam pengendalian kes-kes keganasan rumah tangga. Pegawai JKM bukan sahaja perlu membantu mangsa untuk mendapatkan tempat perlindungan tetapi turut membantu mangsa untuk mendapat perlindungan dari segi perundangan. Pelan keselamatan dan menghubungkan mangsa dengan sumber yang ada dalam persekitaran bagi membantu menyelamatkan mangsa daripada keganasan secara berterusan.

Namun, disebalik peranan dan tanggungjawab pegawai JKM dalam mengendalikan kes-kes ini, pindaan terhadap Akta perlu diperhalusi bagi menjamin keselamatan diri pegawai-pegawai JKM kerana kes-kes keganasan rumah tangga merupakan kes yang sangat subjektif dan boleh mendatangkan pelbagai risiko keselamatan. Dalam konteks ini, hal ehwal kebajikan pegawai

JKM wajar diberi perhatian kerana bekerja dengan manusia, isu kebajikan tidak boleh lari daripada realiti semasa.

Menyentuh solusi dalam melaksanakan perkhidmatan ini, kesedaran masyarakat mengenai jenayah keganasan rumah tangga, peranan komuniti dan penglibatan jabatan dan kementerian lain juga perlu dirangka melalui satu memorandum persefahaman bagi mendidik masyarakat dalam membentuk budaya sejahtera dan hidup dalam nilai kekeluargaan. Selain itu, platform media perlu digunakan sebagai elemen penting untuk menyebarkan segala maklumat yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

RUJUKAN

Undang-Undang Malaysia, Akta A1538, Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017

Meemeduma, Pauline. (2002). *The Wow Factor*. Australian Social Work. Volume 55, No.2.

Pable, J. (2010). *The transitional homeless shelter family experience*. Unpublished manuscript, Department of Interior Design, Florida State University, Tallahassee, Florida.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, *Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan 2017)*, 2017, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 2 - 3.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006, *Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)*, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 25 - 26.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2006, *Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)*, Percetakan Nasional Malaysia Bhd, halaman 40.

Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal. Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak Kanak UKM (<https://www.pressreader.com>) Berita Harian 07 April 2017

<https://www.comtrea.org/asafeplace>

<https://www.bharian.com.my/beritanasional/2017/10/333931/lebih-1000-pegawai-dilatih-kendali-epo>

<https://www.pressreader.com>. Berita Harian 07 April 2017

<https://wao.org.my/wp-content/uploads/2018/08/Perspektif-Mengenai-Keganasan-Rumah-Tangga.pdf>

http://www.safelives.org.uk/practice_blog/role-social-workers-responding-effectively-domestic-abuse

**INISIATIF BAGI MENINGKATKAN
KEFUNGSIAN SOSIAL DALAM KELUARGA
PENERIMA BANTUAN JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT**



Mohd Zolkefli Mahmud
Mohd Fadzli Ismail
Liana Mohamed
Rohaida Ismail
Erliyani Abdul Hak
Rohana Sulaiman
Hafizzul Amri Hassan

*PKMD Pekan, PKMD Rompin, PKMD Kuantan,
PKMD Raub, PKMD Bera, PKMD Daerah Maran,
RKK Sultanah Hajjah Kalsom*

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk inisiatif bagi memperkasakan penerima bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat agar mereka mampu berdikari. Kajian ini menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan sumber sekunder (analisis data daripada fail). Seramai 43 orang responden dari gred S19 hingga S32 telah ditemubual. Mereka yang bertugas di tiga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah iaitu Pekan, Bera dan Rompin. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah analisis tema. Kaedah ini digunakan untuk mengelompokan jawapan responden dan dikategorikan dalam tema yang tertentu. Hasil kajian mendapati, bahawa faktor sosial merupakan isu utama yang menyebabkan klien bergantung kepada bantuan kewangan. Program 2YEP yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi membantu klien berdikari, dilihat masih relevan untuk diteruskan, namun ia memerlukan penambahbaikan iaitu meluaskan kategori klien, penambahan dana dan juga proses kerja. Kajian ini turut memberi peluang kepada responden inisiatif baharu yang boleh digunakan oleh Jabatan bagi membantu klien berdikari. Responden turut mencadangkan agar syarat kelayakan menerima bantuan diperketatkan dan tempoh bantuan dihadkan. Responden juga berpandangan bahawa khidmat kaunselor adalah diperlukan untuk memberi kesedaran kepada ahli keluarga klien supaya mereka lebih bertanggungjawab dan berusaha memajukan diri.

Kata Kunci: inisiatif, kefungsiian sosial, kemiskinan

PENGENALAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan organisasi peneraju utama perkhidmatan kebajikan di Malaysia. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sangat luas dan aspek ekonomi, keluarga, sosial, pendidikan dan lain-lain. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh JKM kumpulan sasaran yang merangkumi kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, orang papa, mangsa keganasan rumah tangga, komuniti rentan, mangsa perdagangan orang, keluarga, mangsa bencana dan pesalah muda. JKM secara strategik telah membentuk dasar yang bertujuan untuk melindungi, memulih serta memperkasakan kumpulan sasaran ini.

Bahagian Kebajikan Produktif menerajui perkhidmatan bantuan kewangan JKM. Semenjak tahun 1946, bahagian tersebut telah melalui proses evolusi termasuk penukaran nama bahagian, skim bantuan yang ditawarkan serta jumlah bantuan kewangan yang disalurkan. Saban tahun bahagian ini menyalurkan peruntukan yang besar kepada penerima bantuan yang berkelayakan di seluruh Malaysia. Bantuan kewangan yang disalurkan ini adalah bersifat sementara dan akan ditamatkan setelah klien mampu berdikari dari segi ekonomi. Pada tahun 2016 jumlah bantuan persekutuan yang telah dibelanjakan oleh JKM melalui bahagian Kebajikan Produktif adalah sebanyak RM1.53 bilion dan jumlah ini diagihkan mengikut skim bantuan kepada seramai 462,322 orang penerima bantuan atau klien di seluruh Malaysia. Bantuan ini bertujuan untuk membantu kehidupan seharian penerima dalam memenuhi keperluan asas dan bersifat sementara bukannya bantuan seumur hidup (Zahir, 2018).

Pernyataan Masalah

Statistik JKM sehingga tahun 2016 menunjukkan terdapat seramai 462,322 penerima bantuan kewangan dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.53 bilion (2016). Bilangan penerima bantuan telah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2015 yang menunjukkan jumlah penerima bantuan keseluruhan seramai 487,185 orang. Sungguhpun begitu, implikasi perbelanjaan tidak menunjukkan penurunan, mengambil kira kenaikan kadar bantuan pada tahun 2018. Berdasarkan Surat

Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 2, Tahun 2017, menyatakan bahawa terdapat beberapa skim bantuan yang telah dinaikkan kadar bayaran berkuatkuasa mulai 2018 seperti perincian di bawah:

Jadual 1 : Kadar Skim Bantuan JKM Tahun 2017 dan 2018

| Skim Bantuan | Tahun 2017 | Tahun 2018 |
|--|------------|------------|
| Elaun Pekerja Cacat | 350 | 400 |
| Bantuan Orang Tua | 300 | 350 |
| Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja | 200 | 250 |
| Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/Terlantar | 300 | 350 |

Sumber: Surat Pekeliling KPKM Bil.2 2017

Kenaikan kadar bagi skim bantuan di atas, secara tidak langsung telah membawa implikasi dari sudut kewangan kepada JKM dan kerajaan Malaysia. Hal ini dijelaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Jumlah Penerima dan Peruntukan Bantuan Kewangan Tahun 2014 hingga 2016

| Perkara | 2014 | 2015 | 2016 |
|---------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Penerima | 492607 | 487185 | 462322 |
| Jumlah | 1.46 bilion | 1.53 bilion | 1.53 bilion |

Sumber: Laporan Tahunan JKMM 2016

Bantuan kebajikan didasari dengan syarat kelayakan yang khusus dan hanya penerima yang layak dan menepati kriteria yang ditetapkan sahaja akan diluluskan permohonan bantuan. Langkah ini merupakan satu langkah utama yang digunakan oleh JKM untuk mengawal dan memastikan bantuan tidak diberikan sewenangnyanya. Sungguhpun begitu, setelah bantuan diberikan untuk satu tempoh masa yang tertentu, terdapat segelintir penerima yang menjadikan bantuan kebajikan sebagai sumber pendapatan utama dan selesa dengan bantuan yang diberikan.

Terdapat juga penerima bantuan yang ditawarkan untuk mengikuti program keusahawanan seperti (2YEP) tujuan untuk mendedaupayakan mereka agar boleh berdikari dan seterusnya keluar daripada kemiskinan. Namun kebanyakannya menolak

tawaran tersebut kerana berkemungkinan mereka lebih selesa menerima bantuan tanpa perlu bekerja. Justeru itu, inisiatif baharu adalah diperlukan bagi mengatasi kebergantungan melampau terhadap bantuan kewangan yang boleh menyebabkan klien yang masih produktif memilih untuk menjadi penerima bantuan. Dengan mengambil kira situasi ini, pengkaji ingin mengkaji samada program 2YEP masih relevan untuk dilaksanakan, atau JKM memerlukan inisiatif baharu bagi memperkasakan klien.

Objektif Kajian

1. Mengkaji faktor kebergantungan klien kepada bantuan JKM.
2. Mengkaji kebaikan, keburukan dan penambahbaikan 2YEP.
3. Mencadangkan inisiatif untuk membantu klien untuk berdikari bagi mengurangkan beban kewangan jabatan.

KAJIAN LEPAS

Kemiskinan

Kemiskinan telah menjadi isu utama Malaysia semenjak pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 (Zahir, 2018). Dua objektif DEB ialah menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan menyusun semula masyarakat supaya kekayaan negara dapat diagih dan dikecapi secara adil dan saksama. Malaysia, sebagai sebuah negara yang dikategorikan sebagai negara membangun sudah tentu masih mempunyai golongan miskin yang perlu dibantu oleh kerajaan. Kadar kemiskinan di Malaysia telah berubah dan bertambah baik semenjak tahun 1970 iaitu 52.4 peratus kadar kemiskinan telah menurun kepada 6.8 peratus pada tahun 1997 dan seterusnya menurun kepada 0.4 peratus pada tahun 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017).

Kajian yang dilaksanakan oleh Noor, 1984 mendapati kemiskinan boleh dikenalpasti berdasarkan pendapatan isi rumah yang rendah, keperluan asas tidak dipenuhi, tahap pendidikan yang rendah, tiada harta, tahap kesihatan yang rendah dan mempunyai pekerjaan yang tidak menentu atau terjamin.

Lauer (1971), Wilson and Aponte (1985) menyatakan bahawa kemiskinan adalah disebabkan oleh kesan peperangan, sikap malas, usia, keadaan kurang upaya dan pengangguran. Menurut Kartini (2016), golongan miskin terperangkap dalam kitaran tingkah laku, *Dysfunctional Attitude*. Tingkah laku ini diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Terdapat 6 sifat dan tingkahlaku budaya kemiskinan yang dijelaskan oleh (Kartini,2016) iaitu:

a. Struktur sosial dan kewangan yang lemah

Keadaan ini merujuk kepada situasi yang melibatkan golongan penganggur, gelandangan atau mereka yang melakukan pelbagai kerja tetapi masih tidak dapat mencukupkan keperluan harian disebabkan kos sara hidup yang tinggi. Masalah ini menjadi suatu yang diperturunkan dari generasi ke generasi apabila kelemahan struktur sosial ini tidak berubah dan menghadkan keupayaan golongan ini untuk mendapatkan akses kepada sistem pendidikan, kesihatan, dan tatacara kehidupan yang selesa.

b. Keadaan keluarga yang tidak stabil

Sifat ini secara tidak langsung menyumbang kepada budaya kemiskinan apabila keluarga hidup dalam keadaan berpecah belah serta terdapat pemberontakan, penderaan dan sebagainya di persekitaran. Keadaan tidak stabil ini memberi kesan kepada nilai, kepercayaan dan material dalam masyarakat.

c. Orientasi masa depan yang kosong atau tiada

Sifat ini merujuk kepada golongan yang tidak mempunyai sandaran pada keupayaan ilmu dan kemahiran serta cita-cita untuk mengubah keadaan hidup yang daif.

d. Tiada keupayaan untuk merancang masa depan

Sifat ini memperlihatkan seorang yang miskin bukan sahaja miskin material tetapi juga miskin semangat, cita-cita, dan ilmu pengetahuan untuk merancang masa depan. Kesusahan hidup menghadkan pemikiran golongan miskin hanya tertumpu kepada mendepani cabaran hidup pada hari ini dan usaha untuk mencari makan ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Penerusan hidup hanya terhad

kepada keperluan pada waktu itu dan ketiadaan sokongan institusi atau individu menambah pilu hambatan hidup sedia ada.

e. Jati diri yang rendah

Sifat ini menyebabkan hilangnya keyakinan kepada diri yang serba kekurangan dari segi ilmu, kemahiran, penampilan diri, dan sebagainya. Kekurangan ini mengekang keyakinan seseorang untuk mengubah nasib diri dengan kekuatan diri sendiri. Sifat malu tidak bertempat dan enggan mencuba suatu yang mencabar minda menyebabkan golongan ini menjadi pasif.

f. Jurang pandangan mengenai nilai hidup yang besar perbezaannya

Proses sosialisasi adalah salah satu punca kepada hadirnya jurang pandangan yang berbeza terhadap nilai hidup. Jika dibesarkan dalam keluarga yang hanya menyalahkan takdir atas kesusahan hidup dan mengambil pendekatan redha semata-mata, maka sosialisasi hidup mempengaruhi pemikiran terhadap nilai hidup yang enggan berusaha lebih kerana takdir hidup adalah suatu yang diluar kawalan manusia.

Isu kemiskinan tidak dapat lari bahkan agak signifikan apabila ianya dikaitkan dengan sikap individu yang masih berada di tahap lama dan tidak berfikiran bijak. Menurut pengalaman Indre (2004) yang pernah bertugas sebagai seorang pekerja sosial yang menguruskan pembayaran elaun tunai kepada golongan miskin yang tidak mempunyai pendapatan di Lithuania. Beliau agak terkejut apabila seorang wanita, (selepas menerima elaun) terus membeli ayam panggang dengan harga yang mahal dan turun daripada teksi di hadapan mata beliau walaupun jelas wanita itu tinggal di rumah yang serba daif. Peristiwa ini amat mengejutkan kerana beliau mengandaikan bahawa wanita yang miskin tegar ini akan mengatur perbelanjaan berhemah bagi elaun yang diperoleh untuk jangka waktu yang bersesuaian dengan jumlah elaun yang diberikan dan tidak dihabiskan dalam masa satu hari.

Usaha untuk menghapuskan kemiskinan tidak bermaksud ianya dapat menamatkan budaya kemiskinan secara keseluruhan

kerana budaya ini akan kekal berakar dalam diri melalui reaksi sikap dan tingkahlaku (Kartini 2016). Walaupun situasi miskin boleh berubah, manusia daripada golongan miskin tidak akan begitu mudah untuk melunturkan sikap semula jadi miskin yang telah teradaptasi bertahun-tahun lamanya. sungguhpun begitu kenyataan ini dilihat mempunyai nilai *stereotype* dan perjudis terhadap golongan miskin. Justeru itu, terdapat golongan penulis yang menafikan bahawa faktor budaya kemiskinan menjadikan isu ini sukar untuk diselesaikan. Konsep kemiskinan sebagai suatu budaya telah dicabar oleh beberapa penulis seperti Corcoran et al. (1985), Goodwin (1983), Auletta (1982) yang menafikan bahawa kemiskinan adalah budaya dan tidak semestinya disebabkan oleh kekurangan psikologi, kemunduran sikap dan suatu yang kekal diwarisi secara bergenerasi. Penulis ini menjelaskan bahawa faktor dan punca kemiskinan turut melibatkan diskriminasi, sumber yang terhad dan ketiadaan institusi bagi membantu memecahkan kitaran kemiskinan.

Kefungsian Sosial

Kefungsian sosial berperanan penting dalam pelbagai aspek kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Kefungsian bermaksud tujuan atau tugas yang tertentu bagi setiap anggota masyarakat kepada sistem dalam masyarakatnya dan akibat yang dihasilkan terhadap orang lain. Menurut Samir Muhazzab dan Winny Abdul (2009), kefungsian sosial juga membawa maksud tujuan atau tugas yang tertentu bagi setiap anggota masyarakat kepada sistem dalam masyarakatnya dan akibat yang dihasilkan terhadap orang lain. Oleh itu, tanpa kefungsian sosial ini akan membuatkan kehidupan masyarakat menjadi tidak teratur dan tidak stabil. Disamping itu, kefungsian sosial juga boleh didefinisikan sebagai satu aktiviti yang penting bagi melengkapkan hubungan antara komponen-komponen pengalaman sosial dalam kehidupan seharian. Kefungsian sosial lebih melihat kepada bagaimana sesuatu proses sosialisasi itu memberi kesan kepada persekitarannya. Antara komponen utama yang wajib ada untuk menilai keberkesanan kefungsian sosial itu adalah status sosial, peranan sosial, kelompok sosial dan institusi sosial.

Selain itu, kehidupan bersosial dapat melahirkan masyarakat yang stabil, mantap, mempunyai tingkah laku tertentu dan juga boleh dijangka. Tingkah laku yang anjal tidak bermakna kehidupan masyarakat kucar-kacir. Kefungsian sosial juga melihat kepada sudut yang pelbagai sebagai landasan untuk kerja menolong masyarakat dalam menyelesaikan masalah. Antaranya terdapat tujuh kefungsian sosial iaitu ekonomi, status sosial, politik, keluarga, perubatan, pendidikan dan beragama. Pada dasarnya, kefungsian sosial ini juga melihat kepada seseorang individu itu memainkan peranan penting antara satu sama lain.

a. Teori Keperluan Maslow

Teori Keperluan Maslow mengutarakan keperluan-keperluan motivasional yang berbeza bagi setiap hiraki. Sebelum keperluan yang lebih tinggi diperolehi, keperluan-keperluan primer mestilah dipenuhi terlebih dahulu (Maslow 1970;1987). Model tersebut boleh diterangkan dalam bentuk piramid yang mana keperluan asas terletak dibawah manakala keperluan yang lebih tinggi terletak di bahagian atas (Asmawati, 2009).

Keperluan fisiologi merupakan keperluan yang pertama perlu dipenuhi oleh seseorang individu, antara keperluan fisiologi yang perlu dipenuhi adalah keperluan untuk makanan, tidur, seks dan tempat tinggal. Keperluan untuk keselamatan merupakan keperluan kedua di dalam Hiraki Maslow, keperluan untuk keselamatan merujuk kepada persekitaran yang didiami oleh individu tersebut adalah terjamin dalam memastikan mereka dapat berfungsi dengan baik. Keperluan fisiologi dan keselamatan merupakan keperluan paling asas yang perlu dipenuhi.

METODOLOGI

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik dibina oleh pengkaji sendiri dan ianya adalah berbentuk subjektif dimana responden perlu menyatakan jawapan mereka sendiri bagi setiap soalan dan tiada pilihan jawapan. Soal selidik yang digunakan mempunyai dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B.

a. Bahagian A

Bahagian A mempunyai soalan berkaitan profil demograf responden. Terdapat 5 soalan yang perlu dijawab pada bahagian ini.

b. Bahagian B

Bahagian B mempunyai soalan berkaitan objektif kajian yang telah ditetapkan. Terdapat 8 soalan berbentuk subjektif dalam bahagian ini dimana responden diberi kebebasan untuk menjawab tanpa had berdasarkan pengalaman dan pengetahuan responden.

Sumber Data

Kajian ini memperolehi sumber data melalui sumber primer dan sumber sekunder.

a. Data Primer

Data primer dalam kajian ini merujuk kepada hasil kajian yang diperolehi melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Soal selidik yang telah dijawab akan dianalisis dan membentuk sumber data primer yang akan dibentangkan sebagai hasil kajian.

b. Data Sekunder

Data sekunder dalam kajian ini merujuk kepada hasil kajian dan penulisan pengkaji terdahulu yang dijadikan isi kandungan dalam kajian ini terutamanya pada bahagian kajian lepas. Sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini telah dikreditkan penulisnya dan boleh dirujuk semula pada bahagian rujukan. Sumber sekunder adalah amat penting bagi menyokong hasil kajian atau menunjukkan perbezaan hasil kajian pada bahagian perbincangan.

c. Responden Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 43 orang pekerja kes yang terlibat secara langsung dalam pengurusan bantuan kewangan kebajikan. Mereka adalah penjawat awam yang bertugas di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Pekan, Bera dan Rompin.

Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data yang lebih menjurus kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Kaedah persampelan bertujuan juga dipilih bagi mengelak daripada kebarangkalian ralat apabila responden yang dipilih tidak bersesuaian dengan skop soalan temubual atau kajian.

Kaedah Analisis

Kaedah analisis adalah dengan menggunakan analisis tema jawapan. Kaedah ini digunakan kerana jawapan responden adalah berbentuk subjektif. Oleh itu, pembentukan tema adalah diperlukan untuk mengasingkan serta membentuk kategori jawapan. Analisis statistik juga digunakan untuk menunjukkan profil demografi responden.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi

Jadual 3 : Profil Demografi Responden

| Maklumat | Bilangan |
|------------------|-----------------|
| Daerah | |
| Pekan | 18 |
| Bera | 14 |
| Rompin | 11 |
| Umur | |
| 20 - 30 tahun | 7 |
| 31 - 40 tahun | 23 |
| 41 - 50 tahun | 11 |
| 51 tahun ke atas | 2 |
| Jantina | |
| Lelaki | 19 |
| Perempuan | 24 |

| Maklumat | Bilangan |
|----------------------------|-----------------|
| Tempoh Perkhidmatan | |
| 1 - 5 tahun | 6 |
| 6 - 10 tahun | 10 |
| 11 - 15 tahun | 20 |
| 16 - 20 tahun | 5 |
| 21 tahun ke atas | 2 |
| Gred Jawatan | |
| S19 | 20 |
| S22 | 4 |
| S29 | 16 |
| S32 | 3 |

Jadual 3 menunjukkan maklumat demografi responden yang telah menjawab soal selidik kajian ini. Daerah Pekan mempunyai jumlah responden tertinggi iaitu seramai 18 orang diikuti Daerah Bera 14 orang dan Rompin 11 orang. Bagi kategori umur pula menunjukkan umur 31-40 paling ramai iaitu seramai 23 orang dan paling rendah seramai 2 orang bagi umur 51 tahun ke atas. Responden perempuan adalah lebih tinggi iaitu seramai 24 orang dan lelaki seramai 19 orang. Hampir 50 peratus (20 orang) daripada responden mempunyai pengalaman bertugas selama 11-15 tahun di JKM manakala 2 responden telah berkhidmat melebihi 21 tahun ke atas. 20 orang daripada responden merupakan gred S19 dan yang kedua tertinggi adalah gred S29 iaitu 16 orang.

Analisis Soalan

Soalan 1 : Berdasarkan pengalaman anda, sila jelaskan apakah faktor klien memerlukan bantuan JKM?

Jadual 4 : Faktor Klien Memerlukan Bantuan JKM

| Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|-------------|--|
| Sosial | Sikap malas, tiada pelajaran, tanggungan ramai, konflik keluarga, ibu tunggal, kesusahan hidup, kebergantungan ahli keluarga ramai, ingin hidup selesa, masalah penjagaan keluarga, rasa diri tidak mampu, desakan hidup, warga emas, ketua keluarga tidak mampu bekerja, mencuba nasib. |

| Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|-------------|---|
| Ekonomi | tiada pendapatan, pendapatan rendah, beban perbelanjaan, kos sara hidup tinggi, tiada peluang kerja, keperluan asas tidak mencukupi, pendapatan tidak tetap, banyak hutang. |
| Kesihatan | sakit kronik, OKU, masalah kesihatan, umur tua, ahli keluarga sakit, tidak mampu bekerja. |

Jadual 4, menunjukkan pandangan responden berkaitan faktor sosial sebagai faktor utama klien memerlukan bantuan diikuti faktor ekonomi dan kesihatan. Faktor sosial menjelaskan bahawa kebanyakan klien JKM menghadapi masalah pada tahap mikro iaitu melibatkan individu dan keluarga. Isu yang seperti sikap individu yang tidak berusaha memperbaiki kehidupan menyebabkan bantuan kebajikan dijadikan sumber utama dalam menyara kehidupan. Selain daripada itu, isu keluarga juga menjadi sebab utama kebergantungan klien kepada bantuan apabila isi rumah yang ramai perlu ditanggung oleh seorang ketua isi rumah. Keadaan ekonomi pula menjelaskan isu berkaitan pendapatan yang rendah dihadapi oleh penerima bantuan. Peluang kerja yang terhad di luar Bandar menyebabkan kebanyakan klien mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan. Justeru wujud kebergantungan yang tinggi terhadap bantuan kewangan bagi menampung kehidupan.

Noor, 1984 yang menyatakan bahawa kemiskinan boleh dikenalpasti melalui pendapatan rendah, keperluan asas tidak dipenuhi, pendidikan rendah, tiada harta, kesihatan, kurang makan dan pakaian, tempat tinggal yang tidak sempurna dan juga pekerjaan yang tidak menentu atau terjamin, dilihat menyokong dapatan kajian ini kerana tema sosial dan ekonomi mempunyai perkaitan jelas dengan kemiskinan. Justeru wujud keperluan terhadap bantuan kewangan dan isu kemiskinan yang dihadapi oleh klien.

Soalan 2 : Berdasarkan pengalaman anda, apakah faktor klien tidak mampu berdikari tanpa bantuan JKM?

Jadual 5 : Faktor Klien Tidak Mampu Berdikari Tanpa Bantuan JKM

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|------|---------------|--|
| 1 | Sosial | Malas bekerja, suka bergantung, anggapan bantuan adalah bersifat selamanya, pendidikan rendah, tidak mahu berusaha, tiada kemahiran, zon selesa, usia tua, mentaliti kebergantungan, tiada ilmu atau bimbingan, sifat meminta, tiada sokongan keluarga, anak tidak bertanggungjawab, suka berhutang, kurang motivasi, gaya hidup tidak selari pendapatan |
| 2 | Ekonomi | Tiada pendapatan, pengurusan kewangan, peluang kerja terhad, tidak bekerja, bantuan sumber pendapatan utama |
| 3 | Kesihatan | Cacat, sakit kronik, umur tua, sakit terlantar |
| 4 | Infrastruktur | Tiada kenderaan, tiada kemudahan (luar bandar) |

Merujuk kepada jadual 5, responden berpandangan sosial menjadi isu utama kenapa klien tidak dapat berdikari. Isu melibatkan individu dan keluarga masih menjadi perkara utama yang perlu diselesaikan bagi membolehkan klien berdikari. Mentaliti klien yang menganggap bahawa bantuan kewangan adalah untuk sepanjang hayat dan menjadi sumber pendapatan utama juga perlu diubah. Mentaliti dan sikap klien serta keluarga yang tidak mahu keluar dari zon selesa juga perlu diubah. Tema ekonomi, kesihatan dan infrastruktur turut menjadi asas kegagalan klien untuk berdikari namun ianya bersifat subjektif dan makro kerana melibatkan dasar seperti peluang pekerjaan, perubatan dan kemudahan.

Dapatan in adalah bertepatan dengan pandangan Kartini, 2016 yang menyatakan bahawa golongan miskin terperangkap dalam kitaran tingkah laku *dysfunctional* yang diwarisi daripada generasi sebelumnya. Justeru hasil kajian ini menunjukkan bahawa isu sosial merupakan penyebab klien tidak mampu berdikari. Sehubungan itu, “kitaran kemiskinan” perlu ditamatkan dengan mengubah sikap klien yang terlalu bergantung pada bantuan kewangan kebajikan.

Soalan 3 : Berdasarkan pengalaman anda, sila kongsi reaksi dan tindakan penerima bantuan selepas anda tamatkan bantuan?

Jadual 6 : Reaksi dan tindakan penerima bantuan selepas bantuan ditamatkan

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|------|--------------|---|
| 1 | Tindakan | Hadir ke pejabat dan marah petugas, buat aduan, protes, mengadu ke pejabat MB, Ahli Parlimen, ADUN, viral, mohon semula bantuan, surat sokongan, mengadu ke istana, melaporkan ke pihak atasan, merendahkan pangkat pegawai kes, tekanan politik, berterima kasih, menerima dengan baik |
| 2 | Emosi | Marah, terkejut, dendam, sedih, tidak dapat menerima, tidak berpuas hati |
| 3 | Perbincangan | Mohon penjelasan, merayu, mencipta alasan, menafikan pendapatan |

Berdasarkan analisis di Jadual 6, responden menyatakan bahawa terdapat pelbagai tindakan yang dilakukan oleh klien selepas bantuan kewangan ditamatkan dan majoriti mempunyai pendapat yang negatif. Antara tindakan yang diambil oleh klien tersebut antaranya menyerang pegawai kes secara verbal, membuat aduan melalui saluran politik atau media sosial dan sebagainya. Namun terdapat klien yang bertindak secara positif dengan mengucapkan terima kasih kepada pegawai kes. Ramai klien memberi reaksi marah, kecewa dan tidak berpuas hati yang membawa kepada tindakan negatif. Hal ini menjelaskan bahawa penamatan bantuan kewangan merupakan isu sensitif kepada klien kerana mereka dilihat selesai dengan bantuan kewangan bulanan yang diberikan oleh JKM dan menganggap ianya bersifat kekal.

Soalan 4 : Apakah pandangan anda, tentang program 2YEP yang dijalankan oleh JKM?

Jadual 7 : Pandangan Berkaitan Program 2YEP Yang Dijalankan Oleh JKM

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|-------------|----------------|---|
| 1 | Positif | Meningkatkan pendapatan, peluang kepada klien jabatan, bantu klien berdikari, menambah pendapatan isi rumah, modal kepada klien, meningkatkan keyakinan, pendedahan untuk berdikari, rangkaian kerjasama terwujud, keluar dari kemiskinan, mengembangkan perniagaan, membangunkan klien, inisiatif yang bagus jika diberi panduan, klien berpotensi maju jika ada usaha |
| 2 | Negatif | Klien tidak bersungguh, pegawai kurang pengalaman, tidak berkesan kerana klien suka bantuan bulanan, program paksaan, gagal di perlaksanaan, klien mengambil kesempatan, tidak berjaya sepenuhnya, salah guna wang bantuan, gagal capai matlamat |
| 3 | Penambahbaikan | Penambahan dana, kumpulan sasar 2YEP dikaji semula, nilai bantuan kecil, tidak memahami proses kerja, klien tidak jelas tentang 2YEP, kaji semula masa pemantauan, Perlu kolaborasi agensi yang kukuh, perlu latihan kepada pegawai kes |

Merujuk kepada analisis tema pada Jadual 7, responden berpendapat bahawa program 2YEP yang dilaksanakan mempunyai impak yang positif kepada klien, iaitu menambah pendapatan dan seterusnya klien dapat berdikari. Selain itu, ianya juga dapat membangunkan sendiri, pengetahuan dan minat klien ke arah kejayaan. Sungguhpun begitu, responden turut menjelaskan tentang sudut negatif 2YEP dan penambahbaikan yang diperlukan. Isu seperti sikap kuota KPI dan klien yang tidak berpotensi menyebabkan misi 2YEP tidak tercapai. Responden telah mencadangkan penambahbaikan yang boleh diambil seperti penambahan dana, perubahan cara kerja, dan bimbingan kepada pegawai kes dan klien diperlukan untuk memastikan pencapaian misi 2YEP.

Soalan 5 : Pada pandangan anda, adakah terdapat kelemahan program 2YEP?

Jadual 8 : Kelemahan Program 2YEP

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|------|------------|---|
| 1 | Dasar | Kehendak pencapaian terlalu tinggi, kegagalan menambahbaik program, tiada kajian menyeluruh atau risk analysis, bergantung modal jabatan lain, pemantauan tidak sesuai gred S19, tiada kepakaran, pemilihan klien untuk kuota sahaja, klien tidak berpotensi, penambahan kuantiti tetapi tiada kualiti, perlu diikat secara perundangan |
| 2 | Sikap | Komitmen klien rendah, klien tidak jujur, mencipta alasan, sikap sambil lewa, salah guna peruntukkan, klien tidak arif tentang perniagaan, tidak bersungguh dan disiplin, klien lebih suka bantuan bulanan |
| 3 | Pendidikan | Kurang ilmu perniagaan dan pengurusan, pendidikan rendah, pegawai kurang pengalaman |
| 4 | Dana | Nilai geran yang kecil dan tidak mencukupi |

Merujuk kepada analisis di Jadual 8, responden menyatakan bahawa terdapat kelemahan yang perlu dikaji semula terhadap program 2YEP. Tema dasar mendapat komen terbanyak dimana responden mencadangkan supaya 2YEP dikaji semula untuk memastikan keberkesanan program. Isu seperti ekspektasi pencapaian yang tinggi oleh klien, cara kerja dan kuota perlu ditambahbaik. Terdapat klien yang kurang berpotensi terpaksa diambil bagi memnuhi kuota/KPI tahunan menyebabkan peratusan klien yang mengalami kegagalan meningkat.

Tema sikap juga perlu diberi perhatian terutama kesediaan dan pengetahuan klien kerana kebanyakan klien tidak bersedia serta tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang perniagaan. Ini menyumbang kepada kegagalan klien dan pembaziran geran oleh Jabatan.

Analisis Soalan Enam

Soalan 6 : Pada pandangan anda, adakah terdapat kebaikan program 2YEP?

Jadual 9 : Kebaikan Program 2YEP

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|------|------------|---|
| 1 | Sumber | Menambah pendapatan, perniagaan sebagai pekerjaan, peluang kerjasama agensi, modal tambahan, peluang perniagaan, membantu klien untuk berniaga, meningkatkan kecekapan perniagaan klien |
| 2 | Berdikari | Keluar dari penerima bantuan bulanan, meningkatkan taraf hidup, melahirkan usahawan, tidak bergantung dengan bantuan, keluar dari kemiskinan, potensi klien dalam perniagaan dikembangkan |
| 3 | Sikap | Berdaya saing, berusaha mengubah gaya hidup, klien dapat berubah, mewujudkan kerjasama |
| 4 | Pendidikan | Menambah ilmu pengetahuan klien, bimbingan kepada klien dari sudut perniagaan |

Berdasarkan analisis Jadual 9, Faedah 2YEP yang dilaksanakan oleh Jabatan mempunyai pelbagai kebaikan. Ia mampu membantu klien Jabatan untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Geran yang diberikan kepada klien membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri dan menjana pendapatan. Selain daripada itu, responden turut berpandangan bahawa program 2YEP menjadi platform untuk mereka berdikari dan merubah sikap. Kebergantungan klien terhadap bantuan sangat berkait rapat dengan dengan sikap yang sukar untuk diubah. Melalui program ini sikap klien mampu diubah memandangkan klien perlu berniaga dan menjana pendapatan sendiri.

Solan 7 : Pada pandangan anda, adakah program 2YEP masih relevan untuk diteruskan (ya atau tidak). Kenapa?

Jadual 10 : Program 2YEP Masih Relevan atau Tidak Relevan Untuk Diteruskan

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|-------------|---------------|---|
| 1 | Relevan | Menambah pendapatan, meningkatkan kualiti hidup, keluar dari kemiskinan, ubah cara hidup, peluang klien berdikari, membentuk kemahiran perniagaan, mengurangkan jumlah penerima bantuan, melahirkan usahawan, membantu peniaga kecil, buka peluang kerja, wujud kolaborasi agensi |
| 2 | Tidak Relevan | Kejayaan kecil, perlukan kajian semula, perlukan pegawai khusus, klien lebih bimbang bantuan ditamatkan, peruntukan perlu ditambah, sumber kewangan terhad, perlu penambahbaikan, latihan diperlukan |

Merujuk kepada hasil analisis di Jadual 10. Kebanyakan responden menyatakan bahawa program 2YEP masih relevan untuk diteruskan kerana ianya mempunyai objektif yang jelas untuk membantu klien. Program ini turut dilihat mampu menambah pendapatan dan mengubah cara hidup klien jika dilaksanakan dengan teratur dan klien yang menyertainya mempunyai kesungguhan untuk mengubah kehidupan mereka. Terdapat juga responden yang berpandangan 2YEP tidak relevan kerana peratusan klien yang berjaya adalah rendah, tiada penambahbaikan terhadap projek klien yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan (disebabkan dana yang rendah) serta menambah bebanan kerja pegawai kes.

Soalan 8 : Berdasarkan pengalaman anda, sila kongsi atau cadangkan jika terdapat inisiatif baharu supaya JKM dapat membantu klien berdikari dan bantuan dapat ditamatkan?

Jadual 11 : Inisiatif Baharu

| Bil. | Tema | Ringkasan Jawapan responden |
|------|-----------|--|
| 1 | Dasar | Menetapkan syarat kelayakan lebih ketat, hadkan tempoh bantuan, jumlah kelulusan diperkecilkan, pegawai khusus untuk atasi masalah 2YEP, penambahbaikan program 2YEP, peruntukan ditambah, bantuan bersifat sementara, ruang pekerjaan, saham untuk klien, tidak berfokus pada perniagaan untuk klien, sesi kaunseling untuk memberi kesedaran dan tanggungjawab kepada keluarga klien |
| 2 | Kerjasama | Membuat rujukan ke agensi lain, kerjasama NGO, bantuan/sokongan komuniti, klien produktif dirujuk terus ke agensi, jaringan agensi yang kukuh |

Merujuk kepada hasil analisis di Jadual 11, jawapan responden menunjukkan bahawa inisiatif yang diperlukan untuk memastikan klien mampu berdikari adalah melibatkan keputusan dasar. Responden berpandangan, kelayakan penerima bantuan 2YEP perlu dikaji semula dengan diberi tempoh spesifik kepada klien bagi melaksanakan projek, diberi suntikan dana dan khidmat nasihat/kaunseling kepada klien dan keluarga. Selain itu, responden juga turut mencadangkan agar agensi pemberi bantuan yang lain turut berada di halaman yang sama dengan JKM dalam memastikan kebergantungan klien terhadap bantuan kewangan daripada JKM dapat diatasi.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Bantuan Kewangan Kebajikan

Inisiatif yang dicadangkan melalui hasil kajian ini adalah supaya ditetapkan/dihadkan tempoh kelulusan (1 tahun, 2 tahun, 3 tahun) untuk bantuan bulanan kebajikan kepada klien dengan lebih jelas melalui surat kelulusan. Inisiatif ini dicadangkan supaya pihak jabatan dapat merangka unjuran kewangan dengan lebih baik serta mampu mengubah mentaliti dan kefahaman klien terhadap bantuan kebajikan yang sebelum ini dianggap akan kekal selamanya. Selain daripada itu, penetapan tempoh ini juga dapat dijadikan penanda aras kepada klien

untuk berusaha dan membantu diri mereka menjana pendapatan seterusnya berdikari tanpa bantuan jabatan. Dicadangkan juga, supaya syarat kelayakan untuk kelulusan bantuan bulanan diperketatkan bagi memastikan bilangan kelulusan dapat dikurangkan dan bilangan penerima bantuan dapat dikurangkan.

2 Years Exit Program (2YEP)

Inisiatif yang dicadangkan melalui hasil kajian ini adalah supaya 2YEP yang sedang dilaksanakan ditambahbaik dengan menaikkan kadar geran sedia ada (RM2,700) kepada kadar yang lebih munasabah, bergantung kepada jumlah modal bagi sesebuah projek. Kenaikan kadar ini dapat memberi peluang kepada klien yang berpotensi dan memerlukan modal yang lebih. Dicadangkan juga supaya klien berpotensi dikenalpasti 1 tahun lebih awal agar mereka dapat dipersiapkan dengan kursus kewangan, pengurusan perniagaan, kemahiran dan ilmu yang berkaitan sebelum diberikan modal untuk berniaga. Hal ini kerana kegagalan klien dalam perniagaan adalah kerana tidak bersedia dan tiada pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakannya. Dicadangkan juga supaya diperluaskan kumpulan sasar kepada ahli keluarga penerima bantuan yang layak dan berpotensi untuk menjalankan perniagaan dibawah program 2YEP. Dicadangkan juga kuota bagi kelulusan klien untuk program 2YEP ditentukan di peringkat daerah setelah dikenalpasti 1 tahun lebih awal bagi menyediakan mereka dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai.

Program Psikologi Kaunseling

Pengkaji turut mencadangkan supaya klien serta keluarga klien dibantu dari sudut psikologi kaunseling untuk memberi kesedaran berkenaan tanggungjawab dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan sepenuhnya. Sesi kaunseling individu dan kelompok dicadangkan kepada penerima bantuan dan ahli keluarga penerima supaya dapat membantu dari sudut perubahan tingkahlaku dan pemikiran klien. Dicadangkan juga program psiko pendidikan yang bersifat komuniti supaya dapat mengubah stigma dan persepsi klien terhadap bantuan kebajikan.

KESIMPULAN

Hasil kajian yang dikemukakan melalui kertas kerja ini adalah bersifat saintifik kerana telah dilaksanakan mengikut metodologi kajian yang telah ditetapkan. Justeru itu, data daripada kajian ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan. Kertas kerja ini juga telah mencadangkan inisiatif yang bersifat umum yang boleh diteliti dan dipertimbangkan oleh panel penilai untuk membuat penambahbaikan terhadap sistem dan dasar sedia ada. Diharapkan melalui hasil kajian dan inisiatif yang telah dicadang dapat membantu pihak pengurusan tertinggi dalam merangka inisiatif baharu Jabatan dan seterusnya meyakinkan pemegang taruh untuk memastikan bantuan kewangan JKM kekal relevan untuk diteruskan kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Amran, H., Fatimah, Y. & Khadijah, A. (2012). *The Relationship Between Parental Skill And Family Functioning To The Psychological Well Being Of Parents And Children*. International Proceedings Of Economics Development And Research. 34:152.
- Asmawati, D. (2009). *Psikologi Untuk Golongan Profesional*. Edisi Ke-3. McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Asnarulkhadi, A. S. (2006). *Pembangunan Komuniti: Strategi, Peranan dan Cabaran Ke Arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama*. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Agenda Pembangunan Sosial Ke Arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama, anjuran ISM dan USM, 1-2 Jun 2006.
- Auletta, K. (1982). *The Underclass*. New York: Random House.
- Buarque, C., Spolar, M. & Zhang, T. (2006). *Education and Poverty Reduction*. Review of Education, 52, 219-229.
- Corcoran, M., Greg J. D., Gerald G., & Gurin, P. (1985). *Myth and Reality: The causes and persistence of poverty*. Journal of Policy Analysis and Management 4(4): 516-536.
- Essays, UK. (November 2018). *Defining And Understanding Empowerment Social Work Essay*. Diambil daripada <https://www.ukessays.com/essays/social-work/defining-and-understanding-empowerment-social-work-essay.php?vref=1>
- Friere, P. (1972). *Pedagogy Of The Oppressed*. New York: Herder and Herder.
- Germain, C. B. & Gitterman, A. (1980). *The Life Model Of Social Work Practice*. New York: Columbia University Press.
- Goodwin, L. (1983). *Causes and Curses of Welfare*. Lexington, MA: Lexington Books.
- Indre, G. (2004). *Oscar Lewis's culture of poverty: Critique and further development*. Kulturus Sociologija 1:88-96.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2016). Laporan Tahunan JKMM.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Peratusan kemiskinan di Malaysia*. (<https://www.dosm.gov.my/v1/>).
- Kartini, A. T. (2016). *Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi*. *Akademika* 86(2), Oktober 2016:65-78.
- Lauer, R. H. (1971). *The scientific legitimization of fallacy: Neutralizing social change theory*. *American Sociological Review* 36: 881-889.
- Malaysia. (1970). *Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Maluccio, A. (1981). *Promoting Competence In Clients*. London: The Free Press.
- Martin, R. (1970). *Social Policy: Issues of Choices and Change*. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/506/3/BAB2.pdf>
- Maslow, A.H. (Ed.). (1970). *Motivation and Personality*. 2nd Ed. New York: Harper & Row.
- Maslow, A.H. (Ed.). (1987). *Motivation and Personality*. 3rd Ed. New York: Harper & Row.
- Mohamad, Z. Z. (2018). *Persepsi Penerima Skim Bantuan Terhadap Peranan Agensi Kebajikan Di Malaysia*. Published online 2018.
- Samir, M. A & Winny, A. (2009). *Pengantar Kerja Sosial: Kefungsian Sosial Dalam Sistem Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Siti, M. R. A. R & Narimah, S. (2018). *Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan*. *Journal Of Social Sciences and Humanities* Vol. 13, No. 2.

IMPLIKASI DAN CABARAN ADVOKASI TERHADAP TINDAKAN PENGUATKUASAAN



Ghazali Awang
Mohd Naufal Yusoff
Fazwan Diza Azimuiddin
Mohd Noorhadi Mohd Yusof
Norazmy Adenan
Mardhiah Mohamed
Amizan Che Aziz
Zainuddin Aliyas
Isiara Tahir @Tahale
Rafeah Sulaiman
Mohamed Abdan Ishak @ Mohamed

*PKMD Kuala Terengganu, PKMD Dungun, PKMD Besut, PKMD Kemaman,
PKMD Hulu Terengganu, PKMD Marang, PKMD Setiu, RE Dungun,
TSH Kuala Terengganu, STB Marang, AA Rusila*

ABSTRAK

Peredaran zaman teknologi yang kian pesat memberikan kuasa kepada pengguna untuk meluahkan atau memberi pandangan berhubung sesuatu isu yang berkait rapat dengan kefungisian sesuatu entiti, terutamanya entiti-entiti di bawah kawal selia agensi kerajaan seperti TASKA dan Pusat Jagaan. Keperluan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat telah mendorong agensi kerajaan untuk memperbaiki atau menambah baik garis panduan sedia ada. Agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dipertanggungjawabkan sebagai agensi penguatkuasa. Kaedah penguatkuasaan sentiasa diperbaharui bagi menepati standard semasa dan dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan operasi TASKA dan Pusat Jagaan mematuhi undang-undang sedia ada. Responden kajian terdiri daripada pengusaha TASKA dan Pusat Jagaan. Hasil kajian mendapati pengusaha-pengusaha ini sedar bahawa keperluan penguatkuasaan adalah kritikal bagi memberikan gambaran yang positif kepada bakal pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan mereka. Ia memberikan satu status yang tinggi dan meningkatkan keyakinan pelanggan selain bertindak sebagai penanda aras kepada pengusaha lain. Namun, bilangan TASKA dan Pusat Jagaan tidak berdaftar masih lagi tinggi dan tindakan advokasi JKM semakin mencabar sekiranya penstrukturan gerak kerja tidak seiring dengan keperluan semasa.

Kata Kunci: *TASKA ; Pusat Jagaan; advokasi; penguatkuasaan; jabatan*

PENGENALAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membuat pengstrukturkan semula Jabatan pada tahun 2014. Tujuan pengstrukturkan ini adalah untuk memantapkan kualiti perkhidmatan seterusnya meningkatkan kecekapan penyampaian kepada kumpulan sasar Jabatan. Seiring dengan pengstrukturkan JKM, Bahagian Perundangan dan Advokasi telah diperkukuhkan dengan mewujudkan Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan (Bahagian PU). Bahagian ini bertanggungjawab untuk menentukan segala urusan perkhidmatan berkaitan perundangan dikendalikan mengikut Akta, Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan) 2016
- ii. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2017)
- iii. Akta Pusat Jagaan 1993 (Pindaan 2007)
- iv. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan 2007)
- v. Akta Orang Papa 1977

Advokasi

Advokasi dilaksanakan bagi tujuan mendidik masyarakat khususnya kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat berkaitan dengan Undang-Undang di bawah Jabatan dan yang berkait rapat dengan bidang kuasa Jabatan. Antara penekanan advokasi yang diberikan ialah:

- i. Kempen Anti Pengemisan ;
- ii. Pendaftaran - TASKA dan Pusat Jagaan ;
- iii. Perlindungan kes keganasan rumahtangga ; dan
- iv. Hak Kanak Di Bawah Konvensyen Mengenai Kanak-Kanak.

Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]

Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pemeriksaan dan

penguatkuasaan ke atas pusat jagaan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya demi menentukan kebajikan, kesejahteraan, dan keselamatan penghuni diutamakan.

Menurut Seksyen 2 Akta 506, “jagaan” adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Manakala “pusat jagaan” pula bermaksud pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.

Pusat jagaan berdaftar merupakan suatu pusat jagaan yang didaftarkan di bawah Seksyen 6 Akta 506. Di bawah Seksyen 5 (1), tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu pusat jagaan yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini. Seksyen 5 (2) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar Subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [AKTA 308] bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas TASKA dan bagi perkara yang berkaitan dengannya demi menentukan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kanak-kanak diutamakan. Definisi taman asuhan kanak-kanak di bawah Seksyen 2, Akta 308 “taman asuhan kanak-kanak” ertinya mana-mana premis yang menerima masuk empat (4) orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah. Definisi taman asuhan kanak-kanak berdaftar “Taman asuhan kanak-kanak berdaftar” ertinya suatu taman asuhan kanak-kanak yang didaftarkan di bawah seksyen 7. Di bawah Seksyen 6 (1) tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu taman asuhan kanak-kanak yang tidak didaftarkan dibawah peruntukan-peruntukan Akta ini. Di bawah Seksyen 6 (2) Akta 308 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan bagi kajian ini:

1. Apakah kesan positif tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan?
2. Apakah kesan negatif tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan?
3. Apakah cabaran tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan?

Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif bagi kajian ini:

1. Mengenalpasti kesan positif tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan
2. Mengenalpasti kesan negatif tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan
3. Mengenalpasti cabaran tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan

Skop Kajian

Kajian ini melibatkan bidang kerja bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu di tujuh (7) buah daerah iaitu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuala Terengganu, PKMD Kemaman, PKMD Setiu, PKMD Marang, PKMD Hulu Terengganu, PKMD Besut, dan PKMD Dungun. Skop kajian ini menjurus kepada kesan positif dan negatif serta cabaran tindakan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

TASKA dan pusat jagaan merupakan tempat yang menguruskan perkhidmatan penjagaan sama ada jagaan harian mahupun jagaan mengikut tempoh waktu tertentu. Ibubapa memerlukan perkhidmatan pengasuh bagi membantu mereka cepak mengimbangi antara kerjaya dan rumahtangganya (*Feierabend & Staffelbach*, 2016). Persekitaran tempat penjagaan memainkan

peranan yang besar dalam kesihatan dan keselamatan kanak-kanak (*Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics*, 2013). Oleh itu, pemilihan pusat penjagaan adalah penting bagi menentukan kanak-kanak berada dalam persekitaran yang sesuai. Pemilihan pusat jagaan juga adalah penting bagi perkembangan kognitif, sosial dan psikologikal yang optimum (Santrock, 2009). Kajian Rusmailani (2014) menunjukkan pentingnya untuk melihat siapa pengasuh kepada anak-anak terutama semasa meninggalkan mereka di pusat jagaan sama ada pengasuh terlatih dan mempunyai kelayakan sebagai pengasuh kanak-kanak ataupun tidak. Terdapat ibu bapa yang sangat menitikberatkan kualiti pengasuh dengan hanya menghantar anak kepada pusat jagaan atau TASKA berdaftar. Sebaliknya, terdapat juga ibu bapa yang tidak memilih untuk menghantar anak mereka kepada pengasuh sama ada berdaftar dengan pihak berkuasa mahupun tidak, asalkan mereka boleh keluar bekerja dan anak mereka dijaga dengan baik.

Kajian oleh Noble (2007) mendapati terlalu sedikit ibu bapa yang mempunyai pemahaman terhadap penjagaan yang berkualiti dan bagaimana untuk memilih sesebuah perkhidmatan penjagaan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan seperti menyediakan prosedur penubuhan TASKA tetapi bilangan TASKA yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ini masih sedikit (Kamaruddin et al., 2003). Pada hari ini, kebanyakan ibu bapa menghantar anak-anak mereka kepada pengasuh dengan mengambil kriteria boleh berunding sekiranya memerlukan perkhidmatan pada waktu cuti, mahukan anak mereka diberi tumpuan, keselesaan, dan sudah lama mengenali pengasuh (Hanim Hashim, 2013). Kajian Davis and Connelly (2005) menunjukkan bahawa ketersediaan adanya perkhidmatan, kemudahan akses dan pengurusan kanak-kanak merupakan kriteria pemilihan kebanyakan ibu bapa. Berbeza dengan ibu bapa yang berpendapatan rendah, mereka lebih memilih perkhidmatan yang menawarkan kos yang lebih murah (Leslie et al., 2000; Peyton et al., 2001).

Bagi TASKA berdaftar, pegawai pelindung kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan sentiasa memantau dan memeriksa pusat tersebut secara berkala sepertimana yang termaktub di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (1984).

Pengasuh yang menjaga kanak-kanak disyaratkan untuk mempunyai kemahiran dalam menguruskan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian oleh Tallman (2000) mendapati sekurang-kurangnya 2/3 daripada 220 pusat jagaan kanak-kanak berlesen mengabaikan aspek keselamatan. Antara perkara yang diabaikan termasuklah tempat tidur kanak-kanak, skrin tingkap, permukaan taman permainan (*playground*) serta barang-barang lain yang dimiliki oleh pusat penjagaan tersebut. Angela, Jeon, dan Marjorie (2013) pula mendapati daripada 13 aspek peraturan, tujuh kategori tidak dipatuhi oleh pusat jagaan berdaftar yang melibatkan isu keselamatan kanak-kanak asuhan. Apabila kualiti kurang daripada standard yang ditetapkan, maka kanak-kanak berisiko untuk mendapat jangkitan penyakit, kecederaan dan penjagaan yang tidak sepatutnya (Bradley & Vandell, 2007; Lee & Greig, 2012). Jika pusat jagaan yang berdaftar juga mengabaikan aspek yang penting, bagaimana pula dengan yang tidak berdaftar? Berbeza dengan pusat jagaan atau pengasuh tidak berdaftar, pelindung sukar untuk memantau kerana tiada rekod bersama JKM. Maka timbul persoalan adakah kanak-kanak tersebut dijaga dengan baik jika dihantar kepada pusat jagaan atau pengasuh yang tidak berdaftar? Tanpa ilmu dan kemahiran mengawal dan menjaga kanak-kanak, pengasuh tidak berdaftar mungkin sering mengabaikan keperluan kanak-kanak dan tidak memahami situasi yang berlaku semasa menjaga mereka. Tambahan pula, pelbagai tekanan hidup masyarakat pada hari ini boleh meningkatkan risiko kemalangan dan kecederaan dalam kalangan kanak-kanak.

Menurut Rozmi (2002), pusat jagaan yang tidak berdaftar berisiko tinggi kerana kemudahan tidak disediakan dengan sepatutnya dan sekiranya berlaku kemalangan terhadap bayi, kesilapan turut diletakkan kepada ibu bapa kerana telah memilih untuk meletakkan anak mereka di situ. Pengasuh tidak berdaftar ini juga berkemungkinan mengambil mudah akan keperluan kanak-kanak yang dijaganya. Hal ini seterusnya akan menyebabkan berlakunya kecuaiannya pengasuh sehingga mampu menyebabkan kemalangan dan kematian kepada kanak-kanak. Faktor kualiti merupakan perkara asas yang penting bagi pusat penjagaan kanak-kanak kerana ia menyediakan satu tempat yang asas bagi menggalakkan perkembangan kanak-kanak ke tahap yang optimum (Santrock, 2009). Pusat penjagaan yang berkualiti

ini turut memberi kesan terhadap aspek perkembangan bukan sahaja di peringkat kanak-kanak, tetapi peringkat lain dalam jangkamasa panjang terutama dalam meningkatkan keupayaan kognitif dan tingkah laku (Vandell et al., 2010). Banyak kajian yang telah dijalankan di negara-negara maju berhubung dengan bentuk, jenis dan akibat pengabaian pengasuh dan kepentingan persekitaran selamat kepada kanak-kanak. Namun begitu di Malaysia, masih kurang kajian yang meneroka secara mendalam tentang tahap keselamatan kanak-kanak yang ditinggalkan kepada pengasuh khusus kepada yang tidak berdaftar. Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan suatu kajian eksploratori yang bertujuan untuk mengetahui amalan persekitaran selamat bagi kanak-kanak dalam kalangan pengasuh tidak berdaftar.

Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada TASKA dan pusat jagaan tidak berdaftar ialah kompaun, lak premis dan pendakwaan di mahkamah. Hukuman bagi kesalahan TASKA dan pusat jagaan tidak berdaftar ialah denda tidak melebihi Ringgit Malaysia RM10,00000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua, pengusaha/pengendali boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi Ringgit Malaysia RM20,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Manakala, tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada TASKA dan pusat jagaan yang berdaftar ialah arahan bertulis ketua pengarah kebajikan, arahan tutup sementara, kompaun, pendakwaan di mahkamah dan pembatalan pendaftaran.

Laporan Bahagian Penguatkuasaan JKMN Terengganu

Jumlah TASKA Berdaftar Dan Tidak Berdaftar Bagi Negeri Terengganu

| Tahun | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|------------------|-----------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|
| | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) |
| Kuala Terengganu | 59 | 9 | 54 | 14 | 48 | 24 |
| Kemaman | 34 | 0 | 33 | 0 | 34 | 0 |

| Tahun | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|-----------------|-----------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|
| | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) |
| Dungun | 18 | 7 | 18 | 5 | 23 | 2 |
| Marang | 5 | 7 | 12 | 0 | 13 | 0 |
| Hulu Terengganu | 9 | 0 | 9 | 0 | 9 | 0 |
| Besut | 6 | 0 | 2 | 2 | 1 | 5 |
| Setiu | 3 | 1 | 3 | 1 | 3 | 1 |
| Jumlah | 134 | 24 | 131 | 22 | 131 | 32 |

Jumlah Pusat Jagaan Berdaftar Dan Tidak Berdaftar

| Tahun | 2016 | | 2017 | | 2018 | |
|------------------|-----------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|
| | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) | Berdaftar (kes) | Tidak Berdaftar (kes) |
| Kuala Terengganu | 4 | 2 | 6 | 0 | 6 | 4 |
| Kemaman | 2 | 0 | 2 | 2 | 4 | 4 |
| Dungun | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 |
| Marang | 5 | 2 | 7 | 1 | 8 | 0 |
| Hulu Terengganu | 6 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 |
| Besut | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Setiu | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 19 | 4 | 21 | 5 | 24 | 8 |

Jumlah Pemeriksaan (Berkala Dan Mengejut) TASKA

| Tahun | 2016 (bilangan) | 2017 (bilangan) | 2018 (bilangan) |
|------------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| Kuala Terengganu | 36 | 28 | 20 |
| Kemaman | 25 | 30 | 24 |
| Dungun | 7 | 25 | 20 |
| Marang | 5 | 12 | 15 |
| Hulu Terengganu | 4 | 5 | 7 |

| Tahun | 2016 (bilangan) | 2017 (bilangan) | 2018 (bilangan) |
|---------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Besut | 6 | 7 | 5 |
| Setiu | 1 | 1 | 1 |
| Jumlah | 84 | 108 | 92 |

Jumlah Pemeriksaan (Berkala Dan Mengejut) Pusat Jagaan

| Tahun | 2016 (bilangan) | 2017 (bilangan) | 2018 (bilangan) |
|------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Kuala Terengganu | 2 | 4 | 6 |
| Kemaman | 2 | 2 | 4 |
| Dungun | 0 | 2 | 0 |
| Marang | 10 | 7 | 12 |
| Hulu Terengganu | 5 | 6 | 6 |
| Besut | 4 | 2 | 2 |
| Setiu | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | 23 | 23 | 30 |

Tindakan Penguatkuasaan TASKA/Pusat Jagaan

| Tahun | 2016 | 2017 | 2018 |
|-------------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Jumlah Kes : | 1) Kuala Terengganu | 1) Dungun | 1) Kemaman |
| Tindakan : | - Kompaun | - Lak = 1 | - Arahkan Bertulis |
| - Arahkan Bertulis (Ab)/ Lak/ | - Penutupan Sementara | - Ab = 4 | |
| - Kompoun/Dll | | 2) Marang - Ab | 2) Dungun - Lak |
| | Jumlah Kes: 2 kes | Jumlah Kes: 6 kes | Jumlah Kes: 2 kes |

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dihasilkan dengan memilih pendekatan pengukuran secara objektif untuk menghasilkan data numerical yang lazimnya dianalisis menggunakan statistik Othman Talib (2013). Data primer adalah data yang diperolehi daripada kaedah pemerhatian

dan temubual. Manakala data sekunder diperolehi melalui bahan-bahan bacaan, artikel serta jurnal yang berkaitan

Reka Bentuk Kajian

Kaedah perbincangan kumpulan fokus merupakan kaedah kualitatif yang popular. Melalui kaedah ini, pengkaji memilih sekumpulan orang yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Seorang fasilitator (pemudah cara) yang dilantik akan menentukan hala tuju perbincangan tersebut. Apa-apa yang dikatakan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dalam temubual dan kaedah ini memberi peluang untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan peserta serta memberi peluang untuk berbual-bual tentang perkara yang terjadi dalam dunia sebenar. Antara enam sehingga 12 orang akan ditemu ramah sekali gus dengan bantuan fasilitator yang bakal menentukan halatuju perbincangan secara bebas tentang sesuatu tajuk (Azizah Hamzah, 2010).

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pengumpulan data primer dan sekunder. Bagi memperoleh data primer, kajian ini menggunakan kaedah temubual berkelompok bersama Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Bahagian TASKA dan pengusaha setiap daerah bagi mendapatkan beberapa maklumat yang berkaitan kajian. Temubual yang dilakukan ini menggunakan rujukan borang pendaftaran TASKA dan pusat jagaan bagi menilai dan memastikan TASKA dan pusat jagaan mengikut perkara-perkara yang perlu dipatuhi. Data primer digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat asas yang berkaitan bagi mencapai objektif kajian. Data sekunder diperolehi melalui bahan-bahan bacaan, artikel serta jurnal yang berkaitan dengan kajian seperti laporan rasmi kerajaan, bahan bacaan dari pihak berkepentingan serta daripada akhbar dan artikel berkaitan pendidikan yang menggunakan media sosial. Selain itu, data sekunder dalam kajian ini diperolehi daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di beberapa TASKA dan pusat jagaan yang melibatkan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)

dalam negeri Terengganu yang terdiri daripada PKMD Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu, Marang, PKMD Setiu dan Besut.

Populasi Kajian


Populasi kajian adalah daripada Ketua Jabatan dan Penyelaras unit Penguatkuasaan dan undang-undang dan pengusaha TASKA serta pengendali pusat jagaan di setiap daerah dalam Negeri Terengganu sahaja. Seramai satu ratus dua belas (112) orang responden digunakan bagi mendapatkan maklumat, data dan hasil lapangan.

HASIL KAJIAN

Kesan Positif Tindakan Penguatkuasaan TASKA Dan Pusat Jagaan


Berdasarkan Rajah 1, majoriti responden iaitu sebanyak 98 orang responden (87.5%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan membentuk generasi baru bersahsiah tinggi. Manakala 14 orang responden (12.5%) tidak bersetuju penguatkuasaan akan membentuk generasi baru bersahsiah tinggi. Penguatkuasaan yang berkesan akan memastikan TASKA dan pusat jagaan sentiasa mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Hal ini akan mewujudkan TASKA dan pusat jagaan yang selamat dan memiliki perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, TASKA dan pusat jagaan akan menjadi satu tempat permulaan dalam perkembangan kognitif termasuk motor kasar serta motor halus yang sempurna bagi kanak-kanak.

Rajah 1: Tindakan Penguatkuasaan Akan Membentuk Generasi Baru Bersahsiah Tinggi



Rajah 2 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 97 orang responden (87%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan mempertingkatkan Pengawasan Dan Pemeriksaan TASKA dan Pusat Jagaan, manakala 15 orang responden (13%) tidak bersetuju penguatkuasaan akan mempertingkatkan Pengawasan Dan Pemeriksaan TASKA dan Pusat Jagaan. Pengawasan dan pemeriksaan premis tersebut perlu dipertingkatkan oleh agensi-agensi berkenaan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan pada sepanjang masa. Pengendali premis tersebut haruslah bertanggungjawab dan melibatkan diri secara aktif dalam memastikan peraturan, garis panduan dan cadangan yang digariskan dipatuhi. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang berterusan, akan mengurangkan risiko ketidakpatuhan syarat, peraturan atau akta yang berkuatkuasa. Secara tidak langsung perkhidmatan TASKA dan pusat jagaan yang lebih berkualiti kepada kumpulan sasar dan mengurangkan kes-kes penderaan atau kecuai.


Rajah 2: Mempertingkatkan Pengawasan Dan Pemeriksaan TASKA Dan Pusat Jagaan



Rajah 3 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 91 orang responden (81%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan meningkat kerjasama antara agensi, manakala 21 orang responden (19%) tidak bersetuju penguatkuasaan akan meningkat kerjasama antara agensi. Penguatkuasaan seperti ini akan berjaya dengan kerjasama dari pelbagai pihak terutama agensi atau jabatan yang terlibat di dalam pengendalian

premis-premis seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Agama Daerah dan sebagainya. Walaupun pada masa ini kerjasama yang diberikan adalah baik, masih terdapat banyak ruang untuk diperbaiki lagi supaya kerjasama yang terjalin ini dapat dipertingkatkan lagi.


Rajah 3: Tindakan Penguatkuasaan Akan Mempertingkatkan Kerjasama Antara Agensi Penguatkuasaan



Berdasarkan Rajah 4, majoriti responden iaitu sebanyak 103 orang responden (92%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan mempertingkatkan Kesedaran Dan Tanggungjawab Pengendali dan Pengusaha, manakala 9 orang responden (8%) tidak bersetuju. Semua pengendali TASKA dan pusat jagaan perlu sedar dan bertanggungjawab dalam menangani permasalahan pendaftaran premis, mengawal penyakit berjangkit, pengurusan pentadbiran dan lain-lain di premis mereka. Sekiranya mereka percaya bahawa terdapat kanak-kanak di bawah jagaan mereka yang mengidap penyakit berjangkit dan mungkin menyebabkan tersebarnya atau merebaknya penyakit tersebut, hendaklah menasihatkan ibu bapa kanak-kanak tersebut agar tidak menghantar anak mereka ke pusat jagaan itu.


Jika keadaan memerlukan, pengendali hendaklah mengambil inisiatif menutup sementara premis mereka bagi memastikan transmisi jangkitan terputus dan aktiviti pembasmian dapat dijalankan.

Rajah 4: Tindakan Penguatkuasaan Akan Mempertingkatkan Kesedaran Dan Tanggungjawab Pengendali Dan Pengusaha




Rajah 5 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 107 orang responden (96%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan memastikan pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan menggunakan garis panduan. Manakala sebanyak 5 orang responden (4%) tidak bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan memastikan pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan menggunakan garis panduan. Agensi-agensi terlibat dalam pendaftaran TASKA dan pusat jagaan akan meningkatkan kesedaran dan secara tidak langsung mencegah dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku. Garis panduan berkaitan kesihatan, pengurusan pentadbiran dan keselamatan perlulah diseragamkan dan hendaklah sentiasa digunapakai dan dipatuhi oleh pihak-pihak terbabit. Dalam hal ini, pihak yang berkepentingan akan memberi pandangan kepada pihak yang bertanggungjawab agar penambahbaikan dibuat terhadap garis panduan di masa akan datang.

Rajah 5: Tindakan Penguatkuasaan Akan Memastikan Pengusaha TASKA Dan Pengendali Pusat Jagaan Menggunakan Garis Panduan




Rajah 6 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 91 orang responden (81%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penguatkuasaan. Manakala 21 orang responden (19%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penguatkuasaan. Pendedahan warga kerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam skop kerja penguatkuasaan yang berterusan sama ada melalui kursus, bengkel, kajian-kajian kes atau latihan praktikum dapat meningkatkan kemahiran serta kapasiti dalam bidang penguatkuasaan, advokasi dan perundangan.

Rajah 6: Tindakan Penguatkuasaan Akan Meningkatkan Kemahiran Dan Pengetahuan Penguatkuasaan




Rajah 7 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 106 orang responden (95%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan mengurangkan wujudnya TASKA dan pusat jagaan yang tidak berdaftar. Manakala 6 orang responden (5%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan mengurangkan wujudnya TASKA dan pusat jagaan yang tidak berdaftar. Tindakan proaktif agensi berkaitan dalam penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan dapat memberi kesedaran kepada bakal pengendali berkenaan kepentingan memastikan peraturan-peraturan dipatuhi sebelum memulakan operasi.

Rajah 7: Tindakan Penguatkuasaan Akan Mengurangkan Wujudnya TASKA Dan Pusat Jagaan Yang Tidak Berdaftar




Rajah 8 menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 101 orang responden (90%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai maklumat TASKA dan Pusat Jagaan Berdaftar. Manakala 11 orang responden (10%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai TASKA dan pusat jagaan berdaftar. Kehendak pelanggan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini berkenaan sesuatu TASKA atau pusat jagaan akan bertambah.

Rajah 8: Tindakan Penguatkuasaan Akan Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Mengenai Maklumat TASKA Dan Pusat Jagaan Berdaftar



Berdasarkan Rajah 9, 65 orang responden iaitu sebanyak (58%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan hasil Negara. Manakala 47 orang responden (42%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan hasil Negara. Tindakan penguatkuasaan akan meningkatkan hasil kerajaan melalui kompaun atau denda yang dikenakan kepada pengusaha TASKA atau pusat jagaan yang ingkar setelah didapati tidak mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.


Rajah 9: Tindakan Penguatkuasaan Akan Meningkatkan Hasil Negara



Kesan-Kesan Negatif Tindakan Penguatkuasaan TASKA dan Pusat Jagaan


Hasil daripada soal selidik yang dibuat, Rajah 10 menunjukkan majoriti responden iaitu 96 orang responden (86%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan ekonomi pengusaha dan pengendali terjejas. Manakala 16 orang responden (14%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan ekonomi pengusaha dan pengendali terjejas. Apabila tindakan undang-undang dikenakan kepada pengusaha dan pengendali seperti arahan penutupan atau dalam proses penyiasatan yang berkemungkinan mengambil masa yang panjang, maka mengakibatkan mata pencarian mereka yang terlibat akan terjejas atau hilang punca pendapatan.

Rajah 10: Tindakan Penguatkuasaan Akan Menjejaskan Ekonomi Pengusaha dan Pengendali



Berdasarkan Rajah 11, majoriti responden iaitu 89 orang responden (79%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan menjejaskan imej institusi. Manakala 23 orang responden (21%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan menjejaskan imej institusi.


Rajah 11: Tindakan Penguatkuasaan Akan Menjejaskan Imej Institusi



■ Setuju ■ Tidak Setuju

Berdasarkan Rajah 12, majoriti 92 orang responden (82%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan ibu bapa dan penjaga sukar mencari tempat penjagaan alternatif. Manakala 20 orang responden (18%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan ibu bapa dan penjaga sukar mencari tempat penjagaan alternatif. Apabila pusat jagaan ditutup akan berlaku pertambahan penghuni bagi institusi dan pusat jagaan yang terdekat. Perkara ini akan menyebabkan pusat jagaan dan institusi akan melebihi kapasiti kerana penghuni yang berada di pusat jagaan tersebut memerlukan tempat alternatif bagi menggantikan premis yang ditutup. Selain itu, kanak-kanak dan penghuni juga terpaksa dipindahkan berkemungkinan sukar untuk menyesuaikan diri di tempat jagaan yang baru.


Rajah 12: Iubapa Dan Penjaga Sukar Mencari Tempat Penjagaan Alternatif



■ Setuju ■ Tidak Setuju

Rajah 13 menunjukkan 98 orang responden (87.5%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan tekanan kepada pengusaha/pengendali. Manakala 14 orang responden (12.5%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan tekanan kepada pengusaha/pengendali. TASKA dan pusat jagaan berdaftar kini berdepan tekanan kerana menjadi mangsa keadaan kesan perbuatan pengusaha dan pengendali yang tidak mematuhi garis panduan yang diperlukan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap TASKA dan pusat jagaan tidak berdaftar yang tidak mematuhi peraturan dan sebagainya sebagaimana termaktub di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993. Pandangan segelintir masyarakat yang melihat penguatkuasaan ini sebagai salah satu perkara yang negatif menyebabkan tempias kepada pengusaha TASKA yang lain. Hal ini sekaligus menjadikan TASKA yang berdaftar berdepan tekanan kerana menjadi mangsa keadaan kesan daripada perbuatan pengusaha dan pengendali tersebut.


Rajah 13: Tekanan Kepada Pengusaha Dan Pengendali



Berdasarkan Rajah 14, majoriti 83 orang responden (74%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan timbul persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap agensi Kerajaan dan badan penguatkuasaan yang mengambil tindakan terhadap TASKA dan pusat jagaan berkenaan. Manakala 29 orang responden (26%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan timbul persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap agensi Kerajaan.


Masyarakat akan beranggapan bahawa agensi kerajaan tiada tolak ansur dan budi bicara kerana mengambil tindakan kepada TASKA atau pusat jagaan. Sebagai contohnya, apabila penguatkuasaan dikenakan kepada sesebuah pusat jagaan atau TASKA yang dihuni oleh kanak-kanak yang ramai, ini dilihat pihak penguatkuasaan tersebut menyekat aktiviti kanak-kanak di dalam pusat Jagaan atau TASKA. Keadaan ini perlu dilihat secara terperinci bagi mengelakkan persepsi negatif masyarakat kepada pihak kerajaan dan maklumat yang betul dan tepat dapat disampaikan kepada masyarakat.

Rajah 14: Timbul Persepsi Negatif Dalam Kalangan Masyarakat Terhadap Agensi Kerajaan



Rajah 15 menunjukkan 81 orang responden (72%) bersetuju bahawa tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan kegusaran beban kos perbelanjaan ibu bapa. Manakala 31 orang responden (28%) tidak bersetuju tindakan penguatkuasaan akan menyebabkan kegusaran beban kos perbelanjaan ibu bapa. Berlaku kegusaran kepada ibu bapa dan penjaga sekiranya tindakan diambil terhadap pengusaha dan pengendali seperti tindakan penutupan premis. Kesukaran dan beban kos perbelanjaan kepada ibu bapa dan penjaga berlaku kerana mereka terpaksa mencari tempat alternatif dalam masa yang terdekat.

Rajah 15: Kegusaran Beban Kos Perbelanjaan Ibubapa



PERBINCANGAN

Cabaran Advokasi

Pegawai DiBeri Kuasa (PDBK) menjalankan pelbagai tugas di pejabat seperti menguruskan kes bantuan, menjalankan operasi menyelamatkan orang papa, kes-kes aduan dan lain-lain. Hal ini menyebabkan pegawai tidak fokus kepada melaksanakan tugas bagi penguatkuasaan undang-undang. Sebagai contoh, dalam pengurusan kes bantuan bagi permohonan bantuan, PDBK perlu menyelesaikan dalam tempoh 30 hari bagi kes yang diterima seperti yang ditetapkan dalam piagam pelanggan. Tugas ini merangkumi siasatan kes ke rumah penama yang akan mengambil tempoh masa yang lama bagi menyiasat samada layak atau tidak menerima bantuan. Kepelbagaian tugas yang perlu dilaksanakan ini ditambah pula dengan kekangan masa yang singkat memberi cabaran dalam menjalankan advokasi secara optimum. Jika dilihat dari Laporan Pemeriksaan TASKA, sebanyak 17 helai perlu diisi dan diteliti semasa pemeriksaan dijalankan. Purata masa diambil untuk menjalankan pemeriksaan TASKA adalah sebanyak 8 jam untuk melihat keseluruhan pengoperasian TASKA sama ada mematuhi atau tidak peraturan yang telah ditetapkan.

Selain itu juga, PDBK terlibat dalam menguruskan kes-kes aduan yang memerlukan tindakan segera. Sebagai contoh kes-kes aduan ini melibatkan kes menular di media sosial yang melibatkan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan Jabatan

walaupun telah menjalankan tugas yang diamanahkan mengikut panduan dan piagam pelanggan yang ditetapkan. Tambahan lagi, PDBK juga terlibat dalam menguruskan kes-kes penderaan, pengabaian dan wanita hamil luar nikah yang melibatkan tindakan segera dari pihak berkaitan seperti Jabatan Kesihatan dan Pihak Polis.

TASKA beroperasi terlebih dahulu sebelum mendapatkan lesen perakuan pendaftaran TASKA daripada JKM. Pengendali/ Pengusaha TASKA yang mula-mula berkecimpung di dalam perniagaan untuk pengendalian penjagaan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun yang dikenakan bayaran kebanyakan akan terus membuka TASKA dan beroperasi tanpa adanya perakuan pendaftaran yang sah. Oleh yang demikian, hasil daripada maklumat yang diperolehi pegawai JKM turun membuat pemeriksaan dan advokasi di lapangan kepada pengusaha TASKA. Melalui bimbingan dan advokasi dalam tempoh tertentu, pengusaha berusaha untuk menyelesaikan proses dengan 3 agensi teknikal dan seterusnya pihak JKM akan mengeluarkan perakuan pendaftaran yang sah setelah semua prosedur, peraturan dan dokumentasi lengkap dan dipatuhi. Pengusaha TASKA lazimnya sukar mematuhi perundangan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT). PBT mempunyai bidang kuasa berdasarkan undang-undang masing-masing yang setiap daerah adalah berbeza. Oleh itu, cabaran kepada pengusaha adalah untuk mematuhi beberapa peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PBT untuk membuka dan mengendalikan TASKA .

Selain itu, campurtangan pihak luar seperti ahli politik atau orang berkepentingan dalam usaha mengelak tindakan undang-undang diambil atau atas keingkaran mematuhi undang-undang untuk menjaga status quo. Sebahagian daripada pengusaha yang mempunyai hubungan atau kenalan yang terdiri daripada pemimpin atau mereka yang berpengaruh dalam masyarakat, menggunakan pengaruh yang ada untuk mempengaruhi agar tindakan tidak diambil ke atas pelanggaran sesuatu peraturan yang telah ditetapkan. Kebiasaannya mereka menggunakan kaedah dalam bentuk rayuan, ugutan dan ganjaran untuk mempengaruhi agar tindakan tidak perlu diambil atas kesalahan yang dilakukan. Keadaan ini disebabkan untuk menjaga pengaruh politik atau sokongan di kalangan komuniti tertentu.

Kesan daripada tindakan ini, peraturan dan undang-undang tidak dapat dilaksanakan secara adil atau dikuatkuasakan dan mendedahkan kelemahan penguatkuasaan. Keadaan ini menyebabkan ada sebahagian premis beroperasi tidak mengikut peraturan. Kumpulan ini sepatutnya merujuk kepada pihak tertentu yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan sesuatu peraturan dan memastikan pengusaha mematuhi peraturan yang sedia ada jika mahu meneruskan operasi mereka. Justeru, pentingnya golongan berkepentingan ini memahami peraturan agar bersama-sama mendidik pengusaha agar mematuhi peraturan dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Penubuhan pasukan khas dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam memastikan penguatkuasaan TASKA dapat dimaksimumkan. Penubuhan pasukan khas ini sesuai dengan cabaran dan keperluan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan. Pada masa kini, penguatkuasaan TASKA sukar dilaksanakan kerana halangan daripada Persatuan dan Pengusaha yang sering memanipulasikan akta dan undang-undang sedia ada. Sebagai contoh, apabila sesebuah TASKA dikenakan tindakan LAK di daerah Dungun, Persatuan pengusaha TASKA dan individu awam mula memainkan peranan dengan melakukan provokasi terhadap PDBK dan Jabatan. Penubuhan pasukan khas ini dilihat mampu memastikan penguatkuasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang maksimum dalam melaksanakan operasi Penguatkuasaan ke atas TASKA dan Pusat Jagaan.

Cabaran seterusnya ialah PDBK TASKA dan Pusat Jagaan kurang pengetahuan dan kemahiran perundangan dan penguatkuasaan TASKA. Kebanyakan PDBK tidak menjalani latihan dan praktis yang secukupnya. Pihak Jabatan perlu menganjurkan latihan berbentuk teori dan praktis bagi memastikan semua PDBK sentiasa mempunyai pengetahuan serta meningkatkan kemahiran dari semasa ke semasa. Pengukuhan dan pengemaskinian kemahiran PDBK adalah perkara penting dalam memastikan kompetensi PDBK berada pada tahap yang maksimum. Latihan kemahiran dan program pengukuhan penting agar segala prosedur kerja, garis panduan peraturan penguatkuasaan TASKA dan pusat jagaan dapat dilaksanakan dengan baik.

Selain latihan secara teori dan praktikal, usaha untuk mempertingkatkan penguatkuasaan oleh pegawai PDBK dan secara langsung dapat memberi kemahiran dalam pengendalian pengusatuasaan. Kes-kes penguatkuasaan sebenar perlu dijadikan kes-kes rujukan untuk mengkaji kelemahan-kelemahan semasa penguatkuasaan dan dapat diperbetulkan untuk penguatkuasaan seterusnya. Penguatkuasaan sebenar ini juga akan memberi keyakinan dan kemahiran kepada pegawai terlibat serta memastikan pematuhan kepada undang-undang dipertingkatkan. Pengusaha TASKA dan Pusat Jagaan berdaftar sering didapati gagal untuk mematuhi peraturan TASKA 2012 dan Peraturan Pusat Jagaan 1994 seperti khususnya dalam membuat pengemaskinian dokumentasi. Sebagai contoh, dokumen daftar kanak-kanak dan daftar pengasuh.

Mengikut Peraturan 19 TASKA 2012, pengusaha atau penyelia hendaklah menyimpan dan menyelenggarakan suatu daftar pengasuh kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak berdaftar dalam Borang E Jadual Pertama yang mengandungi nama, alamat dan apa-apa butiran lain yang difikirkan perlu. Selain itu, hasil daripada pemeriksaan kerana mendapati, peti pertolongan kecemasan ada tetapi tidak lengkap. Perkara-perkara ini biasanya kurang diambil endah oleh pengendali dalam menguruskan pengoperasian sesebuah TASKA mahupun Pusat Jagaan. Melihat kepada perkara-perkara tersebut di atas, informasi berkaitan perlu ditingkatkan melalui peranan PDBK kepada pengusaha TASKA dan Pusat Jagaan. Kempen kesedaran pendaftaran TASKA dan Pusat Jagaan perlu dipergiatkan lagi di samping advokasi, ceramah dan pemantauan secara terus ke lapangan. Hal ini seterusnya akan memberi hasil dan impak yang positif melalui pematuhan dan meminimumkan ketakakuran peraturan-peraturan yang ditetapkan.

KESIMPULAN

Advokasi bertujuan untuk mendidik masyarakat khususnya kumpulan sasaran JKM berkaitan undang-undang di bawah Jabatan dan berkait rapat dengan bidang kuasa Jabatan. Bagi memastikan advokasi ini sampai kepada kumpulan sasaran, dicadangkan program-program seperti Program Jom Daftar TASKA dan Pusat Jagaan dilaksanakan di setiap daerah. Program ini

akan membantu menyampaikan maklumat secara berkesan dan efektif. Tambahan pula, pogram ini akan melibatkan komunikasi 2 hala di antara pengusaha dan pihak Jabatan. Program yang akan dijalankan ini juga akan melibatkan 3 agensi teknikal yang berkaitan untuk membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi terutamanya berkaitan syarat, peraturan dan akta TASKA. Impaknya juga, program ini dapat merakyatkan perkhidmatan awam dan demi kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar.

Selain itu, bagi memastikan Advokasi berjalan dengan proaktif, dicadangkan TASKA/Pusat Jagaan contoh diwujudkan di setiap daerah. TASKA/Pusat Jagaan contoh ini akan menjadi rujukan kepada TASKA/Pusat Jagaan lain kerana kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan bagi menjalankan operasi. TASKA/Pusat Jagaan contoh ini berperanan membantu Jabatan dalam menguatkuasa peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

Cadangan seterusnya, bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan peraturan TASKA dipatuhi, modul Kursus Asuhan Permata (KAP) harus diperkasakan. Sebagai contohnya, penekanan kepada peraturan dan akta harus diketengahkan. Bagi memastikan kualiti TASKA terus terpelihara, peserta KAP perlu turun padang ke TASKA contoh untuk mereka menilai dan belajar berkaitan apa yang harus dan wajib dilakukan di TASKA. Apabila perkara ini dipraktikkan, peserta kursus akan mengimplimentasikan perkara yang selari dengan akta dan peraturan yang ditetapkan.

Selain itu, program latihan berstruktur daripada bahagian perundangan dan penguatkuasaan perlu diadakan bagi melatih kemahiran penguatkuasaan meliputi sukatan dan peraturan tetap operasi kerja yang teratur. Kursus ini perlu dilaksanakan secara berkala mengikut zon agar lebih berkesan.

Cadangan seterusnya, meningkatkan penyampaian maklumat melalui media massa kerajaan dan media sosial. Menyampaikan maklumat atau peraturan kepada pengusaha TASKA dan Pusat Jagaan melalui slot iklan yang diadakan media massa kerajaan meliputi televisyen dan akhbar bagi meningkatkan

kedaran kepada masyarakat dan juga pengusaha TASKA dan Pusat Jagaan. Maklumat ini penting kerana pematuhan kepada peraturan adalah bertujuan untuk menjamin kesejahteraan kepada masyarakat. Melalui kempen ini, masyarakat akan faham mengapa tindakan penguatkuasaan terhadap TASKA dan Pusat Jagaan dilaksanakan.

Seterusnya PDBK menjalankan beberapa tugas dalam satu masa seperti pegawai pelindung, pegawai akhlak dan pegawai kes bantuan kebajikan. Melalui program penstrukturan semula secara bersasar, PDBK akan fokus kepada tugas penguatkuasaan TASKA dan Pusat Jagaan sahaja dan amnya tugas bahagian penguatkuasaan dapat dibuat dengan lebih efektif. Langkah ini juga akan melibatkan penambahan kakitangan Jabatan sekaligus akan menjadikan operasi secara lebih optimum dan teratur.

RUJUKAN

Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308).

Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]

Feierabend, A & Staffebach, B. (2016). *Crowding Out Reciprocity Between Working Parents And Companies With Corporate Childcare*. Human Resource Management, September–October 2016, Vol. 55 (5)771–787

Federal Interagency Forum on Child and Family Statistics. *America's Children: Key National Indicators of Well-Being, Washington, DC: US Government Printing Office*. http://www.childstats.gov/pdf/ac2013/ac_13.pdf

Santrock, J. W. (2009). *Children*. New York: McGraw-Hill Higher Education.

Rusmailani. 2014. *Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak: Perbandingan Antara TASKA di Lembah Klang*. Tesis Dr. Fal, Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia

Kamaruddin, K, Ibrahim, M.N., Muhammad, K., Nordin, A.B., & Samad, N. (2003) *Kajian Ke Atas Perlaksanaan TASKA Di Malaysia: Implikasi Terhadap Polisi Dan Program Yang Disediakan*. Project Report. Universiti Pendidikan Sultan Idris

Davis, E. E., & Connelly, R. (2005). *The influence of local price and availability on parents' choice of child care*. Population Research and Policy Review, 24, 301–334

Leslie, L. A., Ettenson, R., & Cumsille, P. (2000). *Selecting a child care center: What really matters to parents?* Child & Youth Care Forum, 29, 299–322.

- Peyton, V., Jacobs, A., O'Brien, M., & Roy, C. (2001). *Reasons for choosing child care: Associations with family factors, quality, and satisfaction*. *Early Childhood Research Quarterly*, 16, 191–208
- Angela A.C, Jeon, S. & Marjorie, S.R. (2013). *Health and Safety of Child Care Centers: An Analysis of Licensing Specialists' Reports of Routine, Unannounced Inspections*. *American Journal of Public Health*, Vol. 103 (10) 52-58.
- Bradley, R.H & Vandell D. L. (2007). *Child care and the wellbeing of children*. *Pediatric Adolescent Medicine*. 161 (7):669-676.
- Rozmi Ismail, Ismail Maakip, Wan Shahrazad, Wan Azreena. 2002. *Kanak-Kanak Dan Pengetahuan Mengenai Aspek-Aspek Keselamatan Diri*. *Jurnal Psikologi Dan Pembangunan Manusia*. 18:95-117.
- Vandell, D. L. & Wolfe, B. (2000). *Child Care Quality: Does It Matter and Does It Need to Be Improved?* Institute for Research on Poverty Special.
- Othman Talib. 2013. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Cetakan pertama. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia 2013
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Taylor, SJ dan R Bogdan. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

**PERLAKSANAAN DAN PEMERKASAAN
KERJA KOMUNITI DALAM MEMBANTU
MENINGKATKAN KEFUNGSIAN SOSIAL
KLIEN JKM**

***(KAJIAN KE ATAS SUKARELAWAN JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT BAHAGIAN KUCHING)***



Hjh. Norhayati Hj. Abdul Rahman
Sharifah Ranimah Wan Hashim
Dariel Thiong Yiew Seng
Vivian Anak Engkiong
Najib Endong
Peter
Zurena
Sharifah Mardhiah
Tiong
Iskandar

*PKMB Kuching, PKMB Samarahan, PKMB Kapit, PKMB Sri Aman,
STB Kuching, RSK Kuching, TSP Kuching, RKK Datuk Ajibah Abol Sri Aman,
DBD Kuching, RKK Kuching*

ABSTRAK

Tuntutan masyarakat masa kini terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cepat, cekap dan mesra pelanggan merupakan cabaran kepada JKM. Bilangan warga kerja JKM yang terhad memerlukan penglibatan komuniti dalam kerja sukarela. Ini merupakan pendekatan yang terbaik bagi memastikan tuntutan masyarakat ini dapat dipenuhi. Namun begitu, penglibatan aktif sukarelawan masih di tahap rendah dan masih bergantung kepada agensi kerajaan dalam menggerakkannya. Kajian ini diadakan untuk mengenalpasti sejauh mana pelaksanaan dan pemeraksanaan kerja komuniti dalam kalangan sukarelawan JKM. Antara objektifnya adalah mengenalpasti pengetahuan dan kemahiran sukarelawan JKM, mengkaji penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti dan mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan. Lokasi kajian adalah di Bahagian Kuching, Sarawak yang mempunyai bilangan sukarelawan yang berdaftar tertinggi di Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah borang kaji selidik yang dianalisa dengan SPSS. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerja komuniti dalam kalangan sukarelawan masih rendah dan memerlukan penambahbaikan serta mendapati bahawa kekangan masa merupakan faktor utama yang menjadi penghalang untuk sukarelawan memberi komitmen tinggi terhadap kerja sukarelawan. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha perlu dipertingkatkan untuk menarik minat komuniti menyertai sukarelawan JKM. Latihan yang bersesuaian perlu untuk memantapkan jati diri sukarelawan JKM supaya mereka lebih proaktif dalam menganjurkan program-program komuniti. Selain itu, sukarelawan baru dilatih akan sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal untuk digerakkan pada bila-bila masa. Modul latihan serta promosi di semua peringkat secara berterusan diperlukan agar perlaksanaan dan pemeraksanaan kerja komuniti dapat meningkatkan kefungsiian sosial klien JKM.

Kata Kunci: komuniti, sukarelawan JKM, kefungsiian sosial

PENGENALAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditubuhkan pada bulan April 1946. Dalam jangkamasa 73 tahun, JKM telah berfungsi memberi perkhidmatan pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat. Klien JKM merujuk kepada 10 kumpulan sasaran jabatan iaitu kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, keluarga, orang papa, mangsa bencana, mangsa keganasan rumah tangga, pesalah muda, komuniti rentan, dan mangsa pemerdagangan orang.

Melihat kepada ratio warga kerja di JKM yang terhad berbanding dengan bilangan kumpulan sasaran jabatan yang begitu besar, maka bantuan daripada masyarakat amat penting bagi membantu jabatan dalam menjaga kebajikan semua golongan sasaran. Budaya kesukarelawan juga perlu dipupuk dalam setiap masyarakat bagi menunjukkan bahawa kebajikan merupakan tanggungjawab semua pihak. Ini bagi memastikan aspek kebajikan diintegrasikan dalam perancangan ke arah mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang mampan secara menyeluruh.

Sukarelawan merujuk kepada seseorang yang mempunyai minat dan terlibat dalam kegiatan sesuatu bidang dan aktiviti sukarela. Azizan (2006) menyatakan sukarelawan melakukan aktiviti sukarelawan dengan berbagai-bagai kaedah yang sesuai dan berkesan. Kaedah-kaedah ini meliputi khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling, motivasi, gotong royong, kerja berkumpulan, penggunaan pelbagai kemahiran, aneka terapi dan proses pemulihan, penggunaan teknologi dan sebagainya. Aktiviti sukarela juga melibatkan pelbagai skop yang luas, melibatkan penyertaan aktif anggota-anggota masyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan yakni pendidikan, ekonomi, ketatanegaraan, keagamaan, hak-hak asasi manusia, kepenggunaan, alam sekitar, kepekaan gender, kebajikan dan lain-lain.

Bagi mempertingkatkan semangat kesukarelaan komuniti dan masyarakat untuk membantu golongan sasaran jabatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mewujudkan Bahagian Pembangunan Komuniti. Objektif bahagian ini adalah untuk

menggalakkan dan memberi dorongan kepada komuniti tempatan supaya lebih bertanggungjawab, bersatu padu dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan golongan masyarakat tertentu ke arah kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

Bahagian Pembangunan Komuniti juga berfungsi menggalakkan penglibatan dan sumbangan masyarakat dalam perkhidmatan kebajikan sukarela. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2001a; 2001b) dan Azizan Bahari (2003), semangat kesukarelawanan perlu didorong oleh nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip serta tradisi kerana ia memberi impak besar dalam kehidupan bermasyarakat.

Dengan ini, jabatan telah mewujudkan Sukarelawan JKM yang bertujuan mengumpul masyarakat yang ingin menjalankan aktiviti kesukarelaan. Setakat 2018, bilangan sukarelawan JKM di Malaysia berjumlah 10886 orang dan bilangan sukarelawan yang ada di Sarawak ialah seramai 1960 orang. Melalui sukarelawan JKM ini, ia dapat menggalakkan penglibatan dan sumbangan masyarakat dalam perkhidmatan kebajikan sukarela dan menggalakkan program dan aktiviti pembangunan sosial.

Menyedari hakikat peranan sukarelawan amat penting dalam membantu pelaksanaan dan pemerkasaan kerja komuniti bagi meningkatkan kefungsi sosial klien JKM, satu kajian dibuat ke atas sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching yang menjadi nadi penggerak kepada program komuniti.

Penyataan Masalah

Kesukarelaan adalah suatu nilai dan amalan yang murni. Sukarelawan adalah seseorang yang memberikan khidmat dan sumbangan secara sukarela serta niat yang ikhlas tanpa mengharapkan insentif. Dalam menjalankan sesuatu program atau aktiviti, bantuan sukarelawan amatlah penting bagi memastikan kelancaran program kebajikan yang dirancang. Aktiviti sukarela juga merupakan suatu aktiviti murni ke arah memberi perkhidmatan sumbangan tenaga, masa dan kemahiran untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Khidmat sukarelawan amat diperlukan semasa berlaku krisis bencana dan masalah sosial dalam kalangan masyarakat.

Namun begitu, yang menjadi permasalahan dalam isu kesukarelawan ialah kekurangan penyertaan sukarelawan yang aktif dalam menyertai sebarang aktiviti sukarela yang dijalankan. Menurut Azizan (2006), aktiviti sukarela semakin sukar mendapat sambutan kerana rata-rata orang bertanya apa yang mereka boleh dapat daripada sesuatu kegiatan yang diceburinya. Pulangan dalam bentuk wang dan kebendaan sering menjadi ukuran dalam menentukan sama ada tenaga dan masa perlu diberikan atau sebaliknya. Selain daripada isu bencana, banyak lagi krisis lain yang berlaku dan memerlukan khidmat daripada sukarelawan.

Di Malaysia, kajian mengenai kesukarelawan dilihat masih kurang dijalankan dan diberi perhatian terutamanya dari perspektif impak program ke atas kumpulan sasar jabatan. Konsep dan fakta tentang aktiviti sukarela dilihat jarang diterjemahkan dalam bentuk penulisan sama ada akhbar, buletin, majalah, buku, jurnal, tesis dan lain-lain bentuk terbitan berbanding di luar negara. Malahan sebarang pergerakan aktiviti sukarela yang dijalankan oleh pertubuhan dan organisasi sukarelawan juga dilihat jarang dicatatkan dalam bentuk penulisan diari aktiviti, yang mungkin menceritakan tentang pengalaman pahit manis aktiviti sukarela yang pernah dijalankan. Kekurangan sumber dari segi khazanah ilmu rujukan ini menyebabkan aktiviti sukarela yang dijalankan kurang mendapat perhatian dan informasi mengenainya gagal disampaikan kepada orang ramai. Masyarakat juga gagal memahami konsep dan fakta sebenar mengenai sesuatu aktiviti sukarela yang dijalankan.

Oleh yang demikian, penglibatan daripada komuniti yang benar-benar ingin membantu secara sukarela amatlah perlu. Menurut kajian Sharififar, Jamaliam, Nikbakhsh dan Ramezani (2011) faktor penglibatan sukarelawan adalah penting dalam memupuk minat serta komitmen sukarelawan. Selaku sebuah jabatan yang menggalakan aktiviti kesukarelawan, maka responden daripada sukarelawan Bahagian Kuching dipilih untuk mengenalpasti persoalan di bawah.

1. Apakah pendekatan yang diambil oleh jabatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sukarelawan dalam kerja komuniti?

2. Sejauh manakah penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti?
3. Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dalam kerja komuniti?

Objektif Kajian

1. Untuk mengenalpasti pengetahuan dan kemahiran sukarelawan JKM
2. Untuk mengkaji penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti
3. Untuk mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan

Skop Kajian

Kajian ini akan dibuat terhadap responden yang terdiri daripada sukarelawan JKM Bahagian Kuching, Sarawak. Rasional pemilihan sukarelawan JKM ini adalah kerana mereka merupakan satu komuniti yang sedia ada di jabatan bagi membantu dalam kerja sukarelaan. Bilangan sukarelawan yang tinggi di Kuching juga diharap dapat menjadi responden yang mencukupi bagi kajian ini.

Elemen utama yang menjadi fokus kajian ini ialah pengetahuan dan kemahiran, isu dan cabaran, serta penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti. Rasional elemen-elemen itu dipilih kerana ianya banyak berkait rapat dengan aktiviti kesukarelaan bagi meningkatkan kefungsi sosial klien jabatan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Definisi

Pelaksanaan

Pelaksanaan boleh didefinisikan sebagai elemen berorientasikan tindakan atau perubahan. Ia melibatkan pemindahan pelan/perancangan yang telah dirumuskan antara pekerja sosial dan klien kepada tindakan. Klien akan mencurahkan usaha ke arah matlamat yang diidamkan. Proses ini bermula dengan meletakkan matlamat umum. Manakala strategi dan tugas umum dijadikan

asas panduan bagi penghasilan matlamat. Tugas dan strategi umum ini seterusnya disusurgalurkan menjadi tugas dan strategi spesifik untuk dinilai secara berkesan. Pekerja sosial akan memilih dan melaksanakan intervensi yang telah direka bentuk untuk membantu klien mencapai objektif dan tugas mereka. Berkaitan dengan hal ini, adalah amat penting untuk kerap kali memantau tahap kemajuan yang dialami oleh klien bertujuan untuk:

- a. menaksir keberkesanan strategi dan intervensi yang diamalkan;
- b. membimbing dan memberi panduan kepada usaha klien ke arah perolehan matlamat;
- c. mengetahui reaksi klien terhadap kemajuan yang dikecapi; dan
- d. menumpukan perhatian kepada pencapaian matlamat dan menilai kemajuan bagi mengekalkan semangat dan motivasi klien untuk berusaha menangani masalah mereka.

Dalam pada itu, tidak dinafikan terdapat pelbagai halangan dan rintangan yang mempengaruhi hasrat klien untuk memenuhi kehendak matlamat mereka. Halangan berkisar kepada individu klien, keluarga, teman akrab dan juga mungkin disebabkan oleh faktor organisasi perkhidmatan sosial itu sendiri (Razak & Zakiyah, 2002).

Pemeriksaan

Pemeriksaan bermaksud keupayaan yang dimiliki seseorang individu atau kumpulan untuk membuat pilihan dan mentransformasikan pilihan tersebut menjadi tindakan yang dikehendaki untuk mendapatkan hasilnya adalah satu pemeriksaan (World Bank, 2007). Malah pemeriksaan juga merupakan satu proses untuk mencapai sesuatu (Maholtra et al., 2002) seperti keupayaan untuk berhubung dengan bank, keupayaan untuk membantu orang lain, keupayaan untuk membuat keputusan dalam keluarga dan keupayaan untuk membuat perancangan secara efektif. Pemeriksaan ialah satu bentuk kawalan (bagaimana untuk mengawal keputusan yang individu lakukan), pilihan (mengawal autonomi dan juga membuat

keputusan dalam rumahtangga), komuniti (berubah untuk diri individu sendiri) dan juga peluang (berubah untuk komuniti).

Secara ringkasnya, pemeraksanaan ialah kuasa dan kebebasan diri yang diperolehi oleh seseorang individu. Selain itu, hubungan kuasa lebih menjurus kepada hubungan bersama bagi membuat sesuatu keputusan. Persetujuan itu hanya dapat dicapai sekiranya semua bersetuju dan mencapai kata sepakat (Carmelita, 2015).

Kerja Komuniti

Kerja Komuniti merujuk kepada proses pemeraksanaan komuniti melalui penglibatan aktif komuniti secara sukarela untuk pembangunan dan kesejahteraan bersama. Ia dipimpin dan dijalankan secara sistematik oleh pekerja berasaskan gabungan pelbagai teori tentang komuniti dan masyarakat, pendekatan, serta kaedah dan kemahiran kerja yang sesuai dengan keadaan serta keperluan komuniti sasar. Empat elemen penting dalam definisi ini ialah pemeraksanaan, penglibatan komuniti, kesukarelawanan, dan pembangunan.

a. Pemeraksanaan komuniti

Usaha membantu meningkatkan kebolehan dan keyakinan komuniti atau penduduk untuk berdikari, yakni tanggungjawab dan mengambil peranan masing-masing di dalam komuniti dan masyarakat. Melalui proses pemeraksanaan, penduduk atau anggota-anggota komuniti digalakkan, diberi peluang, serta dibimbing untuk terlibat aktif dalam memberikan buah fikiran, merancang dan membuat keputusan, serta mengambil langkah-langkah atau tindakan yang sesuai demi kepentingan dan kesejahteraan bersama.

b. Penglibatan komuniti

Kerja komuniti memerlukan penglibatan dan peranan aktif anggota komuniti dalam keseluruhan proses kerja. Penglibatan aktif komuniti suatu mekanisme utama dalam proses pemeraksanaan dan pembangunan komuniti. Oleh itu, sukar dianggap kerja komuniti jika komuniti sendiri tidak terlibat, atau sekadar pemerhati/penerima sahaja.

c. Kesukarelawanan

Kerja komuniti hanya mampu dilaksanakan dengan penglibatan komuniti (meliputi pemimpin, aktivis dan anggota) secara sukarela. Mereka yang terlibat aktif ini merupakan sukarelawan komuniti yang perlu dilatih untuk menyumbang kepada kepentingan atau faedah bersama. Sebagai sukarelawan komuniti mereka seharusnya mempunyai minat terhadap komuniti mereka dan sedia berkongsi dengan rela hati, ikhlas, dan tanpa mengharapkan ganjaran material (Azizan, 2009; 2005).

Sehubungan itu, menurut Azizan (2009;2005) pekerja komuniti serta kalangan pemimpin dan aktivis komuniti perlu memahami apakah kesukarelaan, dan mengapa ia penting dalam kerja komuniti. Kesukarelaan (*volunteerism*) yang dimaksudkan di sini meliputi, antara lain, sukarelawan (siapakah sukarelawan?, syarat-syarat asas seorang sukarelawan, persiapan menjadi sukarelawan, hak-hak sukarelawan, peranan dan tanggungjawab sukarelawan, dorongan dan rangsangan bersukarela, minat dan kecenderungan sukarelawan, dan kesesuaian tugas yang diagihkan), prinsip-prinsip dan makna kerja sukarela, tujuan-tujuan dan bidang-bidang kerja/khidmat sukarela, peranan dan cabaran kerja sukarela, pergerakan/pertubuhan dan kumpulan sukarela, pembangunan sukarelaan, pengurusan sukarelawan, pengurusan pertubuhan sukarela, dan sebagainya.

d. Pembangunan

Pembangunan merujuk kepada proses peningkatan kualiti hidup komuniti dalam pelbagai aspek dan bidang kehidupan. Ini meliputi aspek-aspek kognitif-mental, fizikal, emosi, kerohanian dan sosial komuniti. Pembangunan ini juga bersifat bersepadu dan holistik, yakni memberi perhatian kepada keseluruhan bidang kehidupan komuniti seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan, politik, budaya dan kesenian, persekitaran, teknologi, undang-undang, dan sebagainya.

Kerja komuniti menggalakkan tindakan kolektif penduduk berhubung isu-isu atau dalam bidang-bidang yang dipilih oleh mereka. Ini sekali gus memupuk atau menyemai

semangat kesukarelawanan, kepercayaan, pemuafakatan, dan kesetiakawanan sesama anggota komuniti.

Kefungsian Sosial Dalam Kerja Sosial

Kefungsian sosial bermaksud tujuan atau tugas tertentu bagi setiap anggota masyarakat kepada sistem dalam masyarakat dan akibat yang dihasilkan terhadap orang lain (Samir, 2009). Kefungsian sosial memainkan peranan penting dalam aspek kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Tanpa kefungsian sosial ini, kehidupan masyarakat akan menjadi tidak teratur dan tidak stabil. Kefungsian sosial lebih melihat kepada bagaimana sesuatu proses sosialisasi itu memberi impak kepada persekitarannya. Komponen utama yang wajib ada untuk menilai sejauh mana keberkesanan kefungsian sosial itu adalah status sosial, rol sosial, kelompok sosial dan institusi sosial.

Kehidupan bersosial melahirkan masyarakat yang stabil, mantap, mempunyai tingkah laku tertentu dan boleh dijangka. Tingkah laku yang anjal juga tidak bermakna masyarakat hidup dalam kucar-kacir. Kefungsian sosial juga melihat kepada sudut yang pelbagai sebagai landasan untuk kerja menolong masyarakat dalam menyelesaikan masalah. Pada dasarnya, kefungsian sosial ini juga, melihat kepada seseorang individu itu memainkan peranan penting antara satu sama lain (Samir dan Windy, 2009). Kefungsian dalam status sosial membawa kepada tingkah laku manusia. Dalam perkahwinan suami mempunyai fungsinya sebagai seorang ketua keluarga, manakala isteri berperanan untuk membantu suami di dalam keluarga. Dalam sesebuah syarikat, seorang ketua berfungsi untuk membantu pekerjaannya dan menunjukkan model seorang ketua yang boleh dipercayai (Samir dan Windy, 2009).

Sukarelawan JKM

Definisi Sukarelawan dalam konteks JKM adalah merujuk kepada individu yang telah berdaftar sebagai sukarelawan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Perkataan “sukarela”, menurut Kamus Dewan, bermakna “dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati”. Manakala perkataan “kesukarelaan” pula membawa makna “sikap sukarela”.

Berasaskan makna tersebut, kesukarelaan dapat dimaksudkan sebagai melakukan sesuatu dengan tidak mengharapkan apa-apa pulangan kepada diri sendiri. Seseorang sukarelawan mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- a. tanpa paksaan
- b. rela hati
- c. tanpa mengharapkan ganjaran material
- d. ikhlas

JKM telah melancarkan pendaftaran sebagai sukarelawan sejak tahun 1985 yang bertujuan untuk menggembleng tenaga sukarelawan bagi membantu kerajaan, khususnya JKM dalam menangani masalah sosial di peringkat akar umbi. Pada tahun 1995, usaha ini dijadikan satu program formal yang di beri nama Briged Kebajikan Perdana (BKP). Keahlian BKP terbuka kepada seluruh anggota masyarakat.

Pada tahun 2010, Briged Kebajikan Perdana telah mengalami proses penjenamaan semula dan dikenali sebagai Sukarelawan Kebajikan yang bertujuan untuk merapatkan lagi sukarelawan dengan kerja kebajikan kepada golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan terutamanya kepada kumpulan sasar jabatan. Berteraskan konsep “KEBAJIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”, Sukarelawan Kebajikan ini bermatlamat untuk mencapai hasrat Wawasan Negara untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang.

Matlamat mewujudkan Sukarelawan JKM adalah untuk memberi fokus kepada nilai-nilai dan prinsip perkongsian, kerjasama dan tolong-menolong sesama manusia dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau menangani sesuatu permasalahan. Usaha ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Pelaksanaan secara berkumpulan dilihat lebih cenderung memberikan banyak kesan manfaat kepada masyarakat.

Objektif penglibatan ahli adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk membantu dalam menangani masalah sosial di peringkat akar umbi. Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kerja kemasyarakatan yang

bermanfaat serta memupuk semangat dan budaya tolong menolong. Sukarelawan Kebajikan bukan hanya berperanan sebagai mata dan telinga Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi sebagai penggerak iaitu bertindak menggiatkan penyertaan ahli masyarakat dalam menangani gejala sosial di peringkat kawasan masing-masing. Sebagai penggerak, Sukarelawan Kebajikan perlu memberi khidmat nasihat sama ada nasihat teknikal atau nasihat strategi bagi mencapai objektif yang ditentukan bersama dengan ahli masyarakat setempat dalam menangani masalah sosial atau membangunkan kualiti hidup masyarakat.

Sukarelawan

Sukarelawan adalah kumpulan orang yang penting dalam pelaksanaan dan pemerkasaan kerja komuniti dalam membantu meningkatkan kefungsi sosial klien Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, kesukarelaan mungkin membawa makna yang berbeza kepada orang yang berbeza, kepada masyarakat yang berbeza dan kepada zaman yang berbeza. Kerja sukarelawan hendaklah mendatangkan manfaat kepada sesuatu kelompok masyarakat atau orang lain dan bukannya sukarelawan itu sendiri. Menurut Law dan Shek (2009) “Aktiviti sukarela adalah cabang yang terpenting dalam tingkah laku prososial dan merupakan tingkah laku yang disebabkan oleh niat kepatuhan dalam diri. Aktiviti sukarela bukanlah aktiviti yang spontan, malahan disebabkan oleh faktor sikap. Olson dan Zanna (1993) juga mengaitkan faktor kepercayaan, sikap dan niat gelagat kepatuhan lebih menonjol untuk memotivasikan seseorang individu agar terlibat dalam aktiviti sukarela.

Kajian dan perbincangan mengenai sikap terhadap aktiviti sukarela dipelopori oleh Clary et al. (1998) dan Law (2008) dengan menyenaraikan lima tahap kepercayaan seseorang individu untuk terlibat dengan aktiviti sukarela berasaskan fungsi serta peranan, iaitu:

- a. memenuhi tuntutan orang lain berbanding tuntutan diri sendiri dengan membantu dan menghulurkan bantuan;
- b. memenuhi tuntutan sendiri, iaitu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran;

- c. mempertingkatkan interaksi sosial;
- d. mendapatkan peluang kerjaya dan menambah kawalan jaringan; dan
- e. memperkaya keperluan psikososial seperti meningkatkan keyakinan diri, daya saing dan juga keberanian. Walau bagaimanapun, sesetengah sukarelawan beranggapan bahawa aktiviti sukarela sebagai memenuhi tuntutan keperluan sosial terhadap masyarakat, manakala sebahagian menganggap aktiviti sukarela sebagai kemahiran yang perlu digarap untuk diri sendiri.

Pengetahuan dan kemahiran sukarelawan JKM

Pelaksanaan dan pemeraksanaan kerja komuniti dalam membantu meningkatkan kefungsi sosial klien JKM adalah dengan melengkapkan sukarelawan dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya bagi meningkatkan fungsi sosial klien Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saifuddin Abdullah (2001) berpendapat bahawa “penglibatan dalam kesukarelawanan membuka peluang kepada mereka untuk mengembangkan potensi diri seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, bekerjasama serta membantu untuk mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya”. Justeru itu, sukarelawan pada masa yang sama dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada dalam kerja komuniti sekaligus dapat membantu dalam peningkatan fungsi sosial klien Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti

Di Malaysia, kajian terhadap faktor yang menyumbang kepada penglibatan individu terhadap aktiviti sukarela mendapati elemen agama, sosialisasi, masyarakat, pengetahuan, pengalaman, personaliti, kerjaya, dasar dan sokongan merupakan teras serta pendorong kepada sukarelawan untuk terlibat dengan aktiviti sukarela. Selain itu, kajian juga mendapati faktor demografi seperti latar belakang keluarga, taraf ekonomi, kawasan tempat tinggal, umur, jantina, bidang pekerjaan, taraf pendidikan serta pendapatan sebagai penanda aras tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela (Turiman et al, 2011).

Justeru itu, pelaksanaan dan pemerksaan kerja komuniti dalam meningkatkan kefungsiian sosial klien JKM adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu kepercayaan motivasi dan niat.

Isu dan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan

Mementingkan kebendaan, amalan tolong-menolong yang diamalkan sejak zaman berzaman tanpa mengharapkan sebarang ganjaran telah berubah menjadi budaya imbuhan. Sudah menjadi trend kebiasaan memohon elaun bagi tugas yang dilaksanakan. Sukarelawan tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya dalam hal ini. Ini berikutan kos sara hidup yang menuntut perbelanjaan yang banyak. Chacon et al. (2011) dan Geiser et al. (2014) pula mengkaji faktor motivasi dan hubungannya dengan pengambilan, pembahagian tugas dan latihan dalam sesebuah program kesukarelawan. Mereka mendapati bahawa motivasi penting dalam pengurusan program kesukarelawan dan akan berjaya menangani isu dan cabaran ini sekiranya mempunyai strategi yang tepat. Terdapat kajian (Chacon, Vecina, & Davila, 2007) yang membuktikan faktor kekangan masa sebagai sumber yang terkuat mempunyai hubungan dengan aktiviti sukarela. Kekangan masa sudah menjadi kekangan yang besar dalam pelaksanaan sebarang aktiviti sukarela. Masa juga amat bernilai dan jika dihabiskan pada sesuatu yang tidak membawa pulangan tentulah tidak relevan bagi sesetengah orang. Perjalanan ke tempat yang sukar di pedalaman, waktu kerja yang tiada batasan, dan keluarga yang ditinggalkan menjadi kekangan yang dialami oleh sukarelawan.

METODOLOGI

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan dan pemerksaan kerja komuniti dalam membantu meningkatkan kefungsiian sosial klien JKM dalam kalangan sukarelawan JKM yang berdaftar

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Bahagian Kuching yang merupakan salah sebuah bahagian pentadbiran yang terletak di Sarawak. Bahagian Kuching ini mempunyai keluasan 4,559.5 kilometer persegi dan mengandungi tiga daerah iaitu Daerah Kuching, Bau dan Lundu.

Mengikut bancian 2015 Jabatan Perangkaan Sarawak, jumlah penduduk Bahagian ini ialah seramai 705,546 orang. Pecahan jumlah penduduk mengikut Daerah adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Jumlah penduduk Bahagian Kuching mengikut Bancian 2015

| Bil. | Daerah di Bahagian Kuching | Jumlah Penduduk |
|---------------------------|----------------------------|-----------------|
| 1. | Daerah Kuching | 617,887 |
| 2. | Daerah Bau | 54,246 |
| 3. | Daerah Lundu | 33,413 |
| Jumlah Keseluruhan | | 705,546 |

Sumber: Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2015

Bahagian Kuching dipilih sebagai lokasi kajian kerana menepati kriteria bagi mencapai objektif dalam kajian ini dan mempunyai bilangan sukarelawan yang paling tinggi berdaftar di seluruh Sarawak. Sukarelawan JKM telah banyak melaksanakan pelbagai program dan kerja-kerja komuniti di Bahagian Kuching. Borang kaji selidik telah diedarkan di pusat membeli belah Mydin Petra Jaya pada 26 Julai 2019 kepada seramai 113 sukarelawan di Bahagian Kuching yang hadir ke Program Santuni Rakyat yang dirasmikan oleh YAB Dato'Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi merujuk kepada sekumpulan individu, objek atau benda kejadian yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji. Menurut Rohana Yusof, (2004:105), setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi. Untuk kajian ini populasi atau individu yang dipilih adalah sukarelawan yang berdaftar dengan JKM. Manakala persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada suatu populasi sebagai mewakili populasi tersebut.

Populasi yang dipilih dalam kajian ini adalah sukarelawan di Bahagian Kuching yang mempunyai seramai 531 sukarelawan berdaftar. Setelah itu, sampel dipilih sebanyak 150 daripada jumlah sukarelawan keseluruhan yang berdaftar.

- **Teknik pemilihan sampel**

Dalam sesuatu penyelidikan, terdapat dua kaedah persampelan iaitu persampelan kebarangkalian rawak dan persampelan bukan kebarangkalian. Tujuan persampelan adalah untuk meminimumkan kos membuat penyelidikan, menjimatkan masa dan tenaga penyelidik, dan mendapatkan ketepatan yang maksimum dan jangkauan yang akan berlaku dalam penyelidikan. Saiz sampel yang paling kecil dibenarkan untuk sesuatu ukuran ialah 30 orang responden. Menurut Mohd. Majid Konting (1998), sampel yang dipilih sekurangnya mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan.

Persampelan kebarangkalian rawak telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumbalas responden. Sebanyak 150 surat jemputan telah dihantar kepada sukarelawan untuk hadir ke Majlis Santuni Rakyat di Pusat Membeli Belah Mydin, Petrajaya pada 26 Jun 2019. Seramai 113 orang sukarelawan hadir dan diagihkan borang soal selidik serta diberi tempoh masa sebanyak 30 minit untuk melengkapkan borang kaji selidik tersebut. Sebanyak 83 borang soal selidik yang lengkap diisi telah dikembalikan.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Melalui pendekatan kuantitatif, persoalan kajian boleh dijelaskan menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mendapatkan hasil kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Kajian berbentuk soal selidik adalah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan penyelidik kerana soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah. Melalui soal selidik, maklumat yang diberi oleh responden boleh dirahsiakan dan ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang.

Selain itu, instrumen soal selidik ini amat sesuai digunakan untuk mengukur nilai afektif seperti persepsi, sikap, motivasi

dan emosi dan keputusan yang didapati melalui kaedah soal selidik ini selalunya adalah subjektif dan persoalan tentang kebolehpercayaan terhadap keputusan jarang dibincangkan kerana ianya bergantung kepada subjektiviti seseorang individu (Abdul Ghaffar, 1999). Instrumen soal selidik terbahagi kepada 2 jenis iaitu soal selidik bentuk terbuka dan soal selidik bentuk tertutup. Untuk kajian ini, kedua-dua jenis soal selidik digunakan dalam mendapatkan maklumat dari responden.

a. Borang Soalselidik

Borang soal selidik digunakan untuk mengenalpasti pelaksanaan dan pemerksaan kerja komuniti dalam membantu meningkatkan kefungisian sosial klien JKM. Soalan-soalan yang digunakan mempunyai kelebihan kerana menggunakan bentuk soalan tertutup dan responden hanya memilih jawapan yang telah ditentukan sahaja iaitu Ya atau Tidak. Sementara itu, soalan tertutup ini juga memberikan masa yang cukup untuk dijawab serta mudah untuk dianalisa.

Soalan terbuka pula digunakan untuk memberi kebebasan kepada responden untuk memberi cadangan penambahbaikan berdasarkan isu-isu yang dikemukakan dalam soal selidik. Soal selidik ini terbahagi kepada 5 bahagian seperti berikut:

Jadual 2 : Soal selidik mengikut bahagian

| Bhg. | Perkara | Jenis |
|------|--|----------|
| A | Demografi Responden | Tertutup |
| B | Pengetahuan & Kemahiran Sukarelawan JKM | Tertutup |
| C | Penglibatan Sukarelawan Dalam Kerja Komuniti | Tertutup |
| D | Isu Dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Sukarelawan | Tertutup |
| E | Cadangan Penambahbaikan | Terbuka |

Soal selidik ini mengandungi 27 soalan iaitu 23 soalan tertutup dan 4 soalan terbuka. Responden perlu menjawab semua soalan yang dikemukakan. Proses soal selidik ini dijalankan dengan penerangan ringkas tujuan soal selidik dengan menyatakan bahawa segala maklumat peribadi adalah dirahsiakan.

b. Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik kajian yang akan dijalankan supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai (Merriam, 2001). Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada konsistensi atau kestabilan data yang diperoleh melalui pengumpulan data yang dijalankan (Johnson dan Christensen, 2000; Neuman, 2000). Selain itu, tahap kebolehpercayaan kajian juga bergantung kepada konstruksi dan kandungan item dalam soal selidik tersebut. Manakala, kesahan pula merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam terjemahan dan tindakan yang dilakukan terhadap skor-skor ujian (Johnson dan Christensen, 2000; Neuman, 2000). Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 sampel yang terdiri daripada Sukarelawan JKM.

Analisis Data

Data yang dikumpulkan melalui set soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial, iaitu SPSS versi 18.0. Kaedah ini digunakan kerana mudah dan tepat. Data yang telah dianalisis akan dibentangkan dalam bentuk jadual agar hasil kajian tersebut mudah untuk difahami.

HASIL KAJIAN

Bahagian A : Demografi

Latarbelakang reponden

Bilangan soal selidik yang diedarkan sebanyak 113 dan diterima 83 soal selidik. Responden sukarelawan JKM yang berdaftar di bahagian Kuching terdiri daripada 75 orang (90.4%) perempuan dan 8 orang (9.6%) adalah lelaki. Bilangan responden yang berbangsa Melayu ialah seramai 49 orang atau 59% . Seterusnya bilangan responden yang berbangsa Bidayuh ialah seramai 25 orang sahaja yang bersamaan 30.1%. Bagi bilangan responden yang berbangsa Melanau ialah 5 orang yang bersamaan 6% dan bangsa Cina dan Iban masing-masing seramai 2 orang bersamaan 2.4%. Perkahwinan juga dilihat sebagai bukan faktor penghalang daripada melakukan kerja-kerja sukarelawan kerana kajian

ini juga mendapati seramai 50 orang responden (60.2%) telah berkahwin.

Maklumat asas berkaitan sukarelawan

a. Tempoh berdaftar sebagai sukarelawan JKM

Berdasarkan jadual 3, menunjukkan bilangan responden yang paling tinggi ialah responden yang berdaftar sebagai sukarelawan lebih 2 tahun seramai 52 orang atau bersamaan 62.7%. Responden yang berdaftar kurang 2 tahun iaitu seramai 31 orang atau bersamaan 37.3%. Hasil kajian ini menunjukkan tempoh pendaftaran seseorang sukarelawan JKM tidak mempengaruhi penglibatan mereka dalam kerja komuniti.

Jadual 3 : Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan tempoh berdaftar sebagai sukarelawan JKM

| | Kekerapan | Peratus |
|----------------|------------------|----------------|
| Kurang 2 Tahun | 31 | 37.3 |
| Lebih 2 Tahun | 52 | 62.7 |
| JUMLAH | 83 | 100.0 |

b. Bilangan kursus berkaitan sukarelawan pernah dihadiri

Berdasarkan jadual 4 di bawah menunjukkan seramai 54 responden atau 65.1% telah mengikuti kursus kurang dari 5. Manakala 29 responden bersamaan 34.9% telah mengikuti lebih daripada 5 kursus. Dapatan kajian menunjukkan bilangan kursus yang dihadiri tidak menjejaskan semangat sukarelawan untuk terlibat dalam kerja.

Jadual 4 : Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan bilangan kursus yang dihadiri

| | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------------|----------------|
| Kurang dari 5 | 54 | 65.1 |
| Lebih Dari 5 | 29 | 34.9 |
| JUMLAH | 83 | 100.0 |

c. Bilangan aktiviti kesukarelaan yang pernah dihadiri

Berdasarkan jadual 5, menunjukkan jumlah yang paling tinggi ialah responden yang telah menghadiri kurang dari 10 aktiviti kesukarelaan iaitu seramai 58 responden atau bersamaan dengan 69.9% Manakala responden yang telah menghadiri lebih dari 10 aktiviti kesukarelaan ialah seramai 25 orang iaitu 30.1%. Hasil kajian menunjukkan yang sukarelawan masih terlibat dalam kerja komuniti walaupun dalam bilangan akitviti yang kurang dari 10

Jadual 5 : Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan bilangan aktiviti kesukarelaan yang pernah dihadiri

| | Kekerapan | Peratus |
|----------------|------------------|----------------|
| Kurang Dari 10 | 58 | 69.9 |
| Lebih Dari 10 | 25 | 30.1 |
| Jumlah | 83 | 100.0 |

d. Anugerah sukarelawan yang pernah diterima

Berdasarkan Jadual 6, menunjukkan bilangan responden yang paling tinggi ialah responden yang belum menerima anugerah iaitu seramai 78 orang atau bersamaan dengan 94% Manakala responden yang telah menerima anugerah seramai 5 atau bersamaan 6%. Hasil kajian ini menunjukkan yang penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti bukan mengharapkan ganjaran semata-mata.

Jadual 6 : Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan Anugerah Sukarelawan Yang Pernah Diterima

| | Kekerapan | Peratus |
|---------------|------------------|----------------|
| Ada | 5 | 6.0 |
| Tiada | 78 | 94.0 |
| Jumlah | 83 | 100.0 |

Bahagian B : Pengetahuan Dan Kemahiran Sukarelawan JKM

Bagi Soal Selidik Bahagian B, hasil dapatan yang diperolehi adalah berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran sukarelawan JKM.

Sebanyak 8 soalan bagi bahagian ini. Hasil dapatan mengikut soalan adalah seperti dibawah.

1. Faham definisi Sukarelawan JKM

Hasil kajian mendapati seramai 77 orang responden atau 92.8% sukarelawan faham mengenai definisi sukarelawan JKM. Hanya 6 orang responden atau 7.2% sukarelawan masih tidak faham mengenai sukarelawan JKM. Hasil dapatan ini menunjukkan majoriti sukarelawan JKM telah faham mengenai sukarelawan disebabkan setiap sukarelawan telah didedahkan mengenai sukarelawan semasa menghadiri kursus asas kesukarelawan JKM.

2. Faham peranan dan tanggungjawab sebagai Sukarelawan JKM

Hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden telah memahami peranan dan tanggungjawab sukarelawan JKM. Seramai 78 responden (94%) memahami peranan dan tanggungjawab sebagai sukarelawan JKM. Hanya 5 responden (6%) yang masih tidak memahami peranan dan tanggungjawab Sukarelawan JKM.

3. Mengetahui golongan sasaran JKM

Berdasarkan kajian ini, 75 responden atau 90.4 peratus mengetahui golongan sasaran JKM manakala hanya 8 responden (9.6%) masih tidak mengetahui kumpulan sasaran JKM. Hal ini mungkin disebabkan responden belum pernah menghadiri kursus asas kesukarelawan JKM.

4. Mengetahui perkhidmatan yang disediakan oleh JKM

Dapatan soal selidik mendapati sebanyak 73 atau 88% responden mengetahui perkhidmatan yang disediakan oleh JKM manakala 10 responden atau 12% belum mengetahui perkhidmatan JKM. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden telah memahami perkhidmatan JKM bagi memudahkan mereka melakukan kerja-kerja kesukarelawan. Hasil dapatan ini juga menunjukkan pihak JKM memberi penekanan terhadap aspek pengetahuan terhadap perkhidmatan kepada sukarelawan JKM bagi memudahkan mereka terlibat dalam aktiviti yang diadakan di bawah JKM.

5. Mempunyai kemahiran dalam kerja sukarelawan JKM

Hasil kajian mendapati 78 responden (94%) mempunyai kemahiran dalam kerja sukarelawan JKM manakala hanya 5 responden (6%) masih tidak mempunyai kemahiran dalam kerja-kerja sukarelawan. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden mempunyai kemahiran dalam kerja sukarelawan. Dapatan ini juga menunjukkan sukarelawan JKM telah didedahkan mengenai kemahiran dalam menjalankan kerja-kerja sukarelawan JKM bagi memudahkan mereka terlibat aktif dalam kerja sukarelawan JKM.

6. Pernah mengikuti kursus asas Sukarelawan JKM

Berdasarkan kajian ini juga mendapati seramai 56 responden atau 67.5 peratus telah mengikuti kursus asas sukarelawan JKM manakala 27 responden atau 32.5 peratus masih belum mengikuti kursus asas sukarelawan JKM. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden telah mempunyai pengetahuan asas mengenai sukarelawan JKM. Manakala 27 responden merupakan sukarelawan yang baru berdaftar dan belum berpeluang menghadiri kursus asas. Kajian ini juga mendapati 80.7% sukarelawan menyatakan latihan yang dihadiri membantu dalam tugas sukarelawan JKM. Hanya 16 responden atau 19.3 peratus menyatakan latihan yang di dihadiri tidak banyak membantu dalam kerja-kerja sukarelawan.

Bahagian C : Penglibatan Sukarelawan Dalam Kerja Komuniti

Bagi Soal Selidik Bahagian B, hasil dapatan yang diperolehi adalah berkaitan dengan penglibatan sukarelawan dalam kerja komuniti. Sebanyak 6 soalan bagi bahagian ini. Hasil dapatan mengikut soalan adalah seperti di bawah.

1. Penglibatan dalam kerja Komuniti JKM

Data daripada Jadual 7 di bawah menunjukkan 78 responden atau 94% terlibat dalam kerja komuniti, manakala hanya 5 responden atau 6% yang tidak terlibat dalam kerja komuniti. Ini disebabkan sukarelawan yang terlibat hanya sebagai sukarelawan berdaftar sahaja tetapi tidak terlibat secara aktif di lapangan.

Jadual 7 : Hasil dapatan penglibatan responden dalam kerja komuniti JKM

| Bil. | Perkara | Kekerapan | Peratusan |
|---------------|---------|-----------|------------|
| 1. | Ya | 78 | 94 |
| 2. | Tidak | 5 | 6 |
| Jumlah | | 83 | 100 |

2. Sedia membantu dalam kerja komuniti

Jadual 8 di bawah menunjukkan 81 responden atau 97.6% bersedia dalam menjalankan kerja komuniti semasa diperlukan, manakala hanya 2 responden atau 2.4% sahaja tidak bersedia dalam membantu kerja komuniti semasa diperlukan. Ini menunjukkan sukarelawan JKM memang menunjukkan kesediaan dan komitmen yang tinggi ketika diperlukan dalam sebarang situasi.

Jadual 8 : Hasil dapatan responden bersedia untuk membantu dalam kerja komuniti semasa diperlukan

| Bil. | Perkara | Kekerapan | Peratusan |
|---------------|---------|-----------|------------|
| 1. | Ya | 81 | 97.6 |
| 2. | Tidak | 2 | 2.4 |
| Jumlah | | 83 | 100 |

3. Berpuashati dengan penglibatan sebagai sukarelawan JKM

Hasil kajian juga menunjukkan seramai 76 responden atau 91.6 peratus berpuas hati dengan penglibatan sukarelawan JKM, manakala hanya 7 responden daripada 83 iaitu 8.4% responden sahaja tidak berpuas hati dengan penglibatan sebagai sukarelawan JKM. Faktor-faktor yang mempengaruhi sukarelawan tidak berpuashati dengan penglibatan sebagai sukarelawan adalah tidak aktif dan juga halangan-halangan seperti ada komitmen tugas dan sukar mendapat pelepasan majikan.

4. Pernah mencadangkan kepada rakan-rakan untuk menyertai Sukarelawan JKM

Seramai 66 responden atau 79.6% ada mencadangkan kepada rakan-rakan untuk menyertai sukarelawan JKM, manakala hanya 17 responden atau sebanyak 20.5% yang

tidak mencadangkan rakan-rakan untuk menyertai sukarelawan JKM. Ini menunjukkan sukarelawan yang terlibat masih berminat untuk mencadangkan rakan-rakan lain menyertai sukarelawan JKM.

5. Pemberian insentif menggalakkan untuk terlibat lebih aktif dalam Sukarelawan JKM

Dapatan kajian juga menunjukkan hanya 42 responden atau 50.6 peratus responden yang bersetuju bahawa pemberian insentif menggalakkan sukarelawan terlibat lebih aktif dalam sukarelawan JKM, manakala 41 responden atau 49.4% responden tidak bersetuju bahawa pemberian insentif menggalakkan sukarelawan terlibat aktif dalam sukarelawan JKM. Hasil daripada dapatan ini menunjukkan tidak semua sukarelawan yang terlibat mengharapkan pemberian insentif dalam menjalankan kerja komuniti dan masih berpegang kepada prinsip pekerja sukarelawan.

6. Selesa bekerjasama secara berkumpulan dalam kerja komuniti

Kajian juga menunjukkan 80 responden atau 96.4 peratus responden memilih selesa bekerjasama secara berkumpulan dalam kerja komuniti, manakala hanya 3 responden daripada 83 responden atau 3.6 peratus responden memilih tidak selesa bekerjasama secara berkumpulan. Dapatan ini menunjukkan sukarelawan lebih selesa bekerjasama dalam bilangan yang ramai daripada bilangan yang sedikit dalam menjalankan kerja komuniti.

Bahagian D: Isu dan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan

Sebanyak 10 soalan telah dijawab oleh 83 orang responden. Di bahagian ini, soalan-soalan yang disediakan berkaitan dengan isu dan cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan sepanjang melaksanakan kerja-kerja kesukarelaan.

1. Kekangan Masa

Seramai 69 responden atau 83.1% bersetuju bahawa masa merupakan isu yang menyebabkan kerja sukarelawan sukar untuk dilakukan. Manakala selebihnya menganggap masa bukan masalah untuk mereka melibatkan diri dengan kerja-

kerja sukarelawan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden sukar untuk menguruskan masa mereka untuk melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarelawan.

2. Kurang kemahiran

Kajian juga mendapati 49 orang ataupun 59.0% tidak bersetuju bahawa kurang kemahiran merupakan faktor kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dilakukan. Manakala 34 responden ataupun 41.0% pula bersetuju kemahiran sangat diperlukan dalam melakukan kerja-kerja sukarelawan. Berdasarkan kepada dapatan ini menunjukkan bahawa faktor kemahiran bukan merupakan isu untuk kerja-kerja sukarelawan dapat dijalankan. Malahan mereka beranggapan bahawa semua orang boleh melakukan kerja-kerja sukarelawan tanpa memerlukan kemahiran terlebih dahulu.

3. Keyakinan diri

Melalui kajian selidik di bawah, didapati seramai 57 orang ataupun 68.7% tidak mengangggap kurang keyakinan diri sebagai masalah untuk terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan. Manakala 26 orang ataupun 31.3% berpandangan kurang keyakinan diri merupakan isu mengapa kerja-kerja sukarelawan sukar untuk dilakukan.

4. Jarak Tempat

Seramai 42 orang ataupun 50.6% tidak bersetuju jarak tempat menyebabkan kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dijalankan. Manakala 41 orang ataupun 49.4% bersetuju jarak memainkan peranan penting kerja-kerja sukarelawan dapat dijalankan.

5. Komitmen Keluarga

Seramai 49 responden ataupun 59.0% tidak bersetuju komitmen keluarga menyebabkan kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dijalankan. Manakala 34 responden ataupun 41% pula bersetuju bahawa komitmen keluarga menyebabkan kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dilakukan. Majoriti responden memilih tidak kepada komitmen keluarga, maka ini menunjukkan bahawa komitmen keluarga bukan faktor kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dijalankan.

6. Masalah Kewangan

Jadual 9 di bawah menunjukkan bahawa 51 orang ataupun 59.0% responden berpandangan masalah kewangan bukan punca kepada masalah kerja sukarelawan. Manakala 32 responden ataupun 38.6% responden mengatakan bahawa masalah kewangan punca kerja-kerja sukarelawan sukar untuk dilakukan. Berdasarkan dapatan ini menunjukkan bahawa sukarelawan berpandangan masalah kewangan bukanlah masalah kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dijalankan.

Jadual 9 : Masalah Kewangan

| Bil. | Perkara | Kekerapan | Peratusan |
|---------------|---------|-----------|--------------|
| 1. | Ya | 32 | 38.6 |
| 2. | Tidak | 51 | 59.0 |
| Jumlah | | 83 | 100.0 |

7. Masalah Pengangkutan

Hasil kajian mendapati seramai 55 orang ataupun 61.4% responden memberi maklum balas bahawa pengangkutan bukan punca masalah kerja-kerja sukarelawan tidak dapat dilakukan. 28 orang ataupun 33.7% bersetuju masalah pengangkutan adalah isu kepada kerja-kerja sukarelawan.

8. Kurang Kerjasama Antara Sukarelawan

Seramai 69 orang ataupun 83.1% tidak bersetuju kurang kerjasama antara sukarelawan adalah faktor kepada kegagalan kerja-kerja sukarelawan. Manakala 14 responden ataupun 16.9% bersetuju bahawa kurang kerjasama antara sukarelawan punca kepada kegagalan kerja-kerja sukarelawan.

9. Kurang Sokongan Daripada Ketua Jabatan Untuk Pelepasan Kerja Sukarelawan

Seramai 68 responden ataupun 81.9% menyatakan bahawa tidak kepada kurang sokongan daripada Ketua Jabatan untuk pelepasan kerja sukarelawan. Manakala 15 responden ataupun 18.1% pula menyatakan Ya kepada kurang sokongan daripada Ketua Jabatan untuk pelepasan kerja sukarelawan. Ini membuktikan bahawa faktor Ketua Jabatan

bukan penghalang untuk mereka melakukan kerja-kerja sukarelawan.

10. JKM kurang memahami kehendak sukarelawan

Berdasarkan kajian ini seramai 63 responden (75.9%) menyatakan bahawa JKM memahami kehendak sukarelawan yang berdaftar dan hanya 20 responden (24.1%) menyatakan JKM kurang memahami kehendak sukarelawan dalam pelaksanaan kerja sukarelawan. Dapatan ini menunjukkan bahawa JKM sebenarnya banyak membantu sukarelawan dan mendedahkan mereka kepada kerja-kerja sosial dan kebajikan.

Bahagian E: Cadangan Penambahbaikan

Terdapat empat soalan yang diajukan dalam persampelan ini. Responden tidak diberi sebarang jawapan pilihan, mereka bebas untuk menyatakan sebarang cadangan. Soalannya apakah cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan dan pemerkasaan kerja komuniti dalam membantu meningkatkan kefungisian sosial klien JKM.

1. Latihan Yang Bersesuaian Untuk Menambah Pengetahuan Dan Kemahiran Sukarelawan

Hasil kajian menunjukkan dapatan 32 responden atau 38.55% mencadangkan agar kursus asas berkaitan dengan kesukarelaan diadakan bagi mendedahkan responden mengenai kemahiran-kemahiran dalam kerja kesukarelaan. Sebanyak 22 reponden atau 26.51% mencadangkan agar kursus asas dan pemantapan diadakan untuk meningkatkan lagi kemahiran dalam kerja komuniti. Selain itu, sebanyak 15 responden atau 18.07% mencadangkan latihan amali perlu diadakan untuk memberi kemahiran sebenar dalam tugas-tugas sukarelawan. Manakala 6 responden atau 7.23% mencadangkan agar program khidmat bantu di rumah diadakan bagi mendedahkan sukarelawan kepada keadaan sebenar tugas-tugas seorang sukarelawan. Hanya 2 responden mencadangkan *team building* perlu diadakan bagi memperkasakan sukarelawan.

2. Cadangan Bagi Memperkasakan Penglibatan Sukarelawan JKM Dalam Kerja Komuniti

Bagi memperkasakan semangat kesukarelawan, sebanyak 21 responden atau 25.30% menyatakan mengadakan aktiviti komuniti bagi menggalakkan semangat kesukarelaan dalam komuniti. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 18 responden atau 21.69% berpendapat bahawa promosi perlu diadakan bagi menggalakkan penglibatan sukarelawan. Sebanyak 16 responden atau 19.28% mencadangkan pemberian insentif dan kursus serta latihan perlu disediakan bagi menggalakkan semangat kesukarelaan. Manakala sebanyak 12 responden iaitu 14.46% mencadangkan agar setiap aktiviti sukarelawan perlu melaksanakan kajian dan maklumbalas berkaitan sukarelawan untuk menggalakkan penglibatan sukarelawan.

3. Cadangan Aktiviti Atau Program Baru Untuk Memantapkan Sukarelawan JKM

Beberapa cadangan aktiviti dan program baru telah dikemukakan oleh 83 orang responden bertujuan untuk memantapkan lagi sukarelawan JKM.

a. Program Berimpak

Hasil kajian mendapati 35 responden atau 42.17% mencadangkan lebih banyak lagi program berimpak bersama komuniti diadakan. Di dalam sesebuah komuniti, sukarelawan bertindak agen JKM dalam mengenalpasti kes-kes yang memerlukan perkhidmatan dan bantuan, di samping menjadi sukarelawan yang peka dan komited dengan kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan. Penglibatan aktif sukarelawan dalam sesuatu program dapat membantu kerajaan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang prihatin dan penyayang. Dengan adanya kolaborasi dalam menganjurkan aktiviti dan program berimpak, sukarelawan bersama komuniti turun padang membantu masyarakat yang bermasalah dan berkeperluan.

b. Pasukan Sukarelawan Mantap

Bagi membentuk pasukan sukarelawan yang mantap dan mempunyai komitmen yang tinggi 19.28% responden

juga mencadangkan supaya diadakan Program Pengukuhan Pasukan (*Team Building*) dari semasa ke semasa. Gabungan sukarelawan yang baru dan lama serta daripada latar belakang yang berbeza perlu diberi peluang untuk berkongsi ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman masing-masing khususnya dalam bidang kesukarelaan. Kumpulan sukarelawan yang bersatu, kuat dari segi mental dan fizikal akan lebih komited, bertanggungjawab dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran apabila diperlukan, contohnya ketika bertugas semasa berlaku bencana. Program Pengukuhan Kumpulan juga dijangka melahirkan sukarelawan yang berwibawa, berjiwa kental dan berkeyakinan tinggi.

c. Pelbagai Kursus dan Latihan

Pelbagai kursus dan latihan perlu sentiasa disertai oleh sukarelawan dalam usaha menambah pengetahuan di samping menyampaikan informasi terkini kepada sukarelawan. Dapatan kajian menunjukkan 16.87% responden bersetuju kursus dan latihan yang bersesuaian perlu diadakan secara kerap dan berkala. Pengisian yang menarik sesuai dengan objektif kursus perlu disesuaikan dengan kehendak masa kini para sukarelawan. Selain Kursus Asas Sukarelawan dan Program Pemantapan Sukarelawan, kursus-kursus berbentuk kemahiran juga harus dipergiatkan. Contohnya, Latihan Menyelamat Mangsa Bencana, Kursus Pengurusan Pangkalan Hadapan, Kursus Khidmat Bantu Di Rumah, Latihan Amali Pengendalian Warga Emas dan lain-lain lagi.

d. Promosi

Promosi terhadap aktiviti-aktiviti sukarelawan serta perkhidmatan yang disediakan oleh JKM amat penting untuk diwar-warakan dan menarik minat orang awam untuk menyertai pasukan sukarelawan JKM. Seramai 9 orang atau 10.84% responden bersetuju promosi merupakan salah satu elemen penting dalam membantu memantapkan organisasi Sukarelawan JKM. Dewasa ini pelbagai pasukan sukarelawan dibentuk oleh pelbagai agensi dengan objektif dan kesesuaian peranan masing-masing. Setakat Jun 2019 terdapat hanya seramai 531

menyertai Sukarelawan JKM. Angka ini sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah populasi penduduk Sarawak. Sekiranya promosi dapat dipergiatkan, lebih ramai akan menyertai Sukarelawan JKM. Menyedari hakikat pentingnya penyertaan sukarela dalam membantu Kerajaan menangani gejala sosial, promosi bagi menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam bidang ini amat perlu dipertingkatkan. Terdapat juga individu, kumpulan serta pihak swasta yang berminat membantu ahli dalam komuniti tapi kurang memahami proses dan prosedurnya. Oleh yang demikian, dengan adanya promosi yang dibuat akan dapat menarik minat dan penyertaan dari pelbagai pihak.

e. Pemberian Insentif

Pemberian insentif dijangka boleh membantu memberi motivasi kepada sukarelawan untuk menggalakkan penglibatan lebih aktif mereka membantu masyarakat berkeperluan. Sebanyak 10.84% responden bersetuju dengan pemberian insentif sebagai menghargai usaha sukarelawan membantu klien tanpa mengira masa dan keadaan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden masih bergiat aktif dalam membantu klien dan membuat kerja-kerja sukarela meskipun tiada insentif disediakan.

4. Cadangan Penambahbaikan Dalam Pengurusan Sukarelawan JKM

Terdapat 6 cadangan telah dikemukakan oleh 83 responden bagi tujuan penambahbaikan dalam pengurusan sukarelawan JKM yang lebih sistematik dan efisien. Di antaranya ialah seperti berikut:

a. Peningkatan kerjasama strategik dengan agensi-agensi

Peningkatan bilangan kerjasama strategik dengan agensi-agensi lain merupakan antara cadangan yang dikemukakan oleh 31.33% responden. Para sukarelawan bersetuju bahawa kerjasama baik dengan pihak lain boleh membantu dalam kos pengoperasian badan sukarela dan memudahkan mereka untuk menjalankan lebih banyak

aktiviti untuk kumpulan sasar. Penganjuran aktiviti yang dibantu dari segi kewangan oleh pihak yang turut berkolaborasi akan dapat membantu mengurangkan kos tinggi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Selain daripada itu juga, perkongsian idea dan pengalaman di antara sukarelawan JKM dengan sukarelawan dari agensi-agensi lain dapat memberi pengetahuan baru dan sekaligus meningkatkan keyakinan mereka dalam menjalankan kerja-kerja kesukarelaan.

b. Pemberian insentif

Pemberian insentif pada kadar yang berpatutan mampu menarik minat lebih ramai sukarelawan untuk berkecimpung dalam kerja-kerja kesukarelaan. Seramai 14.46% bersetuju pemberian insentif dapat memberi motivasi kepada sukarelawan untuk bergerak lebih aktif dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasar Jabatan. Di samping itu, responden juga mencadangkan penglibatan dan sumbangan pihak korporat bagi menampung kos pemberian insentif tersebut.

c. Pertambahan bilangan kursus

Pertambahan bilangan kursus atau penganjuran kursus-kursus baru turut merupakan cadangan yang dikemukakan oleh 14.46% responden. Ramai sukarelawan berminat untuk menghadiri kursus-kursus berkaitan sukarelawan berbentuk 'hands-on' bagi menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran di samping meningkatkan motivasi, secara individu atau berkumpulan. Latihan yang berstruktur dan berkala perlu dirancang agar mempunyai pengisian yang boleh memberi impak kepada bidang kesukarelaan.

d. Kemudahan Pengangkutan

Kurangnya kemudahan khususnya kenderaan amat menyukarkan sukarelawan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada klien Jabatan seperti membawa klien ke klinik, berurusan di bank tentang bantuan kewangan atau ke tempat-tempat lain atas urusan klien. Keadaan geografi negeri Sarawak yang luas tetapi berbukit-bukau adalah sesuatu yang mencabar, tambahan pula sistem pengangkutan awam amat tidak efisien. Jarak

antara sukarelawan dan capaian perkhidmatan yang terhad menyukarkan mereka memberi perkhidmatan terbaik kepada semua orang. Responden sebanyak 14.46% bersetuju bahawa pengangkutan merupakan masalah yang dihadapi oleh kebanyakan responden yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Responden yang kebanyakannya bekerja sendiri berasa kurang kemudahan seperti kenderaan sedikit sebanyak menghalang mereka daripada memberi perkhidmatan kepada semua ahli dalam masyarakat.

e. Penambahbaikan pengurusan sukarelawan

Sebanyak 13.25% responden bersetuju untuk penambahbaikan dalam pengurusan sukarelawan JKM perlu dibuat pembahagian mengikut kawasan tempat tinggal sukarelawan masing-masing. Ini akan memudahkan sukarelawan memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasaran dengan lebih cepat, mudah dan bertambah dari segi kekerapan. Cadangan ini sesuai sekiranya terdapat ramai sukarelawan dari kawasan yang sama. Capaian perkhidmatan juga dapat diperluaskan sekiranya kelompok sukarelawan mempunyai jaringan kerjasama yang baik di antara satu sama lain. Selain itu, responden juga mencadangkan supaya dibuat pengkhususan dalam kalangan sukarelawan. Pengkhususan ini boleh menfokuskan kepada perkhidmatan kepada kumpulan sasaran Jabatan seperti warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya, keluarga, mangsa bencana, gelandangan, komuniti rentan dan lain-lain lagi. Contohnya; sukarelawan yang terlibat boleh menghadiri Kursus Lay Kaunselor bagi membantu Pegawai Psikologi menangani kes-kes ringan sementara mangsa mendapatkan bantuan kaunselor bertauliah.

f. Informasi terkini

Perubahan dalam era digital kini menuntut supaya sukarelawan dibekalkan dengan informasi terkini mengenai keadaan semasa. Sukarelawan JKM mesti dibekalkan dengan maklumat tentang sebarang perubahan dalam perkhidmatan JKM contohnya; perubahan syarat dan kelayakan serta kadar bantuan bulanan. Seramai 12.05%

bersetuju agar sukarelawan peka dengan sebarang perubahan agar dapat menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan dan pemerksaan kerja komuniti dapat meningkatkan kefungsiian sosial klien JKM. Kerja kesukarelaan dalam kalangan komuniti secara keseluruhan masih di tahap yang rendah disebabkan kebergantungan sukarelawan terhadap JKM dari aspek kewangan, logistik, pengisian program dan inisiatif untuk menghasilkan program-program berimpak tinggi. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha perlu dipertingkatkan untuk menarik minat komuniti menyertai sukarelawan JKM. Di samping itu, latihan-latihan bersesuaian perlu untuk memantapkan jati diri sukarelawan JKM supaya mereka lebih proaktif dalam menganjurkan program-program komuniti selain sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal untuk digerakkan pada bila-bila masa. Program-program baru dan berimpak tinggi perlu diperkenalkan dalam usaha menggalakkan penglibatan dan penyertaan aktif komuniti dalam kerja-kerja kesukarelaan.

Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti sukarelawan yang aktif adalah mereka yang berumur di antara 31-50 tahun. Pada peringkat usia ini secara umumnya, manusia normal mencapai tahap kematangan dan mempunyai halatuju hidup yang jelas. Di samping itu, pada usia ini kehidupan mereka lebih stabil dan mempunyai perasaan empati yang tinggi dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Hasil kajian menunjukkan kaum wanita lebih ramai terlibat dalam kerja-kerja kesukarelaan mungkin disebabkan minat dan kesedaran dalam membantu masyarakat yang berkeperluan. Golongan wanita juga mampu menguruskan masa dengan lebih baik di antara kehidupan berkeluarga dan aktiviti-aktiviti sukarela. Di antara faktor-faktor yang menarik minat wanita untuk bergiat aktif dalam kerja-kerja sukarela adalah pengaruh rakan-rakan yang mempunyai minat yang sama di samping menjadi medium interaksi sosial sesama mereka kerana kecenderungan terlibat dalam aktiviti sukarela secara berkumpulan.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden yang tidak bekerja dalam sektor awam lebih banyak terlibat dalam aktiviti kesukarelaan disebabkan mereka tidak terikat dengan komitmen tugas-tugas hakiki. Komitmen majikan dalam memberi perlepasan. Secara umumnya, faktor-faktor seperti kurang kemahiran, kurang keyakinan, jarak, masalah pengangkutan, komitmen keluarga, kewangan, sokongan ketua jabatan, kurang kerjasama antara sukarelawan dan JKM tidak memahami kehendak sukarelawan bukan menjadi penghalang bagi sukarelawan untuk terlibat aktif dalam kerja komuniti. Hasil kajian mendapati bahawa kekangan masa merupakan faktor utama yang menjadi penghalang untuk sukarelawan memberi komitmen tinggi terhadap kerja sukarelawan.

PENUTUP

Dalam usaha untuk menarik minat komuniti untuk terlibat secara aktif dalam kerja kesukarelaan, JKM perlu mengadakan promosi yang berterusan secara besar-besaran melalui media massa. Melalui usaha ini diharap kesedaran komuniti meningkat selaras dengan motto JKM iaitu 'Berkat Berjasa' agar kebergantungan golongan sasar dapat dibela. Selain itu, promosi ini juga harus diadakan di pelbagai peringkat seperti sekolah, kolej, Pusat Pengajian Tinggi serta komuniti agar kesedaran dipupuk di semua peringkat. Bak kata pepatah 'melentur buluh biar dari rebungunya'.

Di samping itu, pengisian aktiviti dalam promosi perlu dipelbagaikan sesuai dengan peringkat umur dan kumpulan sasar agar objektif dapat dicapai. Usaha promosi ini juga perlu melibatkan agensi-agensi lain bagi membantu mempromosi dan menyebarkan maklumat. Pihak kerajaan menerusi JKM perlu mengistiharkan Hari Sukarelawan Kebangsaan sebagai komitmen yang serius dalam usaha menggalakkan penyertaan yang aktif dalam kerja sukarelaan.

JKM perlu menyediakan pelbagai insentif untuk meningkatkan semangat sukarelawan dalam melibatkan diri dalam kerja komuniti. Di antara insentif yang dicadangkan ialah:

- a. anugerah kepada individu, korporat dan pertubuhan;

- b. menyediakan satu platform untuk golongan muda untuk menceburi bidang kesukarelaan;
- c. menggalakan kerjasama strategik dengan korporat, badan berkanun dan IPT; dan
- d. memperkenalkan dalam sukatan pelajaran dan ko kurikulum berkaitan dengan kesukarelaan di peringkat sekolah.

Bagi memantapkan lagi sukarelawan, modul latihan perlu diwujudkan agar latihan dijalankan lebih berstruktur dan sistematik. Kewujudan modul ini akan memberi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti supaya sukarelawan lebih memahami objektif sukarelawan. Di samping itu, perancangan latihan juga perlu mengambil kira input dari pelbagai pihak agar lebih komprehensif. Setiap latihan yang diadakan perlu dibuat penilaian bagi mendapat input untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Dalam merangka aktiviti, pengisiannya perlu dipelbagaikan dan mengikut keperluan kumpulan sasaran agar matlamat tercapai. Aktiviti yang dilaksanakan perlu melibatkan pandangan dan pendapat daripada sukarelawan dan komuniti. Melalui pendekatan ini program yang diadakan akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

RUJUKAN

- Abd Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin (2002). *Kerja Sosial: Artikel-artikel pilihan*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 2002.
- Azizan Bahari. (2003). *Menghayati kerja sukarela*. Petaling jaya, Selangor: Qarya Sdn Bhd.
- Batson, C. D., Ahmad, N. & Tsang , T. (2002). *Four Motives For Community Involvement*. Journal of Social Issues, 58(3), 429-445.
- Clary, E.G., Snyder, M., Ridge, R.D., Copeland, J., Stukas, A.A., Haugen, J., et al. (1998)
- Norehan Binti Abdul Rahman, (2018). *Tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dan kesannya terhadap kesejahteraan diri golongan awal dewasa di kedah*.
- Law, B.M.F., & Shek, D.T.L. (2009). *Family influence on volunteering intention and behavior among Chinese adolescents in Hong Kong*. Adolescence, 44 (175), 666 –683.
- Malhotra, A., Schuler, S.R and Boeder, C. 2002. *Measuring Women,s Empowerment as Variable in International Development*, Washington, DC: The Worl Bank.
- Mowem, J. C., & Sujan, H. (2005). *Volunteer behavior: A hierarchical model approach for investigating its trait and functional motive antecedents*. Journal of Consumer Psychology, 15(2), 170-182.
- Noor Carmelita Binti Mohamed Noor, (2015). *Wanita Dan Pemerkasaan: Satu Kajian Kes Pengelibatan Isteri Nelayan Dalam Persatuan Kunita Sinar Mutiara Di Pulau Pinang*.

Olson, J.M. and Zanna, M.P. (1993) *Attitudes and attitude change*. *Annu. Rev. Psychol.* 44, 117–154. Penner, L. A. (2004). Volunteerism and social problems: Making things better or worse? *Journal of Social Issues*, 60, 645–666. doi:10.1111/j.0022-4537.2004.00377.x

Rokach, A., & Wanklyn, S. (2009). *Motivation to volunteer: Helping empower sick children*. *Psychology and Education: An Interdisciplinary Journal*, 46(1), 7-25

Saifuddin Abdullah, (2001). *Gerakan Kesukarelaan Menjana Perubahan Bermakna*.

Samir Muhazzab Amin & Windy Abdul, 2009. *Pengantar Kerja Sosial: Kefungsian Sosial Dalam Sistem Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Tunku Izham, T.J & Abdul Aziz, P. (2004). *Khidmat Negara Satu Kenangan Abadi*.

Kuala Lumpur: Absolute Press Malaysia Sdn Bhd.



**PERANAN AGENSI KERAJAAN
DALAM MENINGKATKAN TAHAP
PERKEMBANGAN DAN PEMBANGUNAN
POTENSI KANAK-KANAK MELALUI
PENGLIBATAN KOMUNITI**



Evelyn Cliff Emang
Haslinda Supu
Pengiran Mohamad Najib Pengiran Mohamad
Taddy anak Ajin
Aziah Saruji
Emilda Piar anak Kunchui Uli
Tang Kee Lee
Nyambar anak Ginda
Uwieng anak Gimos
Evelyne anak Buda

*STB (P) Miri, PKMB Limbang, PKMB Miri, PKMB Bintulu, PKMB Mukah,
PKMB Sibuluan, PKMB Sarikei, PKMB Sarikei, PKMB Betong, PKMB Serian*

ABSTRAK

Agensi kerajaan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan tahap perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak. Tidak dinafikan bahawa setiap inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak harus mendapat sokongan padu daripada komuniti bagi memastikan kejayaan sesuatu inisiatif yang diambil. Proses perkembangan kanak-kanak perlu dikaji dari segi biologi, kognitif, emosi dan sosial untuk mengetahui tahap perkembangan mereka, seterusnya mencari cara yang sesuai untuk meningkatkan tahap perkembangan tersebut. Tahap perkembangan kanak-kanak juga perlu dikaitkan dengan teori daripada ahli-ahli psikologi untuk memahami proses perkembangan mereka.

Teori Jean Piaget mencadangkan pembangunan seseorang individu adalah secara berperingkat mengikut kemampuan kognitif. Sigmund Freud pula mengemukakan bahawa kanak-kanak perlu mencapai kepuasan dan mendapat keperluan yang mencukupi di setiap peringkat usia untuk mengelak rasa ketidakpuashati di masa hadapan mereka. Erik Erickson pula menegaskan bahawa perkembangan kanak-kanak adalah berdasarkan psikososial iaitu penyelesaian masalah berdasarkan krisis yang dihadapi. Selain itu, teori Sistem Ekologi juga menerangkan perkembangan seseorang yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran.

Di dalam kajian ini, persekitaran diberi penekanan dan dijadikan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Persekitaran negatif menyebabkan kanak-kanak berkembang menjadi pelajar bermasalah dan mereka mudah terjerumus dalam masalah sosial. Masalah sosial yang dibincangkan adalah seperti hamil di bawah umur, pengabaian, penderaan, penyalahgunaan dadah, pendidikan dan lain-lain. Agensi kerajaan dengan kerjasama komuniti bertindak sebagai persekitaran yang positif bagi membantu mencegah masalah sosial dan berusaha mengembangkan potensi kanak-kanak.

Kajian ini hanya memfokus kepada peranan/inisiatif yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui inisiatif pewujudan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang diwujudkan di sesuatu tempat

berisiko tinggi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti bersesuaian bagi kanak-kanak setempat serta Pusat Pemulihan Dalam Komuniti yang ditubuhkan untuk membantu dalam perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak OKU. Selain itu, kajian ini juga turut menyenaraikan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Majlis Pembangunan Sosial dengan penganjuran KAPS dan Randau Pembangunan Sosial. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disenaraikan, dapat dilihat dengan jelas peranan agensi kerajaan dan penglibatan komuniti dalam berganding bahu dengan kerajaan bagi meningkatkan tahap perkembangan dan potensi kanak-kanak.

Kata Kunci: *perkembangan, potensi, kanak-kanak, kerajaan, sosial*

PENGENALAN

Perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak harus dititikberatkan oleh agensi kerajaan dan juga komuniti setempat. Masalah sosial yang timbul dalam kalangan kanak-kanak merupakan salah satu faktor perkembangan dan pembangunan potensi mereka yang kurang memberangsangkan. Oleh itu, agensi kerajaan harus melihat permasalahan yang timbul tersebut dari titik awal perkembangan kanak-kanak dan bagaimana mereka bersosialisasi sehingga mampu mempengaruhi pembangunan potensi mereka dengan kerjasama komuniti.

Setiap negara pasti mempunyai harapan yang tinggi terhadap perkembangan kanak-kanak kerana mereka adalah aset yang sangat bernilai dalam merealisasikan impian negara untuk menjadi sebuah negara yang maju. Istilah perkembangan itu sendiri memberi gambaran yang jelas bahawa satu proses yang berterusan dan dalam proses tersebut sudah pasti dipengaruhi beberapa aspek kemudiannya membawa perubahan yang signifikan terhadap perkembangan individu. Terdapat banyak tafsiran dan pandangan yang dikemukakan mengenai konsep perkembangan kanak-kanak tetapi tetap memberi satu kefahaman yang sama iaitu merupakan satu proses berterusan sepanjang masa (Crain, 2010; Crow & Von Bauer Crow, 1962; Santrock, 2001).

Konsep perkembangan menurut Crain (2010) dilihat sebagai cara individu berkembang dan berubah sepanjang hayat mereka dan ini boleh berlaku dalam domain yang berlainan seperti (1) biologi, yang merangkumi ciri-ciri seperti pertumbuhan fizikal dan kemajuan dalam kemahiran motor; (2) kognitif, yang merujuk kepada perubahan dalam proses pemikiran seperti ingatan, pemikiran dan menyelesaikan masalah, imaginasi, dan kreativiti dan bahasa; (3) emosi, di mana tumpuannya adalah pada perubahan pengalaman dan pemahaman emosi; dan (4) sosial, yang merujuk kepada perubahan dalam pemahaman kita tentang diri kita dan orang lain dan bagaimana kita mempunyai perkaitan dengan orang lain.

Crow dan Von Bauer Crow (1962) mentafsirkan perkembangan sebagai perubahan secara 'kualitatif' yang dilihat dari segi

pemikiran, rohani moral dan sosial. Menurut Santrock (2010) pula, perkembangan kanak-kanak dilihat sebagai perubahan dalam corak biologi, kognitif dan sosioemosi mereka yang bermula daripada peringkat percambahan sehingga akhir hayat.

Tahap perkembangan kanak-kanak dapat dilihat sebagai perkembangan yang berlaku dalam diri individu secara fizikal mahupun mental yang dipengaruhi faktor baka dan persekitaran. Faktor baka merupakan had perkembangan yang dimiliki oleh individu dan faktor persekitaran itu pula yang akan menolong perkembangan tersebut dari tahap minimum ke satu tahap maksimum yang mampu dicapai. Sehubungan dengan itu, faktor persekitaran menyumbang pengaruh yang besar dalam menentukan tahap perkembangan kanak-kanak pada tahap yang mempunyai kualiti. Perkembangan kanak-kanak yang baik sudah tentu mampu melahirkan potensi yang berkualiti dalam diri mereka.

Faktor persekitaran seperti penglibatan agensi kerajaan dalam mendukung tahap perkembangan kanak-kanak dianggap salah satu faktor yang memberi pengaruh yang signifikan kerana agensi kerajaan berperanan dalam menangani isu kanak-kanak yang timbul pada masa kini dan dengan kerjasama komuniti setempat. Pelbagai isu yang timbul dalam kalangan kanak-kanak merupakan permasalahan yang amat penting diambil berat kerana ianya mampu memberi impak yang negatif terhadap tahap pertumbuhan dan perkembangan potensi mereka. Mengenalpasti tahap perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak daripada permasalahan atau isu yang timbul mampu memberi penjelasan dari akar umbi dan menyeluruh dari pelbagai sudut dan aspek agar tiada sebarang maklumat yang tertinggal dalam usaha kerajaan meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan potensi mereka.

Kajian ini akan mengenalpasti peranan agensi kerajaan terutama bagi agensi kerajaan dalam meningkatkan tahap perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak melalui penglibatan komuniti, beberapa isu dalam perkembangan dan potensi kanak-kanak, dan cadangan bagi meningkatkan perkembangan dan potensi kanak-kanak juga dikemukakan agar kualiti kanak-kanak di Malaysia semakin meningkat dan seterusnya mampu

membawa perubahan kepada pembangunan negara. Data yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada pelbagai sumber jabatan yang berkaitan bagi menyokong isu-isu yang dibincangkan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tahap Perkembangan Kanak-kanak di Malaysia

Peringkat umur bagi golongan kanak-kanak yang ditekankan dalam kajian ini adalah dalam lingkungan 0 sehingga 18 tahun di mana terdapat tiga peringkat utama dalam lingkungan tersebut iaitu bayi, zaman awal kanak-kanak dan remaja. Kanak-kanak di Malaysia sentiasa mendapat perhatian dan perlindungan kerana mereka merupakan sebahagian masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara. Justeru, kerajaan melaksanakan dasar berkaitan perlindungan kanak-kanak bagi memantapkan tahap perkembangan mereka.

Dasar Kanak-kanak Negara merupakan satu dasar yang dikhususkan untuk menjaga kebajikan, kelangsungan hidup, memberi perlindungan, meningkatkan perkembangan dan penyertaan aktif kanak-kanak agar mereka dapat menikmati peluang untuk berkembang menjadi individu yang holistik dalam persekitaran yang kondusif. Dasar ini menggariskan matlamat utama iaitu melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai murni. Sehubungan dengan itu, terdapat 6 objektif yang diterangkan dalam dasar ini. Objektif utama Dasar Kanak-kanak Negara ialah untuk memastikan:

1. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial;
2. setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat;

3. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian;
4. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka;
5. kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan; dan
6. penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2008 pula merupakan asas penting yang menjadi landasan jangka panjang dalam pembangunan modal insan sejak dari kecil lagi. Selain pentingnya mengetahui hak kanak-kanak melalui Dasar Kanak-kanak Negara, mereka juga perlu dididik bagi memastikan mereka dapat berkembang dengan baik. Penumpuan kepada peringkat umur seawal 4 tahun dan ke bawah dianggap strategi yang jitu dalam melahirkan insan berjiwa murni, berakhlak mulia, berdisiplin serta mempunyai kemahiran dalam menghadapi serta menangani perubahan teknologi dan sosio-ekonomi global. Menurut pakar psikologi, Arnold Gesell, lingkungan umur tersebut adalah peringkat dimana kanak-kanak mula bersosialisasi, berupaya mengemukakan soalan secara berperingkat-peringkat dan mampu menerima arahan mudah daripada ibu bapa (Thelen & Adolph, 1992). Oleh itu, adalah lebih baik mereka diberi pendedahan awal dalam melahirkan individu berpotensi sebelum mereka berada pada peringkat dewasa.

“Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga 4 tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini adalah pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada”.

Dasar ini dilaksanakan agar pihak seperti ibu bapa, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan terutamanya agensi kerajaan dapat memberikan perhatian terhadap kumpulan masyarakat ini (kanak-kanak). Dengan adanya dasar ini, semua pihak diharapkan dapat menggembelng tenaga dan kepakaran dalam menyediakan program, perkhidmatan, pendidikan dan latihan, perlindungan seta kemudahan sewajarnya yang dapat merangsang perkembangan positif kanak-kanak.

Ciri-ciri Perkembangan Kanak-Kanak

Perkembangan membawa kepada sesuatu organisma ke peringkat matang dan berlaku secara berterusan walaupun peringkat kematangan telah dilampaui (Yahaya & Abu Bakar, 2010). Ciri-ciri perkembangan dalam konteks ini ialah:

- a. Secara umumnya perkembangan berlaku secara berperingkat-peringkat iaitu bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua.
- b. Semua kanak-kanak mengikut perkembangan yang sama tetapi dalam kadar yang berlainan.
- c. Proses perkembangan bersifat berterusan iaitu sepanjang hayat seseorang individu itu.
- d. Perkembangan merupakan satu proses perubahan yang berlaku akibat tindakan yang saling berkait di antara perkembangan jasmani dan pembelajaran.
- e. Perkembangan dipengaruhi faktor baka dan persekitaran. Baka menentukan had perkembangan manakala persekitaran akan menolong perkembangan ke satu tahap maksimum.
- f. Perkembangan berlaku melalui perubahan dari segi bahasa, suara, tingkah laku, cara berfikir, komunikasi dan sebagainya.

Teori Perkembangan

Secara fitrahnya, setiap kanak-kanak mempunyai potensi dan kecerdasan yang berbeza. Namun, potensi dan kecerdasan tersebut boleh dikembangkan dan dipertingkatkan jika menggunakan strategi yang betul dan sesuai dengan tingkat perkembangan mereka. Oleh itu, pengetahuan mengenai tahap

perkembangan kanak-kanak adalah penting berdasarkan beberapa teori yang berkaitan agar strategi tersebut berkesan. Pengetahuan mengenai teori pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak memberi banyak faedah kepada guru, ibu bapa dan golongan profesional seperti agensi kerajaan untuk membuat keputusan mengenai pendedahan, pembelajaran dan persepsi yang perlu ditegaskan untuk memberikan pertumbuhan yang baik kepada kanak-kanak. Setiap teori mempunyai penegasan yang tersendiri terhadap sesuatu konsep dan masing-masing teori boleh dijadikan satu fahaman yang saling berhubungkait untuk menjelaskan pertumbuhan kanak-kanak secara menyeluruh. Terdapat beberapa teori utama yang telah dikemukakan oleh para ahli psikologi mengenai peringkat perkembangan individu seperti Jean Piaget, Sigmund Freud dan Erik Erickson yang menegaskan pertumbuhan kanak-kanak dan cara pemikiran mereka. Selain itu, terdapat juga teori yang dikemukakan oleh Bronfenbrenner yang menggunakan pendekatan Teori Sistem Ekologi yang menekankan faktor persekitaran dan pengaruhnya terhadap perkembangan kanak-kanak.

a. Teori Perkembangan Sigmund Freud

Teori psikoanalisis yang dikemukakan oleh Freud mengenai pemikiran manusia merupakan salah satu teori yang memberi gambaran bahawa kanak-kanak perlu mendapat kepuasan dan keperluan asas yang mencukupi sebelum mereka berkembang ke peringkat umur seterusnya (Yahaya & Abu Bakar, 2010). Jika keperluan ini tidak dapat dipenuhi maka kanak-kanak tersebut akan menghadapi masalah untuk bergaul dengan masyarakat.

Model fikiran manusia oleh Freud terbahagi kepada tiga lapisan iaitu (1) Sedar: tempat pemikiran, perasaan dan fokus individu; (2) Separa sedar atau bawah sedar: tempat di mana kita cuba mengingat kembali dari ingatan; (3) Tidak sedar: tahap terdalam dikenali sebagai proses repositori yang mendorong kelakuan individu termasuk keinginan primitif dan naluri (McLeod, 2013). Kemudian, Freud menghasilkan model minda yang lebih terperinci dan berstruktur, yang wujud bersama dengan idea asalnya tentang kesedaran dan ketidaksedaran. Dalam model ini, terdapat tiga bahagian

metafora untuk minda iaitu (1) Id: beroperasi sepenuhnya pada tahap bawah sedar dan memberi tumpuan semata-mata kepada pemacu naluri dan keinginan yang dikawal oleh keseronokan. Menurut Freud, dua naluri biologi yang membentuk id ialah naluri eros – naluri untuk terus hidup yang memacu individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti kehidupan dan naluri thanatos – naluri kematian yang mendorong perilaku merosakkan, agresif dan ganas; (2) Ego: bertindak sebagai saluran untuk id yang bekerja untuk memenuhi keperluan id dengan cara sosial yang sesuai dan ego juga paling terikat kepada realiti yang mula berkembang di peringkat awal; (3) Superego: bahagian pikiran di mana moral dan prinsip yang lebih tinggi berada, mendorong individu untuk bertindak secara sosial dan diterima secara moral (McLeod, 2013).

Menurut Freud, perkembangan kanak-kanak terdiri daripada peringkat yang telah ditentukan berdasarkan beberapa golongan umur seperti di bawah;

- i. *Peringkat oral (dari lahir – 18 bulan)*
Pada peringkat ini kanak-kanak bersifat pasif dan amat bergantung kepada orang lain. Mereka memperoleh kepuasan melalui aktiviti menghisap, menggigit dan menelan.
- ii. *Peringkat anal (2 – 4 tahun)*
Pada peringkat ini kanak-kanak bersedia menguasai dan mengawal fungsi biologi. Kanak-kanak akan memberi lebih perhatian terhadap kawalan membuang air besar dan air kecil yang akan memberikan perasaan hormat sendiri.
- iii. *Peringkat falik (4 – 6 tahun)*
Pada peringkat ini kanak-kanak mula mendapat keseronokan daripada organ kejantinaan. Kanak-kanak lelaki lebih tertarik kepada ibu (kompleks Oedipus) dan kanak-kanak perempuan kepada bapa (kompleks Elektra).
- iv. *Peringkat pendalaman (6 – 12 tahun)*
Pada peringkat ini, kanak-kanak menumpukan kasih sayang kepada orang lain seperti rakan sebaya. Kanak-kanak juga terlibat dengan dengan unsur-unsur

pendidikan, bermasyarakat dan mengalami perkembangan superego.

v. *Peringkat kejantinaan (12 tahun ke atas)*

Pada peringkat ini, remaja mula menaruh minat terhadap rakan sebaya yang berlainan jantina akibat daripada libido yang terdapat di dalam diri seseorang akan mendorongnya untuk menaruh minat terhadap individu di luar keluarga.

b. Teori Perkembangan Jean Piaget

Sama seperti Freud, Jean Piaget turut berpendapat bahawa pembangunan manusia dapat diterangkan secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, tidak seperti Freud, Jean Piaget tidak percaya bahawa pertumbuhan dan pembelajaran didorong oleh seksualiti yang ditindas. Sebaliknya, dalam eksperimen yang meliputi kanak-kanak, remaja dan dewasa, Piaget menyimpulkan bahawa ketika individu berkembang, mereka secara beransur-ansur menambah kemahiran baru terhadap kemampuan kognitif sedia ada. Menurut teori perkembangan kognitif Piaget, terdapat empat peringkat perkembangan kognitif yang berlaku;

i. *Peringkat deria motor (0 – 2 tahun)*

Kanak-kanak pada peringkat ini tertarik dalam pengalaman deria dan mencuba kebolehan mereka untuk bergerak dan mengambil pengalaman baru. Dari segi perkembangan kognitif, kanak-kanak mula mempelajari konsep “objek kekal”. Dalam erti kata lain, mereka belajar bahawa objek masih wujud walaupun mereka tidak dapat melihatnya.

ii. *Peringkat praoperasi (2 – 7 tahun)*

Mereka belajar bagaimana untuk berfikir secara abstrak, memahami konsep simbolik dan menggunakan bahasa dengan cara tersendiri/canggih. Perkembangan kognitif pada peringkat ini menunjukkan bahawa kanak-kanak mula memiliki rasa ingin tahu yang tinggi sehingga mengajukan soalan tentang segala yang mereka lihat. Mereka juga boleh membayangkan orang atau objek yang tidak wujud seperti fantasi lebih mudah dan suka

membuat permainan sendiri. Kanak-kanak pada tahap ini memahami keabadian objek, tetapi mereka masih tidak mendapatkan konsep pemuliharaan. Mereka tidak faham bahawa mengubah penampilan bahan tidak mengubah sifatnya atau kuantiti.

iii. *Peringkat operasi konkrit (7 – 11 tahun)*

Pada masa mereka berumur 7 tahun, kanak-kanak dapat memahami konsep abstrak yang lebih kompleks, seperti masa, ruang, dan kuantiti. Mereka boleh menggunakan konsep ini untuk situasi konkrit, tetapi mereka mempunyai masalah untuk memikirkannya secara bebas daripada situasi tersebut.

Seperti yang dinyatakan oleh Jean Piaget dalam teori perkembangan kognitifnya, idea kanak-kanak mengenai masa dan ruang kadang-kadang tidak konsisten pada tahap ini, tetapi terdapat logik asas yang mengawal operasi kognitif mereka. Kanak-kanak boleh mempelajari peraturan dengan mudah, tetapi mereka mungkin menghadapi masalah ketika memahami implikasi logik peraturan tersebut dalam situasi yang tidak biasa.

iv. *Peringkat operasi formal (11 tahun ke atas)*

Kanak-kanak menjadi lebih berupaya membuat alasan yang lebih abstrak, hipotesis dan teoritis. Dari segi perkembangan kognitif, logik formal kanak-kanak akan terjadi dan penjelasan secara lisan mengenai konsep biasanya mencukupi tanpa demonstrasi.

c. **Teori Perkembangan Erik Erikson**

Premis perkembangan psikososial Erikson ialah perkembangan psikososial seseorang, dari bayi hingga tua, bergantung pada bagaimana krisis psikososial tertentu dihadapi.

Setiap peringkat pembangunan psikososial Erikson dicirikan oleh dua pasukan emosi yang bercanggah yang dikenali sebagai watak yang bertentangan (*contrary dispositions*), dilabelkan sebagai watak “*syntonic*” atau positif dan “*dystonic*” atau negatif. Watak yang menyebabkan krisis inilah yang perlu individu selesaikan atau kuasai. Apabila individu

tersebut dapat menyelesaikan krisis ini dengan jayanya, individu tersebut memperoleh kecekapan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan perasaan yang serba tidak mencukupi dan keperibadian yang kurang sihat.

Erik Erikson (1902-1994) mencadangkan setiap individu menghadapi krisis tertentu yang menyumbang kepada pertumbuhan psikososial sepanjang hayat mereka. Beliau membentangkan krisis ini sebagai lapan peringkat konflik psikososial, yang sering dikenali sebagai peringkat perkembangan psikososial Erik Erikson. Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada kanak-kanak yang berada dalam lingkungan dari lahir sehingga 18 tahun, maka lima peringkat yang dapat terangkan mengenai perkembangan manusia adalah seperti berikut:-

- i. *Peringkat kepercayaan lawan curiga (lahir – 18 bulan)*
Peringkat perkembangan ini adalah sangat penting kerana ianya mempengaruhi perkembangan bayi melalui pengalaman-pengalamannya. Pada peringkat ini, bayi mesti belajar untuk mempercayai orang lain, terutama mereka yang menjaga keperluan asas mereka.
- ii. *Peringkat autonomi lawan perasaan malu atau curiga (18 bulan – 3 tahun)*
Pada peringkat ini, kanak-kanak berhadapan dengan isu kawalan diri dan penubuhan diri sebagai entiti. Apabila kanak-kanak berkembang secara fizikal dan kognitif, mereka akan memperoleh kemahiran yang membolehkan mereka menjaga diri sendiri.
- iii. *Peringkat inisiatif lawan kesalahan (3 – 6 tahun)*
Pada peringkat ini, kanak-kanak belajar tentang beberapa konsep baru di sekolah dan melalui interaksi sosial. Permainan dan imaginasi yang diiktiraf oleh Erikson sebagai cara untuk kanak-kanak belajar tentang diri mereka dan dunia sosial mereka. Mereka suka mencuba perkara baru dan belajar untuk bekerjasama dengan orang lain untuk mencapai matlamat yang sama.
- iv. *Peringkat kerajinan lawan kerendahan diri (6 – 12 tahun)*
Pada peringkat ini, kanak-kanak mula mengembangkan


rangkaian sosial mereka. Mereka dapat mengetahui kebolehan mereka serta kebolehan orang lain. Mereka membandingkan diri mereka dengan rakan sebaya kerana mereka merasakan sudah menjadi keperluan untuk mengesahkan kecekapan mereka melalui perbandingan tersebut. Mereka berasa bangga dan yakin apabila mereka dapat melakukan sesuatu perkara seperti rakan-rakan mereka. Jika mereka tidak mengukur, mereka akan berasa rendah diri.

Menurut teori Erikson, kanak-kanak membangunkan kebolehan “kecekapan” dengan menyelesaikan krisis pada peringkat ini. Kebajikan ini ditunjukkan dengan melakukan sesuatu tugas, mendapatkan hasil, menggunakan kemahiran dan rasa berkemampuan melakukan sesuatu.

- v. *Peringkat identiti lawan kekeliruan identiti (12 – 18 tahun)*
Ini merupakan peringkat remaja di mana mereka cuba mewujudkan identiti dan persepsi sendiri terhadap dunia mereka. Mereka cuba mendapatkan kestabilan diri dalam masyarakat sekiranya gagal mereka akan meragui peranan mereka dalam masyarakat.

d. Teori Sistem Ekologi

Urie Bronfenbrenner merupakan seorang ahli psikologi Amerika yang memperkenalkan Teori Sistem Ekologi untuk menerangkan bagaimana sifat-sifat yang wujud dalam diri seorang anak yang berinteraksi dengan lingkungannya kemudian mempengaruhi bagaimana dia akan tumbuh dan berkembang. Teori ini menekankan pentingnya mengkaji kanak-kanak dalam konteks persekitaran yang pelbagai yang juga dikenali sebagai sistem ekologi dalam usaha memahami perkembangannya. Model Bronfenbrenner menganjurkan konteks perkembangan terbahagi kepada lima tahap pengaruh persekitaran. Tahap dikategorikan dari paling intim hingga paling luas.



Rajah 1: Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (National Academies of Sciences, Engineering and Medicine, 2016)

Mikrosistem adalah persekitaran paling kecil di mana kanak-kanak tersebut berada atau tinggal yang meliputi rumah, sekolah, tempat penjagaan, rakan sebaya atau persekitaran komuniti anak. Interaksi dalam mikrosistem biasanya melibatkan hubungan peribadi dengan ahli keluarga, rakan sekelas, guru atau penjaga, di mana pengaruh sentiasa terjadi berulang-ulang. Cara berinteraksi kanak-kanak akan menjejaskan bagaimana mereka membesar. Begitu juga dengan cara mereka bertindak balas terhadap persekitaran mikrosistem akan mempengaruhi perilaku mereka. Oleh itu, dengan memupuk cara interaksi yang betul dan menjaga perhubungan yang baik dalam persekitaran akan menghasilkan kanak-kanak yang mempunyai perkembangan yang memberangsangkan.

Mesosistem merangkumi interaksi antara beberapa mikrosistem yang berbeza di mana kanak-kanak yang sedang tumbuh berkembang mencari identiti mereka. Pada dasarnya, persekitaran ini melibatkan hubungan antara rumah dan sekolah, antara kumpulan rakan dan keluarga atau antara keluarga dengan komuniti lain. Sebagai contoh, perhubungan antara

ibu bapa dengan persahabatan anak mereka. Jika ibu bapa menunjukkan hubungan yang baik dan keharmonian dengan rakan anak mereka maka perkembangan mereka positif, tetapi jika sebaliknya, kanak-kanak akan mengalami konflik emosi dan akan mempengaruhi perkembangannya secara negatif.

Eksosistem merangkumi hubungan yang wujud antara dua atau lebih tempat atau persekitaran yang salah satunya mungkin tidak mengandungi anak yang sedang berkembang seperti media massa tetapi memberi pengaruh secara tidak langsung. Tahap ini memberikan gambaran bahawa pengaruh persekitaran yang semakin luas dapat memberi kesan terhadap perkembangan kanak-kanak walaupun tidak berinteraksi secara langsung. Contoh situasi yang dapat diberikan dalam tahap ini adalah seperti ibu bapa yang terdedah dengan situasi tempat kerja yang mempunyai majikan yang kurang prihatin boleh membawa sifat tersebut ke atas anak-anaknya di rumah.

Makrosistem adalah persekitaran yang paling besar dan jauh daripada perkembangan kanak-kanak tetapi masih mempunyai pengaruh penting terhadap mereka. Ianya terdiri daripada corak dan nilai budaya kanak-kanak khususnya kepercayaan dan nilai dominan mereka, serta sistem politik dan ekonomi. Sebagai contoh, kanak-kanak yang berada di kawasan yang tidak aman (peperangan) akan mengalami perkembangan yang berbeza daripada mereka yang berada dalam lingkungan dan pemerintahan yang damai.

Pembangunan Potensi Kanak-Kanak Di Malaysia

Perkembangan kanak-kanak yang baik sudah tentu dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dengan potensi yang dimiliki dan sentiasa diasah. Potensi dapat diertikan sebagai keupayaan yang ada dalam diri individu yang harus dikembangkan melalui pendidikan dan pendedahan agar menjadi kemahiran. Setiap individu mempunyai potensi yang berbeza yang mungkin telah di warisi atau daripada pendedahan awal hasil daripada pengaruh persekitaran. Namun, kecerdasan sendiri (*personal intelligence*) yang tinggi sangat diperlukan untuk mengetahui potensi yang ada dalam diri. Kecerdasan sendiri itu membolehkan seseorang untuk menilai diri dengan membuat pemerhatian, membentuk model sendiri, membuat pilihan berdasarkan model

kendiri kemudian menggunakan maklumat tentang diri untuk membentuk matlamat (Barlow, 2016). Individu dengan kecerdasan sendiri yang tinggi harus dapat memahami diri mereka dengan lebih baik berbanding dengan individu dengan kecerdasan sendiri yang rendah, dan individu dengan kecerdasan yang tinggi seharusnya dapat mengenalpasti pengalaman yang bernilai bagi pembangunan potensi mereka.

Potensi dapat dilihat dari sudut intelek, jasmani, bakat, sahsiah dan afektif (perasaan). Kanak-kanak yang dapat mengembangkan potensi diri secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sudah tentu dapat menjadi seorang insan yang berkualiti. Potensi intelek merupakan kapasiti untuk menerima maklumat (Tuominen, 2010) dan keupayaan individu untuk berfikir, memahami dan menganalisis. Potensi jasmani pula merupakan kemampuan individu dalam bidang kesukanan. Potensi ini lebih menjurus kepada keupayaan fizikal individu yang dikembangkan melalui latihan fizikal yang berterusan. Potensi bakat juga terdapat dalam diri individu seperti bakat dalam bidang seni. Bakat boleh lahir dari dalam diri individu melalui gen daripada ibu bapa atau bakat yang berasal daripada minat yang timbul dalam diri untuk menekuni sesuatu bidang tersebut. Potensi sahsiah pula merujuk kepada kemahiran komunikasi dan cekap dalam membuat keputusan yang seringkali menjadi ciri-ciri khas dalam diri seorang ketua. Potensi afektif pula merujuk kepada keupayaan individu untuk mengawal sikap dan perasaan mereka.

Pada tahun 2018, Malaysia mencatatkan seramai 9.4 juta kanak-kanak bawah umur 18 tahun daripada jumlah penduduk 32.4 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Jumlah pada tahun tersebut mencatatkan penurunan sebanyak 0.3% daripada tahun sebelumnya. Statistik daripada laporan Bank Dunia, kanak-kanak di Malaysia hanya mencapai 62% daripada potensi mereka apabila mencecah usia dewasa (Hariz, 2018). Hasil statistik tersebut diperoleh daripada Indeks Modal Insan Malaysia yang mencatatkan penurunan daripada 1.00 pada tahun 2017 kepada 0.62 pada tahun 2018. Hal ini dinilai daripada beberapa kriteria seperti kadar jangka hayat kanak-kanak di Malaysia sehingga umur 5 tahun, tahap kualiti pendidikan, kadar kebantutan dan kadar jangka hayat orang dewasa. Dapat disimpulkan bahawa perkembangan potensi kanak-kanak tidak hanya diukur dari sudut pendidikan sahaja,

malah dari aspek kesihatan dan kebajikan mereka turut menjadi faktor yang mempunyai pengaruh besar.

Isu Kanak-Kanak Di Malaysia

Setelah melihat proses perkembangan kanak-kanak secara fitrahnya, maka beberapa isu yang timbul dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia dapat dikaitkan. Isu yang timbul sudah tentu memberikan kesan terhadap perkembangan kanak-kanak dan begitu pula sebaliknya. Terdapat pelbagai isu kanak-kanak seperti hamil di bawah umur, pengabaian, penderaan dan penyalahgunaan dadah, pendidikan serta penyalahgunaan internet dan kewarganegaraan.

Isu Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak di Malaysia

Jika diteliti dari satu permasalahan yang dianggap kecil oleh segelintir masyarakat seperti penderaan dan pengabaian, tanpa disedari permasalahan tersebut mampu membawa kepada beberapa masalah lain dalam kalangan kanak-kanak terutama jika mereka menginjak dewasa. Pembentukan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dibentuk bagi menggantikan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 setelah tersebarly kisah penderaan kanak-kanak kecil yang berusia 26 bulan pada tahun 1990 yang dikenali sebagai S. Balasundram yang berujung kepada kematian akibat didera bapa kandung sendiri (Hasan, 2018). Berdasarkan statistik, penderaan kanak-kanak semakin meningkat dari tahun 2013 sehingga tahun 2017 dengan peratusan peningkatan sebanyak 34.4% dalam tempoh tahun tersebut. Pada tahun 2017, jumlah penderaan kanak-kanak mencatatkan nilai sebanyak 5,537 kes dengan 2,174 kes melibatkan jantina lelaki dan 3,363 kes melibatkan jantina perempuan. Kes ini akan semakin meningkat dari tahun ke tahun sekiranya tiada tindakan sewajarnya dilakukan oleh pihak tertentu terutama agensi kerajaan. Penderaan kanak-kanak tidak tertumpu pada fizikal sahaja, bahkan termasuk seksual dan juga pengabaian. Penderaan fizikal menurut Akta Kanak-kanak 2001 adalah kanak-kanak yang cedera secara fizikal di mana kecederaan tersebut boleh dilihat pada bahagian tubuh akibat kekerasan. Pengabaian pula merujuk kepada kegagalan secara berterusan menyediakan keperluan asas fizikal, emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, pemakanan tempat perlindungan dan kehidupan yang selamat untuk kanak-kanak.

Penderaan

Jadual 1 : Statistik Penderaan Kanak-kanak di Malaysia dari Tahun 2013-2017

| Jenis penderaan | 2013 | | | 2014 | | | 2015 | | | 2016 | | | 2017 | | |
|-------------------------|-------------|------|------|-------------|------|------|-------------|------|------|-------------|------|------|-------------|------|------|
| | L | P | J | L | P | J | L | P | J | L | P | J | L | P | J |
| Jantina kanak-kanak | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penderaan fizikal | 570 | 564 | 1134 | 639 | 578 | 1217 | 584 | 583 | 1167 | 738 | 565 | 1303 | 866 | 762 | 1628 |
| Penderaan emosi | 21 | 35 | 56 | 21 | 38 | 59 | 25 | 47 | 72 | 37 | 61 | 98 | 23 | 38 | 61 |
| Penderaan seksual | 64 | 1029 | 1093 | 60 | 924 | 984 | 57 | 921 | 978 | 56 | 978 | 1038 | 118 | 1279 | 1397 |
| Pengabaian pengawasan | 76 | 341 | 417 | 48 | 402 | 450 | 36 | 349 | 385 | 38 | 400 | 438 | 110 | 305 | 415 |
| Pengabaian hak asasi | 551 | 525 | 1076 | 678 | 631 | 1309 | 826 | 690 | 1516 | 913 | 914 | 1827 | 945 | 879 | 1824 |
| Lain-lain pengabaian | 173 | 103 | 276 | 133 | 143 | 276 | 155 | 180 | 335 | 139 | 143 | 282 | 71 | 100 | 171 |
| Jumlah mengikut jantina | 1455 | 2664 | | 1579 | 2716 | | 1683 | 2770 | | 1291 | 3061 | | 2174 | 3363 | |
| Jumlah penderaan | 4119 | | | 4295 | | | 4453 | | | 4982 | | | 5537 | | |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Kes sebegini biasanya bermula daripada sikap ibu bapa yang kurang bermoral dan tidak bertanggungjawab. Sikap ibu bapa yang tidak bermoral seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah akan membawa kesan bagaimana mereka memperlakukan anak mereka. Sudah jelas bahawa seseorang yang berada di bawah pengaruh dadah akan mengubah mental mereka sehingga cenderung melakukan perkara-perkara yang tidak baik di bawah alam sadar. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kejadian yang berlaku pada tahun 13 Mac 2019 di Limbang, Sarawak di mana seorang wanita yang bekerja sebagai tukang sapu terlibat dalam kes penderaan anak sendiri yang berusia 2 tahun dan menjalani hukuman akibat penyalahgunaan dadah. Kanak-kanak yang terlibat dalam kes sebegini merupakan kes penderaan yang tidak melibatkan nyawa tetapi seseorang yang pernah didera pasti akan meninggalkan kesan daripada penderaan dan pengabaian tersebut iaitu kesan fizikal dan perlakuan itu sendiri. Kesan fizikal dapat dilihat melalui keadaan fizikal anak yang mempunyai pembesaran yang terbantut dan tidak terurus. Sekiranya mereka tidak mendapat keperluan asas yang cukup dan perlindungan yang sepatutnya, perkara ini akan turut menjejaskan perkembangan mereka. Kesan melalui perlakuan anak itu sendiri pula dapat dijelaskan melalui perilaku mereka yang kadang-kadang menunjukkan sifat agresif dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti sosial yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, jenayah dan pergaulan bebas yang membawa kepada kehamilan di bawah umur apabila mereka dewasa kelak. Perlakuan tersebut ditunjukkan oleh kanak-kanak bagi mencerminkan kekecewaan mereka terhadap ibu bapa sendiri yang sering melakukan penderaan dan pengabaian. Justeru, lingkungan keluarga menentukan bagaimana perkembangan kanak-kanak itu setelah dewasa.

Penyalahgunaan Dadah

Jadual 2 : Penagih Dadah Mengikut Kumpulan Umur di Malaysia dari Tahun 2015 - 2017

| Kumpulan umur | 2015 | 2016 | 2017 |
|----------------------|-------------|-------------|-------------|
| Jumlah | 1420 | 1680 | 1372 |
| <13 | - | - | - |
| 13 – 15 | 45 | 85 | 72 |
| 16 – 19 | 1375 | 1595 | 1300 |

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan

Jadual 3 : Statistik Sebab Guna Dadah dari Tahun 2010 – 2016

| Tahun | Untuk Keronokan | Pengaruh Kawan | Perasaan Ingin Tahu | Rangsangan | Menahan Kesakitan | Secara Tidak Sengaja | Tekanan Jiwa | Lain-lain* | Tiada Maklumat | JUMLAH |
|-------|-----------------|----------------|---------------------|------------|-------------------|----------------------|--------------|------------|----------------|--------|
| 2010 | 3,314 | 10,214 | 4,453 | 363 | 236 | 83 | 1,207 | 2,965 | 807 | 23,642 |
| 2011 | 2,549 | 7,691 | 3,912 | 168 | 231 | 59 | 940 | 2,294 | 1,687 | 19,531 |
| 2012 | 2,106 | 6,004 | 3,171 | 162 | 199 | 41 | 751 | 1,849 | 818 | 15,101 |
| 2013 | 1,663 | 11,935 | 3,824 | 185 | 458 | 19 | 2,566 | 711 | 0 | 21,361 |
| 2014 | 2,270 | 13,466 | 3,221 | 174 | 461 | 25 | 1,986 | 752 | 0 | 22,355 |
| 2015 | 2,550 | 16,943 | 4,523 | 206 | 617 | 9 | 1,572 | 1059 | 0 | 27,479 |
| 2016 | 3,944 | 17,990 | 5,618 | 145 | 698 | 17 | 1,910 | 1442 | 0 | 31,764 |

Sumber: Kementerian Dalam Negeri

Nota: *Kategori lain-lain adalah termasuk agresif, berasaskan pekerjaan, hiburan, kurang didikan agama, masalah kewangan, melangsingkan badan, penderaan, perubatan, rindu, seks, teraniaya tiada ilmu.

Berdasarkan statistik di atas, kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 16–19 tahun mencatatkan bilangan kes penyalahgunaan dadah yang tinggi berbanding mereka yang berumur dalam lingkungan 13–15 tahun. Hal ini dapat dikaitkan dengan sifat semula jadi remaja menurut teori Erik Erikson di mana kanak-kanak yang berada dalam lingkungan umur tersebut yang masih mencari identiti diri dengan rasa ingin tahu yang tinggi dan mewujudkan persepsi sendiri. Oleh itu, itu mereka cenderung “mencuba” melakukan sesuatu meskipun hal yang dilakukan adalah tidak betul atau dilarang. Hal tersebut terbukti berdasarkan jadual 2.1.3 yang menunjukkan bahawa perasaan ingin tahu merupakan antara sebab yang utama selain daripada pengaruh kawan yang turut mencatatkan nilai yang paling tinggi setiap tahun.

Kesalahan Jenayah

Jadual 4 : Bilangan Kanak-kanak yang Terlibat dengan Jenayah Mengikut Jenis Kesalahan di Malaysia dari Tahun 2013 – 2017

| Jenis kesalahan | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Jumlah | 5584 | 4821 | 4669 | 4886 | 5443 |
| Bersabit dengan harta benda | 2621 | 2069 | 1666 | 1713 | 1606 |
| Bersabit dengan orang | 906 | 698 | 633 | 653 | 741 |
| Akta Kesalahan Kecil | 78 | 86 | 79 | 93 | 91 |
| Melanggar syarat pengawasan | 6 | 4 | 10 | 12 | 5 |
| Dadah | 968 | 1072 | 1406 | 1522 | 1871 |
| Judi | 74 | 57 | 68 | 40 | 48 |
| Senjata/bahan api | 104 | 74 | 39 | 48 | 30 |
| Lalulintas | 253 | 207 | 157 | 240 | 368 |
| Lari dari sekolah diluluskan | 6 | 1 | 19 | 8 | 10 |
| Lain-lain | 568 | 553 | 592 | 557 | 673 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia


Kesalahan jenayah lain juga dicatatkan oleh golongan kanak-kanak seperti statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kesalahan bersabit dengan harta benda mencatatkan angka yang tinggi iaitu sebanyak 1,606 kes pada tahun 2017. Kes tersebut mengalami jumlah penurunan jika dibandingkan pada tahun 2013 dengan bilangan sebanyak 2,621 kes.

Kehamilan Luar Nikah

Kanak-kanak atau remaja yang hamil di bawah umur (umur 10-19 tahun) di Malaysia pada tahun 2015 pula menunjukkan seramai 13831 kes remaja berkahwin dan 3,980 kes daripadanya tidak berkahwin (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2016). Pada tahun 2017 pula, seramai 3,694 remaja mencatatkan kes hamil luar nikah dengan purata dianggarkan 300 kes sebulan. Ini bermakna, sebanyak 10 kes berkaitan remaja


hamil luar nikah terjadi dalam sehari (Sinar Harian, 2019). Tetapi bilangan kes ini terus menunjukkan penurunan pada tahun berikutnya dengan 2,873 kes.

Rajah 2 : Kehamilan Yang Berdaftar Di Klinik Kesihatan Malaysia



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Rajah 3 : Trend Bilangan Kes Kehamilan Remaja Di Sarawak Pada Tahun 2012-2018



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak


Kes kehamilan remaja di Sarawak menyumbang penurunan sebanyak 10% dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2018, kes tersebut kembali meningkat 1.08% iaitu dengan peningkatan sebanyak 23 kes berbanding tahun sebelumnya. Namun

secara keseluruhannya, statistik tersebut tetap menunjukkan penurunan kes. Berdasarkan hasil penurunan kes yang ada di Malaysia terutama di bahagian Sarawak menunjukkan bahawa masalah sosial ini mendapat perhatian daripada pihak yang bertanggungjawab dan ditangani dengan konsisten sehingga menunjukkan jumlah kes yang semakin berkurang. Isu kehamilan di bawah umur ini terjadi kerana zahirnya remaja mula menunjukkan minat terhadap rakan sebaya yang berlainan jantina akibat daripada libido yang terdapat di dalam diri seseorang akan mendorongnya untuk menaruh minat terhadap individu di luar keluarga seperti yang diterangkan dalam teori Freud. Sifat tersebut haruslah mendapat pemahaman yang jelas oleh remaja dengan mengetahui batas pergaulan yang sepatutnya.

Selain sifat zahir remaja tersebut, isu kehamilan di bawah umur ini juga dipicu oleh masalah sosial lain seperti penyalahgunaan internet yang semakin berleluasa. Dalam era perkembangan teknologi yang pesat, penggunaan teknologi dalam kalangan kanak-kanak semakin membimbangkan kerana ibu bapa memberi kebebasan yang mutlak kepada anak mereka untuk memiliki gajet. Pengabaian daripada ibu bapa terhadap penggunaan internet mendorong kepada pergaulan bebas dan kehamilan di bawah umur. Penggunaan gajet di Malaysia mencatatkan kadar 65% di mana nilai tersebut menjadikan Malaysia menduduki tempat ke-10 tertinggi di dunia (Utusan Online, 2018).

Penggunaan Internet

Rajah 4 : Pengguna Internet dan Bukan Pengguna Internet Dan Pengguna Internet Berdasarkan Kumpulan Umur



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2018

Pengguna internet di Malaysia adalah sebanyak 87.4% manakala bukan pengguna pula mencatatkan peratusan hanya sebanyak 12.6% dari keseluruhan lapisan umur. Jika dilihat secara lebih terperinci, golongan masyarakat di bawah 20 tahun hanya mencatatkan 1.3% daripada 12.6% keseluruhan bukan pengguna internet. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak turut menyumbang peratusan yang agak tinggi dalam penggunaan internet.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, nilai min umur bagi pengguna internet pada tahun 2018 meningkat kepada 3.62 berbanding 33.0 pada 2016. Hal ini menunjukkan bahawa semakin ramai kumpulan umur yang menjadi komuniti pengguna internet. Walaupun bilangan pengguna internet yang berumur di bawah 20 tahun adalah sedikit iaitu 8.10%, namun bilangan pengguna tersebut harus terus dipantau kerana dikhuatiri akan menjadi pengguna yang tidak sihat. Kajian ini mendapati bahawa 9/10 kanak-kanak berumur 5 sehingga 17 tahun menggunakan internet. Penggunaan telefon pintar untuk aktiviti atas talian dalam kalangan kanak-kanak adalah pelbagai di mana 91.8% daripada mereka mengakses internet dari peranti. Komunikasi teks, rangkaian sosial dan menonton video adalah antara aktiviti atas talian yang dilakukan oleh kanak-kanak. Tanpa pemantauan dan sekatan yang ketat akan menyebabkan mereka secara berleluasa melayari internet untuk tujuan yang tidak senonoh.

Pengawasan daripada ibu bapa juga amat penting dalam mengawal aktiviti melayari internet anak. Kurangnya pengawasan daripada ibu bapa dapat dikaitkan dengan teori sistem ekologi Bronfenbrenner khususnya pada peringkat pertama iaitu mikrosistem. Menurut teori tersebut, ibu bapa merupakan agen sosialisasi bagi anak mereka sendiri. Hal ini bermakna, ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan dan pembangunan mereka terutama sekali berkaitan sikap mereka.

Isu Lain yang Berkaitan Kanak-Kanak

Isu lain yang juga harus di ambil perhatian dalam perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak ialah isu kewarganegaraan dan pendidikan. Isu kewarganegaraan merujuk kepada masalah kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

Menurut Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sarawak, terdapat seramai 766 orang pelajar di Sarawak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan tidak berstatus warganegara Malaysia (BERNAMA, 2019). Jika dilihat dari isu ini, dokumen pengenalan diri kanak-kanak merupakan tanggungjawab ibu bapa mendaftarkan anak mereka untuk mendapatkan kewarganegaraan yang sah demi mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh negara seperti pendidikan yang layak dan berdaftar dengan pihak kementerian. Apabila isu seperti ini tidak dipandang serius oleh ibu bapa atau penjaga maka timbul masalah lain iaitu keciciran pendidikan. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah mengesan seramai 3,210 orang pelajar yang masih tercicir mengikuti pengajian di sekolah sepanjang tahun 2018 (Abdullah, 2018). Jumlah keciciran tersebut perlu diambil perhatian agar kanak-kanak tersebut tidak terlibat dengan masalah sosial yang lain seperti yang telah dinyatakan sebelumnya.

Pendidikan amat penting ditekankan dalam kalangan kanak-kanak sama ada pendidikan formal ataupun tidak formal. Didikan yang baik dapat memberi pengaruh yang positif terhadap perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak. Oleh itu, didikan tidak hanya dapat diperoleh daripada sekolah yang berdaftar semata-mata namun terdapat agensi lain yang turut menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk kanak-kanak bagi mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Dengan adanya pusat atau institusi lain selain sekolah, maka data keciciran pendidikan yang telah direkodkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri tidak seharusnya menjadi salah satu sebab isu sosial di kalangan kanak-kanak semakin meningkat.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Peranan Agensi Kerajaan dan Komuniti

Melahirkan kanak-kanak yang mempunyai tahap perkembangan dan pembangunan memberangsangkan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek merupakan peranan setiap pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung seperti keluarga, masyarakat dan agensi kerajaan. Namun, apabila timbul permasalahan atau isu dalam kalangan kanak-kanak,

agensi kerajaan mempunyai peranan yang lebih signifikan kerana melalui Dasar Kanak-kanak yang telah digariskan oleh negara bahawa kebajikan setiap kanak-kanak perlu dijaga, diberikan kelangsungan hidup, perlindungan dan memberi peluang kepada mereka untuk berkembang menjadi individu yang holistik dalam persekitaran yang kondusif.

Isu yang timbul dalam kalangan kanak-kanak mungkin disebabkan persekitaran di mana mereka berada seperti keluarga, rakan, dan masyarakat sekeliling tidak menyokong bagaimana mereka berkembang dan membesar dengan sepatutnya. Oleh itu, tanggungjawab dalam membentuk perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak melibatkan adanya kerjasama komuniti setempat agar semua usaha kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik.

Contohnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama komuniti menubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) dan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi menyokong perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak termasuk golongan kurang upaya.

Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Miri

Penubuhan PAKK merupakan program yang dijalankan oleh Pasukan Perlindungan Kanak-kanak. Ia adalah salah satu usaha yang menyeluruh, sistematik dan berkesan dalam usaha mencegah kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. PAKK dibangunkan menerusi Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan diwujudkan mengikut keperluan setempat di kawasan yang berisiko tinggi atau kawasan yang mempunyai banyak isu sosial kanak-kanak.

PAKK ditubuhkan khusus bagi menganjurkan program pencegahan serta perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak. Anggota PPKK yang merangkap pengerusi PAKK terdiri daripada komuniti setempat berperanan dalam menjalankan tanggungjawab dalam mengurus kanak-kanak melalui aktiviti dan program bersama ahli jawatankuasa PAKK yang lainnya. PAKK turut dibantu oleh para sukarelawan yang bertugas untuk membantu pihak PAKK untuk melaksanakan program kepada kanak-kanak.

Selain daripada ibu bapa, komuniti setempat tidak kurang pentingnya dalam penglibatan di peringkat awal kanak-kanak. Masyarakat terdiri daripada pelbagai lapisan yang bekerja dalam pelbagai bidang kerjaya mempunyai variasi kebolehan dan kepakaran yang boleh dibawa ke PAKK. Ini akan menjadi satu kelebihan kepada PAKK tersebut jika digunakan dengan baik.

Masyarakat setempat merupakan komuniti yang boleh mempengaruhi kanak-kanak. Perhubungan dengan orang luar dalam komuniti mampu mempengaruhi pembelajaran kanak-kanak. Dalam komuniti, masyarakat mempunyai nilai kepunyaan, kebertanggungjawaban, toleransi, komitmen serta rasa hormat.

Jika sesebuah PAKK diuruskan dengan teratur dan mempunyai jadual ataupun program yang memberi kebaikan kepada kanak-kanak, masyarakat setempat termasuk ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke PAKK terdorong untuk terlibat sama. Menerusi penglibatan mereka, secara tidak langsung mereka juga memberi sokongan kepada anak-anak yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan. Sokongan yang dijalankan akan meningkatkan keyakinan kanak-kanak untuk berjaya. Penjagaan kanak-kanak dengan kualiti yang baik akan merangsang perkembangan mereka.

Apabila aktiviti dijalankan, kanak-kanak mula untuk belajar bergaul dan saling memahami kepelbagaian budaya dalam komuniti setempat. Semasa bersosial dengan komuniti, berlaku proses interaksi dan komunikasi secara tidak langsung. Pergaulan kanak-kanak dalam komuniti akan mempercepatkan kebolehan berkomunikasi lebih awal kerana terdapatnya rangsangan daripada luar yang positif. Lebih kerap kanak-kanak dirangsang secara positif, maka akan bertambah jaringan neuron dalam perkembangan otak mereka dan akan kekal untuk menjadi proses tumbesaran yang baik kepada mereka.

Semasa terlibat dalam aktiviti di dalam atau luar PAKK, komuniti juga secara tidak langsung akan menjadi pembantu kepada ahli jawatankuasa PAKK. Misalnya, dalam aktiviti sukan yang dianjurkan, mereka akan membantu di dalam pengurusan program dan secara tidak langsung akan berkomunikasi dengan kanak-kanak untuk memberi sokongan supaya mereka dapat melakukan yang terbaik.

Bagi memantapkan kefungsiannya PAKK, ahli jawatankuasa dan komuniti setempat boleh memainkan peranan sebagai seorang pekerja sosial. Mereka boleh menjalankan peranan sebagai Perantara (*broker*) dimana mereka boleh menghubungkan kanak-kanak di PAKK dengan komuniti setempat yang lain, agensi-agensinya kerajaan dan pihak lain yang berkepentingan dalam memastikan PAKK dapat bergerak aktif dan mendapat perhatian daripada masyarakat. PAKK sukar berfungsi dengan baik jika tiada hubungan dengan pihak luar ataupun jaringan sosial yang mantap. Ini kerana, isu yang melibatkan kanak-kanak terlalu kompleks dan tidak terikat kepada peranan JKM sahaja. Oleh sebab itu, ahli jawatankuasa PAKK perlu lebih aktif dalam mencari ruang agar pihak luar termasuk agensi kerajaan sentiasa melaksanakan program yang mempunyai kepentingan yang sama bersama PAKK agar dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak.

Peranan Ahli Jawatankuasa PAKK juga adalah sebagai penggerak (*execute*) dari segi kemahiran kepakaran. Mereka terdiri daripada pelbagai latarbelakang yang berbeza. Ada diantara mereka merupakan ketua masyarakat/ketua kaum, penjawat awam, profesional, ahli perniagaan dan lain-lain. Justeru, sebagai penggerak, mereka dapat memberikan idea, saranan, dan dukungan maklumat dalam pelbagai bidang. Dengan adanya jalinan kerjasama yang mantap daripada semua ahli jawatankuasa, PAKK boleh mewujudkan kemudahan seperti klinik kesihatan, perpustakaan, pusat rekreasi dan pusat kemahiran. Contoh sumbangan dalam bentuk pengetahuan seperti ceramah yang selalu dilakukan oleh pihak Kesihatan, boleh membuka minda kanak-kanak tentang sesuatu penyakit berjangkit dan sebagainya. Kanak-kanak yang diberi pendedahan ini akan menjadi agen di rumahnya atau komuniti. Perkara sebegini bukan sahaja mendedahkan kanak-kanak kepada perkara yang dipelajarinya, malah membantu dalam pendidikan tidak formal.

Selain itu, peranan ahli jawatankuasa PAKK adalah sebagai warga pendidik. Dalam menjalankan peranan sebagai pendidik, mereka boleh menyumbangkan usaha untuk mempromosikan strategi kerajaan. Pendidikan ini dapat dilakukan dengan meningkatkan kesedaran, memberikan informasi serta memberi

latihan kepada individu-individu, kelompok-kelompok dan masyarakat. Dalam konteks PAKK, mereka boleh menyalurkan maklumat mengenai PAKK kepada individu-individu, kelompok masyarakat dan golongan sasaran. Apabila komuniti sudah ada kesedaran, mereka akan tahu keperluan PAKK, justeru itu akan mewujudkan permintaan terhadap PAKK dari segi tahap efisien dan fasiliti yang ada di PAKK. Kesedaran yang wujud juga akan menyumbang kepada inisiatif yang tinggi untuk mereka lebih terlibat dalam membangunkan PAKK.

Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)

Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau *Community-Based Rehabilitation* (CBR) adalah program yang diwujudkan sebagai satu strategi untuk membangunkan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU). PDK ditubuhkan melalui kerjasama daripada OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian. PDK turut ditubuhkan sebagai alternatif kepada institusi yang bertujuan untuk memberi pemulihan kepada kanak-kanak kurang upaya. Bilangan kanak-kanak kurang upaya yang meningkat menyebabkan kekurangan institusi yang bersesuaian untuk memberi pendidikan yang sewajarnya kepada mereka. Maka, kewujudan PDK membantu mengatasi kekurangan tersebut di samping mengalakkan penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan optimum.

Terdapat tiga model yang diaplikasikan di dalam Program PDK iaitu *Home Based*, *Center Based*, dan *Center-Home Based*. *Home Based* atau PDK di rumah ialah program pemulihan yang dijalankan di rumah sekiranya OKU tidak dapat hadir di pusat disebabkan ketidakupayaan yang dialaminya ataupun masalah pengangkutan. *Center Based* atau PDK di pusat merupakan program PDK yang dilaksanakan di pusat selama 4 jam sehari OKU akan datang ke PDK untuk menjalani program pemulihan. Manakala *Center-Home Based* atau PDK di pusat dan rumah pula merupakan program di mana pemulihan diadakan di pusat PDK selama 4 hari dan dalam seminggu, satu hari selama 4 jam akan dikhususkan bagi sesi pemulihan di rumah untuk menilai perkembangan OKU setelah menjalani program pemulihan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan di PDK juga adalah merangkumi kemahiran motor kasar, kemahiran motor halus, perkembangan sosial, perkembangan bahasa, pengurusan diri, kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira), permainan atau sukan dan rekreasi, latihan vokasional, terapi muzik dan lain-lain. Sebagai contoh, kanak-kanak dilatih untuk membuat rutin harian seperti memberus gigi, melipat baju, mencuci pinggan, berkebun, bersenam dan sebagainya. Melalui aktiviti-aktiviti sedemikian, kanak-kanak OKU diharapkan dapat hidup berdikari dan mengembangkan potensi mereka di samping memberi persediaan untuk menghadapi cabaran dan keperluan yang baru mengikut keperluan semasa.

PDK turut memastikan bahawa perkhidmatan pemulihan dan intervensi awal untuk OKU dilaksanakan dalam komuniti tempatan. Program pemulihan yang diadakan adalah bersesuaian dengan keperluan dan ketidakupayaan individu berkenaan dan mengurangkan rasa tersisih dalam kalangan OKU. Ketidakupayaan yang layak ditempatkan di PDK merangkumi kurang upaya pendengaran, penglihatan, fizikal, *cerebral palsy*, dan pembelajaran. PDK akan memastikan modul yang direka menepati keperluan ketidakupayaan OKU.

Selain itu juga, PDK turut bertindak mengeratkan hubungan antara keluarga, rakan dan masyarakat dengan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan penglibatan dan kerjasama antara mereka. Hubungan dan sokongan antara OKU dan keluarga dapat dipupuk seterusnya diperkukuhkan dan memberi kesan yang positif terhadap individu tersebut. Komuniti turut memainkan peranan yang penting dengan memberi motivasi kepada keluarga yang mempunyai anak OKU, tidak memandang serong kepada mereka, tidak memberi layanan yang buruk atau membuat mereka rasa terpinggir dan juga membantu menjadi sukarela untuk membantu OKU.

Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Miri

PDK Miri adalah contoh inisiatif komuniti yang digerakkan oleh Persatuan Ibu bapa Kanak-kanak Istimewa Miri (PIBAKIS) untuk menjaga dan memenuhi kesejahteraan, kesihatan, kebajikan dan prospek masa depan kanak-kanak istimewa tanpa mengira latar belakang, umur, bangsa dan agama. Kakitangan dan

sukarelawan yang berkhidmat di bawah PDK bertanggungjawab dalam melakukan program yang dirancang pihak PDK seperti *Early Intervention Program (EIP)*, *Day Training Program (DTP)*, *Physiotherapy/Occupational Therapy* dan aktiviti sukan luar termasuk renang, boling, badminton dan sebagainya. Aktiviti yang dijalankan terhadap kanak-kanak di sini merangkumi aktiviti yang telah digariskan oleh PDK iaitu kemahiran motor, perkembangan sosial dan bahasa, kreativiti, terapi, menulis, membaca mengira dan sukan rekreasi. Setiap aktiviti dilengkapi dengan ruangan khusus. Sebilangan ruangan adalah atas sumbangan daripada pihak luar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran terhadap perkembangan dan pembangunan kanak-kanak istimewa masih ada dalam kalangan komuniti setempat.

Bilik khas untuk terapi yang disediakan di PDK adalah seperti *Snoezelen Room* untuk memberi ketenangan kepada pelajar menggunakan alunan muzik lembut, *Physiotherapy Room* dan *Sensory Integration Room* di mana setiap ruangan tersebut menyediakan peralatan yang khas. Beberapa buah bilik darjah juga disediakan bagi memudahkan pelajar kurang upaya tersebut belajar layaknya pelajar yang belajar di sekolah awam. Bilik darjah yang disediakan adalah seperti bilik darjah jahit, bilik darjah komputer, bilik darjah kraf dan sebagainya. Melalui ruangan yang disediakan tersebut, kanak-kanak istimewa di PDK berpeluang menghasilkan beberapa jenis kraf tangan dan seterusnya dijual kepada masyarakat. Ini membuktikan bahawa PDK mempunyai peranan yang penting dalam mengasah bakat dan kreativiti mereka untuk menghasilkan produk yang berkualiti setanding dengan produk kraf tangan dalam pasaran yang sedia ada.

Selain fasiliti yang pelbagai, PDK juga menerima lawatan daripada Pejabat Kesihatan bagi menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada para pelatih, ceramah mengenai pemakanan, pendidikan kesihatan dan memberi penerangan mengenai terapi yang betul kepada petugas PDK. Bukan itu sahaja, pemeriksaan keselamatan bangunan juga dijalankan oleh pihak bomba setempat bagi menjamin keselamatan pelatih dan petugas PDK. Sebagai pusat untuk membentuk perkembangan dan pembangunan kanak-kanak kurang upaya, kemudahan yang

sesuai dan lengkap sememangnya perlu disediakan. PDK menyediakan pelbagai kemudahan untuk memenuhi keperluan dan mengasah bakat pelatih. Namun demikian, masih terdapat kekurangan dari segi peralatan terapi. Keperluan peralatan tersebut adalah berbeza mengikut lingkungan umur dan jenis kurang upaya pelatih. Peralatan terapi yang layak mampu menunjukkan peningkatan perkembangan dan pertumbuhan fizikal pelatih dengan baik.

Seharusnya PDK menjadi medium perantara bagi keluarga pelatih untuk berkumpul, bertukar pendapat dan menjalankan aktiviti di pusat tersebut. Aktiviti ini dapat meningkatkan kesedaran kepada ibu bapa bahawa kanak-kanak istimewa juga mempunyai kebolehan dan potensi sekiranya diberi peluang untuk mendapat bimbingan, setaraf dengan kanak-kanak normal yang lain. Namun, sebilangan ibu bapa meletakkan sepenuhnya aktiviti belajar dan mengajar anak mereka kepada petugas PDK. Kenyataannya, kehadiran ibu bapa adalah sangat penting setiap kali aktiviti dijalankan untuk sama-sama belajar dan mendapat latihan daripada tenaga pengajar untuk melaksanakan atau meneruskan sesi pembelajaran dan latihan yang dijalankan di PDK setelah pulang ke rumah. Hal ini kerana ibu bapa juga merupakan sebahagian daripada komuniti yang turut berperanan dalam mempengaruhi perkembangan dan pembangunan anak mereka.

Antara strategi yang digunakan untuk meningkatkan kualiti program PDK ialah kursus yang melibatkan ibu bapa dan Ahli Jawatankuasa. Melalui kursus tersebut, kepentingan PDK terhadap perkembangan kanak-kanak OKU dapat ditekankan dengan lebih jelas. Ia juga dapat meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelaan. Selain daripada itu, penglibatan NGO juga dianggap penting untuk meningkatkan kualiti PDK di mana ia dapat membantu pihak kerajaan untuk menangani masalah sosial semasa dan memenuhi keperluan khusus bagi komuniti. Melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan, ia dapat meningkatkan semangat kesukarelawan. Di samping itu, PDK turut menjadi platform memberi latihan dan bimbingan yang boleh membantu pelatih untuk mempersiapkan diri dalam pembangunan kerjaya masa hadapan. Kuota tenaga pekerja selaras dengan kadar

nisbah pekerja dan OKU yang baru iaitu 1 pekerja : 5 OKU telah meningkat berbanding 1 pekerja : 10 OKU sebelum ini. Latihan bagi pekerja PDK juga perlu untuk memastikan kualiti pembelajaran dan program pemulihan di PDK meningkat. Sebagai contoh, JKMM telah menjalinkan kerjasama bersama *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Sukarelawan *Japan Overseas Cooperation Volunteers* (JOCV) ditugaskan di negara ini bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan di PDK dalam bidang Jurupulih Anggota, Jurupulih Cara Kerja dan Guru Pendidikan Khas.

Maka, terbukti bahawa PDK memainkan peranan yang penting dalam membentuk perkembangan kanak-kanak terutama sekali kanak-kanak OKU. Masyarakat atau komuniti perlu sedar bahawa potensi dan perkembangan kanak-kanak OKU perlu dipandang serius. Ibu bapa dan masyarakat sekeliling perlu memberi sokongan moral yang membina untuk membantu kanak-kanak OKU lebih dihargai. Dengan motivasi yang tinggi, kanak-kanak OKU akan lebih bersemangat dalam meningkatkan potensi diri untuk mencapai matlamat menjadi individu yang berjaya.

Program Oleh Kerajaan Negeri Sarawak di Bawah Kementerian Kebajikan Wanita, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak (KWKPK)

Program Intervensi Sosial: Kesedaran dan Advokasi Pendidikan Seksual (KAPS)

Program ini merupakan salah satu pendekatan *outreach* yang memerlukan kerjasama antara pelajar sekolah, ibu bapa, para pendidik serta pihak yang lain. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan advokasi bagi membantu untuk mencegah kehamilan dalam kalangan remaja dan mencegah mereka daripada terjebak dengan seks luar nikah. Melalui program ini juga, informasi dan pengetahuan tentang pendidikan seks diberi kepada remaja bagi memberi suntikan motivasi dan juga memperkasakan diri mereka untuk tidak mudah terpengaruh untuk melakukan hubungan seks luar nikah dan hamil.

Program ini merupakan program pendedahan kepada ibu bapa atau penjaga tentang kepentingan pendidikan seks, di mana mereka perlu bersifat terbuka dalam berbicara mengenai pendidikan kesihatan seksual apabila anak-anak menginjak usia

remaja. Para ibu bapa dan penjaga tidak seharusnya menganggap topik tersebut sebagai topik tabu atau perkara yang terlarang untuk dibincangkan. Seandainya ibu dan bapa mengamalkan sifat keterbukaan dan jujur, anak-anak akan mudah mendekati ibu bapa sekiranya mempunyai perkara yang meragukan. Program ini turut mendidik remaja untuk melindungi diri ketika dalam situasi tertekan agar mereka sedar terhadap kesan tindakan dan akan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan. Masyarakat juga perlu dididik untuk menjadi masyarakat yang penyayang dan tidak meletakkan kesalahan terhadap pelaku.

Program ini dikendalikan menggunakan latihan berasaskan “*competency*” yang berunsurkan “*fun learning*”, aktiviti berpasukan dan secara individu, perbincangan kumpulan, sesi refleksi dan penilaian objektif. Pendekatan ini dijalankan bagi kumpulan sasaran mudah menghayati intipati program. Program ini turut mempamerkan pameran daripada pelbagai agensi pembangunan sosial dan institusi pendidikan serta kerjaya yang memberi pendedahan dan persediaan kepada remaja untuk memudahkan mereka membuat perancangan diri. Program sebegini dilaksanakan dengan harapan dapat memberi pengetahuan kepada komuniti di samping mencegah isu-isu sosial yang memberi impak yang negatif kepada remaja khususnya remaja perempuan. Dengan adanya program KAPS ini, trend kehamilan remaja di Sarawak menunjukkan penurunan berdasarkan statistik dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (Rajah 2.1.6). Program kesedaran seperti ini memberi kesan positif terhadap perkembangan remaja di samping memberi pandangan baru ke arah masa depan yang lebih baik.

Randau Pembangunan Sosial

Randau Pembangunan Sosial yang bertemakan “Pembangunan Sosial Tanggungjawab Bersama” adalah merupakan program *outreach* bersepadu yang bertumpu kepada masyarakat luar bandar atau pedalaman yang merangkumi pelbagai peringkat umur dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan yang lain. Program ini melibatkan kerjasama antara Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPSS), Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak (KWKPK) dan rakan kongsi agensi lain iaitu Jabatan Kebajikan

Masyarakat Negeri Sarawak, Seksyen Transformasi Sosial Bahagian, Pejabat Residen Bahagian dan Pejabat Daerah serta jaringan kerjasama daripada agensi kerajaan lain yang turut mempunyai peranan penting. Antara kumpulan yang disasarkan adalah penduduk kampung yang terdiri daripada ibu bapa, golongan wanita, pelajar atau kanak-kanak; ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kaum, kaunselor, ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan NGO (etnik/agama/politik) di kawasan tersebut.

Program ini turut menekankan aspek pendidikan, kepentingan dan penyelesaian kepada sepuluh isu-isu sosial fokus KWPK dalam masyarakat iaitu penyalahgunaan dadah, STIs/HIV/AIDS, kehamilan remaja, jenayah harta benda, perkahwinan dan penceraian, keganasan keluarga dan rumahtangga, jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak, kesihatan mental, masalah dokumen pengenalan diri dan gelandangan. Melalui program ini, komuniti diperkasa dengan ilmu pengetahuan, sokongan dan kepentingan pembangunan sosial untuk mewujudkan komuniti yang berdaya tahan tinggi dan juga memberi pendedahan tentang isu-isu sosial dan mampu menyebarkan isu-isu tersebut kepada komuniti yang sukar diakses.

Program ini merupakan program santai yang bermaklumat yang melibatkan perkongsian maklumat dan pengalaman daripada agensi atau jabatan yang berkaitan, sebagai contoh, kaunseling berkelompok atau individu bagi sesiapa yang terlibat atau terkesan dengan isu-isu sosial. Aktiviti lain yang turut dilaksanakan adalah pameran, saringan kesihatan, aktiviti kemasyarakatan, riadah dan hiburan.

LANGKAH PROAKTIF MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK

Kesejahteraan kanak-kanak perlu diperhatikan sejak dari kecil lagi. Melalui didikan yang baik sudah tentu kanak-kanak mampu berkembang dengan baik dan berkualiti.

Sebagai langkah pertama, Malaysia seharusnya mengutamakan pendidikan kanak-kanak sabagai salah satu cara dalam

menjamin kualiti perkembangan mereka. Umur mula pendidikan bagi kanak-kanak di negara Malaysia adalah seawal 4 tahun. Seperti yang diketahui, Malaysia mempunyai reformasi pendidikan sejajar dengan pertumbuhan negara. Kokurikulum Malaysia diubah atas beberapa dasar untuk meningkatkan prestasi pelajar. Sistem pendidikan di Malaysia diteraju oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Terdapat lima peringkat pendidikan di Malaysia iaitu pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pra-universiti dan pengajian tinggi. Walaupun sistem pendidikan di Malaysia dikira rapi dan sistematik, namun keputusan Trends in *International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) menunjukkan skor yang rendah berbanding negara luar. Oleh itu, Malaysia boleh mengambil contoh sistem pendidikan yang terbaik di dunia iaitu Finland.

Finland merupakan negara yang mencapai keputusan yang tinggi dan memberansangkan. Menurut laporan *Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD), kajian mendapati bahawa pelajar di Finland adalah antara yang terbaik berbanding pelajar-pelajar dari negara yang lain. Di negara Finland, kanak-kanak diberi pendidikan yang baik dan percuma termasuk kos makanan dan peralatan serta pengangkutan. Kerajaan Finland memperuntukkan lebih daripada 12.2% bajet negara khusus kepada pendidikan.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks Malaysia, kerajaan boleh mempertimbangkan peruntukan yang lebih besar untuk menyediakan khidmat kelas bimbingan secara percuma kepada ahli PAKK. Bukan itu sahaja, penyediaan “*brain food*” kepada ahli PAKK boleh dilaksanakan seperti negara Finland. Dengan adanya inisiatif tersebut, ia boleh menarik minat dan meyakinkan komuniti setempat untuk menghantar anak ke PAKK dan seterusnya melibatkan diri secara aktif dalam program yang dijalankan.

Selain itu, sistem pendidikan negara seharusnya dapat menyajikan ‘servis lengkap’, bukan hanya didikan yang diberikan namun turut menyediakan keperluan lain yang sememangnya diperlukan kanak-kanak. Keperluan tersebut termasuklah dari segi gaya hidup sihat, kebajikan dan sahsiah pelajar. Gaya hidup yang

sihat mampu mempengaruhi perkembangan kanak-kanak sama ada kognitif ataupun fizikal mereka. Kebajikan pelajar terutama pelajar yang kurang mampu terjaga dengan bantuan yang layak daripada pihak sekolah. Memberikan peranan kepada pelajar melalui program yang dijalankan di sekolah mampu mengubah dan seterusnya membentuk sahsiah pelajar menjadi lebih baik.

Sebagai contoh sistem pendidikan di Finland yang menawarkan lebih daripada pendidikan. Sekolah tidak hanya mementingkan pendidikan tetapi turut mengambil berat kesihatan fizikal dan mental serta kebajikan pelajar. Sejak reformasi pendidikan pada tahun 1980-an, pendidik di Finland telah memberi tumpuan untuk menjadikan asas-asas berikut sebagai keutamaan: (a) pendidikan harus menjadi instrumen untuk mengimbangkan ketidaksamaan sosial, (b) kesemua pelajar menerima makanan percuma, (c) kemudahan akses kepada penjagaan kesihatan, (d) kaunseling psikologi, (e) panduan/bantuan diberikan berdasarkan individu. Melalui reformasi ini, kerajaan Finland dapat menangani segala masalah sosio-ekonomi seperti pengangguran, keciciran dari sekolah, jenayah dan salah laku sosial. Setiap kanak-kanak termasuk miskin atau kaya mendapat keistimewaan yang saksama, di mana mereka bersekolah dan bersosial di persekitaran yang sama. Di Jepun pula, setiap murid dikehendaki untuk melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan sekolah. Mereka akan bergotong-royong sebelum dan selepas tamat kelas. Bukan itu sahaja, kanak-kanak turut mengambil dan menyediakan makanan mereka sendiri pada waktu tengahari. Nilai-nilai murni serta amalan sihat yang telah diterapkan sejak kecil akan mampu melahirkan generasi yang berkualiti.

Pada masa sekarang, kebanyakan sistem pendidikan adalah berorientasikan peperiksaan (*exam oriented*) maka perkara-perkara seperti kebajikan dan kesejahteraan pelajar tidak begitu dititikberatkan. Sehingga sekarang JKM tidak mempunyai akses terhadap maklumat mengenai pelajar yang berkeperluan. Kebanyakan apa yang berlaku sekarang adalah secara manual dan ini menyebabkan terdapat kes yang berkeperluan tidak diambil tindakan dengan segera. Sebagai contoh, maklumat kanak-kanak yang menerima Rancangan Makanan Tambahan di sekolah-sekolah. Dalam daftar yang dilakukan di sekolah, mereka merupakan pelajar miskin, namun tidak semestinya mereka

merupakan penerima bantuan daripada JKM. Dengan itu, adalah dicadangkan untuk mewujudkan pangkalan data (sistem) yang boleh menghubungkan maklumat berkenaan. Ia bukan sahaja melibatkan isu kemiskinan namun perkhidmatan-perkhidmatan lain yang boleh diberikan oleh pelbagai agensi yang berkaitan.

Sebagai langkah proaktif seterusnya dalam memperkasakan pendidikan di Malaysia, sistem kurikulum di pra sekolah harus menekankan kepada minat kanak-kanak tanpa paksaan. Minat yang ada dalam diri yang mungkin bakat terpendam mereka mampu diasah dengan adanya sistem pendidikan sebegini. Langkah ini boleh dirujuk dengan kejayaan Finland dalam mengurus pendidikan kanak-kanak yang mula bersekolah pada usia tujuh tahun. Meskipun tadika disediakan, kehadiran mereka tidak diwajibkan dan mereka bebas untuk melakukan apa yang mereka kehendaki. Perkembangan mereka tidak dipaksa melalui pendidikan wajib seperti di Malaysia. Semua kanak-kanak diberi pilihan untuk memilih aktiviti yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Sekiranya mereka tidak gemar dengan sesi pembelajaran, mereka boleh memilih untuk membuat aktiviti lain seperti membaca buku, menjahit atau apa-apa aktiviti yang berfaedah. Tugas yang diberikan adalah mengikut keupayaan mereka. Guru mereka akan menyediakan tugas yang bersesuaian dengan tahap mereka. Kanak-kanak yang mempunyai kebolehan mental dan fizikal akan belajar bersama-sama untuk mendorong sesama mereka. Mereka tidak mementingkan persaingan seperti di negara lain. Sekiranya terdapat pelajar yang tidak dapat melaksanakan sesuatu tugas, guru akan menyediakan bahan pembelajaran khas untuk individu tersebut. Hal ini turut dilakukan di negara Jepun di mana kokurikulum yang disediakan bersifat fleksibel bagi disesuaikan dengan kemampuan dan keperluan kanak-kanak berdasarkan matlamat yang telah ditentukan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan yang berkualiti bukan hanya terletak pada ilmu pengetahuan tetapi juga bakat dan kemampuan yang diasah berdasarkan potensi diri kanak-kanak.

Di samping itu, modul aktiviti kanak-kanak seperti di PAKK harus bersifat "*practicable*" yang bererti aktiviti atau pengajaran yang dilakukan di pusat tersebut juga dapat berfungsi atau dilakukan di luar kelas dan diamalkan dengan jayanya. Jika

dapat diamalkan di luar kelas, maka kanak-kanak secara tidak langsung mampu terhindar dari aktiviti yang tidak berfaedah dan seterusnya meningkatkan masalah sosial seperti jenayah. Tidak menutup kemungkinan juga mereka dapat melakukan inovasi tersendiri yang mampu meningkatkan kualiti perkembangan dan pembangunan potensi mereka seterusnya membuat pencapaian yang membanggakan negara. Sebagai contoh di Finland, tugas yang diberikan kepada pelajar adalah tugas berbentuk mengaplikasikan, sebagai contoh, bagi subjek Sejarah, mereka dikehendaki menemuramah orang di zaman 50-an untuk mengkaji perbezaan kehidupan dahulu dan kini. Kanak-kanak Negara Finland diajar untuk belajar dan mengapikasi ke dunia sebenar. Contoh lain adalah, dalam pembelajaran renang, pelajar diajar untuk mengetahui langkah-langkah kecemasan apabila lemas atau pembelajaran tentang rumah, kanak-kanak diajar cara untuk menjahit, menyulam atau memasak.

Langkah lain yang boleh dilakukan dalam meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak adalah dengan memperkasakan penggunaan teknologi untuk tujuan yang betul. Dalam era perkembangan teknologi ini, penggunaan teknologi dengan melayari internet sudah tidak dapat disangkal lagi. Penggunaan teknologi sudah menjadi keperluan kepada setiap golongan umur termasuk kanak-kanak sebagai salah satu sumber ilmu pengetahuan selain buku ilmiah. Kemahiran generasi muda dalam penggunaan teknologi sememangnya menjadi salah satu kemahiran yang wajib ada dalam diri setiap pelajar. Penggunaan teknologi juga digalakkan dalam pendidikan bagi mendedahkan pelajar kepada kaedah pembelajaran abad ke-21 yang mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar. Dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran maka pelajar diharapkan dapat lebih faham dengan topik yang dibincangkan. Sekiranya penggunaan teknologi dalam kalangan kanak-kanak dapat dipantau dengan baik dari segi penggunaannya, maka usaha kerajaan dalam melahirkan insan yang celik IT dapat diwujudkan dan seterusnya menghindarkan diri mereka daripada penyalahgunaan teknologi yang mendorong kepada masalah sosial lain. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama NGO dan komuniti setempat juga diperlukan bagi mewujudkan "*technology center*" di institusi kanak-kanak. Finland menjadi salah sebuah

negara contoh yang mengalakkan penggunaan ICT di dalam kelas dan membenarkan pelajar untuk membawa gajet ke sekolah bagi tujuan pembelajaran. Penggunaan teknologi tidak dibataskan dan mereka dididik untuk menggunakan teknologi dengan betul. Jelaslah bahawa penggunaan teknologi dalam kalangan kanak-kanak tidak akan membawa sebarang masalah jika penggunaannya dapat difahami dan diketahui dengan baik.

Bagi kanak-kanak istimewa pula, langkah proaktif yang dapat dilakukan bagi meningkatkan kesejahteraan mereka adalah dengan menyediakan aktiviti dan perawatan yang optimum agar pertumbuhan dan pembangunan potensi mereka mampu mencapai tahap seperti kanak-kanak normal yang lain ataupun lebih berpotensi. Dengan adanya aktiviti yang mampu meningkatkan potensi dan bakat maka mereka secara tidak langsung dapat menjadi individu yang berdikari dan berpotensi dalam memberi sumbangan kepada negara seperti kanak-kanak normal. Perawatan optimum yang didukung tenaga pakar dan peralatan yang lengkap mampu menunjukkan kemajuan dari segi perkembangan fizikal dan kognitif mereka. Jika dilihat dari negara luar, Jepun mempunyai sebuah pusat kebangsaan dikenali sebagai Institut Pendidikan Berkeperluan Khas Kebangsaan atau *National Institute of Special Needs Education* (NISE). Institut ini ditubuhkan bagi menjayakan misi pembangunan kanak-kanak khas. Berdasarkan kepada definisi ketidakupayaan yang dinyatakan dalam Peraturan Pendidikan di sekolah, MBK di Jepun diklasifikasikan kepada lima kategori iaitu masalah penglihatan, masalah pendengaran, ketidakupayaan perkembangan, ketidakupayaan fizikal dan masalah kesihatan serta ketidakupayaan intelek. Terdapat tiga bentuk persekolahan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Jepun iaitu sekolah biasa atau inklusif, kelas pendidikan berkeperluan khas dan sekolah pendidikan berkeperluan khas. Sekolah biasa menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada murid normal namun terdapat MBK yang belajar bersama di dalam kelas yang sama. Bilik “resos” disediakan bagi membolehkan MBK untuk menerima bimbingan khas. Kelas pendidikan berkeperluan khas pula menyediakan perkhidmatan kepada MBK yang terletak di dalam kawasan sekolah biasa manakala sekolah berkeperluan khas pula sekolah yang khas untuk MBK. Pihak sekolah juga dibekalkan dengan pakar terapis

pertuturan, terapis fisio, terapis cara kerja, kakitangan makanan dan jururawat sekolah bagi menyokong perkembangan mereka.

Bukan itu sahaja, “*joint activities and learning*” dilaksanakan di sekolah biasa bagi membolehkan komuniti sekolah lebih memahami MBK. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pembelajaran melalui subjek, festival sekolah, kejohanan olahraga, persembahan dan lain-lain. Semua aktiviti ini dapat mencipta kanak-kanak yang inklusif, meningkatkan hubungan dalam masyarakat dan menanam sikap saling menghormati antara satu sama lain. Penganjuran “*joint activities and learning*” memerlukan pihak sekolah untuk meningkatkan “*reasonable accommodation*” di mana perubahan dan penyesuaian yang perlu berdasarkan ciri ketidakupayaan bagi MBK boleh menyertai aktiviti dengan berkesan dan berjaya.

Pendidikan khas di Jepun sangat memberi penekanan terhadap aktiviti yang menggalakkan kemampuan untuk berdikari. Sesi pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan apabila guru menyediakan persekitaran yang mudah berdasarkan ciri-ciri MBK iaitu mengutamakan visual berbanding pendengaran, bahan maujud, dan pembelajaran berasaskan permainan dan pengulangan dilakukan untuk meningkatkan kefahaman kanak-kanak. Subjek yang diajar termasuk dengan aktiviti pembelajaran kemahiran pengurusan diri dan kehidupan, aktiviti kemahiran ke alam kerjaya atau sara hidup. Ini penting untuk memberi sokongan kepada pengetahuan, kemahiran, sikap dan tabiat untuk meningkatkan perkembangan MBK. Ia juga penting untuk membina asas bagi perkembangan minda dan tubuh MBK yang harmoni. Bagi memastikan MBK menerima pendidikan sewajarnya, pihak kerajaan menyediakan kemudahan pengangkutan yang diubah suai bagi membolehkan mereka ke sekolah.

Secara keseluruhannya, perkembangan dan pembangunan kanak-kanak di Malaysia mampu dipertingkatkan lagi jika semua langkah proaktif berdasarkan negara contoh seperti Finland dan Jepun dapat dilaksanakan. Finland memberikan pendidikan yang diperlukan oleh kanak-kanak tanpa tekanan untuk bersaing dalam pelajaran, malah mereka boleh memberi tumpuan kepada tugas kehidupan dan memperkembangkan

potensi diri mereka. Begitu juga dengan kanak-kanak di negara Jepun yang mempunyai sistem tersendiri untuk memberi peluang kepada pelajar agar menjadi individu yang berprestasi berdasarkan kemampuan diri mereka. Jepun turut menitikberatkan perkembangan MBK. Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Jepun telah diaplikasikan dalam sistem pendidikan Malaysia terutamanya dari segi pelajar kurang upaya namun masih kurang dalam beberapa aspek seperti aktiviti atau modul yang mantap bagi jawatankuasa yang terdiri daripada komuniti setempat dan juga kemudahan. Malaysia perlu menilai semula usaha dan dasar dalam agensi yang terlibat terutama dalam kalangan kanak-kanak untuk meningkatkan kualiti sistem seterusnya melahirkan pelajar yang berkualiti untuk negara. Usaha dalam meningkatkan perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak tidak hanya bergantung kepada agensi kerajaan semata-mata tetapi memerlukan kerjasama yang mantap daripada semua pihak.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak memerlukan kerjasama yang jitu daripada agensi kerajaan dan komuniti setempat. Perkembangan kanak-kanak dikaitkan dengan perkembangan dari segi biologi, kognitif, emosi dan sosial. Proses perkembangan kanak-kanak adalah meliputi proses perkembangan yang berperingkat dan dipengaruhi oleh faktor genetik dan juga persekitaran. Setiap individu mempunyai potensi yang berbeza yang mungkin telah diwarisi atau daripada pendedahan awal hasil daripada pengaruh persekitaran.

Perkembangan kanak-kanak juga dikaitkan dengan beberapa teori perkembangan psikologi. Setiap teori mempunyai fahaman yang tersendiri dan berhubungkait dengan pertumbuhan kanak-kanak. Jean Piaget mencadangkan teori bahawa pembangunan manusia adalah secara berperingkat di mana mereka beransur-ansur menambah kemahiran baru terhadap kemampuan kognitif mereka. Sigmund Freud pula mengemukakan bahawa kanak-kanak perlu mencapai kepuasan dan mendapat keperluan yang mencukup pada setiap peringkat usia sebelum mereka berkembang ke fasa yang lain dan sekiranya mereka tidak mencapai kepuasan itu, mereka akan mengalami masalah

untuk bergaul secara sosial. Manakala, Erik Erickson pula menegaskan bahawa perkembangan psikososial adalah bergantung kepada krisis yang dihadapi oleh mereka sama ada positif ataupun negatif dan bagaimana seseorang individu itu menghadapi krisis tersebut. Sekiranya individu itu berjaya, dia akan memperoleh kemahiran dan kegagalan akan mengakibatkan perasaan tidak puas hati di dalam individu tersebut. Teori Sistem Ekologi turut dibincangkan untuk menerangkan bagaimana personaliti wujud dalam diri seseorang yang berinteraksi dengan lingkungannya dan kemudian mempengaruhi cara dia akan berkembang. Teori ini juga menekankan kepentingan kajian terhadap perkembangan kanak-kanak dalam konteks persekitaran.

Persekitaran menjadi faktor yang dominan dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Sekiranya kanak-kanak terdedah dengan persekitaran yang negatif, ia menyebabkan kanak-kanak berkembang menjadi individu yang bermasalah. Ini boleh dikaitkan dengan masalah sosial yang timbul dalam kalangan kanak-kanak. Terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia seperti hamil di bawah umur, pengabaian, penderaan, penyalahgunaan dadah, pendidikan dan lain-lain. Masalah sosial ini meningkat dari tahun ke tahun sekiranya tiada tindakan untuk mencegah. Mengikut kajian lepas, banyak masalah dipengaruhi oleh faktor orang di sekeliling sebagai contoh ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan melibatkan diri dalam jenayah seperti penyalahgunaan dadah. Selain daripada itu, faktor rakan sebaya turut menjadi penyumbang kerana remaja terutamanya ingin mencuba untuk melakukan jenayah atau perkara yang tidak berfaedah. Penyalahgunaan teknologi turut menyumbang kepada gejala-gejala negatif yang terjadi dalam kalangan remaja. Masalah lain yang membantutkan perkembangan dan pembangunan potensi kanak-kanak ialah isu kewarganegaraan dan masalah pendidikan. Ibu bapa atau penjaga tidak memandang serius perkara ini yang menyebabkan anak-anak sukar untuk mendapat keistimewaan yang disediakan oleh kerajaan terutama sekali dalam pendidikan.

Faktor persekitaran yang positif seperti penglibatan agensi kerajaan dilihat sebagai salah satu cara untuk mengembangkan tahap perkembangan kanak-kanak. Peranan agensi kerajaan adalah signifikan kerana melalui Dasar Kanak-kanak yang telah digariskan oleh negara, bahawa kerajaan bertanggungjawab

untuk memantapkan tahap perkembangan kanak-kanak dengan menjaga kebajikan, kehidupan, memberi perlindungan dan juga menggalakkan penglibatan yang aktif agar kanak-kanak dapat menjadi individu yang berjaya. Disebabkan faktor persekitaran seperti keluarga, rakan atau komuniti sekeliling tidak membantu proses perkembangan kanak-kanak, maka agensi kerajaan menggalas tanggungjawab tersebut.

Penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) ialah salah satu usaha yang menyeluruh, sistematik dan berkesan dalam usaha mencegah kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. PAKK bertindak sebagai pusat advokasi, pusat sumber, pusat pembelajaran, pusat intervensi krisis dan juga sebagai pusat sosial, sukan dan rekreasi. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) pula adalah program yang diwujudkan sebagai satu strategi untuk membangunkan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU). PDK berperanan dalam mengeratkan hubungan antara keluarga dan komuniti setempat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Selain itu, PDK juga dapat meningkatkan penglibatan dan kerjasama antara mereka dalam memperkasa untuk memperkukuhkan hubungan dan sokongan yang positif kepada golongan OKU. PDK pula merupakan institusi yang berperanan memberi perkhidmatan bagi memenuhi kesejahteraan, kesihatan dan kebajikan kanak-kanak istimewa tanpa mengira latar belakang, umur, bangsa dan agama. Maka, jelas bahawa PAKK dan PDK memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kanak-kanak.

Di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) turut menjalankan aktiviti-aktiviti yang membantu untuk mencegah masalah sosial. Antaranya adalah Program Intervensi Sosial: Kesedaran dan Advokasi Pendidikan Seksual (KAPS) dan Randau Pembangunan Sosial. KAPS merupakan program yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua pihak yang berkaitan untuk mencegah kehamilan dalam kalangan remaja. Randau Pembangunan Sosial pula merupakan program yang bertumpu kepada masyarakat luar bandar atau pedalaman yang menekankan aspek pendidikan, kepentingan dan penyelesaian kepada sepuluh isu-isu sosial yang difokuskan oleh KWPKP.

Usaha untuk mengembangkan potensi kanak-kanak perlu dipertingkatkan dengan mengubah sistem pendidikan di Malaysia.

Berdasarkan TIMMS dan PISA, negara Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara lain. Penelitian kepada sistem pendidikan di negara Finland mendapati pelajar Finland meluangkan masa yang singkat untuk pembelajaran formal dan lebih kepada pembelajaran tidak formal dan aplikasi harian berbanding negara kita yang menekankan pendidikan formal dan berorientasikan peperiksaan. Dasar pendidikan di Finland adalah percuma dan bebas. Pelajar Finland bebas untuk melakukan aktiviti yang berfaedah semasa sesi pembelajaran. Mereka tidak menilai pencapaian akademik menggunakan markah atau gred yang menyebabkan kanak-kanak berasa kurang tertekan. Mereka turut digalakkan untuk belajar bersama-sama tanpa prejudis dan tidak wujud persaingan.

Usaha untuk mengembangkan potensi kanak-kanak juga perlu dicontohi dari negara Jepun. Kesedaran tentang pendidikan, termasuk pendidikan khas adalah tinggi di Jepun. Komuniti di Jepun sedar bahawa dengan pendidikan dapat melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi membangunkan diri dan negara. Walaupun pendidikan di Jepun amat kompetitif, kanak-kanak Jepun mempelajari banyak ilmu pengetahuan menerusi sistem yang sistematik. Sekolah Taman Kanak-Kanak Fuji merupakan sekolah yang terbaik di dunia. Sekolah tersebut memberi pendidikan bertemakan keseronokkan yang bermanfaat. Mereka turut dididik untuk berdikari dalam pengurusan diri, bagi memberi manfaat kepada kelangsungan hidup mereka.

Dengan pemahaman yang jelas tentang proses perkembangan kanak-kanak selain daripada mengetahui dan mencegah masalah sosial kanak-kanak, semua pihak terutamanya agensi kerajaan mampu untuk membangunkan strategi-strategi yang sesuai untuk membantu perkembangan kanak-kanak yang positif. Respon-respon positif tentang PAKK dan PDK turut membantu agensi kerajaan untuk memantau dan mengembleng tenaga untuk merangsang perkembangan kanak-kanak. Agensi kerajaan juga perlu menilai usaha negara luar seperti Finland dalam membentuk perkembangan kanak-kanak mereka, dan mencontohi mereka untuk meningkatkan kualiti perkembangan kanak-kanak di negara kita supaya menjadi individu yang berjaya secara holistik.

RUJUKAN

- Abdullah, Y. (2018). *JPN kesan 3,210 pelajar tercicir*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kelantan/jpn-kesan-3-210-pelajar-tercicir-1.773301>
- Barlow, B. A. (2016). *What Is Self-Potential and How Does It Relate to Personal Intelligence?* Doctoral Dissertations.
- BERNAMA. (2019). *Bilangan kanak-kanak tiada dokumen diri dan tidak tentu warganegara di Sarawak tinggi – Fatimah*. Retrieved from <https://sarawakvoice.com/2019/02/19/bilangan-kanak-kanak-tiada-dokumen-diri-dan-tidak-tentu-warganegara-di-sarawak-tinggi-fatimah/>
- Crain, W. C. (2010). *Theories of Development: Concepts and Applications*. Pearson. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=ANx6SQAACAAJ>
- Crow, L. D., & Von Bauer Crow, A. (1962). *Child development and adjustment: a study of child psychology*. Macmillan. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=GIYwAAAAMAAJ>
- Hariz, L. (2018). *Kanak-kanak Malaysia hanya capai 62% potensi sebenar - Bank Dunia*. Astro Awani. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-malaysia-hanya-capai-62-potensi-sebenar-bank-dunia-193870>
- Hasan, A. C. (2018). *Penganiayaan kanak-kanak, di mana sudahnya?* Retrieved from <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/penganiayaan-kanak-kanak-di-mana-sudahnya-1.746026>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Penerbitan buletin perangkaan sosial, (November).
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2016). *Wacana Penyelidikan Kajian Faktor Risiko dan Perlindungan Terhadap Kesihatan Seksual dan Reproduksi Remaja Di Sabah Dan Sarawak*. Retrieved May 26, 2019, from <http://www.lppkn.gov.my/index.php/2014-06-02-03-37-55/tahun-2017/906->

wacana-penyelidikan-kajian-faktor-risiko-dan-perlindungan-terhadap-kesihatan-seksual-dan-reproduktif-remaja-di-sabah-dan-sarawak.html

- Malaysian Communication and Multimedia Commission. (2018). *Internet Users Survey 2018: Statistical Brief Number Twenty-Three*. Internet Users Survey 2018, 1–39. Retrieved from <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018.pdf>
- McLeod, J. (2013). *An Introduction To Counselling*. McGraw-Hill Education. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=i31FBgAAQBAJ>
- National Academies of Sciences Engineering and Medicine. (2016). *Preventing Bullying Through Science, Policy, and Practice*. (F. Rivara & S. Le Menestrel, Eds.). Washington, DC: The National Academies Press. <https://doi.org/10.17226/23482>
- Santrock, J. W. (2001). *Child Development*. McGraw-Hill. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=T654HIKwzIC>
- Sinar Harian. (2019). *Statistik remaja hamil*. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/16145/INFOGRAFIK/Statistik-remaja-hamil>
- Thelen, E., & Adolph, K. E. (1992). Arnold L. Gesell: *The paradox of nature and nurture*. *Developmental Psychology*, 28(3), 368–380. <https://doi.org/10.1037/0012-1649.28.3.368>
- Tuominen, M. (2010). *Receptive Reason: Alexander of Aphrodisias on Material Intellect*. *Phronesis*, 55(2), 170–190. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/20779319>
- Utusan Online. (2018). *Malaysia pemilik telefon pintar tertinggi ke-10 dunia*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/malaysia-pemilik-telefon-pintar-tertinggi-ke-10-dunia-1.615122>
- Yahaya, A., & Abu Bakar, Z. (2010). *Teori-teori Perkembangan*. *Psikologi Pendidikan*, 12–30.



www.jkm.gov.my

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Aras 6, 9-18,
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya
Tel: +603 8323 1656 / +603 8323 1658
Faks: +603 8323 2094



facebook.com/pages/JKMHQ



twitter@JKMHQ



instagram@jkmhq

TALIAN
15999

ISSN 0127 - 0370